

Lembaran Sejarah
GEMILANG

**Hubungan Empayar
MELAKA – DINASTI MING
Abad ke-15**

Cetakan Pertama / First Printing, 1996
Hak cipta / Copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. MALAYSIA

Penerbit UKM adalah anggota / is a member of the
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / Membership No. 8302

Dicetak di Malaysia oleh / Printed in Malaysia by
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6 & 8, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Jalan Cheras, 56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication-Data

Liang, Liji

Lembaran sejarah gemilang : hubungan empayar Melaka -
Dinasti Ming abad ke-15 / Liang Liji.

Bibliografi : hlm. 139

Mengandungi indeks

1. Malacca (Kingdom)—History. 2. China—History
3. China History—Ming dynasty, 1368-1644
4. Malays—Malacca (Kingdom)—History.
5. Chinese—China—History.

I. Judul.

959.5102

ISBN 967-942-335-2

157-2100
LJA

M
847400

3 APR 1997
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

Prakata ... 7

Pendahuluan ... 9

- Bab 1 KILASAN SEJARAH SEBELUM ABAD KE-15 ... 13
Permulaan Hubungan antara Alam Melayu
dengan China ... 13
Tamadun Melayu pada Zaman Dinasti Tang ... 26
Perkembangan Hubungan China-Alam Melayu
pada Zaman Dinasti Song dan Dinasti Yuan ... 35
- Bab 2 SEJARAH GEMILANG DALAM HUBUNGAN ... 42
CHINA-MELAYU PADA ABAD KE-15
Permulaan Hubungan Rasmi Dinasti Ming –
Empayar Melaka ... 42
Lawatan Diraja: Tiada Tandingan dalam Sejarah ... 54
Catatan Sejarah tentang Hubungan Akrab
Sepanjang Abad ke-15 ... 63
- Bab 3 PERANAN BAHASA MELAYU ... 82
ZAMAN EMPAYAR MELAKA DINASTI MING
Penubuhan Maktab Bahasa Asing “Si Yi Guan” ... 82
Lahirnya Kamus China-Melayu Terawal ... 90
Beberapa Masalah Bahasa dan Sejarah ... 112
- Bab 4 FALSAFAH KEMANUSIAAN DI SEBALIK ... 130
LEMBARAN SEJARAH GEMILANG
Rujukan ... 139
Indeks ... 142

Prakata

PROFESOR LIANG LIJI berada di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia selama enam bulan antara Ogos 1994 dan Januari 1995. Semasa di ATMA beliau menyiapkan penulisan *Lembaran Sejarah Gemilang – Hubungan Empayar Melaka – Dinasti Ming pada Abad Ke-15* dalam masa lima bulan sahaja, suatu rekod cemerlang bagi seorang Sarjana Tamu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada masa yang sama, Profesor Liang menyampaikan satu syarahan perdana dan satu kuliah umum di ATMA, dan satu syarahan umum di Melaka yang dihadiri oleh Ketua Menteri bersama dengan barisan EXCO dan pegawai kanan Kerajaan Melaka.

ATMA berasa amat bertuah kerana berjaya mendapatkan seorang tokoh sarjana dari tanah besar China yang dikagumi. Ini seolah-olah mengulangi sejarah hubungan diplomasi yang cemerlang antara China dengan Empayar Melaka pada abad ke-15. Dengan menggunakan sumber-sumber asli dalam bahasa Cina klasik yang tidak diragui kesahihannya, pembaca didedahkan kepada beberapa maklumat baru mengenai pencapaian dan keagungan Kerajaan Melaka sepanjang abad ke-15.

Betapa kewujudan seorang Maharaja bagi sebuah Kerajaan yang besar ketika itu memberi pengiktirafan secara rasmi terhadap kewujudan Melaka, malah kemuliaan raja pemerintahnya. Betapa hubungan diplomasi itu telah terlaksana dengan begitu baiknya seperti terkandung dalam warkah dari Kaisar Ming yang dicatatkan oleh *Sejarah Melayu*,

Surat dari bawah cerpu langit, datang ke atas mahkota raja Melaka, bahawa kita dengar raja Melaka raja besar, sebab itulah maka kita hendak bersahabat dan berkasih-kasihan dengan raja Melaka, kerana kita pun daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, sebangsa juga dengan raja Melaka . . .

Hubungan ini telah dijalin dengan erat menerusi seorang Laksamana dan diplomat Islam yang terbilang dalam sejarah China dan Dunia Melayu, dan layak dikagumi serta disanjung, Zheng He (Cheng Ho) atau nama Islamnya Ma Poh Sam yang membuat tujuh pelayaran ke tiga puluh buah negeri di Dunia Melayu, Timur Tengah, dan Asia Selatan.

Abad ke-15 adalah zaman bermulanya perkembangan Islam yang pesat di Dunia Melayu serta zaman bermulanya perkembangan dunia

perbahasaan dan persuratan Melayu. Tetapi yang paling jelas kepada kita ialah zaman ini juga merupakan zaman kemuncak dan kecemerlangan penguasaan bangsa Melayu dalam bidang perdagangan maritim yang merentasi benua dan lautan. Zaman ini juga adalah zaman penuh kedamaian di sepanjang Selat Melaka dan Laut China Selatan dalam era sebelum kedatangan gelombang pertama penjajahan. Malangnya zaman kedamaian dan keemasan ini dengan begitu cepat berakhir, ditamatkan oleh kuasa-kuasa Barat yang menjejak bumi Melayu ini dengan *gun-boat diplomasinya*. Tahun 1511 memulakan satu era kejatuhan dan kemunduran bangsa Melayu yang disisihkan daripada fungsi utama sebagai pelaut dan pedagang, terpinggir menjadi petani dan nelayan.

Saya kira buku *Lembaran Sejarah Gemilang* ini akan muncul sebagai sebuah karya besar yang penting dan sesuai dijadikan bahan bacaan dan rujukan oleh para sarjana, peminat sejarah dan golongan pelajar yang berminat mendalami suatu era gemilang sejarah bangsa Melayu. Malah kejayaan yang dicapai dalam semua bidang utama pada abad ke-15 iaitu penguasaan dalam bidang politik, penguasaan dalam bidang perdagangan, peranan utama dalam mengembangkan agama Islam, dalam memajukan penggunaan bahasa Melayu, dalam mengasaskan dunia persuratan Melayu, serta menyemarakkan budaya cintakan ilmu, boleh dijadikan iktibar dan asas untuk kita membina satu lagi kejayaan dan kecemerlangan.

Pada akhir abad ke-20, ras Melayu berkembang kukuh. Perkembangan ini memungkinkan ras Melayu menjadi warga yang dominan di Dunia Melayu. Tentunya kita sama-sama ingin melihat ras Melayu dalam abad ke-21 nanti berjaya menjadi anggota eksklusif kelab kabilah sejagat (global tribe) yang kini dianggotai lima kelompok bangsa iaitu Yahudi, Anglo-Amerika, Jepun, Cina dan India.

WAN HASHIM WAN TEH
Editor Siri

Pendahuluan

Ketika membalik-balik lembaran sejarah, orang Melayu merasa bangga atas kejayaan yang dicapai oleh Empayar Melaka dan mengagumi serta menyanjung-nyanjung wira bangsanya Laksamana Hang Tuah yang telah berjasa besar kepada raja dan bangsanya, manakala orang China merasa bangga atas kejayaan yang dicapai oleh Dinasti Ming dan menyanjung-nyanjung wira bangsanya Laksamana Zheng He (Sampo Kong) yang juga telah berjasa besar kepada kaisar dan bangsanya. Empayar Melaka sezaman dengan Dinasti Ming dan Laksamana Hang Tuah segenerasi dengan Laksamana Zheng He. Apa sebenarnya yang telah berlaku dalam sejarah, itulah yang menggerakkan hati saya untuk menyelami sumber-sumber sejarahnya.

Yang pertama saya baca adalah *Sejarah Melayu*, dari kepustakaan Melayu itu mungkin satu-satunya yang boleh dijadikan sumber tentang sejarah Kerajaan Melayu amnya dan Empayar Melaka khususnya. Buku ini memang sangat menarik dan sangat penting, maka Prof. Hsu Yun Tsiao telah menyamakannya dengan *Kitab Sejarah (Shi Ji)* yang ditulis oleh Si Ma Qian (Sze Ma Chien) di negeri China pada tahun 93 Sebelum Masihi, atau dengan *Kitab Sejarah* yang ditulis oleh Herodotus dalam bahasa Yunani pada tahun 480-425 Sebelum Masihi. Tetapi ketika saya melakukan pendekatan dari segi pensejarahan, maka timbullah kebimbangan dan keraguan dalam hati saya kerana banyak yang dikisahkan dalam buku *Sejarah Melayu* itu sukar dibuktikan dan dipastikan kesahihannya. Sebagaimana dikatakan oleh Zahrah Ibrahim dalam bukunya yang bertajuk *Sastera Sejarah, Interpretasi dan Penilaian*: "Penulisan sejarah mestilah berdasarkan kepada kebenaran, tetapi bagi penulisan sejarah Melayu lama kebenaran itu tidak bermakna bahawa apa yang dicatatkan itu adalah peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku. Kebenaran pada penulis-penulis sejarah Melayu lama merupakan kebenaran dari segi pandangan dan penilaian mereka sahaja." Itulah rupanya yang merupakan keistimewaan daripada penulisan-penulisan sejarah Melayu lama. Maka ada orang yang mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* lebih mempunyai nilai sastera daripada nilai sejarah, tetapi saya beranggapan bahawa kedua nilai itu sama tingginya. Terpulang kepada fokus yang hendak diambilnya dan unsur-unsur yang hendak digalinya. Kalau dapat memperbandingkannya dengan sumber-sumber sejarah dari

negeri-negeri lain yang bersangkutan, maka kita akan mendapati bahawa kisah-kisah yang bersifat mitos dalam *Sejarah Melayu* itu sebenarnya mengandungi unsur-unsur sejarah yang bermakna. Lain dengan *Hikayat Hang Tuah* yang lebih bercorak legenda, saya memandangnya sebagai karya sastera sejarah yang direka dan memandang tokoh Hang Tuah yang dikisahkan dalam hikayat itu sebagai wira sastera yang berlainan daripada wira sejarah yang sebenar.

Dari sumber Melayu, selain *Sejarah Melayu* hampir tidak ada buku sejarah lain yang boleh dijadikan tumpuan pengkajian, maka saya mencarinya ke sumber China. Ternyata, bahan sejarah yang tergalikan bukan sahaja amat banyak tetapi juga amat luas dan lengkap. Mungkin tidak ada sumber lain yang boleh menandinginya. Namun setakat ini, bahan-bahan yang berkenaan sejarah bangsa Melayu yang diperolehi dari sumber China itu masih belum cukup dimanfaatkan untuk pengkajian sebab banyak yang belum diperkenalkan ke luar negeri. Inilah juga yang mendorong saya menulis buku ini.

Bagi negeri China adalah suatu keuntungan dan keunggulan bahawa semenjak zaman Xia (2140 - 1711 S.M.) dan Shang (1722 - 1066 S.M.), sudah berlaku suatu sistem pencatatan sejarah oleh pegawai istana yang disebut "Shi Guan". Sistem itu mencapai kesempurnaannya pada zaman Dinasti Han (206 S.M. - 220 T.M.). Semenjak itu, setiap Dinasti ada menyediakan "Shi Guan" yang tugasnya tidak lain ialah mencatat perkataan dan perbuatan kaisar setiap hari, disebut "Qi Ju Zhu" (Catatan Harian). Sampai Dinasti Tang (581-918 T.M.), sudah bermula pencatatan yang disebut "Shi Zheng Ji" (Pencatatan Hal Ehwal Politik) yang langsung ditulis oleh perdana menteri sendiri. Pada masa Kaisar Xian Zhong bertakhta (806 - 820 T.M.) ditentukan lagi bahawa pegawai istana yang disebut "Shi Guan" itu setiap hari harus mencatat hal ehwal kerajaan yang telah berlaku, disebut "Re Li" (Hal Ehwal Harian) atau "Re Lu" (Rekod Harian).

Selepas Dinasti Song (960-1279 T.M.), pujangga istana disuruh menyusun "Re Li" dengan berpegang pada "Qi Ju Zhu" dan "Shi Zheng Ji", dan itu merupakan tahap persiapan bagi penyusunan "Shi Lu" (Rekod Hal Ehwal). Buku sejarah yang memakai tajuk "Shi Lu" itu sebenarnya sudah muncul pada zaman Dinasti Liang (502 - 557 T.M.) seperti *Liang Huang Di Shi Lu* (Rekod Hal Ehwal Kaisar Liang) dan sebagainya. Kemudian semenjak Dinasti Tang menubuhkan balai sejarah, maka ditentukan bahawa setiap kaisar yang baru naik takhta harus menitahkan pegawai sejarahnya segera menyusun kronologi kaisar yang baru lalu dengan bersandar pada "Qi Ju Zhu", "Shi Zheng Ji" dan "Re Lu" daripada kaisar tersebut, secara rasmi disebut "Shi Lu". Kemudian dijadikan suatu sistem yang dikuatkuasakan oleh setiap dinasti; begitu juga Dinasti Ming yang mulai membuka hubungan rasmi dengan Empayar Melaka pada awal abad ke-15.

Buku sejarah Dinasti Ming yang disebut "*Ming Shi Lu*" (Rekod Hal Ehwal Dinasti Ming) itu adalah koleksi besar-besaran yang diselenggarakan oleh Pegawai Sejarah Hu Guang dan rakan-rakannya. *Ming Shi Lu* disusun secara kronologi, jumlah seluruhnya sampai 2,965 jilid dengan jumlah kata Cinanya lebih daripada 16 juta. Bolehlah dibayangkan betapa hebatnya, tetapi yang lebih penting lagi adalah bahan-bahan yang dikumpulkan dan digarapnya itu umumnya boleh dipertanggungjawabkan, kerana selain adanya arkib-arkib istana dan kerajaan yang boleh dijadikan pegangan, masih ada "*Qi Ju Zhu*", "*Shi Zheng Ji*" dan "*Re Lu*" yang disusun oleh balai sejarah yang boleh dijadikan landasan. Oleh yang demikian, maka rekod yang mencatat peristiwa serta tarikh dan tempat kejadian umumnya boleh dipercayai kesahihannya. *Ming Shi Lu* itu tidak hanya penting sebagai sumber sejarah Dinasti Ming, malah penting juga sebagai sumber sejarah Empayar Melaka. Semenjak dibuka hubungan diplomatik antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka, peristiwa-peristiwa sejarah yang berkenaan kedua-dua kerajaan itu tidak pernah luput daripada catatan. Selain *Ming Shi Lu*, masih terdapat banyak buku sejarah rasmi atau tak rasmi yang mencatat peristiwa-peristiwa sejarah yang berkenaan dengan Empayar Melaka, seperti *Ming Shi* (Sejarah Dinasti Ming), *Ming Hui Dian* (Kumpulan Dokumen Dinasti Ming), *Ming Tong Dian* (Almanak Umum Dinasti Ming), *Deng Tan Bi Jiu* (Catatan Hal Ehwal Kerajaan), *Xian Bing Lu* (Rekod Tetamu Negara) dan lain-lain. Dan masih banyak lagi buku pelayaran dan penelitian di tempat yang ditulis oleh cendekiawan China yang berpeluang mendampingi Laksamana Zheng He melawat ke Alam Melayu, di antaranya yang terkenal *Ying Ya Shen Lan* (Pemandangan Indah di Laut Seberang) yang ditulis oleh Ma Huan, *Xing Cha Shen Lan* (Temasya Indah Sepanjang Pelayaran) yang ditulis oleh Fei Xin dan *Dong Xi Yang Kao* (Pengkajian Lautan Timur dan Lautan Barat) yang ditulis oleh Zhang Xie. Tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa sumber sejarah dari pihak Dinasti Ming adalah yang paling kaya, paling lengkap dan paling boleh dipercayai kebenarannya kerana banyak bahan rujukannya. Namun perlu juga diadakan perbandingan dengan sumber sejarah dari pihak Empayar Melaka dan negeri-negeri yang lain supaya dapat saling membuktikan dan melengkapi. Tetapi dalam buku ini, tumpuan akan diberi kepada sumber sejarah dari negeri China sahaja kerana banyak yang masih belum diketahui baik oleh masyarakat Malaysia dan mungkin itu yang lebih bermanfaat bagi para pengkaji sejarah dan kebudayaan di negeri ini.

Catatan-catatan sejarah rasmi Dinasti Ming itu tinggi sekali nilai sejarahnya, tetapi perlu dijelaskan bahawa buku-buku itu semuanya tertumpu kepada keagungan kaisar feudal. Maka sudah tentu bukan sedikit masalahnya dan kekurangannya yang disebabkan oleh sikap pendirian dan fahaman feudal si penulisnya. Misalnya dalam penuturan

tentang hubungan Dinasti Ming dengan negeri-negeri asing, maka Kaisar Ming selalu diagung-agungkan sebagai pusat dunia yang memerintah semesta alam dan negeri-negeri yang mengadakan hubungan rasmi dengan Dinasti Ming seolah-olah menjadi negeri bawahannya yang wajib mempersembahkan ufti secara berkala. Tetapi pada hakikatnya, hubungan Dinasti Ming dengan negeri-negeri itu tetap merupakan hubungan antara negeri-negeri yang berdaulat penuh. Oleh itu, kita harus bersikap kritis dalam menyemak apa-apa yang dicatat dalam catatan-catatan sejarah rasmi itu; dan kita harus pandai menyelami hakikatnya dengan menembusi gejala luarannya. Sungguhpun demikian, segala data dan peristiwa-peristiwa sejarah yang dituturkan dalam catatan-catatan sejarah rasmi itu umumnya tidak terbabas dari kenyataan sejarah yang sebenar. Cuma cara penampilan dan pengulasannya yang perlu dihadapi dengan lebih teliti dan saksama supaya tidak disesatkan oleh fahaman feodalnya.

Hubungan persahabatan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka adalah hubungan yang paling erat, akrab dan mesra dalam sejarah kedua-dua bangsa, dan ini patut dicatat dengan tinta emas. Bagi kita, memang perlu sekali untuk mengetahui hal-hal yang sebenarnya berlaku dalam sejarah sehingga tercapai kegemilangan yang begitu mengagumkan. Tetapi lebih perlu lagi bagi kita untuk mengetahui perkara-perkara sebenar yang memungkinkan hubungan yang erat, akrab dan mesra itu boleh berlangsung dan berterusan sepanjang abad, supaya boleh kita terima sebagai warisan pusaka untuk dilanjutkan dan dikembangkan dalam pembinaan hubungan persahabatan antara kedua-dua bangsa kita pada zaman moden ini. Oleh itu, tidaklah cukup kalau kita hanya melakukan pendekatan dari pensejarahannya sahaja. Kita perlu melakukan pendekatan yang lebih luas, terutama dari segi tradisi falsafah dan keperibadian nasional yang menjiwai dan membudayainya.

BAB 1

Kilasan Sejarah Sebelum Abad ke-15

Permulaan Hubungan antara Alam Melayu dengan China

Bilakah bermulanya hubungan antara Alam Melayu dengan China? Itulah suatu soalan yang sukar dijawab secara jelas. Kalau berdasarkan hasil penggalian benda-benda tinggalan zaman purba di negeri China, mungkin pada 3-4 ribu tahun yang lalu hubungan itu sudah ada. Pada zaman Yin (abad 17-11 S.M.) di negeri China sudah wujud sejenis huruf primitif yang ditulis pada batok atau tempurung kura-kura, disebut "Jia Gu Wen" (huruf batok kura-kura). Di tempat kesan tinggalan zaman Yin itu terjumpa satu batok kura-kura "Jia Gu Wen" yang besar sekali, dipercayai berasal dari rantau Alam Melayu, kerana di benua China tidak pernah ada jenis kura-kura yang sebesar itu. Kemudian di sebuah makam diraja pada zaman itu terjumpa pula tulang-tulang binatang yang tidak terdapat di benua China, seperti gajah India dan binatang yang disebut "Ma Lai Mo", iaitu tenek yang asalnya dari Alam Melayu. Oleh yang demikian, ada yang beranggapan bahawa hubungan antara Alam Melayu dengan China sudah bermula sejak zaman Yin. Tetapi itu hanya satu hipotesis sahaja yang berdasarkan benda-benda tinggalan pada zaman purba. Kalau dikaji dari segi antropologi dan arkeologi, hubungan itu mungkin berlaku lebih awal lagi. Di sini saya tidak akan membincangkannya secara terperinci. Saya bataskan huraian dari segi sumber-sumber sejarah yang tertulis sahaja yang dapat diperolehi terutama dari sumber sejarah di negeri China.

Dalam sejarah China, yang pertama-tama mencatat tentang adanya hubungan antara Alam Melayu dengan China adalah kitab sejarah yang bertajuk *Han Shu - Di Li Zhi* (Kepustakaan Dinasti Han - Catatan Geografi). Antara catatannya:

Bertolak dari Re Nan Zhang Sai, Xu Wen, He Pu, berlayar selama 5 bulan tibalah di Du Yuan Guo; berlayar lagi selama 4 bulan tibalah di Yi Lu She Guo; berlayar lagi selama 20 hari lebih tibalah di Chen Li Guo; berjalan kaki selama 10 hari lebih tibalah di Fu Gan Du Lu Guo. Dari Fu Gan Du Lu Guo berlayar selama 2 bulan lebih tibalah di Huang Zi Guo, adat kebiasaannya mirip dengan Zhu Ya, negerinya luas dan besar, penduduknya ramai, banyak menghasilkan barang yang

pelik-pelik. Semenjak Kaisar Wu Di [140 S.M. – 87 SM – Pen.] sudah ada persembahan ... Pada masa Kaisar Ping Di bertakhta (1-5 T.M. – Pen.), Wang Mang memegang kuasa, ingin menghebahkan kewibawaannya, sangat memandang berat terhadap raja Huang Zi Guo, menyuruh supaya mengirim utusan untuk menyumbangkan badak hidup. Dari Huang Zi Guo berlayar selama 8 bulan tibalah di Pi Zhong; berlayar lagi selama 2 bulan tibalah di Re Nan, masuk wilayah Xiang Lin. Di sebelah selatan Huang Zi Guo ada negeri Yi Chen Bu Guo, dari situlah utusan Dinasti Han balik.

Catatan sejarah yang terawal ini sedikit sebanyak memberikan suatu gambaran kepada kita tentang keadaan hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu. Ada beberapa hal yang patut diperhatikan:

Pertama, pada abad kedua Sebelum Masehi sudah dibuka perjalanan laut dari negeri China melalui Semenanjung Tanah Melayu hingga ke India, pergi balik mengambil masa kira-kira dua tahun.

Kedua, semenjak masa Kaisar Wu Di sudah ada hubungan rasmi antara Dinasti Han dengan negara yang disebut Huang Zi, menurut pengkajian ahli sejarah negara itu ialah Kancipura yang letaknya di selatan India.

Ketiga, banyak nama negeri yang disebut tetapi semuanya menurut ejaan bahasa Cina dan ditulis dalam huruf Cina sehingga boleh menyimpang jauh daripada bunyi nama aslinya. Inilah yang sangat menyukarkan dan sering menimbulkan pendapat-pendapat yang kontroversi di kalangan sarjana. Tetapi pada umumnya, boleh diterima bahawa tempat bertolak yang disebut Re Nan Zhang Sai, Xu Wen dan He Pu lokasinya di sebelah utara Vietnam sekarang. Negeri yang disebut Du Yuan (dalam buku sejarah yang terkemudian juga disebut Qu Du Kun, Qu Du Quan, Du Kun) dipercayai lokasinya di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu di sekitar daerah yang disebut Dungun. Negeri yang disebut Yi Lu She ialah Ratburi yang sekarang sudah masuk wilayah Thailand. Negeri yang disebut Chen Li ialah Tanasserim (orang Siam menyebutnya Tanau Seri) yang sekarang sudah masuk wilayah Myanmar. Negeri yang disebut Fu Gan Du Li ialah Prome juga di Myanmar sekarang. Negeri yang disebut Huang Zi telah dikatakan ialah Kancipura yang letaknya di selatan India. Negeri yang disebut Yi Chen Bu ialah Sri Lanka, sedangkan negeri yang disebut Pi Zhong itu ialah Pulau Pisang yang di hujung Semenanjung Tanah Melayu, tetapi ada juga yang menganggapnya Binhsan yang di Vietnam sekarang. Begitu juga negeri yang disebut Du Yuan itu ada sarjana yang menunjuk ke Tourane yang di Vietnam sekarang, ada yang menunjuk ke Kedah di Semenanjung Tanah Melayu. Walaupun agak simpang-siur pendapat para sarjana, namun dapat dipastikan bahawa negeri-negeri yang disebut itu semuanya terdapat di sepanjang jalan Vietnam – Thailand – Semenanjung Tanah Melayu – Myanmar – Sri Lanka – India.

Keempat, matlamat Kaisar Wu Di mengirim utusannya ke pelbagai negeri di Asia Tenggara dan Asia Selatan selain untuk menghebahkan kedaulatannya, juga untuk membuka perniagaan, "membeli mutiara, batu-batu permata, barang-barang aneh dengan membawa emas dan macam-macam kain sutera". Ini bererti bahawa pada masa itu sudah berlaku perniagaan barter antara negeri China dengan Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Catatan pertama tentang adanya hubungan rasmi antara negeri China dengan sebuah negeri di Alam Melayu terdapat dalam sebuah kitab sejarah yang bertajuk *Hou Han Shu* (Kepustakaan Dinasti Han Belakangan) jilid 116. Demikian bunyinya:

Pada tahun keenam Tahun Yong Jian [131 T.M. - Pen.] Ye Diao yang di sebelah luar Re Nan, rajanya Bian mengirim utusan untuk mempersembahkan ufti, Kaisar pun menganugerahi raja Diao Bian dengan cap kempa serta kain dewangga ungu.

Kata "Ye Diao" itu adalah kata tiruan bunyi dari kata Sanskrit "Javadvipa" yang dipakai orang Hindu untuk menunjuk Jawa atau Sumatera. Ada sarjana yang berpendapat bahawa negeri yang disebut "Ye Diao" itu adalah sebuah kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 65 S.M., letaknya di daerah Bantam, Jawa Barat. Dan rajanya yang disebut "Diao Bian" itu juga kata tiruan bunyi dari kata Sanskrit "Devavarman". Huruf "Bian" itu dalam bahasa Cina pada zaman kuno boleh juga berbunyi "Wien", jadi kata "Diao Bian" itu adalah kependekan kata "Devavarman". Catatan yang terdapat dalam *Hou Han Shu* itu walaupun ringkas sekali, tetapi mempunyai makna yang sangat penting, kerana itulah maklumat yang pertama dalam buku sejarah rasmi Cina yang menghabarkan bahawa semenjak tahun 131 T.M. sudah ada hubungan rasmi antara negeri China dengan sebuah negeri di Alam Melayu.

Bahawa hubungan negeri China dengan Alam Melayu sudah berlangsung semenjak zaman Dinasti Han, itu pun dapat dibuktikan dari penemuan-penemuan artefak sejarah di Alam Melayu. Pada tahun 1934 ahli arkeologi Belanda, Heine Geldern, telah menjumpai sebuah batu berukir kesan tinggalan zaman sebelum Masehi di Pasemah, Sumatera Selatan. Konon gaya ukirannya mirip dengan batu berukir yang terdapat di makam seorang panglima besar Dinasti Han yang bernama Huo Qi Bing (140-117 S.M). Makam itu letaknya di daerah Xin Ping provinsi Shan Xi. Kemudian di Korinci, bahagian tengah Sumatera, dari sebuah kuburan tua dijumpai pula satu barang seramik yang ada catatan tarikh ia dibuat, iaitu "tahun keempat Tahun Chu Yuan" (45 S.M.). Pada tahun 1936 sarjana Belanda Orsey de Flines di daerah Bantam menjumpai alat-alat sembahyang seramik buatan Dinasti Han. Dan pada

tahun 1938 Muzium Batavia (Jakarta) menjumpai beberapa barang seramik buatan Dinasti Han di Indragiri, Kwantan dan Sambas. Hasil-hasil penggalian artefak sejarah itu dari satu segi menyokong anggapan yang dikemukakan di atas.

Hubungan antara Alam Melayu dengan negeri China, juga perniagaannya sudah berlangsung pada zaman Dinasti Han, tetapi rupanya masih sangat terbatas kerana teknik perkapalannya masih kurang maju. Tiap kali pelayaran ke luar negeri memerlukan masa tiga tahun, dan 2/3 daripada masanya dihabiskan dalam pelayaran di laut. Oleh itu, pengiriman utusan dan perniagaan luar negeri tidak mungkin sering dilakukan. Oleh sebab itu, catatan-catatannya pun sangat sedikit yang boleh kita temui dalam kitab-kitab sejarah Dinasti Han.

Teknik perkapalan mencapai kemajuan besar pada zaman Tiga Kerajaan (Samkok, 220-280 T.M.), terutama Kerajaan Wu yang letaknya di bahagian selatan China konon sudah berupaya membuat kapal besar yang panjangnya 20 "zhang" (kira-kira 65 meter) dan dapat memuat barang seberat 1000 tan. Satu hal yang sangat menarik ialah kapal laut yang besar pada zaman Tiga Kerajaan itu disebut "Po". Ada sarjana Cina yang menganggap bahawa kata "Po" itu adalah kata pinjaman daripada kata Melayu "kapal" yang dipendekkan menjadi "Po" sahaja. Itu perkara yang mungkin kerana hubungan antara Kerajaan Wu dengan Alam Melayu sudah lebih erat.

Kemajuan teknik perkapalan telah menyediakan sarana yang lebih baik untuk mengembangkan hubungan dan perniagaan luar negeri, terutama Kerajaan Wu Timur yang lebih berkepentingan dalam hal ini telah memberi perhatian besar untuk mengembangkan hubungannya dengan negeri-negeri di Asia Tenggara. Rajanya yang bernama Sun Quan (222-252 T.M.) telah mengirimi dua utusan yang bernama Zhu Ying dan Kang Tai untuk melakukan lawatan muhibah ke berbagai-bagai negeri di Asia Tenggara. Zhu Ying telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Fu Nan Yi Wu Zhi* (Barang-barang Aneh di Funan), juga Kang Tai telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Wu Shi Wai Guo Zhuan* (Hikayat Negeri-Negeri Asing pada Masa Kerajaan Wu). Dalam buku masing-masing, mereka telah menuturkan kesan perjalanannya secara cermat dalam lawatannya ke berbagai-bagai negeri di Asia Tenggara.

Menurut kajian sementara sarjana, lawatan Zhu Ying dan Kang Tai itu terhad pada sebelah Timur Selat Melaka sahaja, tidak pernah sampai ke India. Cukup banyak nama negeri dan keadaannya yang disentuh dalam buku mereka, terutama dalam buku Kang Tai. Dalam historiografi China, kedua-dua buah buku itu dipandang sebagai buku pedoman yang terawal untuk mempelajari keadaan negeri-negeri Asia Tenggara pada abad ketiga. Oleh itu, Prof. Hsu Yun-tshiao telah menilainya sebagai "dokumentasi yang terawal tentang Laut Selatan pada zaman kuno,

boleh menandingi *Geographica Syntaxis Ptolemy*, ahli geografi Yunani pada abad kedua, sama-sama merupakan khazanah bagi geografi dan historiografi". Hanya sayang sekali, kedua-dua buah buku itu sudah hilang lenyap pada zaman Dinasti Tang, tinggal kutipan-kutipannya sahaja yang masih boleh ditemukan dalam beberapa buku sejarah yang ditulis selepas zaman itu seperti *Tai Ping Yu Lan*, *Shui Jing Zhu* dan lain-lain. Catatan-catatan yang terawal tentang negeri-negeri di Asia Tenggara yang terdapat dalam kitab-kitab sejarah yang terkemudian kebanyakannya berpunca daripada kedua-dua buku. Baiklah kita tinjau lebih lanjut apa yang telah dicatatnya.

Negeri-negeri di kawasan Asia Tenggara yang disentuh dalam kedua-dua buah buku itu sampai berpuluhan banyaknya, sama ada yang telah dikunjunginya atau yang hanya didengarnya sahaja. Kerana semua nama negeri itu ditulis dalam huruf Cina dan menurut ejaan Cina pula, selalunya sukar sekali bagi kita memastikan identitinya. Menurut hasil kajian sementara sarjana, negeri-negeri yang disebut itu sebahagian besar letaknya di Semenanjung Tanah Melayu sampai Teluk Siam, antara lain yang penting adalah negeri-negeri yang disebut Ju Li, Qu Du Kun, Dan Dan, Lang Ya Xiu, Dun Sun, Pan Pan. Baik kita ikuti satu demi satu.

Tentang lokasi negeri Ju Li, kita boleh mendapat rujukan dari beberapa buku sejarah China yang sumbernya dari buku Kang Tai. Dalam *Liang Shu* (Kepustakaan Dinasti Liang) ada catatan yang berkata:

Bertolak dari Fu Nan (Phanom) menuju ke muara Ju Li, menyusuri teluk besar lalu masuk tepat dari arah barat laut, menerusi beberapa negeri di sepanjang teluk, satu tahun lebih boleh tiba di muara Hindu.

Dalam *Tai Ping Yu Lan*, jilid 790 juga ada catatan yang berkenaan:

Dari Ju Li ke Dian Sun (Dun Sun) jaraknya 800 li, ada muara sungai yang mengalir dari barat daya menuju timur laut. Bukit karang yang besar sekali mencuat di Laut Pasang, airnya dangkal dan banyak batu magnet.

Menurut Prof. Hsu Yun-tsiao, "Laut Pasang" itu sangat luas, boleh melingkupi Teluk Benggala, Selat Melaka dan Laut Selatan, maka lokasi negeri Ju Li itu di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi ada juga yang menganggap lokasinya di daerah Segenting Kra, kerana sungai yang mengalir dari Kemboja melalui Teluk Siam sampai ke Segenting Kra memang seperti yang dicatat, iaitu "masuk tepat dari arah barat laut". Dan kerana lokasinya yang strategik itu, negeri Ju Li menjadi bandar yang penting pada abad keempat dan kelima.

Negeri Qu Du Kun yang wujud pada zaman Dinasti Han dikenal dengan nama Du Yuan. Negeri inilah yang lebih dahulu muncul dalam buku sejarah China, rupanya dari abad pertama sampai abad ketiga

semasa Zhu Ying dan Kang Tai melakukan lawatan mereka, negeri ini masih ada. Kita lihat catatannya yang dimuat dalam *Tai Ping Yu Lan*:

Dari negeri Bo Liao menuju ke selatan, berlayar sejauh 3,000 li tibalah di negeri Qu Du Qian (Kun), penduduknya lebih daripada 2000 keluarga. Konon rakyatnya adalah orang-orang yang berhijrah dari daerah Zhu Wu . . .

Dari negeri Qu Du Qian (Kun) menuju ke timur, berlayar sejauh 1,000 li lebih tibalah di pulau Bo Yan, penduduknya lebih daripada 200 keluarga, hidup mereka melombong emas, dijual ke negeri Qu Du Qian (Kun).

Nampaknya, negeri Qu Du Kun itu sudah menjadi suatu pusat perniagaan pada masa itu, sehingga penduduk di pulau Bo Yan yang beribu li jaraknya pun perlu menjualkan hasil-mahsulnya ke negeri itu.

Selanjutnya kita lihat negeri Dan Dan yang sudah mengadakan hubungan rasmi dengan negeri China sejak Dinasti Liang (502 - 557 T.M.). Dalam *Liang Shu* (Kepustakaan Dinasti Liang) jilid 54 ada catatan yang mengatakan bahawa pada tahun 530 dan 535 raja negeri Dan Dan berturut-turut mengirim utusan untuk menghantarkan surat raja dan barang persembahan yang berupa emas, perak, gading, permata dan bau-bauan. Tetapi catatan tentang keadaan negeri itu tetap berpunca dari buku Kang Tai, dan catatan yang paling lengkap dimuat dalam *Tong Dian* (Kepustakaan Umum) jilid 188. Demikian catatannya:

Negeri Dan Dan sudah terkenal pada zaman Dinasti Shui, letaknya di sebelah barat laut Taruma dan sebelah tenggara Zhengzhou [pulau Hainan - Pen.]. Nama keluarga raja Kshatriya, nama raja Sri Linga, memerintah lebih daripada 20 ribu keluarga, ada daerah-daerahnya yang dikuasai oleh ketua daerah. Rajanya tiap hari pagi dan petang dua kali menerima penghadapan. Menteri besarnya ada lapan orang, disebut lapan teras, dipegang oleh seorang brahmin. Tubuh raja dipupuri dengan bedak harum, bermahkota yang menjulang tinggi, berkalungkan ratna mutu manikam, berpakaian warna-warni, berkasut kulit. Kalau berpergian, dekat naik kenderaan, jauh naik gajah. Ketika berperang orang meniup serunai dan memalu genderang. Hukumannya keras, pencuri tak pandang dosanya besar kecil semua dibunuh.

Daripada catatan yang di atas kita mendapat kesan bahawa negeri Dan Dan itu sudah cukup maju dan peradabannya pun sudah cukup tinggi, rupanya sangat dipengaruhi oleh agama Hindu. Menurut kajian Prof. Hsu Yun-tshiao, negeri Dan Dan itu lokasinya di Kelantan. Dalam buku sejarah China, nama "Kelantan" baru muncul pada zaman Dinasti Song, sedangkan nama negeri Dan Dan sudah lenyap semenjak Dinasti Tang.

Sekarang kita lihat negeri Lang Ya Xiu, menurut cerita negeri ini juga sudah bersejarah lama sekali. Ada orang yang menganggap lokasinya di sekitar Patani dan Kedah. Nama negeri ini mula muncul dalam *Liang Shu* (Kepustakaan Dinasti Liang) dan dikatakan sudah 400 tahun sejarahnya,

jadi mungkin ditubuhkan pada abad kedua, namun masih diragukan kesahihannya. Baik kita lihat dahulu catatannya:

Negeri Lang Ya Xiu letaknya di tengah Laut Selatan, luas wilayahnya dari timur ke barat berjalan 30 hari, dari selatan ke utara berjalan 20 hari. Jaraknya dengan Guangzhou 24 ribu li. Hawa udara dan hasil buminya agak sama dengan Fu Nan (Phanom), lebih banyak menghasilkan bau-bauan. Menurut adat kebiasaannya, lelaki dan perempuan bajunya terbuka dan rambutnya terurai, dengan karpasa sebagai kambelinya. Rajanya dan menteri-menterinya berselubungkan kain antelas yang berwarna-warni menutupi bahunya dengan dirangkai tali emas dan dilingkari batu-batu permata, telinganya bersubang emas. Wanitanya berbalut dengan kain, dilingkari dengan batu-batu permata. Kotanya dibuat daripada bata, pintunya berlapis dan di atasnya ada rumah panggung. Kalau keluar rajanya naik gajah, diiringi panji-panji dan tabuh-tabuhan, ditudungi kain putih, pasukan pengawalnya menjaga dengan ketat ...

Kalau menurut apa yang disifatkan dalam *Liang Shu* itu, maka negeri Lang Ya Xiu itu boleh dikatakan cukup maju dan makmur, negerinya cukup besar, pakaian dan perhiasan cukup mewah, tidak kurang daripada negeri Dan Dan. Dalam *Liang Shu* itu dikatakan pula bahawa pada tahun 515 raja Lang Ya Xiu pernah mengirimi utusan ke negeri China untuk menghantarkan surat raja dan barang-barang persembahan, tetapi selepas itu tidak banyak lagi beritanya tentang negeri ini dan akhirnya tidak diketahui bila lenyapnya.

Kita beralih ke negeri Dun Sun, negeri ini sangat penting dalam sejarah China pada zaman kuno. Lokasinya di Tenassarim, sekarang masuk wilayah Myanmar. Nama negeri ini juga baru muncul dalam *Liang Shu*, tetapi catatan tentang keadaannya kebanyakan diambil dari buku Kang Tai. Demikian catatannya:

Negeri Fu Nan (Phanom) ... 3 ribu li lebih dari sempadan selatannya terdapat negeri Dun Sun, bertegak di bukit atas laut, luasnya ribuan li, dari bandar ke laut jaraknya 10 li. Terdapat 5 orang raja, tunduk kepada Fu Nan. Dari sempadan timur Dun Sun boleh sampai di Jiaozhou [di bahagian utara Vietnam sekarang - Pen.], dari sempadan baratnya boleh menyambung Tian Zhu (India), An Xi (Pers) dan negeri luar lain-lainnya, pergi datang saling berjual beli. Adapun Dun Sun itu menganjur ke laut hingga ribuan li, ketika datang air pasang tidak kelihatan pantainya, kapal-kapal pun tidak dapat melintasinya. Dalam pekannya berkumpul orang-orang yang datang dari timur dan barat, setiap hari sampai 10 ribu orang ramainya. Tersedia macam-macam barang yang berharga dan cantik, serba ada. Konon ada sejenis pokok arak yang boleh menghasilkan arak, rupanya seperti pokok delima, bunganya dipetik dan dimasukkan ke dalam tempayan, beberapa hari kemudian menjadi arak.

Selain itu, dalam *Tai Ping Yu Lan* pun ada catatan yang boleh dirujuk. Demikian catatannya:

Dun Sun tertakluk kepada Fu Nan. Rajanya bernama Kun Lun. Di negeri itu ada 500 keluarga orang Hindu, ada dua candi Buddha, ada seribu lebih Brahmin Hindu. Orang Dun Sun sangat memuliakan agama itu, anak perempuannya hendak dinikahkan, tetapi banyak yang tidak mahu. Mereka hanya mengaji buku Brahma, bermandi dengan bunga harum, bersemadi tidak kenal siang malam. Kalau mati sakit, maka minta dilakukan pemakaman burung. Orang menghantar mayatnya ke luar kota sambil menari dan bernyanyi, lalu ada burung yang memakan mayat itu, sisa tulangnya diabukan, dimasukkan ke dalam kotak untuk dikebumikan. Penziarahannya tidak menentu. Tersebutkan pula, ada sejenis pokok arak yang mirip pokok delima, bunga dan niranya disimpan dalam tempayan, beberapa hari kemudian menjadi arak, harum dan boleh memabukkan orang.

Daripada catatan-catatan yang dikemukakan di atas dapat diketahui bahawa negeri Dun Sun itu sangat dipengaruhi agama Hindu, adat pernikahan dan pemakamannya pun bersifat Hindu. Tetapi yang lebih penting adalah kedudukan yang strategik masa itu sehingga ia menjadi suatu pusat perniagaan antarabangsa yang cukup ramai. Setiap hari berkumpul 10 ribu peniaga yang datang dari Timur dan Barat. Tentang pokok yang dapat menghasilkan arak itu di Semenanjung Tanah Melayu memang banyak, misalnya enau, lontar dan sebagainya. Negeri Dun Sun itu tidak muncul lagi dalam buku sejarah China selepas Dinasti Liang dan maklumat yang tercatat itu kebanyakannya berlaku pada akhir zaman Dinasti Han Timur, iaitu abad ketiga. Mungkin kedudukannya kemudian digantikan oleh negeri Pan Pan yang letaknya di Pranpuri.

Tentang negeri Pan Pan dipercayai lokasinya di hujung utara Semenanjung Tanah Melayu, di bahagian pantai timur Segenting Kra. Negeri ini sudah mengadakan hubungan rasmi dengan negeri China sejak abad kelima, antara 424 - 27 T.M. berterusan mengirim utusan ke Dinasti Liu Song, dan hubungan rasmi itu diteruskan sampai ke zaman Dinasti Tang. Dalam buku-buku sejarah Dinasti Tang masih terdapat catatan-catatan tentang negeri ini. Misalnya tentang lokasinya, kita boleh dapat merujuk *Jiu Tang Shu* (Kepustakaan Dinasti Tang Lama) jilid 197. Berikut dijelaskannya:

Negeri Pan Pan letaknya di teluk sebelah barat. Utaranya berhadapan dengan Lin Yi, dipisahkan oleh laut kecil. Dari Jiaozhou (Annam) berlayar 40 hari boleh sampai. Negerinya berjiran dengan Lang Ya Xiu. Orangnyanya semua mempelajari buku Sanskrit, sangat menjunjung agama Buddha.

Juga dari *Xin Tang Shu* (Kepustakaan Dinasti Tang Baru) jilid 222, kita mendapat keterangan yang lebih tepat. Demikian catatannya:

Pan Pan letaknya di teluk Laut Selatan. Utaranya berhadapan dengan Campa, sedikit dipisahkan oleh laut. Bersempadan dengan Lang Ya Xiu. Dari Jiaozhou berlayar 40 hari boleh sampai . . . Penduduknya tinggal di tepi sungai, membuat pagar daripada kayu, menggunakan batu untuk mata panahnya. Rajanya

bersemayam di atas takhta naga emas yang besar. Ketika menghadap raja, menteri-menterinya berlutut dengan tangan bersilang di bahunya . . . Ada rumah berhala untuk pendeta. Para biksu makan daging tetapi tidak minum arak . . .

Daripada catatan yang lebih jelas itu dapat dipastikan bahawa negeri Pan Pan letaknya di Prampuri dan menganut agama Buddha Hinayana.

Selain di Semenanjung Tanah Melayu, negeri-negeri di Alam Melayu lainnya pun banyak disentuh dalam buku Kang Tai, tetapi hanya berupa kutipan-kutipan yang dimuat dalam *Tai Ping Yu Lan*. Baik kita ambil sari-sarinya sahaja:

Wanita negeri Zhu Bo (Javadvipa) memakai kain cita yang berlipat-lipat. (Yang dimaksud rupanya kain sarung).

Di sebelah timur Zhu Bo terdapat Pulau Ma Wu, menghasilkan cengkik, pokoknya banyak berbunga tetapi sedikit berbuah. (Sarjana Perancis Palliot menganggap bahawa pulau yang disebut Ma Wu itu ialah Pulau Bali, tapi Prof. Hsu Yun-tsiao lebih cenderung kepada pulau Ambon yang banyak menghasilkan cengkik).

Di sebelah tenggara Zhu Bo terdapat Pulau Bei Lu, menghasilkan timah, dijual ke luar negeri. (Menurut Prof. Hsu Yun-tsiao, Pulau Bei Lu itu ialah Pulau Beliton yang banyak menghasilkan timah).

Di sebelah timur laut Zhu Bo terdapat Pulau Ju Yan, rakyatnya tidak bersawah ladang, menanam keladi, berlayar di laut, membawakan kerang-kerang besar ke Fu Nan. (Pulau Ju Yan itu rupanya pulau Kalimantan).

Di sebelah barat laut Zhu Bo terdapat Pulau Bo Tan, menghasilkan emas, dijual kepada para pedagang untuk mendapatkan beras dan macam-macam barang keperluan. (Pulau Bo Tan itu mungkin Pulau Sumatera, dalam bahasa Sanskrit disebut "Suvarnadvipa" yang bermakna "pulau emas").

Kalau Zhu Bo (Jawa) dijadikan sebagai titik pusatnya, maka lokasi negeri-negeri yang disebut di atas umumnya tepat kecuali Pulau Beliton yang menyeleweng. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan geografi pada masa Tiga Kerajaan sudah maju dan hubungan negeri China dengan Alam Melayu sudah cukup baik.

Sejak masuknya agama Buddha pada permulaan zaman Dinasti Han Timur (20 - 220 T.M.), maka faktor agama pun mulai ikut memainkan peranan dalam memajukan hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu. Pada zaman Jin Timur (317 - 420 T.M.) sudah ada pendeta-pendeta Cina yang melawat ke India untuk mencari kitab-kitab Buddha dan melakukan pengkajian agama. Antaranya ada seorang pendeta Buddha yang bernama Fa Xian, pada tahun 399 berangkat dari Chang An melawat ke India dengan mengambil jalan darat. Ketika balik dari Sri Lanka pada 411 T.M., beliau mengambil jalan laut, kapalnya dilanda angin taufan, terdampar ke Javadvipa (Jawa), tinggal di sana

hingga lima bulan lamanya, kemudian naik "kapal dagang besar" balik ke negeri China. Fa Xian ada menulis sebuah buku yang bertajuk *Fu Guo Ji* (Hikayat Negeri Buddha), menceritakan apa yang dialaminya dan disaksikannya dalam lawatannya itu. Daripada bukunya dapat diketahui bahawa pada abad kelima sudah ada "kapal dagang besar" yang bolak-balik secara langsung antara Javadvipa dengan Guangzhou (Kanton). Kapalinya lebih laju, dari Jawa ke Guangzhou hanya memerlukan masa selama lebih kurang 50 hari, sedangkan pada zaman Dinasti Han berlayar dari Re Nan (Vietnam utara) ke Du Yuan (Tanah Melayu) memerlukan masa hampir lima bulan lamanya. Fa Xian tidak menjelaskan kapal negeri mana yang dinaikinya sehingga timbul macam-macam spekulasi. Ada yang mengatakan kapal India; ada yang mengatakan mula-mula memang kapal India, tapi kemudian yang dari Jawa ke Guangzhou adalah "kapal Kun-lun", iaitu kapal Melayu; ada juga yang mengatakan semua kapal yang dinaikinya adalah kapal China. Walaupun pendapatnya berbeza-beza, namun dalam satu hal sama, iaitu antara Alam Melayu dan negeri China sudah ada banyak kapal dagang besar yang berulang-alik. Dalam bukunya itu, Fa Xian juga ada mengemukakan tanggapannya tentang keadaan budaya dan agama di Javadvipa, katanya: "Di negeri itu agama Brahma berkembang subur, sedangkan agama Buddha tidak seberapa." Fa Xian boleh dikatakan sarjana Cina yang pertama meneliti kebudayaan agama di Alam Melayu.

Selepas Zaman Jin Timur, China memasuki zaman pancaroba yang dalam sejarah China disebut Zaman Dinasti-dinasti Selatan dan Utara (420 - 589 T.M.). Pada zaman itu tidak ada satu kerajaan dinasti yang dapat menguasai seluruh negeri China dan dapat bertahan lama, sering berganti-gantian. Namun demikian, dinasti-dinasti yang di selatan masih dapat meneruskan hubungan dengan Alam Melayu yang sudah dirintis semenjak Zaman Dinasti Han, terutama Dinasti Liu Song dan Dinasti Liang yang maklumatnya sudah banyak dikutip di atas. Utusan-utusan yang datang dari Alam Melayu tidak pernah putus, misalnya pada Zaman Liu Song sahaja, dalam masa 22 tahun selama Kaisar Wen Di bertakhta (430 - 452 T.M.) negeri Haratan (di Jawa Tengah atau Jawa Barat?) telah lapan kali mengirim utusannya untuk mempersembahkan ufti, rata-rata tiga tahun sekali. Oleh kerana kerapnya pengiriman utusan itu dapat diketahui bahawa hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu pada zaman itu masih terus berjalan dengan lancarnya.

Pada tahun 581, Dinasti Shui berjaya menyatukan semula seluruh negeri China dan Kaisar Shui Yang Di (605 - 617 T.M.) berazam untuk mengembangkan lebih lanjut hubungan negeri China dengan Alam Melayu, tetapi sayang usia Dinasti Shui itu terlalu suntuk sehingga keazamannya tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Namun demikian, ada juga pencapaiannya yang patut dicatat, terutama kejayaannya dalam

membuka hubungan rasmi dengan Chi Tu Guo (Negeri Tanah Merah) yang letaknya di Semenanjung Tanah Melayu.

Pada tahun 607 Kaisar Shui Yang Di mengutus Chang Jun dan Wang Jun Zheng ke Negeri Tanah Merah untuk melakukan lawatan muhibah. Sekembalinya kedua-dua utusan itu, mereka membuat laporan lengkap tentang bagaimana keadaan negeri itu dan tentang bagaimana mereka mendapat sambutan yang luar biasa. Berkat adanya laporan itu barulah kita ketahui bahawa pada Zaman Dinasti Shui di Semenanjung Tanah Melayu pernah ada suatu negeri yang cukup maju dan makmur, namanya Negeri Tanah Merah, tetapi selepas Dinasti Shui tidak ada khabarnya lagi dalam buku sejarah China. Jadi laporan Chang Jun dan Wang Jun Zheng itulah satu-satunya sumber sejarah yang dapat diperolehi tentang Negeri Tanah Merah itu. Sekarang bahan yang asal masih dapat dirujuk dalam *Shui Shu* (Kepustakaan Dinasti Shui) dan *Tong Dian* (Kepustakaan Umum). Baiklah kita lihat bagaimana Negeri Tanah Merah itu disifatkan dalam *Shui Shu*. Pertama tentang lokasinya dijelaskan sebagai berikut:

Chi Tu Guo (Negeri Tanah Merah) lain bangsanya dari Fu Nan (Phanom), letaknya di Laut Selatan, berlayar 100 hari lebih boleh tiba. Warna tanahnya serba merah, itulah asal datangnya nama negeri. Timurnya berhadapan dengan Bo Luo La Guo (Brunci). Baratnya berdekatan dengan Bo Luo Sha Guo (Barus). Selatannya berhadapan dengan He Luo Dan Guo (Kaling). Utaranya menghadap laut. Luas negeri itu beribu-ribu li.

Dengan penjelasan itu dan rujukan dari bahan lain, maka banyak sarjana beranggapan bahawa lokasinya di Singora, pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi ada juga yang menganggap negeri itu ialah Kedah, kerana bunyi kata Cina "Chi Tu" dekat kepada bunyi "Kedah".

Selanjutnya tentang keadaan umum negeri itu seperti rajanya dan kota istananya disifatkan dengan lebih teliti lagi. Berikut catatannya:

Nama keluarga raja Yu Tan (Guatama), nama rajanya Li Fu Duo Sai. Di sekitar negeri itu tidak ada negeri lain lagi. Ayahanda baginda telah mengundurkan diri untuk bertapa, takhtanya diserahkan kepada Li Fu Duo Sai. Raja itu telah bertakhta selama 16 tahun (592 - 607 T.M.), beristeri tiga orang, semuanya puteri dari raja jiran. Tempat bersemayamnya di kota Singora, pintu gerbangnya tiga lapis, masing-masing berjarak seratus langkah lebih. Tiap pintu dihiasi gambar-gambar dewi terbang, peri dan bodhisattva, digantungi dengan bunga-bunga emas dan genta-genta. Berpuluh-puluh dayang, ada yang memainkan bunyi-bunyan, ada yang menjunjung bunga-bunga emas. Dan ada lagi empat orang wanita yang bersolek menyerupai malaikat penjaga candi berdiri di kedua tepi pintu. Hatta mereka yang berdiri di luar pintu adalah perajurit yang memegang senjata dan alat kehormatan. Mereka yang berdiri di dalam pintu adalah abdi yang memegang kipas putih. Sepanjang kedua tepi jalan dihiasi jalinan bunga-

bunga. Balai-balai dalam istana atapnya berlapis dan pintunya menghadap ke utara. Rajanya bersemayam di utara di atas singgahsana yang bersusun tiga, pakaiannya berwarna-warni cemerlang, mahkotanya emas berbunga, berkalungkan ratna mutu manikam. Empat orang dayang berdiri di kiri kanannya, dikawal oleh ratusan perajurit pengawal. Di belakang singgahsana ada satu kotak almari dari kayu yang dihiasi dengan emas, perak dan aneka kayu wangi. Di belakang kotak almari itu tergantung sebuah pelita yang memancarkan cahaya seperti emas. Di kedua samping singgahsana terdiri dua cermin emas, di depannya diletakkan sebuah belanga emas dan di depan belanga emas ada satu pedupan emas, di depannya lagi ada satu patung lembu daripada emas. Di sebelah kiri kanan berderet kipas-kipas indah. Beratus-ratus Brahmin duduk berbanjaran dan berhadap-hadapan . . .

Lalu tentang adat istiadat dari Negeri Tanah Merah itu digambarkan dengan cermat sekali. Demikian catatan selajutnya:

Adapun adat istiadatnya semua orang ditusuk telinganya dan dipotong rambutnya, tidak melakukan tatasapan bersujud menyembah, tubuh badannya dilumuri dengan minyak harum, memuliakan Buddha terutama Brahmin. Wanitanya menyanggul kundai di belakang kepala: Lelaki perempuan mengenakan pakaian yang berwarna-warni. Rumah orang kaya sangat mewah, hanya kunci emas sahaja yang tidak dibenarkan memakainya kecuali yang dianugerahi raja. Setiap kali ada perihal kahwin, mesti dipilih hari yang baik. Pihak pengantin perempuan mesti lebih dahulu mengadakan pesta ramai-ramaian minum arak selama lima hari, kemudian pengantin perempuan itu dibimbing oleh ayahnya dan diserahkan kepada pengantin lelaki. Perkahwinan itu berlangsung tujuh hari lamanya barulah selesai. Selepas kahwin, maka harta bendanya dibagi dan mereka pun tinggal berpisah, hanya anak bongsu sahaja yang terus tinggal bersama orang tuanya. Kalau ibu bapa atau saudaranya meninggal dunia, maka rambutnya digunting dan tubuhnya dikemasi dengan pakaian putih, lalu dibuat panggung buluh di atas sungai, panggung itu ditimbuni kayu-kayu bakar dan mayat diletakkan di atasnya. Setelah sudah, maka dibakarlah kemenyan dan dikibarkan panji-panji. Orang yang menghantarkannya bertiup-tiupan dan bertabuh-tabuhan. Kayunya pun dibakarlah, lalu diluncurkan ke dalam sungai. Sama ada kaya mahupun miskin semuanya berlaku sama. Hanya raja sahaja yang lain, selepas dibakar abunya dimasukkan ke dalam botol emas, lalu disimpan di dalam candi.

Berikutnya diperihalkan pula dengan teliti bagaimana kedatangan utusan China dialu-alukan dengan kebesaran dan kemuliaan yang luar biasa di Negeri Tanah Merah itu. Demikian catatannya:

. . . telah tiba di sempadan Negeri Tanah Merah, maka rajanya pun mengirim seorang Brahmin bersama 30 buah kapal untuk mengalu-alukannya, diiringi dengan bunyi-bunyian genderang serunai. Mereka menambatkan kapal Chang Jun dengan kunci emas, berlayar selama sebulan lebih tibalah di ibu negeri. Maka rajapun menyuruh putera mahkotanya Nayaka pergi menyambut kedatangan Chang Jun dan pendamping-pendampingnya dengan segala kehormatan, lalu

menyuruh orang menghantarkan pinggan emas yang berisi bunga harum, cermin, penyepit, minyak harum, lapan botol emas yang berisikan air wangi, empat helai kain putih yang berlipat, semuanya untuk keperluan utusan China semasa membasuh dan mandi. Hatta pada suatu siang Nayakapun datang lagi dengan membawa dua ekor gajah yang bertudung bulu merak untuk menjemput utusan China dan menyerahkan bunga emas dan talam emas guna membawakan surat kaisar. Dengan dibimbing oleh ratusan lelaki perempuan yang meniuip serunai dan memalu genderang dan 200 orang Brahmin sampailah mereka di istana raja. Cheng Jun dan pendamping-pendampingnya mengarak surat kaisar naik ke balai astaka, para menteri semua duduk di bawah. Selepas penyerahan surat kaisar, Cheng Jun dan pendamping-pendampingnya pun dipersilakan duduk, lalu diperdengarkanlah lagu-lagu Hindu. Telah sudah Chang Jun dan pendamping-pendampingnya pun baliklah ke rumah tetamu ... Beberapa hari kemudian, Chang Jun dan pendamping-pendampingnya dijemput ke majlis makan, diiring oleh barisan kehormatan seperti yang dilakukan pada pertama kali. Di hadapan raja ada dua buah meja panjang dan di atas setiap meja dihidangkan sebuah pinggan daun sebesar 1.5 *zhang* penuh berisi kuih-kuih yang berwarna kuning, putih, ungu dan merah, lauk-pauk dari daging sapi, kambing, ikan, kura-kura, penyu dan lain-lain sampai ratusan jenis banyaknya. Chang Jun dipelawa naik ke atas, sedangkan pendamping-pendampingnya duduk di lantai, masing-masing disediakan cangkir emas untuk mengisi arak. Dayang-dayang pun memperdengarkan lagu bunyi-bunyian dengan tidak henti-hentinya. Penganugerahannya pun banyak sekali ...

Begitulah teliti dan lengkapnya catatan dalam *Shui Shu* itu tentang keadaan Negeri Tanah Merah, semuanya berdasarkan laporan Chang Jun. Catatan yang selengkap itu jarang didapati dalam buku-buku sejarah China sebelum Dinasti Tang. Kita tidak hanya dikagumkan oleh maklumat sejarah yang membuktikan bahawa pada abad keenam dan ketujuh di Semenanjung Tanah Melayu sudah ada negeri yang begitu maju dan makmur seperti Negeri Tanah Merah, juga dikagumkan oleh maklumat sejarah yang membuktikan bahawa hubungan silaturrahim antara negeri China dengan Alam Melayu sudah dipupuk dengan baik pada masa itu. Ketika Chang Jun diutus, Kaisar Shui Yang Di telah menyediakan bingkisan sebanyak 5,000 potong untuk raja Negeri Tanah Merah. Dan ketika Chang Jun balik, raja Negeri Tanah Merah pun menyuruh puteranya Nayaka ikut pergi bersama untuk menghadap Kaisar Shui Yang Di dengan membawa bingkisan yang berupa mahkota teratai emas, bau-bauan dan surat yang ditulis di atas daun tal (lontar) daripada emas dan yang disimpan dalam sampul emas. Demikianlah kita lihat bahawa kedua-dua belah pihak sangat mengambil berat akan lawatan kali itu.

Dengan maklumat sejarah yang dibentangkan di atas, kita sudah mempunyai cukup alasan untuk mengatakan bahawa dari Zaman Tiga Kerajaan sampai Zaman Dinasti Shui selama 300 tahun lebih itu hubungan rasmi antara negeri China dengan Alam Melayu sudah

berkembang terus dengan tidak henti-hentinya. Tetapi harus disadari pula bahawa pencapaiannya masih sangat terbatas berhubung dengan syarat-syarat yang memungkinkannya pada masa itu. Kita ketahui bahawa selepas Dinasti Han, negeri China terus berada dalam ketidakstabilan dan kecerai-beraian, maka hubungannya dengan Alam Melayu pun sering terputus-putus dan tidak bersinambung. Dalam pada itu, negeri-negeri yang muncul di Alam Melayu pada masa itu umumnya negeri kecil dan bersifat tempatan, dan juga tiada kesinambungannya, maka kesan pengaruhnya terhadap pada suatu daerah dan suatu masa sahaja. Hubungan negeri China dengan Alam Melayu baru melonjak ke peringkat yang lebih tinggi selepas munculnya Dinasti Tang di negeri China dan Empayar Sriwijaya di Alam Melayu pada abad ketujuh.

Tamadun Melayu pada Zaman Dinasti Tang

Dinasti Tang (618 - 907 T.M.) adalah dinasti yang paling besar dan paling maju dalam sejarah China. Ahli sejarah China yang termasyhur Prof. Fan Wenlan pernah memberi penilaian sebagai berikut: "Dinasti Tang sama ada kekuatannya dan kewibawaannya mahupun kemakmuran ekonominya dalam sejarah negeri China tiada taranya lagi, juga di dunia pada masa itu tiada duanya lagi." Kejayaan Dinasti Tang meliputi segala bidang, termasuk bidang kebudayaan dan bidang hubungan luar negeri.

Dinasti Tang dapat mencapai kemuncak kejayaan yang begitu tinggi tentu banyak faktor penyebabnya dan di antaranya yang saya anggap penting sekali ialah menjalankan kebijaksanaan membuka pintu kepada dunia luar dan mengambil sikap aktif dan positif dalam menanggapi dan menyerap segala unsur dari luar yang dikira-kira berfaedah bagi peningkatan dirinya. Kerajaan Dinasti Tang telah memberikan perhatian besar kepada usaha meluaskan dan menggalakkan pertukaran dua hala dengan negeri-negeri lain sama ada dalam bidang ekonomi mahupun dalam bidang kebudayaan. Ini dapat dilihat dari tindakan-tindakan konkrit yang telah diambilnya.

Pertama, kerajaan Dinasti Tang sangat giat dalam membuka jalur-jalur perjalanan ke luar negeri, perjalanan dari darat mahupun perjalanan dari laut. Pada masa Kaisar Tang De Zhong bertakhta (785 - 804 T.M.), Perdana Menteri Jia Dan dalam bukunya yang bertajuk *Huang Hua Si Da Ji* (Catatan Perhubungan dengan Pancanegara) telah mencatat tujuh jaluran perjalanan ke luar negeri yang sudah dibuka pada masa itu dan jaluran perjalanan yang ketujuh adalah jaluran perjalanan laut yang menghubungkan Guangzhou dengan India, Parsi dan Arab. Jalur perjalanan itu juga melalui pulau-pulau di Alam Melayu seperti Semenanjung Tanah Melayu, Sriwijaya (Palembang), Kaling (Jawa)

dan lain-lain. Dengan adanya jalur-jalur perjalanan itu perhubungan akan menjadi lebih mudah dan perniagaan antara Dinasti Tang dengan negeri-negeri di rantau seberang akan bertambah maju.

Kedua, kerajaan Dinasti Tang berupaya memperbaiki sarana pengangkutannya dengan meningkatkan teknik perkapalannya. Menurut catatan, kapal laut pada masa itu sudah lebih besar, "panjangnya 20 *zhang* (kira-kira 65 meter), dapat memuat 600-700 orang", dan lagi sudah lebih laju. Menurut catatan Perdana Menteri Jia Dan, pelayaran dari Du Men Shah (sebelah tenggara Guangzhou) sampai ke Selat Melaka dan Sriwijaya hanya memerlukan 18 hari, dan dari Sriwijaya sampai Kaling cukup 4-5 hari sahaja, sedangkan pada masa Fa Xian berlayar dari Jawa ke Guangzhou memerlukan masa hampir 50 hari. Selain daripada kapal laut buatan Cina, kerajaan Dinasti Tang juga membolehkan kapal-kapal laut negeri lain keluar masuk di bandar China. Konon kapal negeri asing yang berlabuh di bandar Guangzhou sampai ribuan banyaknya, tiang-tiang kapalnya menghutan di pelabuhan, ada yang dari Arab, Parsi, India dan Sri Lanka, ada yang dari Jepun, dan tidak sedikit pula yang dari Alam Melayu, pada masa itu disebut kapal "Kun-lun". Dengan banyaknya kapal laut yang boleh dinaiki, tentulah orang menjadi lebih mudah kalau hendak bepergian ke luar negeri.

Ketiga, dari segi pentadbiran, kerajaan Dinasti Tang pun telah mengambil tindakan yang berkesan untuk memudahkan saudagar-saudagar asing berniaga dan bermastautin di bandar China. Semenjak awal abad kelapan di beberapa bandar di selatan China sudah dilantik penjawat syahbandar yang disebut "Shi Po Shi" untuk menangani segala urusan yang berkenaan dengan perniagaan luar negeri. Di samping itu, di bandar yang dibuka untuk luar ditubuhkan pula suatu jawatankuasa yang disebut "Fan Fang" untuk mengurus orang-orang asing yang tinggal di bandar supaya kehidupan dan perniagaan mereka lebih terjamin.

Keempat, kerajaan Dinasti Tang memberi sokongan kepada cendekiawan Cina yang berniat menuntut ilmu ke luar negeri, terutama kepada para pendeta Buddha yang ingin melawat ke India untuk memperolehi buku-buku agama Buddha dan melakukan pengkajian agama. Pada zaman Dinasti Tang agama Buddha sedang berkembang pesat di negeri China dan dijunjung tinggi oleh kaisar Dinasti Tang. Maka pendeta-pendeta Buddha yang keluar negeri untuk mencari buku agama dan menuntut ilmu agama bertambah ramai. Mereka itu memainkan peranan penting dalam memperkenalkan kebudayaan luar negeri.

Kebijaksanaan yang dijalankan oleh kerajaan Dinasti Tang itu telah mendatangkan kemajuan besar dalam berbagai-bagai bidang. Utusan-utusan luar negeri yang datang ke ibu negeri Chang An tiada terbilang banyaknya. Saudagar-saudagar asing yang datang berniaga ke negeri

China pun bertambah ramai dari semasa ke semasa. Di bandar Guangzhou sahaja saudagar yang berkumpul sudah melebihi 10 ribu orang dan di antaranya tidak sedikit yang datang dari Alam Melayu. Saudagar-saudagar dari pelbagai negara itu tidak hanya mendatangkan barang-barang yang diperlukan di negeri China, malah mendatangkan kebudayaan dan agama masing-masing. Dan bersama-sama saudagar ikut datang pula berbagai-bagai pendeta agama yang hendak menyebarkan agamanya ke negeri China. Maka pada zaman Dinasti Tang kerana pintunya dibuka masyarakat Cina pun menjadi hidup dan dinamik; selain agama Buddha yang sudah dominan, agama-agama lain turut diberi kesempatan menyebarkan agamanya. Maka semenjak abad ketujuh agama Islam pun sudah tersebar di negeri China.

Dalam pada itu, saudagar Cina yang berniaga ke luar negeri terutama ke Alam Melayu pun semakin ramai. Mereka ada yang menetap di negeri asing hingga bertahun-tahun lamanya. Itulah yang menyebabkan mereka boleh mengenali secara lebih mendalam adat istiadat dan tamadun negeri yang didiaminya. Dan tanggapan dan kesan mereka itu merupakan butir-butir maklumat yang dapat dijadikan salah satu sumber untuk mengetahui keadaan negeri itu. Tetapi yang lebih besar makna dan kesannya dalam bidang kebudayaan adalah kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh para pendeta Buddha Cina yang menuntut ilmu ke luar negeri. Mereka itu bukan pendeta atau biksu biasa, banyak di antaranya adalah orang terpelajar atau sarjana yang mempunyai kebolehan untuk melakukan penelitian agama dan kebudayaan dari negeri yang dikunjunginya dan berkesanggupan untuk menimba dan menapis unsur-unsur kebudayaan asing yang berguna.

Demikianlah yang telah berlaku pada zaman Dinasti Tang, maka tidak menghairankan kalau kebudayaan Dinasti Tang dapat mencapai kegemilangan yang tertinggi dalam sejarah negeri China.

Dalam penulisan sejarah Dinasti Tang catatan-catatan tentang negeri-negeri di Alam Melayu sudah lebih meluas dan mendalam, itupun kerana pada abad ketujuh mulai lahir kerajaan Melayu yang besar dan tamadunnya sudah maju sekali. Di antaranya yang paling besar dan paling berjaya adalah Empayar Sriwijaya. Kerajaan besar itu dengan ekonominya dan kebudayaannya yang sangat maju tidak hanya menarik perhatian para saudagar Cina, juga telah mengundang para pendeta Buddha Cina untuk membuat pengkajian ke sana. Oleh itu pada zaman Dinasti Tang tamadun Melayu baru betul-betul dikenali di negeri China.

Sebelum Sriwijaya, Kaling lebih dahulu sudah membuka hubungan rasmi dengan Dinasti Tang. Negeri itu dalam buku sejarah China disebut "He Ling", adalah negeri pertama dari Alam Melayu yang dikenali di China sebagai negeri yang sangat tinggi tamadunnya. Baik kita lihat apa

yang dicatat dalam *Jiu Tang Shu* (Kepustakaan Dinasti Tang Lama) tentang negeri ini:

Negeri He Ling terletak di pulau tengah Laut Selatan, timurnya bersempadan dengan Po Li, baratnya bersempadan dengan Duo Po Deng, utaranya berhubungan dengan Zhen La, selatannya menghadap laut. Kotanya disangga oleh tonggak kayu, rumahnya berlapis, beratapkan rumbia. Rajanya bersemayam di tengah-tengahnya, tempat peraduannya diperbuat daripada gading belaka. Kalau makan tidak menggunakan sudu dan sepit, hanya dengan tangan sahaja. Sudah ada huruf tulisan, cukup faham akan ilmu falak. Biasanya minum arak yang diperbuat daripada bunga kelapa, pokoknya berbunga, tingginya tiga ela lebih, sebesar batang lengan, disadap dan niranya dijadikan arak, manis rasanya, boleh memabukkan juga. Pada tahun 14 Tahun Zhen Guan [640 T.M. – Pen.] mengirim utusan untuk menghadap kaisar.

Catatan yang di atas terutama menjelaskan lokasi dan keadaan umum tentang negeri Kaling itu. Kalau lokasinya memang di Jawa Tengah seperti yang dianggap oleh sarjana, maka yang di sebelah timurnya yang disebut Po Li itu mungkin pulau Bali, yang di sebelah baratnya yang disebut Duo Po Deng itu mungkin sebuah negeri yang letaknya di Jawa Barat, sedangkan yang di sebelah utaranya yang disebut Zhen La itu dalam buku sejarah China biasanya untuk menunjuk Khmer. Catatan yang paling menarik tentang negeri itu dimuatkan dalam *Xin Tang Shu* (Kepustakaan Dinasti Tang Baru) yang ditulis oleh Ou Yang Xiu, seorang pujangga terkenal pada zaman Dinasti Song, di mana negeri Kaling disifatkan sebagai negeri yang sudah memiliki peradaban dan kesusilaan yang tinggi sekali. Di sini kita kutip bahagian yang paling menakjubkan daripada catatan itu:

Pada masa Shang Yuan [674-675 T.M. – Pen.] rakyat mengangkat seorang perempuan sebagai ratunya, digelar "Xi Mo". Ketertiban dan perundangan negara dijalankannya dengan keras sekali. Benda yang tertinggal di jalan tiada orang yang mengambilnya. Konon khabarnya sampai ke telinga raja Arab, maka sengaja dibuangnya sepundi emas di luar kota, tetapi orang yang lalu-lalang disitu menjauhinya. Demikianlah telah berlaku tiga tahun lamanya. Hatta sekali peristiwa, putera mahkota pun lalu di sana, mengusik pundi itu dengan kakinya. "Xi Mo" pun marahlah, lalu menyuruh orang penggal kepala putera mahkota. Para menteri bermohon supaya diampuni. Maka "Xi Mo" pun bersabda: "Perbuatan jenayah itu berpangkal dari kakinya, maka potonglah jari kakinya." Para menteri datang lagi untuk bermohon diampuni, tetapi hukuman potong jari kaki itu tetap dijalankan supaya dijeraikan oleh khalayak ramai. Mendengar khabar itu, Arabpun tidak berani datang menyerangnya.

Apakah catatan di atas ini memang satu kejadian sejarah yang sebenar, atau hanya satu kisah yang didengarnya sahaja, agaknya sukar dipastikan kerana tidak ada sumber lain yang dapat memberi bandingan. Tetapi bagi saya, yang lebih penting bukan soal kesahihannya, tetapi soal

bagaimana tanggapan orang Cina pada zaman Dinasti Tang terhadap kemajuan tamadun di Alam Melayu. "Benda yang tertinggal di jalan tiada orang yang mengambilnya", itu adalah tanda masyarakat yang sudah beradab dan bersusila tinggi sekali, memang semenjak dahulu sudah diidam-idamkan di negeri China. Sekarang masyarakat yang ideal itu sudah wujud di negeri Kaling. Bukankah itu satu penilaian yang cukup tinggi terhadap kemajuan tamadun di Alam Melayu? Negeri Kaling memang sudah termasyhur di negeri China pada masa itu, juga agama Buddhanya. Maka tidak sedikit pendeta Buddha Cina yang melawat ke negeri itu untuk melakukan pengkajian agama dan di antaranya ada yang menetap terus sampai mati.

Tetapi kalau ditilik dari pencapaiannya, maka Empayar Sriwijaya yang muncul agak terkemudian daripada Kaling nampak jauh lebih hebat dan gemilang. Pada abad ketujuh Sriwijaya tidak hanya merupakan pusat perniagaan antarabangsa, malah merupakan pusat kebudayaan dan agama Buddha di Asia Tenggara. Sudah tentu hubungannya dengan Dinasti Tang melebihi negeri-negeri lain, terutama dalam bidang kebudayaan dan agama Buddha, Dinasti Tang mendapat banyak manfaat dari Sriwijaya.

Yang pertama mengenali dan mengagumi kemajuan tamadun Melayu di Sriwijaya adalah Yi Jing (I-Tsing), seorang pendeta Buddha yang agung dan seorang sarjana yang termasyhur pada zaman Dinasti Tang. Pada mulanya Yi Jing pun tidak tahu-menahu tentang Sriwijaya, dan tiada niat atau rancangan untuk melawat atau berlama-lama di sana. Tetapi ketika pertama kali beliau memijakkan kakinya di bumi Sriwijaya dalam lawatannya ke India pada 671 T.M., tiba-tiba beliau mengubah rancangannya dan akhirnya menetap di Sriwijaya hingga hampir 14 tahun lamanya. Yi Jing dalam karyanya yang bertajuk *Da Tang Xi Yu Qiu Fa Gao Seng Zhuan* (Hikayat Pendeta Agung Agama Buddha Tang Raya yang Menuntut Ilmu ke Negeri Barat) ada memberi sedikit penjelasan tentang selok-belok perjalanan kali itu. Dikatakannya bahawa beliau berlepas dari Guangdong pada bulan 11 tahun 671, "berselang 20 hari tibalah di Sriwijaya. Tinggal di sana selama enam bulan untuk mempelajari pramasastra Sanskrit. Rajanya memberi sokongan, menghantarkan had negeri Me Luo Yu (Jambi). Di sana tinggal dua bulan pula, kemudian menuju Kedah. Sampai bulan 12 berlayar dengan kapal raja pula beransur-ansur menuju India timur". Kemudian di India "10 tahun mempelajari buku agama. Selepas itu barulah bersiap untuk balik. Tiba semula di Dan Mo Li Di (Tamralipti, sekarang Tamluk)", dan "dari sana naik kapal, melewati negeri Kedah. Kitab Tripitaka sebanyak 500 ribu gatha, kalau disalin ke dalam bahasa Cina boleh menjadi ribuan jilid, untuk sementara waktu disimpan di Sriwijaya".

Di sini ada dua soalan yang perlu dijawab. Pertama, mengapa Yi Jing tidak singgah sebentar sahaja di Sriwijaya dalam perjalanannya ke India, untuk apa beliau tinggal di sana sampai enam bulan lamanya? Kedua, mengapa Yi Jing tidak langsung balik ke negeri China selepas pengajiannya selesai di India, tetapi datang semula ke Sriwijaya untuk menetap dengan lebih lama lagi?

Kedua-dua soalan itu ada kaitannya dan dasar persoalannya sama. Mula-mula Yi Jing memang tidak memikirkan untuk tinggal lama-lama di Sriwijaya, negeri tujuannya hanya satu, iaitu India. Beliau melawat ke India dengan naik kapal dagang Parsi yang dalam perjalanannya mesti singgah di Sriwijaya untuk beberapa hari sahaja lalu terus menuju India. Kalau bukan ada sesuatu yang sangat kuat menariknya, Yi Jing tidak perlu mengubah rancangan perjalanannya dan meninggalkan kapal dagang Parsi yang dinaikinya untuk boleh berlama-lama di Sriwijaya. Apa yang sangat kuat menariknya di Sriwijaya, saya kira ada dua hal yang paling utama.

Yang pertama adalah kemajuan kebudayaan dan agama Buddha di Sriwijaya yang tidak pernah disangka oleh Yi Jing. Maka beliau kagum sekali buat pertama kali menyaksikannya dan lantas mengambil keputusan untuk tinggal lebih lama kerana beliau merasa baik sekali keadaannya dan saranannya untuk dijadikan pangkalan pembelajaran. Betapa dalamnya kesan beliau akan kemajuan kebudayaan dan agama Buddha di Sriwijaya telah diungkapkan dalam buku karya dan terjemahannya yang bertajuk *Sarvastivada Karma*. Berikut catatannya:

Adapun di kepulauan Laut Selatan ramailah orang yang menjunjung agama (Buddha). Demikian pula rajanya sangatlah mengutamakan kebajikan. Di bandar Sriwijaya jumlah para biksu mencapai ribuan orang. Semuanya giat menuntut ilmu dan menjalankan ibadat. Apa yang dipelajarinya tidak berbeza dengan yang dipelajari di Tiongkok. Tatakrama dan upacara peralatannya pun semuanya sama belaka. Jika ada pendeta agung yang berniat menuntut ilmu ke Tanah Barat, seeloknya singgah dahulu di negeri itu barang satu dua tahun untuk mempelajari tatacaranya, kemudian barulah pergi ke India.

Jelaslah bahawa Yi Jing menganggap Sriwijaya sebagai tempat yang sangat ideal untuk belajar dan mengadakan persiapan sebelum pergi ke India. Dan beliau sendiri tinggal enam bulan di sana justeru "untuk mempelajari pramastra Sanskrit" dan hasilnya tentu memuaskan. Oleh itu beliau mengesyorkan kepada pendeta agung yang berniat menuntut ilmu ke Tanah Barat "seeloknya singgah dahulu di negeri itu barang satu dua tahun untuk mempelajari tatacaranya, kemudian barulah pergi ke India". Atas syor Yi Jing itu ramailah pendeta Buddha Cina yang melawat Sriwijaya. Menurut catatan Yi Jing dalam karya-karyanya, pada permulaan Dinasti Tang (abad ketujuh) ada 60 orang pendeta Buddha Cina yang melawat ke India untuk menuntut ilmu dan kebanyakan

daripada mereka mengambil jalan laut. Antaranya ada 19 orang yang pernah mengunjungi Sriwijaya atau Kaling, malah ada juga yang "senang sekali tinggal di Sriwijaya sehingga tidak mahu balik lagi ke Fan Yu (Guangzhou)."

Yang kedua adalah sambutan hangat dan sokongan besar yang diberikan oleh raja Sriwijaya kepada Yi Jing. Baginda tidak hanya memberi kemudahan kepada Yi Jing untuk belajar di Sriwijaya selama enam bulan, malah menyediakan kapal diraja untuk menghantarkannya ke Jambi, Kedah dan terus ke India. Maka Yi Jing pun memuji baginda sebagai raja yang "sangatlah mengutamakan kebajikan."

Juga kedua hal itulah yang menyebabkan Yi Jing mengambil keputusan untuk tidak langsung balik dari India ke negeri China, melainkan menetap lebih lama lagi di Sriwijaya. Dalam sebuah catatannya Yi Jing berkata: "Kubalikkan langkah untuk pulang ke timur. Layar kapal terkembang menuju Laut Selatan, kemudian dari Da Mo Li Di tibalah di Sriwijaya. Aku tinggal di sana sudah empat tahun lamanya, terus terlena-lena hingga lupa lagi pulang ke negeriku." Yi Jing tentu bukan terlena-lena dalam keseronokan hidup, tetapi dalam pekerjaan penyalinan kitab Buddha dan pengkajian agamanya. Kemudian pada 689 T.M. Yi Jing pernah pulang ke Guangzhou untuk menjemput empat orang biksu yang akan dijadikan kakitangannya. Di Guangzhou beliau tinggal hanya tiga bulan lamanya, lalu berlayar lagi ke Sriwijaya dengan membawa empat orang biksu itu. Yi Jing ada memberi sedikit penjelasan mengapa beliau perlu cepat balik ke Sriwijaya. Demikian katanya: "Tripitaka yang kuperolehi 500 ribu gatha banyaknya, semuanya disimpan di Sriwijaya, maka aku harus pergi lagi, sekalipun usiaku sudah 50 tahun lebih dan aku harus mengharungi ombak samudera. Sesaat pun tidak boleh ditunda. Diriku tidak terlindung, semasa-masa boleh diserang embun pagi. Apatah yang dipesankan kepadaku. Adapun kitab Buddha itu amatlah penting, siapalah yang boleh sama-sama pergi mengambilnya? Untuk menyalin dan mengemaskannya diperlukan orang yang berkelayakan." Sesungguhnya apa yang sedang dilakukan oleh Yi Jing di Sriwijaya adalah suatu projek pembinaan kebudayaan yang besar dan berat sekali, dan hasilnya nanti tentu akan merupakan sumbangan yang tidak ternilai bagi Dinasti Tang.

Yi Jing telah mencurahkan segenap jiwa raganya selama belasan tahun di Sriwijaya untuk menyelesaikan projek besar itu. Akhirnya beliau mencapai kejayaan penuh pada 695 T.M., lalu berkemas-kemas untuk pulang ke tanah airnya. Pada bulan lima tahun itu juga dari Guangzhou Yi Jing tiba di ibu negeri Luo Yang, mendapat sambutan yang luar biasa meriahnya. Pada zaman Dinasti Tang ada dua pendeta Buddha yang paling agung dan paling besar jasanya, satu Xuan Zhuang namanya, satu

lagi ialah Yi Jing. Mereka sama-sama telah melawat India untuk mengumpul dan menyalin kitab-kitab Buddha dan sama-sama berjaya dan mendapat penghargaan yang setinggi-tingginya. Xuan Zhuang melawat ke India dengan mengambil jalan darat, maka tidak sempat mengunjungi Alam Melayu sedangkan Yi Jing melawat India dengan mengambil jalan laut, dan pekerjaan penyalinan dan pengkajiannya sebahagian besar diselesaikan di Sriwijaya. Maka sumbangan Yi Jing maknanya lebih luas, terutama kalau ditinjau dari sudut pertukaran kebudayaan antara negeri China dengan Alam Melayu. Ternyata sambutan yang diberikan kepada Yi Jing pun melebihi sambutan yang diberikan kepada Xuan Zhuang. Ketika Xuan Zhuang tiba di ibu negeri Chang An, beliau hanya dialu-alukan oleh seorang pembesar, seorang panglima dan seorang temenggung, yang lainnya adalah para biksu dan rakyat jelata. Sedangkan ketibaan Yi Jing di ibu negeri Luo Yang tidak hanya dialu-alukan oleh para pembesar, malah dialu-alukan oleh Kaisarin Wu Zhe Tian sendiri hadir di luar kota. Wu Zhe Tian adalah maharaja perempuan yang pertama di negeri China yang bertakhta pada 690 T.M. Betapa meriahnya sambutan itu telah dicatat dalam sebuah buku sejarah Dinasti Tang yang bertajuk *Kai Yuan Lu* (Rekod Tahun Kai Yuan). Berikut catatannya:

Pada musim panas tahun pertama Tahun Zheng Shen [695 T.M. – Pen] tibalah di He Le. Kitab-buku agama dalam bahasa Sanskrit yang diperolehinya sejumlah 400 jilid lebih, atau sebanyak 500 ribu gatha, lalu masih ada patung arca emas sebuah, sarina 300 biji. Kaisarin sangat memuliakan pendeta agung, baginda sendiri pergi mengalu-alukannya di luar pintu gerbang timur. Para biksu di Luo Yang mengibarkan panji-panji. Atas titah Kaisarin beliau diarak ke tempat kediamannya di Kuil Fu Shou Ji dengan barisan tabuh-tabuhan di depan sebagai pandunya. Semua buku dalam bahasa Sanskrit yang diperolehinya disuruh disalin ke dalam bahasa Cina.

Yi Jing pada hari akhirnya pernah berkata dengan penuh rasa terharu: “Baginda sendiri telah datang mengalu-alukan, dan khalayak ramaipun pada mementingkan dharma.” Rupanya beliau berasa puas kerana cita-citanya sudah terlaksana sepenuhnya.

Memang sudah sepatutnya Yi Jing diberi penghormatan dan penghargaan setinggi itu mengingat jasanya dan sumbangannya yang besar dalam mengembangkan kebudayaan Dinasti Tang, terutama kebudayaan agama Buddhanya. Tetapi selain daripada itu, tidak dapat dilupakan pula jasanya dan sumbangannya dalam memperkenalkan tamadun Melayu di Sriwijaya. Selama menetap di Sriwijaya, Yi Jing telah menulis dua buku karya yang penting sekali, yang satu tajuknya *Ta Tang Xi Yu Qiu Fa Gao Seng Zhuan*, yang satu lagi tajuknya *Nan Hai Ji Gui Nei Fa Xhuan* (Warkah Ilmu Batin dari Laut Selatan). Dalam kedua-dua buku itu Yi Jing telah membentangkan tanggapan dan pandangannya

tentang tamadun Melayu di Sriwijaya sebagai hasil penelitiannya dari dekat. Beliau terutama menumpukan perhatian kepada adat istiadat dan hal ehwal yang berkaitan agama Buddha. Yi Jing tidak menyembunyikan rasa kagumnya dan puji-pujiannya terhadap kekayaan Alam Melayu dan amal kebajikan rakyatnya terhadap para biksu yang bersedekah. Beliau menganggap bahawa dalam hal pengamalan sedekah Alam Melayu melebihi benua India. Beliau melakukan penelitian yang cermat tentang adat istiadat di Sriwijaya yang berkenaan dengan amalan sedekah kepada para biksu. Berikut diperihalkan:

Sehari sebelumnya dihantarkan dahulu “buah pinang sebiji dengan daunnya dan sedikit minyak bijan dan beras”, lalu lantainya disirami air yang diisi dalam kendi emas. Hari keduanya, selepas siang hari maka “berpalulah tabuh, dihidangkan bunga-bunga harum, dijemput dengan kehormatan dan dengan kenderaan dan pedati, dihiasi dengan panji-panji yang cemelang. Hatta maka para biksupun datanglah berduyun-duyun, dipelawa masuk ke dalam rumah”. Dan di dalam rumah nampak “tirai-mirai bergantung, patung arca dari perunggu dan emas berkilauan disepuh dengan minyak bijan”. Kelihatan cukup mewah. Kemudian “dinyalakanlah lilin-lilin dan dupa-dupa”, lalu dipersilakan biksu berkhutbah. Hari ketiganya, para biksu dijemput lagi ke rumah untuk kenduri selamat. Makanannya sangat banyak, nasinya segantang dua gantang diisi dengan daun atau belanga. Sayur-sayurnya sekurang-kurangnya tiga puluh macam. Itupun masih dikatakan “yang dari keluarga miskin sahaja, sedangkan yang dari keluarga turunan raja atau orang-orang kaya, maka pinggan mangkuknya diperbuat daripada tembaga atau buluh dan besarnya seperti meja. Lauk-pauknya dan minumannya lebih daripada seratus macam. Rajapun tidak menghiraukan kehormatan martabatnya, baginda menyebut dirinya hamba dan menyajikan makanan kepada para biksu dengan tangannya sendiri. Demikianlah takzimnya teramat sangat.” Konon pada masa itu di Sriwijaya biksu yang bersedekah mencapai ribuan orang ramainya.

Selain hal-hal yang diperikan di atas, Yi Jingpun sangat merasa kagum oleh tingginya taraf keilmuan di Sriwijaya. Beliau sangat takjub ketika melihat para biksu di Sriwijaya boleh langsung mengaji kitab Buddha dalam bahasa Sanskrit. Beliau pun mengesyorkan kepada biksu di negeri China supaya belajar dan berteladan kepada biksu di Sriwijaya. Kata Yi Jing: “Biksunya cukup pandai mengaji buku Sanskrit, mana boleh biksu di Alam Dewata [maksudnya benua China – Pen.] malah tidak sanggup mengaji buku aslinya.”

Kerana kemajuan kebudayaan dan keilmuan di Sriwijaya, maka bahasa Melayu pun menjadi suatu wahana yang sangat berguna. Rupanya Yi Jing pun sudah mementingkan pembelajaran bahasa Melayu kerana ia boleh dijadikan sebagai bahasa pengantara dalam mempelajari pramasastra Sanskrit. Atas syor Yi Jin pada masa itu sudah tidak sedikit pendeta Buddha Cina yang memahami bahasa Melayu kuno

yang pada masa itu disebut "bahasa Kun-lun". Yi Jing ada mencatat beberapa nama biksu itu dalam karyanya. Demikian catatannya:

Pendeta Yun Qi, asalnya dari Jiaozhou ... pandai berbahasa Kun-lun, cukup faham akan bahasa Sanskrit ...

Pendeta Da Jin, asalnya dari Fengzhou ... Pada tahun dua Tahun Yong Chun (683 T.M.) berlayar ke Laut Selatan ... Setelah berbulan lebih di laut tibalah di Sriwijaya. Menetap di sana bertahun-tahun, faham akan bahasa Kun-lun ... Lagi seorang murid dari Zhen Guo, nama keluarganya Meng, nama dirinya Huai Ye ... tiba di Sriwijaya. Faham akan bahasa Kun-lun ...

Demikianlah luasnya tamadun Melayu di Sriwijaya yang dijangkau oleh Yi Jing dan apa yang disifatkannya itu boleh dikatakan adalah tanggapan orang Cina pada zaman Dinasti Tang terhadap imej dan martabat tamadun Melayu. Dalam pandangan umum di negeri China pada zaman itu, Empayar Sriwijaya adalah suatu negara besar di Alam Melayu yang sangat kaya dan makmur, sangat maju agama Buddhanya dan sangat tinggi taraf keilmuannya. Maka Sriwijaya sudah menjadi negeri pilihan bagi pendeta Buddha Cina yang cerdik cendekia untuk meningkatkan ilmu keagamaannya. Nyatalah Dinasti Tang telah mendapat banyak faedah dari Sriwijaya, tidak hanya dalam hubungan perniagaan, malah dalam hubungan kebudayaan dan keagamaan. Ketika memperbincangkan sumbangan dari jasa Yi Jiang dalam mengembangkan kebudayaan dan agama Buddha Dinasti Tang, hendaknya diingatkan pula bahawa di dalamnya juga terkandung sumbangan dari jasa Sriwijaya dengan tamadun Melayunya.

Perkembangan Hubungan China-Alam Melayu pada Zaman Dinasti Song dan Dinasti Yuan

Dinasti Tang telah meluaskan hubungan China dengan Alam Melayu ke segala bidang dan hubungan itu diteruskan oleh Dinasti Song (960 - 1279 T.M.) yang menyusul kemudian, tetapi penekanannya lebih ditumpukan kepada bidang perniagaan. Pada zaman Dinasti Song kapal-kapal dagang dan saudagar-saudagar asing yang keluar masuk di bandar China semakin bertambah banyak dan ramai. Maka semenjak tahun keempat Tahun Kai Bao (971 T.M.) hingga tahun kedua Tahun Xian Ping (999 T.M.), dalam masa 28 tahun itu kerajaan Dinasti Song berturut-turut menubuhkan tiga jabatan pentadbiran pelabuhan yang disebut "Shi Po Si" di Guangzhou, Hangzhou dan Mingzhou (sekarang NingBo), kemudian tahun kedua Tahun Yuan You (1087 T.M.) hingga tahun ke-16 Tahun Shao Xin (1146 T.M.), dalam setengah abad lebih itu berturut-turut ditubuhkan lagi jabatan pentadbiran pelabuhan "Shi Po Si" di Quanzhou (provinsi Fujian), Mizhou (provinsi Shandong), Xiuzhou

(provinsi Zhejiang), Shanghai dan Jiangyin (provinsi Jiangshu). Dalam *Song Shi* (Sejarah Dinasti Song) jilid 167 dijelaskan bahawa tugas "Shi Po Si" itu ialah "menguruskan barang-barang dari luar negeri, kapal-kapal yang masuk dan keluar, bayaran cukai pelabuhan, supaya memudahkan orang yang datang dari jauh, melancarkan perniagaan barang yang datang dari jauh".

Bertambah banyak bandar niaga yang dibuka dan jabatan pentadbiran pelabuhan yang ditubuhkan menandakan bahawa perniagaan dengan luar negeri pada Zaman Dinasti Song bertambah maju dan subur. Yang perlu dicatat ialah perniagaannya terutama berlangsung antara negeri China dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat. Dalam sebuah buku yang bertajuk *Ling Wai Dai Da* (Jawapan Pada Soalan di Luar Gunung) yang ditulis pada 1178 T.M. ada penjelasan yang mengatakan bahawa "negeri-negeri asing itu umumnya disempadani laut, negerinya tertubuh di suatu bahagian kawasan, barang-barang hasilnya diedarkan ke tempat lain dengan melalui saluran bandar pusat. Negeri-negeri yang di sebelah selatan bandar pusatnya ialah Shan Fu Qi (Sriwijaya). Negeri-negeri yang di sebelah tenggara bandar pusatnya ialah Zhe Po (Javadvipa) ..." Jadi jelas pada zaman Dinasti Song ada dua pusat perniagaan antarabangsa di Alam Melayu, satu Sriwijaya, dan satu lagi Jawa, tetapi peranan Sriwijaya lebih besar dan lebih dominan. Dalam buku yang tersebut di atas juga menyebut bahawa Sriwijaya merupakan "bahagian yang strategis dari jalur perjalanan laut", "di timur mulai dari Javadvipa, di barat mulai dari Arab, semua negeri yang berhadapan tak boleh tidak mesti melalui negerinya untuk masuk ke negeri China". Maka dalam perniagaan antarabangsa pada zaman Dinasti Song, Sriwijaya penting sekali bagi China dan China pun penting sekali bagi Sriwijaya. Dan itulah yang menjadi landasan dalam mengembangkan hubungan dalam bidang lainnya.

Kalau pada zaman Dinasti Tang agama Buddha pernah memainkan peranan penting dalam memajukan hubungan kebudayaan antara negeri China dengan Alam Melayu, maka pada zaman Dinasti Song yang lebih besar peranannya adalah perniagaan. Agama Buddha sudah mencapai peringkat yang mantap pada zaman Dinasti Song, hampir semua kitab agama Buddha sudah disalinkan ke dalam bahasa Cina, maka tidak seramai dahulu lagi pendeta Buddha Cina yang berniat melawat India atau Sriwijaya. Hubungan yang lebih erat antara Dinasti Song dengan Empayar Sriwijaya berlangsung dalam bidang perniagaan.

Dinasti Song lebih mengambil berat terhadap perniagaan dengan luar negeri kerana kewangan negaranya sebahagian besar bergantung kepada pendapatan dari perniagaan itu. Pada zaman Dinasti Song bahagian utara China sentiasa terancam oleh musuh dari utara, maka pusat ekonominya bergeser ke bahagian selatan China. Hal yang demikian

menyebabkan perniagaan antara negeri China dengan Alam Melayu semakin subur dan berkembang dari semasa ke semasa. Terutama pada zaman Dinasti Song Selatan (1127-1279 T.M.) pendapatan dari perniagaan dengan luar negeri merupakan hampir 20 peratus daripada pendapatan negara. Oleh itu seorang pujangga Dinasti Song yang bernama Gu Yan Wu dalam bukunya yang bertajuk *Tian Xia Jun Guo Li Bing Shu* (Hal Ehwal Manfaat dan Mudarat dari Keresidenan di Seluruh Negeri) berkata: "selepas menyeberang ke selatan [kerajaan Dinasti Song terpaksa hijrah ke selatan Sungai Yangzi pada 1127 T.M. kerana diserang dari utara - Pen.], kewangan negara amatlah sukar, segala-galanya bergantung pada kapal laut."

Untuk menggalakkan perniagaan dengan luar negeri kaisar Dinasti Song mengambil beberapa tindakan yang berkesan seperti mengirimi utusan-utusan ke pelbagai negeri di Alam Melayu untuk mempererat hubungan persahabatan dan merayu supaya saudagarnya datang berniaga ke negeri China. Selain itu pada 1139 T.M., kaisar Dinasti Song pun mengeluarkan peraturan baru tentang promosi penjawat di bandar pelabuhan, ditentukan bahawa "penjawat yang berjaya memujuk kapal-kapal asing dan memungut bayaran cukai sampai 50 - 100 ribu untai wang, akan dinaikkan pangkatnya menurut ala kadarnya". Sedangkan seorang penjawat di bandar Guangnan yang bernama Yuan Fu, lantaran ada surat dakwaan dari raja Sriwijaya yang mengatakan bahawa "tahun kebelakangan ini telah menderita banyak kerugian dalam perdagangan bau-bauannya", maka penjawat itu dikenakan tindakan turun pangkat. Demikianlah tegasnya sikap kaisar Dinasti Song terhadap penjawat yang menguntungkan atau menjejaskan perniagaan dengan luar negeri. Dalam pada itu kerajaan Dinasti Song pun telah menyediakan pelbagai kemudahan bagi para saudagar asing yang datang berniaga dan turut memperdalam rasa persaudaraan antara dua bangsa.

Sudah tentu perniagaan antara negeri China dengan Alam Melayu juga menguntungkan negeri-negeri di Alam Melayu, terutama Sriwijaya yang merupakan pusat perniagaan antarabangsa dan pelabuhan transit di Asia Tenggara pada masa itu. Dalam penulisan sejarah Dinasti Song dan buku-buku yang ditulis pada zaman itu seperti *Zhu Fan Zhi* (Perihal Negeri-negeri Asing) yang ditulis oleh Zhao Ru Shi dapat dirujuk banyak catatan yang memperihalkan bagaimana saling menguntungkan dan saling melengkapi dalam perniagaan itu. Umumnya barang-barang yang dieksport ke negeri China adalah hasil mahsul dari Alam Melayu seperti gading, cula badak, mutiara, gaharu dan cendana, cengkik, pala, lada dan sebagainya. Sedangkan barang-barang yang diimport dari negeri China adalah kain sutera, alatan dan perabot dari lak dan besi, porselin dan seramik dan lain-lain yang biasa dihasilkan di negeri China. Jadi dari perniagaan itu masing-masing dapat saling melengkapi dan memenuhi

keperluannya. Maka kedatangan saudagar Cina ke Alam Melayu selalunya disambut dengan hangat dan mesra, sebagaimana dikatakan dalam *Song Shi* (Sejarah Dinasti Song) bahawa saudagar Cina yang datang berniaga selalu “dipelawa menginap di rumah tetamu dan disediakan makanan-makanan yang banyak dan bersih”.

Perniagaan yang saling menguntungkan dan saling melengkapi itu umumnya menerusi hubungan ufti, maka berutus-utusan antara negeri China dengan Alam Melayu tidak pernah putus dan sering berlaku. Menurut statistik yang tidak lengkap, semenjak Dinasti Song ditubuhkan pada 960 T.M. hingga 1178 T.M., selama 200 tahun lebih itu, Sriwijaya telah 36 kali mengirim utusannya ke negeri China, rata-rata tiga tahun sekali, itu yang rasminya sahaja, tidak terhitung kunjung-mengunjung yang dilakukan oleh kalangan yang tidak rasmi. Maka pada zaman Dinasti Song, Empayar Sriwijaya tetap merupakan negara di Alam Melayu yang paling erat hubungannya dengan China.

Hubungan perniagaan yang semakin erat dan luas antara Dinasti Song dengan Empayar Sriwijaya tidak hanya mendatangkan keuntungan ekonomi bagi kedua pihak, malah telah memperdalam rasa persaudaraan dan kesetiakawanan antara kedua bangsa. Dalam pergaulan kedua bangsa, bukan hanya kepentingan perniagaan sahaja yang ditekankan, juga kepentingan-kepentingan yang lain, asalkan yang dapat mempertebalkan rasa persaudaraan, tidak luput daripada perhatian masing-masing. Di sini boleh dikemukakan suatu contoh sejarah yang sangat tipikal untuk membuktikan bagaimana hubungan perniagaan yang saling menguntungkan dan melengkapi itu telah mendorong hubungan kebudayaan antara Empayar Sriwijaya dengan Dinasti Song. Contoh sejarah itu pun baru terdedah ketika ditemukan sebuah batu bersurat di bandar raya Guangzhou pada tahun 1959. Batu bersurat itu bertajuk: “Catatan Tentang Pembangunan Semula Kuil Tian Qing”, dibuat pada tahun 2 Tahun Yuan Feng (1079 T.M.).

Catatan dalam batu bersurat itu terutama untuk memuji amalan seorang Penghulu Besar Sriwijaya yang bernama Di Hua Jia Luo bahawa beliau telah sudi dan rela membiayai seluruh bayaran pembangunan semula Kuil Tian Qing. Kuil Tian Qing itu adalah sebuah kuil agama Taoisme, maka orang akan bertanya, mengapa seorang pembesar Sriwijaya yang menganut agama Buddha begitu mengambil berat terhadap kuil Taoisme itu. Dalam catatan batu bersurat itu kita boleh dapat sedikit rujukan tentang latar sejarahnya. Demikian catatannya:

Adapun ajaran Taoisme itu berpunca pada Lao Dan pada zaman Zhou [abad 11 S.M. - 256 S.M. - Pen.], berkembang pada zaman Dinasti Tang semasa Tang Ming Huang bertakhta [712 - 742 T.M. - Pen.] dan mencapai kemuncaknya pada zaman Dinasti Song semasa kaisar Zhen Zhong bertakhta [998 - 1022 T.M. - Pen.] ... Syahdan kaisar Zhen Zhong sangatlah menjunjung tinggi agama Taoisme, pada

tahun 22 Tahun Da Zhong Xiang Fu [1009 T.M. – Pen.] baginda pun mengeluarkan titah supaya di setiap keresidenan di seluruh negeri ditubuhkan Kuil Tian Qing. Oleh yang demikian maka agama Taoisme pun semakin berkembanglah. Di luaran Gunung Selatan di sebelah barat daya ibu negeri Guangfu (Kanton) juga ditubuhkan Kuil Tian Qing, maka agama Taoisme di sana lebih-lebih disanjung tinggi. Pada tahun 4 Tahun Huang You [1052 T.M. – Pen.] berkobarlah pemberontakan yang dipimpin oleh Nong Zhi Gao. Secara mengejut kaum pemberontak itu telah menyusuri Sungai Barat menyerbu ke luar kota Fan Yu (Guangzhou) dan Kuil Tian Qing pun tidak luput dari malapetaka, terbakar sampai hancur seluruhnya, tinggal puing-puingnya sahaja yang dibiarkan terlantar. Siapalah yang sanggup membangunnya semula? Kalau bukan orang yang kaya-raya dan yang memuliakan Taoisme, siapa lagi yang mahu menaruh perhatian kepadanya . . .

Jelaslah bahawa Kuil Tian Qing itu bukan sebarang kuil, melainkan kuil yang dibina atas titah perintah kaisar sebagai tanda menjunjung tinggi kedaulatannya. Tetapi sekarang kuil itu tinggal runtuhannya sahaja, tiada orang yang mampu membangunnya semula. Sesiapa yang berkenaan dan mampu membangunnya semula, beliau tentulah akan dipandang sebagai orang mulia yang berjasa besar kepada kaisar Dinasti Song dan akan mendapat pujian yang tinggi. Oleh itu ketika diketahui hal ehwalnya oleh seorang saudagar Sriwijaya yang bernama Zhi Luo Luo, segeralah dilaporkan kepada Penghulu Besar Sriwijaya yang bernama Di Hua Jia Luo. Dan Penghulu Besar itupun lantas mengambil keputusan menawarkan kesediaannya membiayai seluruh bayaran pembangunan semula kuil itu. Tawaran Penghulu Besar Sriwijaya itu diterima dengan sukacitanya oleh pihak Cina dan projek pembangunan semula Kuil Tian Qing itu dimulakan pada tahun 4 Tahun Zhi Ping (1067 T.M.). Ternyata projek pembangunan semula itu sangat besar dan kompleks, yang dirancang untuk dibangun semula meliputi pintu gapurnya, menara gentanya dan berbagai-bagai balai ruang besar seperti balai agung, rumah berhala, gedung pustaka, asrama biara, ruang makan dan lain-lain. Seluruh projeknya baru selesai pada tahun 2 Tahun Yuan Feng (1079 T.M.), mengambil masa sampai 12 tahun lamanya. Bagaimanapun pada masa itu orang memandangnya sebagai sebuah projek raksasa dan amat mengagumkan oleh kemegahan bangunan-bangunannya. "Semuanya serba lengkap dan megah, bersemarak bagaikan istana ideraloka. Bila angin silir-semilir, maka genta-genta pun berdentingan. Dan di bawah sinar matahari yang terang, atap gentingnya pun bergemerlapanlah memancarkan cahaya keemasan", demikian megahnya Kuil Tian Qing yang baru dibangun semula itu yang diceritakan dalam catatan batu bersurat itu. Dan tidak hanya itu sahaja, Penghulu Besar Sriwijaya itu masih ada sumbangan lain. Beliau telah menyediakan dana sebanyak "500 ribu wang emas" untuk membeli sawah ladang yang penghasilannya akan digunakan untuk membiayai keperluan sehari-hari

dari Kuil Tian Qing itu. Kerana amalan dan sumbangannya yang luar biasa itu, maka Penghulu Besar Sriwijaya Di Hua Jia Luo oleh Kaisar Song Zhen Zhong dianugerahi gelaran kehormatan "Panglima Besar Pembela Perabadian". Penghulu Besar Sriwijaya itu memang patut diberi penghargaan setinggi itu kerana beliau sangat giat dalam memajukan hubungan persahabatan antara Empayar Sriwijaya dengan Dinasti Song. Menurut catatan *Song Shi* (Sejarah Dinasti Song) pada tahun 10 Tahun Xu Ning (1077 T.M.) beliau sendiri melawat negeri China sebagai utusan raja Sriwijaya.

Dari fakta-fakta sejarah yang dikemukakan di atas kita dapat melihat bahawa hubungan perniagaan dan hubungan kebudayaan sudah tidak dapat dipisahkan lagi. Pada zaman Dinasti Song bandar Guangzhou adalah bandar niaga yang terbesar di China, 90% ke atas perniagaan dengan luar negeri termasuk dengan Sriwijaya dilangsungkan di bandar itu. Maka Sriwijaya sangat memandang berat terhadap bandar Guangzhou itu dan berusaha memelihara hubungan yang paling akrab dengannya. Penghulu Besar Sriwijaya Di Hua Jia Luo sesungguhnya seorang tokoh sejarah yang mempunyai pandangan jauh, beliau sudi dan rela mengeluarkan biaya yang begitu besar untuk usaha kebudayaan, justeru kerana beliau insaf bahawa hubungan perniagaan harus menunjang hubungan kebudayaan dan seterusnya hubungan kebudayaan akan mendorong maju hubungan perniagaan. Itulah yang menjadi salah satu ciri dari perkembangan hubungan antara Empayar Sriwijaya dengan Dinasti Song.

Kemudian Dinasti Yuan (1206-1368 T.M.) menggantikan Dinasti Song pada awal abad ke-13. Dinasti yang ditubuhkan oleh bangsa Mongol itu meneruskan apa yang telah dikuatkuasakan pada zaman Dinasti Song dalam hal hubungan perniagaan dengan luar negeri. Selepas menduduki provinsi Zhejiang dan Fujian, kerajaan Dinasti Yuan pun segera menubuhkan jabatan pentadbiran pelabuhan "Shi Po Si" di Quanzhou, Qingyuan (sekarang Ningbo), Sanghai dan Gan Ganbu, lalu pada 1278 T.M. memaklumkan kepada negeri-negeri di Alam Melayu bahawa perniagaan laut dilangsungkan semula. Semenjak itu perniagaan antara negeri China dengan Alam Melayu pun mulai sibuk lagi, terutama perniagaan di kalangan awam bertambah luas kerana teknik perkapalannya sudah lebih maju lagi. Menurut catatan seorang pengembara Arab yang bernama Ibn Battuta, konon pada zaman Dinasti Yuan kapal laut China "yang besar awak kapalnya sampai mencapai 1,000 orang, iaitu 600 awak kapal dan 400 perajurit pengawalnya, layarnya ada yang tiga dan ada juga yang sampai 12 banyaknya." Dengan kapal laut yang lebih besar dan lebih laju saudagar Cina yang berniaga ke Alam Melayu semakin ramai dan kedatangan mereka selalu dialu-alukan oleh penduduk negeri. "Saudagar Cina sangat dimuliakan, mabuk pun ada

orang yang menghantarkannya ke tempat penginapannya.” demikian diceritakan oleh seorang pujangga Dinasti Yuan yang bernama Wang Da Yan dalam bukunya yang bertajuk *Dau Yi Zhi Lue* (Catatan Ringkas Tentang Pulau-pulau Negeri Asing). Ini menandakan bahawa perniagaan yang berlangsung di kalangan awam terus memainkan peranan positif dalam memperakrab hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu.

Demikianlah hubungan antara negeri China dengan Alam Melayu yang telah berlangsung selama 1,500 tahun lebih. Hubungan itu terus berkembang dan meningkat dari zaman ke zaman, sama ada hubungan rasminya mahupun hubungan perniagaan dan kebudayaannya. Dan semua itu menyediakan prasyarat bagi Dinasti Ming yang terkemudian untuk meningkatkan hubungan itu ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

BAB 2

Sejarah Gemilang Hubungan China-Melayu pada Abad ke-15

Permulaan Hubungan Rasmi Dinasti Ming – Empayar Melaka

Sebagaimana dihuraikan dalam bab pertama, hubungan rasmi antara negeri China dengan Alam Melayu telah berlangsung selama 1,500 tahun lebih dan hubungan itu semakin meluas dan meningkat sejalan dengan perkembangan dan kemajuan zaman. Banyak yang patut dicatat dan dibanggakan dalam sejarah hubungan antara kedua-dua bangsa ini, namun yang paling gemilang dan paling patut dibanggakan adalah sejarah hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka pada abad ke-15. Lembaran sejarah ini patut dicatat dengan tinta emas kerana pencapaiannya tiada tandingannya lagi dalam sejarah kedua-dua bangsa.

Dinasti Ming ditubuhkan pada 1368 T.M., menggantikan Dinasti Yuan yang ditubuhkan oleh bangsa Mongol. Pada mulanya, kaisar Dinasti Ming yang pertama, iaitu Ming Tai Zhu, selama baginda berkuasa (1368 - 1399 T.M.) masih terus disibukkan oleh urusan dalam negeri. Pertama, baginda harus membasmi sisa-sisa kekuatan Dinasti Yuan yang masih berkumpul di daerah utara dan Yunnan untuk memperkuatkan kekuasaannya yang baru ditegakkan. Dalam pada itu, baginda harus berikhtiar memulihkan hasil pertanian yang terjejas lantaran perang yang berterusan. Oleh yang demikian, baginda tidak banyak peluang untuk memerhatikan soal hubungan luar negeri kecuali hubungan dengan bangsa Mongol yang di utara kerana masih banyak urusan dengan mereka. Pada umumnya Kaisar Ming Tai Zhu tidak mengambil inisiatif untuk membuka hubungan baru dengan negeri-negeri asing, sebaliknya demi kestabilan dan keamanan dalam negeri yang masih belum mantap, baginda pada tahun keempat Tahun Hong Wu (1371 T.M.) malah mengeluarkan perintah "mengharamkan penduduk di kawasan pantai sendiri berlayar ke luar laut" dan pada tahun ke-14 (1381

T.M.) mengeluarkan perintah lagi "mengharamkan penduduk di kawasan pantai sendiri berniaga dengan negeri-negeri asing". Kemudian pada tahun ke-23 (1390 T.M.) baginda sekali lagi mengeluarkan kenyataan "mengharamkan perhubungan dengan negeri asing" dan pada tahun ke-27 (1394 T.M.) mengeluarkan amaran "sesiapa yang berani berniaga sendiri dengan negeri-negeri asing akan dikenakan hukuman berat". Pada tahun ke-30 (1394 T.M.) baginda sekali lagi menyeratakan bahawa "mengharamkan rakyat sendiri berlayar ke luar laut dan berniaga dengan negeri asing tanpa izin". Dan dalam masa pengharaman itu semenjak tahun ketujuh (1374 T.M.) Kaisar Ming Tai Zhu pun telah memansuhkan tiga jabatan pentadbiran pelabuhan "Shi Po Si" di Guangzhou, Quanzhou dan Ningbo. Mengapa Kaisar Ming Tai Zhu berulang-ulang dan begitu keras mengharamkan rakyat berlayar ke luar laut dan berniaga dengan negeri asing? Sebabnya yang utama ialah menjaga kestabilan dan keselamatan kekuasaan Dinasti Ming yang baru sahaja ditegakkan, kerana pada masa itu lanun dari dalam dan luar negeri sedang bermaharajalela di sekitar kawasan pantai tenggara China. Selain diharamkan berlayar dan berniaga, utusan-utusan negeri asing yang datang mempersembahkan ufti juga dihadkan hanya boleh "tiga tahun sekali" dan barang-barang persembahannya pun dihadkan jumlahnya, kerana Kaisar Ming Tai Zhu menganggap bahawa "persembahan ufti itu terlalu kerap, pengeluaran biayanya terlalu besar, tidak berkenan di hati kita". Tindakan-tindakan Kaisar Ming Tai Zhu itu sudah tentu mendatangkan kesan negatif, maka hubungan China dengan Alam Melayu pun semakin renggang pada masa permulaan Dinasti Ming.

Selepas Kaisar Ming Cheng Zhu bertakhta (1403 - 1424 T.M.) keadaan dalam negeri semakin tenteram dan stabil, hasil negeri pun semakin maju dan berkembang, maka wujudlah kemakmuran negara, "gudangnya penuh dengan simpanan, masyarakatnya aman sentosa". Maka tibalah masanya bagi Kaisar Ming Cheng Zhu untuk menumpukan perhatiannya terhadap soal hubungan dengan luar negeri. Baginda mengembalikan dan mengembangkan kejayaan dalam bidang diplomatik yang telah dicapai oleh dinasti-dinasti yang lalu. Tindakan pertama yang diambilnya pada tahun pertama Tahun Yong Le (1403 T.M.) ialah memulihkan tiga jabatan pentadbiran pelabuhan "Shi Po Si" di Guangzhou, Quanzhou dan Ningbo. Lalu pada 1405 T.M. membangun tiga balai tetamu iaitu Balai Huai Yuan di Guangdong, Balai Lai Yuan di Fujian dan Balai An Yuan di Zhijiang untuk menggalakkan perniagaan dengan negeri asing menerusi "persembahan ufti". Tindakan selanjutnya ialah mengirim utusan ke pelbagai negeri untuk menghebahkan politik luar negerinya dan membuka hubungan diplomatik dengan negeri-negeri yang bersahabat. Kaisar Ming Cheng Zhu menitikberatkan politik luar negerinya pada dua aspek. Pertama menjalin hubungan baik dengan negeri-negeri di

sekitar dengan menyebarkan kebesarannya dan kewibawaannya ke merata-rata tempat, supaya negeri-negeri di sekitar mengakui Dinasti Ming sebagai “Kerajaan Atasan” dan bersedia mempersembahkan upeti. Oleh yang demikian Dinasti Ming boleh berada dalam lingkungan antarabangsa yang damai dan rukun. Kedua, memajukan dan menggalakkan perniagaan dua hala dengan negeri asing dengan mewujudkan “persembahan upeti”, agar ekonominya bertambah maju dan makmur. Dalam mengamalkan politik luar negeri itu, yang paling berjasa ialah Laksamana Zheng He (Sampo Kong) dengan armada raksasanya yang termasyhur. Pada tahun 1405 beliau untuk pertama kali dititahkan oleh Kaisar Ming Cheng Zhu memimpin armada raksasa untuk melakukan lawatan muhibah ke Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat. Orang tercengang melihat begitu besar dan hebatnya armada yang dipimpin oleh Laksamana Zheng He itu. Kapalnyanya yang terbesar panjangnya sampai kira-kira 138 meter dan lebarnya kira-kira 56 meter, boleh memuat barang seberat 2,500 tan dan penumpang 1,000 orang. Jumlah kapal yang tergabung dalam Armada Zheng He adalah 100 sampai 200 buah dan jumlah anak buahnya (termasuk pegawai, awak kapal dan askar) antara 27,000 sampai 28,000 orang. Besar dan kuatnya Armada Zheng He itu tiada tandingannya lagi di dunia pada masa itu. Berbeza dengan armada negeri Barat yang datang untuk menjajah, Armada Zheng He tidak pernah mencerooboh atau merampas sebuah negeri pun, melainkan yang selalu dilakukannya hanyalah menyebarkan benih-benih persahabatan dan perdamaian serta memajukan perniagaan yang menguntungkan kedua-dua belah pihak. Laksamana Zheng He telah tujuh kali memimpin armada raksasanya melawat ke Lautan Barat (iaitu lautan yang meliputi Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat) dan tiap kali mendapat sambutan yang mesra dan meriah daripada raja dan rakyat negeri yang dikunjunginya. Ma Huan, seorang cendekiawan Muslim Cina yang mendampingi Laksamana Zheng He sebagai jurubahasanya, dalam buku kisah pelayarannya yang bertajuk *Ying Ya Shen Lan* (Pemandangan Indah di Tepi Laut Seberang) telah mengungkapkan betapa mesra dan meriahnya sambutan itu dalam sebuah sajak:

Di mana surat kaisar tiba,
Di situ gemuruh riang gembira.
Raja negeri dan ketua penghulu,
Berlumba pergi mengalu-alu.

Kejayaan Laksamana Zheng He dalam mengamalkan misinya itu menunjukkan bahawa politik luar negeri Kaisar Ming Cheng Zhu yang berasaskan persahabatan, perdamaian dan perniagaan yang saling menguntungkan telah mendapat sambutan baik di negeri-negeri sekitar.

Politik luar negeri yang dijalankan oleh Kaisar Ming Cheng Zhu itu adalah lanjutan daripada politik yang sudah dirintis oleh dinasti-dinasti yang terdahulu, tetapi ditingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi sesuai dengan kemajuan zamannya. Maka ketika mula mengorak langkah, Alam Melayu sudah tentu menjadi salah satu pusat perhatiannya. Pada 1403 T.M., selepas ditabalkan Kaisar Ming Cheng Zhu segera mengirimi utusan ke Alam Melayu untuk membuka hubungan baru, dan negeri Melaka adalah sasarannya yang pertama. Bagaimana proses pembukaan hubungan diplomatik antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka itu ada catatannya yang agak lengkap dalam *Ming Shi* (Sejarah Dinasti Ming). Berikut ini catatannya:

Melaka letaknya di sebelah selatan Campa. Kalau berlayar dengan angin paksa maka lapan hari boleh tiba di Lang Ya Men (Lingga), belayar lagi dua hari ke arah barat maka tibalah di Dun Sun (Tenasserim), Tang Ge Luo Sha (Segenting Kra). Bulan 10 tahun pertama Tahun Yong Le (1403 T.M.) Kaisar mengutus Menteri Dalam Yin Qing ke negeri itu untuk menghantarkan bingkisan yang berupa sutera dewangga, kunci emas, tabir-mabir dan lain-lain. Adapun negeri itu tidak beraja, juga tidak disebut negara, takluk kepada Siam, tiap tahun mempersembahkan emas 40 tahlil sebagai ufti. Setelah tiba, maka Yin Qing pun menghebahkan kedaulatan dan keluhuran budi kaisar dan menyampaikan jemputan supaya datang menghadap. Kepala negerinya Parameswara sangat bersukacita dan disuruhnya pula seorang utusan mengikuti Yin Qing pergi menghadap kaisar serta mempersembahkan barang-barang hasil mahsul. Bulan 9 tahun 3 (1405 T.M.) tibalah di ibu negeri. Kaisar pun sangat memujinya, maka mengiktirafkannya sebagai Raja Negeri Melaka dan menganugerahkan cap kempa, macam-macam wang, pakaian kerajaan, payung iram-iram kuning, menyuruh Yin Qing pergi semula ke Melaka.

Hatta maka utusan Melaka pun berdatang sembah: "Raja hamba mengagumi keadilan, ingin berjiran sebagai negeri bawahan dengan Tiongkok, tiap tahun mempersembahkan ufti, maka mohon dirasmikanlah sebuah bukit sebagai tiang seri negara." Permohonan itupun dikabulkan oleh kaisar dan disuruh buat batu bersurat untuk ditegakkan di gunung itu, dan di bahagian akhirnya diterakan sebuah puisi yang berbunyi:

Dari samudera barat daya sampai ke Tiongkok alam menyambung,
berjuta tahun sama-sama dirahmati langit dan bumi dengan berkat dan untung.
Bersehati mesra disinari suria dan candra dengan cahaya nan lembayung,
bertumbuh subur rumput pokok disirami hujan dan embun yang melindungi.
Bersemarak kesuma kencana memancarkan warna-warni kilau nan membubung,
nun, di situlah berdiri sebuah negeri dengan rakyatnya yang menjunjung
adat agung.
Rajanya bijak dan adil tiada lalai berdatang kunjung,
berikhtiar lebih daripada jirannya mematuhi adab unggun yang dijunjung.
Keluar masuk diarak pengiring dengan berapit payung-mayung,
adat resam daripada nenek-moyang dengan khidmat sentiasa dipangung.

Syahdan bersuratlah pada batu mulia memuji bakti setia nan tak pernah urung, di bukit barat negerimu bertegak megah selama peredaran dunia berlangsung. Penjaga gunung dan laut bagaikan pengawal selalu taat mendukung, nenek-moyang berkenan turun bermukim di alam nan bercakerawala lengkung. Dinaungi nujum mulia negerimu kian hari kian makmur beruntung, dan anak cucumu sekaliannya bertuah bahagia tiada berhujung.

Yin Qing tiba semula di negeri Melaka, maka rajanya pun bertambah sukacitanya. Yin Qing diperlakukannya dengan kehormatan yang berlipat ganda.

Dengan pengiktirafan itu batu sendi pertama bagi hubungan silaturahim yang akrab antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka telah diletakkan oleh Kaisar Ming Cheng Zhu dan Raja Parameswara. Menurut catatan Sejarah Dinasti Ming, semenjak tahun 5 Tahun Yong Le (1407 T.M.) Raja Melaka mulai mengirim utusan untuk mempersembahkan ufti dan tahun berikutnya Laksamana Zheng He pun diutus ke Melaka oleh Kaisar Ming untuk menghantarkan bingkisan yang berupa pelbagai jenis sutera dewangga kepada Raja Melaka; lalu pada 1409 T.M. Raja Melaka mengirim utusan lagi untuk mempersembahkan barang-barang hasil mahsul, dan Kaisar Ming pun menitahkan Menteri Protokol menghadihkan berjenis-jenis wang kepada Raja Melaka. Semenjak itulah berutus-utusan antara dua pihak kian bertambah kerap.

Pada umumnya apa yang dicatat dalam *Sejarah Dinasti Ming* itu boleh diterima sebagai data sejarah yang sahih. Catatan-catatan yang dikemukakan di atas telah menyerlahkan seluruh proses pembukaan hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka. Ada beberapa hal yang boleh dipastikan:

Pertama tentang tarikhnya, dengan tegas dinyatakan bahawa langkah pertama untuk membuka hubungan itu dimulakan pada 1403 T.M. dan yang mengambil inisiatif adalah Kaisar Ming Cheng Zhu yang mengutus seorang menteri ke Melaka pada tahun itu.

Kedua tentang reaksi dari Raja Melaka terhadap jemputan Kaisar Ming, ternyata Raja Melaka Parameswara mengambil sikap yang positif sekali. Baginda segera mengutus seorang wakil baginda pergi menghadap Kaisar Ming untuk merealisasikan pengiktirafan Dinasti Ming terhadap Empayar Melaka.

Ketiga tentang keinginan dan kesungguhan yang sama daripada kedua pihak untuk menjayakan pembukaan hubungan rasmi itu. Raja Melaka sangat memuji keadilan dan keluhuran budi Kaisar Ming dan menyatakan keikhlasannya untuk berjiran baik dengan negeri China. Begitu pula Kaisar Ming sangat memuji keikhlasan yang dinyatakan oleh Raja Melaka dan mengharapakan persahabatan yang akrab antara kedua bangsa dapat dipelihara terus dari generasi ke generasi. Hal yang demikian dapat dilihat dari syair pujian yang dituliskan pada batu tugu untuk diabadikan.

Ada satu hal yang nampaknya kecil sekali, tetapi dapat memperlihatkannya betapa pihak Dinasti Ming telah mengambil berat dalam membuka hubungan dengan Empayar Melaka. Hal itu tidak dicatat dalam *Sejarah Dinasti Ming*, tetapi dicatat dalam sebuah buku sejarah yang bertajuk *Shu Yu Zhou Zu Lu* (Rekod Hal Ehwal Negeri-Negeri Asing). Demikian catatannya:

Kaisar mengetahui kehandalan Jiang Yi dalam hal menulis, maka baginda memberinya sehelai kertas surat naga emas dan menyuruhnya menuliskan titah kaisar ke atasnya. Dengan tidak disengaja ada satu perkataan telah ketinggalan, maka Jiang Yi berdatang sembah: "Kerana hamba terlalu takzim dan was-was maka berlaku seumpama itu." Kaisar pun bertitah: "Kita pun ada kalanya berbuat kekhilafan, kertas surat itu sukar diperolehi, biarlah ditambahkan sahaja perkataan yang ketinggalan itu di sampingnya." Jiang Yi bersembah lagi: "Adapun surat itu untuk yang di negeri jauh, maka seeloknya jangan disayangkan kertasnya." Kaisar pun sangat membenarkan, maka segera memberinya lagi kertas yang baru untuk ditulis semula.

Apa perlunya soal remeh-temeh seperti kesilapan satu perkataan sahaja dicatat juga dalam buku sejarah? Soalnya bukan setakat terletak pada kesilapannya tetapi pada maknanya yang penting. Kalau Kaisar Ming pun merasa sayang sekali, maka kertas naga emas itu tentu amat mahal dan sukar sekali diperolehinya, tetapi kerana itu adalah surat rasmi dari Kaisar Ming yang akan dihantarkan kepada Raja Melaka, maka sedikit pun tidak boleh ada cacatnya yang boleh menimbulkan rasa kurang hormat. Sikap bersungguh-sungguh dan sikap menghormati terhadap orang lain itulah yang lebih penting dan lebih berharga dan itulah yang dipertahankan oleh pihak Dinasti Ming dalam membina hubungannya dengan Empayar Melaka. }

Kesahihan memang penting sekali ketika merujuk data-data sejarah yang tercatat dalam buku sejarah pada zaman lampau, tetapi kesahihan itu adakalanya dikaburkan oleh cara dan pandangan si penulis dalam penampilannya. Misalnya, dalam catatan *Sejarah Dinasti Ming* yang dikemukakan di atas itu ada dua tempat yang menjadi soalan. Pertama, apakah benar ketika Yin Qing tiba di Melaka pada 1403 T.M. Melaka masih belum beraja dan masih belum disebut sebagai negara? Kedua, apakah benar Raja Melaka yang pertama itu selepas diiktirafkan oleh Kaisar Ming baru menjadi raja Melaka secara rasmi?

Untuk menjawab kedua-dua soalan itu kita perlu memahami dahulu alam fikiran orang pada zaman dahulu. Pada zaman dinasti feudal, kaisar selalu menganggap dirinya maharaja yang memiliki kedaulatan yang tertinggi dan mutlak, berdiri di atas segala-galanya sebagai pusat dunia sekitar. Negaranya adalah "Negara Atasan", maka negeri-negeri yang di sekitar kalau mahu mengadakan hubungan rasmi dengannya harus menyatakan takluk atau tunduk kepadanya dan bersedia mempersem-

bahkan ufti. Oleh itu raja yang bukan atau belum diiktirafnya tidaklah diakui sebagai raja, juga negara yang bukan atau belum dirasmikannya tidak disebut negara. Fahaman raja feudal seperti itu memang sudah lazim pada zaman feudal dahulu, tidak hanya berlaku di negeri China sahaja. Atas fahaman itu maka Parameswara mula-mula tidak diakui sebagai raja kerana belum diiktiraf oleh Kaisar Ming, hanya disebut sebagai “kepala negeri” sahaja. Jadi tidak hairanlah kalau dalam catatan *Sejarah Dinasti Ming* dikatakan bahawa “negeri itu tidak beraja, juga tidak disebut negara”. Sebenarnya ketika Yin Qing untuk pertama kali tiba di Melaka Parameswara sudah menjadi Raja Melaka. Itupun terserlah dalam catatan yang sama, misalnya utusan Melaka itu dalam persembahannya telah menyebut “raja hamba”, juga dalam syair Kaisar Ming telah dikatakan “rajanya bijak dan adil”. Utusan Melaka itu bermohon supaya rajanya diiktiraf dan sebuah bukitnya dirasmikan sebagai “tiang seri negara”. Itu pada hakikatnya adalah satu tindakan diplomatik untuk mendapatkan pengiktirafan rasmi dari Dinasti Ming terhadap Empayar Melaka. Dan apa yang disebut “negeri atasan” dan “negeri bawahan” itu pun hanya secara nominal sahaja, secara amalan Dinasti Ming tidak pernah bertindak sebagai “negeri atasan” yang menguasai atau Empayar Melaka berlaku sebagai “negeri bawahan” yang tunduk kepada Dinasti Ming, melainkan Kaisar Ming selalu menghormati Raja Melaka dan memperlakukannya sebagai raja yang berdaulat penuh. Hal sedemikian dapat dilihat kelak dari lawatan-lawatan Raja Melaka ke negeri China. Demikian juga halnya tentang persoalan “persembahan ufti”. Sebaik-baiknya dipandang sebagai satu perwujudan dari perniagaan rasmi dua hala yang dilakukan oleh kedua-dua kerajaan. Pada zaman itu perniagaan dengan negeri asing dipegang oleh kerajaan. Bagi negeri asing yang ingin berniaga dengan negeri China, salurannya yang paling berkesan adalah saluran “persembahan ufti”. Dalam perniagaan menerusi “persembahan ufti” itu, Kaisar Ming selalu menjalankan politik “lebih banyak memberi daripada menerima”. Persembahan barang-barang ufti dari negeri asing selalu dibalas dengan penganugerahan yang lebih banyak demi menunjukkan kebesaran dan kemurahan hati Kaisar Ming, agar sanjungan dari luar negeri bertambah banyak dan luas. Sebenarnya yang dipersembahkan sebagai ufti hanya sebahagian kecil daripada barang-barang yang dibawa oleh utusan negeri asing, selebihnya boleh diperdagangkan di pasaran China. Jadi jelas “persembahan ufti” itu hanya nama sahaja, hakikatnya adalah perniagaan dua hala.

Jika dapat memahami hakikatnya maka kita tidak mudah disesatkan oleh gejala lahiriahnya, dan dua persoalan di atas juga tidak sukar untuk mencari jawapannya. Dalam catatan *Sejarah Dinasti Ming* itu yang boleh kita pastikan kesahihannya pertama ialah tentang tarikh pengiktirafan

Dinasti Ming terhadap Empayar Melaka, bukan tarikh penubuhan Empayar Melaka; kedua tentang rajanya yang pertama adalah Parameswara, tetapi bukan baru menjadi raja selepas diiktiraf oleh Kaisar Ming. Bila Empayar Melaka ditubuhkan, dalam *Sejarah Dinasti Ming* tidak ada catatan yang boleh memberi penjelasan kepada kita.

Selain sumber dari China sebaiknya kita selami juga sumber dari Dunia Melayu dan kita adakan perbandingan agar dapat saling melengkapi. Kalau mahu mencari sumber dari Dunia Melayu, sudah pasti *Sejarah Melayu* adalah yang paling utama dalam kepustakaan Melayu dan mungkin juga yang satu-satunya dapat memberi rujukan kepada kita. Tentang *Sejarah Melayu* sudah banyak dibahas oleh sarjana-sarjana dalam dan luar negeri dan pendapat mereka pun bersimpang-siur. Ada yang menganggapnya sebagai buku hikayat sahaja yang mengandungi banyak cerita mitos yang tidak dapat diterima akal, maka sudah hilang sifat sejarahnya. Tetapi banyak sarjana yang menganggap bahawa *Sejarah Melayu* tetap mempunyai unsur-unsur sejarahnya dan cerita-ceritanya tetap berdasarkan sesuatu peristiwa sejarah yang sebenar. *Sejarah Melayu* memang sebuah buku yang istimewa dan sangat unik, tidak dapat secara mudah sahaja mengiakan-nya atau menidakkannya sebagai buku sejarah atau hikayat mitos. Benarlah kejadian-kejadian yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu* kebanyakan tidak dapat dipandang sebagai data sejarah yang sahih, selain tidak ada tarikh penanggalannya, juga kadang-kadang tidak masuk akal. Tetapi kalau dianalisis dengan lebih mendalam, maka akan terasa di sebalik cerita-ceritanya bukan sama sekali tidak ada unsur sejarahnya. *Sejarah Melayu* selain daripada buku hikayat biasa, ia disusun atas titah sultan untuk menuturkan "peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu, syahdan beroleh faedahlah ia daripadanya" (lihat Mukadimah *Sejarah Melayu*). Jadi jelas *Sejarah Melayu* itu mempunyai sifat didaktik, iaitu dengan menceritakan sejarah Kerajaan Melayu dan riwayat raja-rajanya dan adat istiadatnya sekali supaya anak cucu bangsa Melayu tidak akan melupakan sejarah bangsanya yang pernah begitu gemilang sehingga tidak kehilangan maruahnya terutama semasa bangsanya sedang menghadapi bahaya ancaman daripada kaum penjajah Barat. Untuk memberi pendidikan kepada anak cucunya yang kemudian, maka si penyusun sedaya-upaya mengumpulkan segala bahan yang dapat diperolehinya dan dimanfaatkannya, sama ada yang benar atau yang khayal, lalu diubahsuaikan menurut pandangannya dan disusun semula sehingga menjadi suatu sejarah yang lengkap tentang perkembangan Kerajaan Melayu semenjak nenek-moyangnya sehingga kejatuhan Melaka. Tidaklah dapat dinafikan bahawa di dalamnya terkandung

banyak unsur sejarah, tetapi juga tidak dapat dinafikan bahawa di dalamnya terlalu banyak unsur rekaan sehingga tidak dapat dipertanggungjawabkan kesahihannya. Yang penting bagi kita ketika merujuk *Sejarah Melayu*, bukanlah mencari data-data sejarahnya yang sahih, melainkan menggali maklumat sejarah atau simbol sejarah yang terkandung dalam kisah-kisahanya.

Dalam menuturkan "peri peristiwa dan peraturan segala raja-raja Melayu", *Sejarah Melayu* pun tidak lupa menghebahkan kejayaannya dalam bidang diplomatik, supaya diketahui juga oleh segala anak cucu yang kemudian. Dan dalam bidang ini hubungan antara Melayu dengan China mendapat tempat yang penting sekali, dan diceritakannya secara berulang-ulang. Mula dari Alkisah yang pertama sudah dikisahkan bagaimana bermulanya hubungan itu, kemudian dalam tahap sejarah yang berbeza-beza dikisahkan lagi bagaimana hubungan itu berkembang dan menjadi semakin erat. Boleh dikatakan bahawa *Sejarah Melayu* cuba mengungkapkan sejarah hubungan Melayu-China dalam seluruh proses perkembangannya yang dibahagi pada tiga tahap dan peringkat semenjak permulaannya hingga masa kegemilangannya pada abad ke-15.

Tahap dan peringkat pertama daripada hubungan Melayu-China itu dituturkan dalam Alkisah Cetera yang Pertama. Alkisah yang Pertama ini terutama menceritakan asal-usul nenek-moyang raja-raja Melayu, iaitu kejadian-kejadian pada masa prasejarah Kerajaan Melayu. Dikisahkan bahawa Raja Suran yang di Hindustan itu berasal dari turunan Raja Iskandar Zulkarnain dan menjadi datuk nenek yang langsung kepada raja Melayu yang pertama. Maka bermula dari Raja Suranlah dikisahkan bagaimana bermulanya hubungan antara datuk nenek raja-raja Melayu itu dengan Raja China. Baiklah kita lihat dahulu apa yang dikisahkannya.

Kata sahibul hikayat, Raja Suran itu adalah raja yang paling besar dan paling berkuasa, "segala raja-raja dari Masyrik lalu ke Maghrib sekaliannya takluk kepadanya, melainkan benua China juga yang tiada takluk kepada Raja Suran". Maka Raja Suran pun berkira-kira hendak menyerang benua China. Baginda mengerahkan tentera sebanyak "seribu ratus laksa" orang dan ketika bala tentera yang dahsyat itu sampai di Temasik, maka khabarnya pun kedengaran di negeri China. Raja Cina pun segera bermesyuarat dengan menteri-menterinya untuk mencari jalan penolak bala itu. Akhirnya jalan yang dipilihnya bukanlah jalan peperangan yang akan mengakibatkan penumpahan darah besar-besaran daripada kedua pihak, melainkan jalan perdagangan yang boleh mengurungkan niat Raja Suran untuk menyerang benua China. Maka diperbuatkan sebuah pilu, lengkap dengan muatan jarum-jarum seni yang sudah berkarat, kayu kesmak dan pokok bidara yang sudah berbuah, lalu orang tua-tua yang sudah tanggal giginya disuruh naik pilu

itu dan berlayar ke Temasik. Selepas mendengar keterangan dari orang tua-tua itu yang mengatakan bahawa ketika mereka berlepas usianya baru 12 tahun, jarum-jarum seni yang berkarat itu tadinya seperti lengan besarnya dan pokok-pokok yang berbuah itu baru sahaja ditanamkan bibitnya, maka Raja Suran pun mengeluh: "Jikalau seperti kata Cina itu, terlalu jauh benua China itu; manakala kita sampai ke sana? Baiklah kita kembali." Demikianlah suatu malapetaka penumpahan darah yang mengerikan dapat dihindari berkat kecerdikan dan kearifan Raja China.

Cerita tentang Raja Suran hendak menyerang benua China itu ternyata hanya suatu rekaan sahaja yang tiada dasar fakta sejarahnya. Kalau dipandang dari segi historiografi mungkin sama sekali tiada ertinya. Tetapi kalau dipandang dari segi yang lebih luas dan lebih mendalam, rasanya masih ada sesuatu yang boleh diserap sebagai maklumat sejarah atau simbol sejarah. Misalnya, mengapa yang dijadikan datuk nenek-raja Melayu adalah Raja Suran yang di Hindustan dan yang berasal dari turunan Iskandar Zulkarnain, itu tentu ada kaitannya dengan latar sejarah kebudayaan, mengingat kebudayaan Hindu pada masa awal pernah dominan di Alam Melayu dan kemudian kebudayaan Islam. Demikian juga halnya, kisah tentang Raja Suran hendak menyerang benua China itu yang penting bukanlah apakah benar peristiwa itu pernah berlaku dalam sejarah, yang penting adalah maklumat sejarah atau simbol sejarah yang tersirat di dalam kisah itu, iaitu hubungan Melayu-China sudah dimulakan oleh nenek-moyang masing-masing pada masa awal lagi. Juga kisah tentang helah dan siasat Raja China untuk menghindari perang bukanlah suatu dongeng yang tidak bermakna. Kisah itu sebenarnya memperlihatkan tanggapan bangsa Melayu terhadap China pada zaman dahulu – China bukan sahaja besar dan luas, tetapi juga mencintai damai dan bijaksana, lebih suka berdamai dan bersahabat daripada berperang dan berseteru. Akhirnya perang besar-besaran antara Raja Suran dengan Raja China dapat dihindari, itupun mengandungi makna simbol sejarah, iaitu antara kedua-dua bangsa semenjak nenek-moyangnya memang tidak pernah berlaku peperangan yang mengakibatkan permusuhan.

Tahap dan peringkat kedua daripada hubungan Melayu-China dituturkan dalam Alkisah Cerita yang Kedua. Alkisah ini khas menceritakan riwayat Raja Melayu yang pertama, iaitu Sang Sapurba. Sejak Raja Melayu yang pertama inilah hubungan Melayu-China mulai diletakkan di atas dasar yang lebih rasmi dan mantap. Dikisahkan bahawa selepas Sang Sapurba menubuhkan Kerajaan Melayu yang pertama, maka Raja China pun segera mengirim utusan untuk meminang puteri baginda. Pinangan Raja China itu diterima oleh Sang Sapurba dengan sukacitanya, kerana Raja Melayu yang pertama itu menganggap bahawa di dalam alam ini tidak ada "negeri besar lebih daripada benua

China", dan perkahwinan itu tentu dapat mempererat hubungan antara kedua kerajaan, "supaya bersambunglah Raja Melayu dengan Raja China". Dan Raja China pun sangat mengambil berat akan perkahwinannya dengan puteri Raja Melayu yang pertama itu, kerana perkahwinan itu akan mengakrabkan hubungan China-Melayu. Demikian dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*:

Maka terlalu suka hati Raja China oleh beroleh puteri anak raja dari Bukit Seguntang itu. Maka disambut baginda dengan sempurnanya kebesaran dan kemuliaan, lalu diperisteri baginda; beranak bercuculah baginda dengan tuan puteri itu. Daripada anak cucu baginda jadi Raja China turun temurun datang sekarang ini.

Rupanya kisah ini pun rekaan belaka, tidak ada tarikh penanggalannya dan dalam penulisan sejarah China pun tidak dapat satupun catatan atau rujukan yang boleh membenarkannya. Namun demikian, kalau dilihat dari segi lain, bukankah di dalamnya juga terkandung suatu isyarat sejarah yang hendak menyatakan bahawa sejak Kerajaan Melayu yang pertama itu ditubuhkan, kedua-dua pihak sama-sama mempunyai hasrat untuk mempererat hubungan mereka dan mengharapkan supaya hubungan itu dapat ditingkatkan ke peringkat yang lebih tinggi sehingga menjadi lebih akrab dan intim sebab sudah dijalin dengan pertalian darah yang berasal dari titisan darah Raja Iskandar Zulkarnain. Begitu juga episod yang menceritakan bagaimana seorang anak satria Cina sangat dikasihi oleh Raja Melayu yang pertama Sang Sapurba dan kemudian dirajakan oleh baginda di negeri Palembang arah ke hulu dan "daripada anak cucunya jadi raja di Palembang datang sekarang ini". Itupun lebih baik kita pandang dari makna simbol sejarahnya, iaitu sejak Kerajaan Melayu yang pertama bangsa Melayu dan bangsa Cina sudah hidup bersama-sama dengan rukun dan serasinya.

Tahap dan peringkat yang ketiga daripada hubungan Melayu-China dituturkan dalam Alkisah Cetera yang Kelima Belas. Alkisah ini menceritakan bagaimana hubungan Melayu-China mencapai kegemilangannya pada zaman Empayar Melaka dan Dinasti Ming. Baiklah kita lihat bagaimana dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* tentang proses pembukaan hubungan rasmi antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming:

Kata sahibul hikayat, maka tersebutlah perkataan Raja China. Telah kedengaran khabar kebesaran raja Melaka itu ke benua China, maka Raja Chinapun mengutus ke Melaka; bingkisnya jarum sarat sebuah pilu, lain daripada itu sutera, benang emas, kamkha dewangga dan beberapa benda yang gharib-gharib. Telah datang ke Melaka maka disuruh Sultan Mansur Syah sambut surat itu, disuruh arak seperti surat dari Siam. Telah datanglah ke balairung, maka disambut oleh bentara diberikan kepada khatib, maka dibaca oleh khatib, demikian bunyinya:

“Surat dari bawah cerpu raja langit, datang ke atas mahkota raja Melayu, bahawa kita dengar raja Melaka raja besar, sebab itulah maka kita hendak bersahabat dan berkasih-kasih dengan raja Melaka, kerana kita pun daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, sebangsa juga dengan raja Melaka, kerana tiada raja di alam ini yang terlebih besar daripada kita, tiada siapa pun tahu akan bilangan rakyat kita; dan daripada sebuah rumah sebilah jarum kita pintaki, itulah jarumnya sarat sebuah pilu kita kirimkan ke Melaka.”

Telah mendengar bunyi surat itu, Raja Melaka pun tidak mahu kalah, maka segera dikirimnya pula seorang utusan ke negeri China dengan bingkisnya sagu rendang sarat sebuah pilu. Ketika ditanya oleh Raja China bagaimana cara membuat sagu rendang itu, utusan Melaka pun menjawab: “Digelek, Tuanku, pada seorang sebiji, disuruh oleh raja kami menggelek dia, hingga sarat sebuah pilu; demikianlah peri banyaknya rakyat raja kami. Tiada seorang jugapun tahu akan bilangannya.” Mendengar keterangan itu raja Chinapun sangat kagum dan berkata: “Besar Raja Melaka ini; banyak sungguh rakyatnya, tiada berapa bezanya dengan rakyat kita. Baiklah ia kuambil akan menantuku.” Demikianlah mula tersingkapnya hubungan antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming menurut cerita dalam *Sejarah Melayu*.

Kalau dibandingkan dengan catatan Sejarah Dinasti Ming, jelas kisah dalam *Sejarah Melayu* itu lebih bersifat naratif cereka yang sukar diterima sebagai fakta sejarah yang sebenar. Pertama, kita lihat tarikh berlakunya peristiwa selain kabur juga salah. Dalam Sejarah Dinasti Ming tegas dinyatakan bahawa yang mula pertama membuka hubungan diplomatik antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming dari pihak Melaka adalah Parameswara, Raja Melaka yang pertama, namanya sudah muncul dalam catatan Sejarah Dinasti Ming sejak tahun 1403; bukanlah Sultan Mansur Syah, Raja Melaka yang keenam yang namanya baru muncul dalam catatan Sejarah Dinasti Ming pada 1460 T.M. Lalu kisah tentang jarum sepilu dan sagu rendang sepilu, itupun jelas suatu rekaan belaka yang hendak menyatakan kedua raja sama besarnya dan agungnya. Meskipun kisah-kisah dalam *Sejarah Melayu* itu tidak dapat diterima sebagai data sejarah yang sahih, namun itu tidak bererti bahawa ia tidak ada nilai sejarahnya. Kalau dibandingkan dari catatan-catatan dalam Sejarah Dinasti Ming, maka dari kisah *Sejarah Melayu* pun kita dapat menemukan bayangannya dan pembuktiannya tidak secara langsung.

Pertama, dari kisah *Sejarah Melayu* itu dapat dibuktikan bahawa benar Kaisar Ming yang mula-mula pertama mengirim utusannya ke Melaka untuk menghantarkan bingkisan yang berupa sutera dewangga dan lain-lain, tetapi tentu tidak dengan jarum yang sepilu itu, lalu menghebahkan kebesaran kaisar China dan menyampaikan jempunan supaya raja Melaka bersahabat dengan Dinasti Ming.

Kedua, dari kisah *Sejarah Melayu* itu telah terbukti pula bahawa Raja Melaka segera mengirimi utusannya ke negeri China untuk membalas undangan Kaisar Ming dan merealisasikan pembukaan hubungan rasmi antara kedua-dua kerajaan.

Ketiga, dari kisah *Sejarah Melayu* itu juga boleh diketahui bahawa Kaisar Ming dan Raja Melaka masing-masing ada mengirimi surat untuk menyampaikan salam bahagia, harapan yang mulia dan pujian yang ikhlas. Pada masa itu mestinya sudah ada pegawai yang memahami kedua bahasa.

Keempat, dari kisah *Sejarah Melayu* itu juga terbayang bahawa proses pembukaan hubungan rasmi itu dapat diselesaikan dalam masa yang singkat sekali tanpa mengalami masalah apapun justeru kerana kedua-dua pihak mempunyai keazaman yang sama untuk "bersahabatan dan berkasih-kasih", kedua-dua pihak dapat saling menghormati dan menghargai.

Dengan membandingkan dua sumber yang berlainan itu, kita akan lebih mantap dalam merujuk kesahihan data-data sejarah yang tercatat dalam buku-buku sejarah China. Dan kita tidak akan ragu-ragu untuk mengatakan bahawa hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka sejak mula lagi sudah diletakkan atas dasar yang sihat seperti yang diungkapkan di atas.

Lawatan Diraja: Tiada Tandingan dalam Sejarah

Selepas hubungan rasmi antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming dibuka, maka berutus-utusan dan berkirim-kirim antara kedua pihak pun semakin sering dilakukan. Itu sudah tentu merupakan dorongan yang kuat dalam memaju dan mempererat hubungan yang baru dibina itu. Tetapi dorongan yang paling kuat dan pengaruhnya yang paling besar adalah lawatan-lawatan diraja yang dilakukan secara besar-besaran oleh raja-raja Melaka. Menurut catatan sejarah dari *Ming Shi* (Sejarah Dinasti Ming) dan *Ming Shi Lu* (Rekod Hal Ehwal Dinasti Ming), dalam masa 20 tahun lebih sejak dibukanya hubungan rasmi itu, tidak kurang dari tiga orang raja Melaka yang melakukan lawatan diraja ke negeri China, dan seorang raja lagi sudah siap untuk pergi tetapi akhirnya berhalangan.

Raja-raja Melaka yang melawat ke negeri China urutannya seperti berikut:

1. Parameswara (Iskandar Syah) 1411/7 beserta isteri dan para menteri-nya seramai 540 orang lebih melawat ke negeri China sebagai lawatan diraja yang pertama kali.

- | | | |
|---|---------|---|
| 2. Megat Iskandar Syah
(Raja Besar Muda) | 1414/12 | selaku putera mahkota melawat ke negeri China untuk memberitakan kemangkatan ayahandanya. |
| | 1419/10 | berserta isteri dan para menterinya melawat ke negeri China untuk mengucapkan terima kasih atas perhatian Kaisar Ming dan mendakwa Siam telah melancarkan serangan. |
| 3. Seri Maharaja
(Raja Kecil Besar/
Sultan Muhammad Syah) | 1424/9 | selepas menggantikan ayahandanya yang baru mangkat segera melawat ke negeri China dengan membawa gundik dan para menterinya. |
| | 1433/10 | berserta keluarganya melawat lagi ke negeri China, mendapat perhatian besar dari Kaisar Ming. |
| | 1434/4 | membawa adiknya dan para menterinya seramai 228 orang melawat ke negeri China. |
| 4. Parameswara
Dewa Syah
(Sultan Abu Syahid) | 1445/3 | mengirim utusan untuk minta pengukuhan Kaisar Ming atas kerajaannya dan minta dibuatkan kapal besar kerana rajanya sendiri mahu datang menghadap tapi orang dan barang yang akan dibawanya terlalu banyak. Kaisar Ming telah memenuhi permintaannya dan menyuruh buat kapal besar, tapi akhirnya raja Melaka itu tidak jadi datang. |

Lawatan diraja yang paling hebat dan paling berjaya adalah lawatan yang pertama kali, iaitu lawatan yang dilakukan oleh Parameswara sebagai Raja Melaka yang pertama. Bagaimana hebatnya lawatan kali itu dan bagaimana hangat dan mesranya sambutan dari Kaisar Ming, diperihalkan dengan lengkap dalam *Sejarah Dinasti Ming*. Demikian catatannya:

Pada tahun kesembilan (1411 T.M.) Raja Melaka beserta isterinya dan para menteri serta hamba raja yang mengiringnya seramai 540 orang lebih datang berkunjung. Setelah tiba di kawasan luar ibu negara, maka kaisar pun

menitahkan Menteri Dalam Hai Shou dan Menteri Protokol Huang Chang pergi mengalu-alukannya dengan mengadakan majlis santapan dan mengaturkan tempat peraduan dan penginapannya di Balai Tetamu Hui Tong. Syahdan pada saat menghadap di Balairung Feng Tian, maka kaisar sendiri pun mengadakan majlis santapan untuk memuliakan Raja Melaka, sedangkan permaisuri raja ke bawah dijemput makan di tempat lain. Pada hari Guang Lu diadakan upacara persembahan korban, Raja Melaka dianugerahi dua potong pakaian naga bersulamkan benang emas [pakaian kebesaran raja yang disulami gambar naga – Pen.], sepotong pakaian yang disulami gambar Qi Lin [binatang khayalan yang melambangkan tuah dan untung – Pen.], berbagai-bagai perabot daripada emas dan perak, seperangkat tirai-mirai, gebar, kelambu dan lain-lain. Permaisuri raja ke bawah pun semuanya mendapat anugerah. Pada saat hendak balik, Raja Melaka dianugerahi lagi dengan ikat pinggang jed, peralatan kehormatan dan pelana kuda. Permaisuri raja pun dianugerahi perhiasan kepala dan persalinan. Ketika akan berangkat diadakan majlis santapan pula di Pintu Gerbang Feng Tian, lalu Raja Melaka dianugerahi lagi dengan ikat pinggang jed, peralatan kehormatan, pelana kuda, emas 100 tahlil, perak 500 tahlil, wang kertas 400,000 untai [tiap untai 1,000 wang logam – Pen.], wang logam 2,600 untai, kain satin dewangga 300 gulung, kain sutera 1,000 gulung, kain kencana dua potong, baju panjang kencana dua potong. Permaisuri, putera dan kerabat raja serta para menteri dan hamba raja yang mengiringi raja semua mendapat anugerah pula pada kadarnya. [Dalam *Ming Shi Lu* ada dicatat bahawa permaisuri raja dianugerahi seperangguan perhiasan kepala dan persalinan, perak 200 tahlil, wang 5,000 untai, macam-macam sutera dewangga 60 gulung, baju satin sulaman emas empat perunggu, sedang putera dan kerabat raja dianugerahi perhiasan kepala dan sabuk (ikat pinggang), para menteri dan hamba-hamba raja dianugerahi perak, wang pada kadarnya – Pen.] Arkian telah tiba di Pasanggrahan Long Jiang, maka Menteri Protokol pun mengadakan majlis santapan untuk melepaskan tamu. Kemudian di Pasanggrahan Long Tan sebagai anugerah kaisar maka diadakan majlis santapan lagi untuk kali terakhir.

Demikianlah hangat dan mesranya sambutan Kaisar Ming terhadap Raja Melaka dan rombongannya yang untuk pertama kali melawat negeri China. Setelah melepaskan Raja Melaka dan rombongannya, Kaisar Ming masih terus juga menaruh perhatian besar atas kesihatan dan keselesaan mereka di sepanjang perjalanan pulang. Adapun Raja Melaka dan rombongannya akan meninggalkan benua China dari bandar Guangzhou, maka Kaisar Ming pun memberi titah perintah kepada pembesar tempatan supaya sedaya-upaya mempersenangkan Raja Melaka dan melayani baginda sebaik-baiknya. Demikian titah perintahnya yang dimuat dalam *Guangdong Tong Zhi* (Almanak Guangdong):

Bahwasanya Raja Melaka itu telah mengharungi samudera berpuluh ribu li, akhirnya barulah tiba di ibu negara. Baginda memperoleh selamat dan tidak kekurangan sesuatu apa pun kerana kesetiaan dan keikhlasan hatinya yang luhur maka selalu dilindungi oleh malaikat. Pertemuan kita dengan Raja Melaka sangat serasi dan menyenangkan, sudah sepatutnya kita minta Raja Melaka tinggal

untuk lebih lama lagi, namun rakyat baginda pun sentiasa menanti-nantikan rajanya balik. Oleh yang demikian maka kalian harus menghiburkan hatinya. Kini hawa udara sedang beransur menjadi sejuk, memang sudah saatnya untuk berlayar ke selatan kerana anginnya baik, maka segala santapan dan minuman baginda di perjalanan haruslah diatur dengan sebaik-baiknya dan kesihatan baginda pun haruslah dijaga dengan sebaik-baiknya, agar tidak membebankan fikiran kita.

Perhatian besar yang dinyatakan dalam titah perintah Kaisar Ming itu adalah perhatian yang lahir dari lubuk hati yang biasanya hanya berlaku antara kerabat atau sahabat yang karib. Antara Kaisar Ming dengan Raja Melaka rupanya sudah ada tali silaturahmi yang mengikatnya dan rasa persaudaraan itulah yang seterusnya melandasi hubungan akrab antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka.

Dalam *Sejarah Melayu* pun ada kisah tentang lawatan besar-besaran yang mengagumkan, tetapi lawatan itu bukan yang dilakukan oleh Raja Melaka, melainkan oleh Puteri Kaisar Ming yang bernama Hang Li Po yang hendak dikahwinkan dengan Raja Melaka. Baik kita kutip juga bahagian-bahagian yang berkenaan:

Maka Raja China pun memberi titah pada Li Po menyuruh berengkap akan menghantarkan anakanda baginda ke Melaka, seratus buah pilu, seorang menteri yang besar akan panglimanya, Di Po namanya. Setelah sudah lengkap, maka dipilih oleh Raja China anak para menteri yang baik-baik parasnya, lima ratus banyaknya, diberikan baginda akan dayang-dayang anakanda baginda. Telah itu maka Tuan Puteri Hang Li Po dan surat itu pun diarak orang ke perahu. Maka Tun Perpatih Putih dengan Li Po berlayarlah ke Melaka membawa tuan puteri anak Raja China itu.

Ada beberapa hari lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah mengatakan Tun Perpatih Putih datang membawa puteri China. Maka baginda pun terlalu sukacita mendengarnya. Maka baginda berangkat sendiri mengalu-alukan had Pulau Sabut. Setelah bertemu, maka dengan seribu kebesaran dan kemuliaan dibawa baginda masuk, lalu ke dalam istana ...

Memang berbeza sekali apa yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* dengan apa yang dicatat dalam *Sejarah Dinasti Ming*. Saya masih belum berjaya menemukan data sejarah atau catatan yang menyentuh soal perkahwinan Puteri Kaisar Ming yang bernama Hang Li Po dengan Raja Melaka dalam penulisan sejarah China. Tetapi itu bukan sesuatu yang mustahil kerana dalam sejarah China sejak zaman Dinasti Han sudah menjadi tradisi bahawa kaisar China mengahwinkan puterinya dengan raja di negeri-negeri yang berjiran demi mempererat hubungan kedua negeri. Mungkin tidak sama peristiwa sejarahnya yang dituturkan dalam kedua-dua buku itu, tetapi kesimpulannya sama, iaitu antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming benar telah berlaku lawatan muhibah

secara besar-besaran. Yang sangat menarik adalah bahawa kedua-dua buku itu sama menyebut besarnya rombongan yang melawat itu mencapai 500 orang lebih dan diterima dengan seribu kebesaran dan kemuliaan.

Bahawa Parameswara telah melawat ke negeri China dengan membawa rombongan seramai 540 orang lebih, itu usah diragukan lagi kesahihannya sebab dalam buku-buku sejarah China yang lainnya dapat ditemui catatan-catatan yang menyentuh peristiwa itu. Ternyata lawatan diraja yang pertama kali itu telah mencapai kejayaan yang sebesar-besarnya dan telah mencatat rekod sejarah yang sekarang pun jarang adaandingannya. Tetapi yang paling penting adalah bahawa lawatan diraja yang pertama itu telah meletakkan dasar yang kuat untuk memperakrab hubungan persahabatan dan memperdalam rasa persaudaraan antara dua bangsa.

Lawatan diraja yang dilakukan oleh Parameswara bermula pada bulan 7 tahun 1411 berakhir pada bulan 9 tahun yang sama. Selama dua bulan lebih itu Raja Melaka dan rombongannya yang terdiri daripada 540 orang lebih mendapat layanan dan penghormatan yang sebaik-baiknya. Dan antara Kaisar Ming dengan Raja Melaka telah terjalin tali persaudaraan yang rapat, sebagaimana dikatakan oleh Kaisar Ming "pertemuan kita dengan Raja Melaka sangat serasi dan menyenangkan", maka merasa berat untuk melepaskannya, walaupun sudah jauh di mata tetapi masih dekat di hati. Begitu juga Raja Melaka, kerana sangat puas dengan lawatannya kali itu, maka sekembali di Melaka baginda pun segera menyuruh kerabatnya pergi ke negeri China untuk menyampaikan rasa terima kasihnya kepada Kaisar Ming.

Kemudian lawatan diraja itu diteruskan oleh Raja Melaka yang kedua, iaitu Megat Iskandar Syah. Baginda telah dua kali melakukan lawatan ke negeri China. Lawatan yang pertama kali dilakukan pada bulan 9 tahun 1414, menurut catatan *Ming Shi Lu* tujuannya ialah untuk memberitakan kemangkatan ayahandanya. Dan Kaisar Ming pun segera menyuruhnya mewarisi takhta ayahandanya menjadi raja Melaka, lalu menganugerahinya dengan emas dan perak, sutera dewangga dan satin antelas, mahkota dan sabuk (ikat pinggang) serta pakaian kebesaran sulaman benang emas.

Lawatan yang kedua kalinya dilakukan beserta permaisurinya pada bulan 10 tahun 1419 selain menyampaikan terima kasih dan bingkisan kepada Kaisar Ming, dalam lawatan kali ini yang penting adalah Raja Melaka sendiri mendakwa Siam menyerang negerinya. Kaisar Ming sangat memandang berat dan bersimpati, maka baginda pun berikhtiar untuk mencegah serangan Siam itu dengan menggunakan kewibawaannya. Kaisar Ming mengirim surat titah kepada Raja Siam, menasihatinya supaya hidup rukun dengan negeri jirannya, jangan menimbulkan

peperangan dan permusuhan. Surat titah Kaisar Ming itu dimuat dalam *Dong Xi Yang Kao* (Pengkajian Lautan Timur dan Barat), demikian bunyinya:

Kita telah menerima surat an takdir dari kayangan untuk menjadi maharaja yang mempertuani negeri China dan negeri di sekitarnya. Kita menjalankan pemerintahan sesuai dengan kudrat alam yang menyayangi jiwa makhluk, tidak mengira bangsa, tidak membeza-bezakan satu sama lainnya. Bahawa Raja Siam dapat memuliakan kudrat alam dan mengamalkan kewajipan persembahan ufti, itulah yang kita puji dalam hati dan itu telah berlaku bukan sehari dua sahaja. Begitu juga Raja Melaka Megat Iskandar Syah semenjak naik takhta, baginda pun dapat meneruskan keazaman ayahandanya, baginda sendiri telah membawa isterinya datang menghadap. Baginda itu tidak kurang keikhlasannya daripada Raja Siam dalam mengamalkan kewajipan besarnya. Kini kita mendengar khabar bahawa Raja Siam hendak mengerahkan tentera untuk menyerangnya tanpa sesuatu asas. Adapun tentera itu alat yang berbahaya, kalau dua tentera bertempur akan mendatangkan kecederaan bagi kedua pihak. Maka bukanlah tabiat seorang budiman kalau suka menggunakan tentera untuk menyerang orang lain. Walhal Raja Melaka itu sudah masuk dalam lindungan kita, menjadi bawahan daripada kerajaan dinasti. Maka kalau Raja Melaka berbuat kesalahan, sepatutnya didakwakan kepada kerajaan dinasti, janganlah lantas mengerahkan tentera untuk menyerangnya. Bukankah itu bererti tidak mengindahkan kerajaan dinasti. Tentulah itu bukan maksud Raja Siam, mungkin juga kakitangan rajalah yang menggunakan nama raja lalu mengerahkan tentera untuk melepaskan dendam perseorangan. Maka hendaklah Raja Siam fikirkan baik-baik, jangan disesatkan oleh mereka. Hiduplah rukun dengan negeri jiran, tidak saling menyerang, bukankah sama-sama boleh menikmati kesejahteraan untuk selama-lamanya? Hendaknya difikirkan dengan baik-baik.

Rupanya nasihat Kaisar Ming dan usahanya untuk meleraikan membawa kesan yang baik. Raja Siam telah mengurangkan niatnya untuk menyerang Melaka. Dalam *Ming Shi Lu* ada catatannya yang dapat memberi rujukan:

(Bulan 9 tahun 1421) Raja Siam San Lai Bo Mo La Zha Di mengutus 60 orang yang dipimpin oleh Nai Huai untuk mempersembahkan ufti dan menyampaikan minta maaf atas kesalahannya menyerang Melaka. Kaisar menganugerahinya dengan wang, sutera dewangga, kain satin dan lain-lain pada kadarnya.

Tentang Siam menyerang Melaka itu juga ada dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* pada Alkisah Cetera yang Ketiga Belas. Ada satu episod yang menceritakan bahawa Siam hendak menyerang Melaka tetapi panglimanya Cau Pandan "lagi di benua Siam maka berasa kepada dadanya seperti kena panah, maka Cau Pandan pun sakit muntahkan darah lalu mati. Maka tiadalah jadi Siam menyerang Melaka sebab mati Cau Pandan itu". Kisah ini mungkin juga dapat dipandang sebagai suatu maklumat rujukan bahawa pada sekali peristiwa Siam benar-benar

hendak menyerang Melaka, tetapi kerana sesuatu sebab maka serangan itu akhirnya dibatalkan. Apa sebabnya? Menurut kisah *Sejarah Melayu*, sebabnya ialah Cau Pandan mati kerana keajaiban panah lasykar Sidi Arab. Itu jelas hanya suatu dongeng sahaja bukan fakta sejarah sebenar. Maka mungkinkah itu adalah akibat dari nasihat Kaisar Ming yang akhirnya diterima oleh Raja Siam? Kita lihat dalam kisah *Sejarah Melayu*, akhirnya Raja Melaka pun berusaha berbaik semula dengan Siam, menerima dasar “daripada banyak seteru, baik banyak bersahabat”, sebagaimana dirayukan oleh Kaisar Ming.

Raja Melaka yang ketiga Seri Maharaja juga telah tiga kali melakukan lawatan diraja ke negeri China. Lawatan yang pertama kali dilakukan pada 1424 T.M. Demikian catatannya dalam *Ming Shi Lu*:

(Bulan 3 tahun 22 Tahun Yong Le) Raja Melaka Seri Maharaja membawa permaisurinya dan para menteri datang menghadap, mempersembahkan barang-barang hasil mahsul. Kedatangannya itu untuk memaklumkan kemangkatan ayahandanya dan penabalan raja yang baru dilakukannya.

(Bulan 4 tahun 22 Tahun Yong Le) Raja Melaka hendak balik, maka oleh Kaisar diadakan majlis santapan di Pintu Gerbang Xuan Wu, lalu dianugerahi emas 100 tahil, perak 500 tahil, wang 32,270 bungkai, kain dewangga 16 potongan, kain antelas 58 perunggu, kain satin 22 gulung, kain kimkha 16 gulung, kain sutera 536 gulung, kain cita 392 gulung, pakaian sulaman benang emas seperunggu, pakaian polos 13 perunggu. Permaisuri raja dianugerahi pakaian sutera polos 12 perunggu, pakaian kain satin 17 perunggu. Pengiring-pengiringnya pun semuanya dianugerahi pakaian menurut kadarnya.

Walaupun catatannya tidak selengkap yang kita lihat pada catatan tentang lawatan Parameswara, namun tidak kurang besarnya perhatian Kaisar Ming terhadap lawatan Seri Maharaja itu, terutama kalau dilihat dari banyaknya barang-barang yang dianugerahkan kepada Seri Maharaja dan rombongannya. Tentang bagaimana penerimaannya dari awal sampai akhir, itu sudah ada tatacaranya yang tertentu, kiranya tidak perlu dicatat lagi. Tatacara penerimaan raja negeri asing itu sudah digubal sejak zaman Dinasti Tang dan dilengkapkan pada tahun 1 Tahun Hoong Wu (1369 T.M.), kemudian disempurnakan lagi pada tahun 27 Tahun Hong Wu (1394 T.M.). Tatacaranya sangat teliti dan unik, misalnya ketika raja negeri asing tiba sesiapa yang diperintah mengalu-alukannya, akan mengatur tempat kediamannya di Balai Tetamu Hui Tong dan mengadakan majlis santapan, lalu bagaimana mengatur upacara menghadap kaisar dan majlis santapan yang diselenggarakan oleh kaisar untuk menghormati tamunya, kemudian masih banyak upacara dan aktiviti rasmi yang telah dirancang secara teratur hingga ke babak terakhir. Begitu juga tentang anugerah kaisar kepada raja, gundiknya dan para pengiringnya sudah ditentukan menurut kadarnya,

maka kalau bukan yang agak luar biasa umumnya tidak perlu dicatat lagi dalam buku sejarah rasmi.

Lawatan Seri Maharaja yang untuk kedua kalinya dilakukan pada tahun 1433. Berikut catatannya dalam *Ming Shi Lu*:

(Bulan 10 tahun 8 Tahun Xuan De) Raja Melaka Seri Maharaja membawa keluarganya datang menghadap. Telah tiba di Nanjing (Nanking) maka dipersembahkan kepada kaisar oleh Temenggung Li Long. Kerana hawa udaranya sudah sejuk, maka kaisar pun menitahkan Temenggung Li Long mengatur supaya Raja Melaka beserta keluarganya berehat dahulu di Nanjing dan dilayani dengan kehormatan yang berlipat ganda, hingga musim bunga dan hawa udaranya menjadi hangat semula barulah datang menghadap. Sementara itu, kaisar pun menyuruh orang menghantarkan warkah kaisar untuk menghibur hati raja dan menganugerahkan persalinan yang indah-indah, kain cita, kasut dan kaus kaki, pakaian tebal dan lain-lain, serba lengkap, kepada Raja Melaka dan permaisurinya, menterinya hingga hamba pengiringnya yang paling di bawah.

Catatan yang di atas ini memperlihatkan betapa besar dan cermatnya pemerhatian Kaisar Ming terhadap Raja Melaka Seri Maharaja dan rombongannya. Kaisar Ming kkuatir kalau-kalau Raja Melaka dan keluarganya yang datang dari daerah panas itu tidak dapat menyesuaikan diri dengan hawa musim sejuk di daerah utara China, maka baginda berusaha mengatur dengan sebaik-baiknya supaya tetamunya boleh senang berehat-rehat dahulu di tempat yang lebih panas. Terasa benar keakraban dan kemesraannya, maka Seri Maharaja pun rupanya sangat terharu sehingga pada tahun berikutnya baginda datang melawat lagi. Selanjutnya catatan dalam *Ming Shi Lu*:

(Bulan 4 tahun 9 Tahun Xuan De, iaitu tahun 1434 T.M.) 2 hari bulan . . . Raja Melaka Seri Maharaja dengan adik baginda Raden Pala, bendaharanya Wen Dan dan pengiring-pengiringnya datang menghadap, mempersembahkan kuda dan barang-barang hasil mahsul. 11 hari bulan . . . kaisar mengadakan majlis santapan untuk memuliakan Raja Melaka Seri Maharaja. Bulan 5 . . . 15 hari bulan kaisar menganugerahi Raja Melaka Seri Maharaja, adik baginda Raden Pala dan bendahara Wen Dan dan pengiring-pengiringnya seramai 228 orang dengan emas perak, bermacam-macam wang, kain sutera dewangga, satin dan kimkha, pakaian kebesaran sulaman benang emas menurut kadarnya, dan raja ditambah lagi dengan mahkota dan ikat pinggang. Ketika hendak balik, kaisar pun mengeluarkan titah pujian dan menyuruh Kementerian Kerajinan membuatkan kapal laut, kerana mengingat ayahanda baginda pernah membawa rombongan besar datang menghadap pada masa Yong Le yang telah lalu. Dan sekarang baginda pun semakin baik mengamalkan kewajibannya, maka kaisar pun sangat memuji keikhlasannya, dan melipatgandakan penghormatannya . . .

Itulah lawatan diraja yang ketiga kalinya dilakukan oleh Seri Maharaja dan rombongan yang dibawanya pun cukup besar, seramai 228 orang. Nampak hubungan antara Empayar Melaka dengan Dinasti

Ming semakin erat dan akrab, tetapi itu pun sudah mencapai kemuncaknya yang terakhir dalam sejarahnya.

Kemudian Raja Melaka yang keempat Parameswara Dewa Syah (Sultan Abu Syahid) naik takhta, pada masa itu keadaan dalam negeri nampaknya tidak tenteram, sedang menghadapi kemelut. Parameswara Dewa Syah rupanya memerlukan sokongan dari Kaisar Ming dan baginda bercadang hendak melawat ke negeri China, oleh itu terlebih dahulu baginda mengirim seorang utusan untuk menyampaikan niatnya. Demikian catatannya dalam *Ming Shi Lu*:

(Bulan 3 tahun 10 Tahun Zheng Tong, iaitu tahun 1445 T.M.) Utusan Negeri Melaka Mo Zhe Na berdatang sembah: "Mohon supaya raja hamba Parameswara Dewa Syah dianugerahi surat titah Kaisar untuk melindungi negara dan dianugerahi pakaian naga serta payung iram-iram, agar dengan kewibawaan Kaisar rakyat dalam negeri pun akan tunduk dan taat." Lalu bersembah lagi: "Adapun raja hamba ingin datang sendiri untuk menghadap, tetapi orang dan barang yang akan dibawanya terlalu banyak, maka mohon dianugerahi sebuah kapal besar untuk memudahkan pulang pergi." Kaisar pun menyuruh kementerian yang bersangkutan membuatnya.

Tetapi akhirnya Parameswara Dewa Syah tidak jadi melawat ke negeri China dan selepas itu dalam *Ming Shi Lu* pun tidak ada khabarnya lagi tentang Raja Melaka itu. Apakah yang telah berlaku ke atas diri baginda maka lawatan baginda yang sudah dijangka itu batal? Mungkin kita dapat merujuk Alkisah Cetera yang Kedua Belas dalam *Sejarah Melayu*, iaitu kisah tentang berlakunya perebutan kuasa antara Raja Kasim yang dibantu oleh Seri Nara Diraja serta bendahara dengan Sultan Abu Syahid (Parameswara Dewa Syah) yang dipangku oleh Raja Rokan. Berikut diperikan kesudahannya yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu* itu:

Adapun Raja Rokan tidak bercerai dengan Sultan Abu Syahid. Maka kata Seri Nara Diraja, "Bahawa titah menyuruh merebut Sultan Abu Syahid, takut dibunuh oleh Raja Rokan."

Maka orang berseru-seru melarangkan jangan menikam Raja Rokan dahulu. Maka tiada didengarkan oleh orang sekalian kerana sangat sabar, lagi orang banyak sakit hati akan Raja Rokan. Maka ditikam oranglah Raja Rokan, kena dadanya terus-menerus. Setelah Raja Rokan merasai luka itu, maka ditikamnya Sultan Abu Syahid, maka baginda pun matilah. Adapun umur baginda di atas kerajaan setahun lima bulan; baginda pun mangkat.

Kalau kita bandingkan dengan catatan dari *Ming Shi Lu*, maka kisah dalam *Sejarah Melayu* itu boleh dikatakan dekat kepada fakta sejarah yang sebenarnya. Parameswara Dewa Syah tidak jadi melawat ke China bukan sebab lain justeru kerana baginda sudah terbunuh dalam suatu perebutan kuasa. Gelagat-gelagat yang menandakan akan munculnya

kemelut sedikit sebanyak sudah ketara dalam catatan *Ming Shi Lu* itu. Mungkin itu juga sebabnya maka selepas itu tidak ada raja Melaka yang melawat ke negeri China lagi, dan hampir sepuluh tahun tidak ada catatan tentang Empayar Melaka, terus hingga 1455 T.M. barulah Sultan Muzaffar Syah mengirim utusan lagi ke negeri China.

Lawatan diraja yang dilakukan secara besar-besaran dan berturut-turut oleh Raja Melaka dalam tiga keturunan sesungguhnya tidak pernah berlaku sebelumnya dalam sejarah kedua-dua bangsa. Dan yang paling penting adalah bahawa lawatan diraja itu bukan lawatan untuk kehormatan sahaja seperti yang lazim dilakukan dalam hubungan diplomatik, tetapi lawatan untuk membina jambatan persahabatan yang mengeratkan dan mengakrabkan hubungan kedua-dua bangsa, lawatan untuk memupuk rasa persaudaraan yang tulus ikhlas.

Catatan Sejarah Tentang Hubungan Akrab Sepanjang Abad ke-15

Hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka bermula pada 1403 T.M. dan berakhir pada 1521 T.M. selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis. Selama seabad lebih itu lembaran-lembaran sejarah hubungan antara kedua bangsa penuh dengan catatan-catatan yang mengharukan dan patut diingati anak cucu kedua bangsa kita ini. Tetapi sayang, sebegitu jauh agaknya masih belum ada yang cuba mengemukakan catatan-catatan itu secara lengkap. Hal ini mungkin disebabkan sumber sejarahnya terhad, terutama kalau kita mahu mencari sumber dari pihak Empayar Melaka. Lain keadaannya kalau kita mengarah ke sumber sejarah dari pihak Dinasti Ming, maka terdapat banyak catatan dari buku-buku sejarah Dinasti Ming seperti *Ming Shi*, *Ming Shi Lu*, *Ming Hui Dian* dan lain-lain atau dari buku-buku yang ditulis oleh pujangga-pujangga pada zaman Dinasti Ming. Tetapi catatan itu berserak-serak dan terselit-selit di sana sini, kadang-kadang sangat singkat dan tidak lengkap, maka perlu dikumpulkan dahulu disaring satu demi satu dan disusun secara berurutan, barulah kita dapat suatu gambaran sejarah yang agak menyeluruh tentang berlangsungnya hubungan itu selama seabad lebih. Berikut ini saya akan cuba menyenaraikan secara berurutan catatan-catatan sejarah yang diperolehi dari buku sejarah rasmi Dinasti Ming dengan menunjukkan sumber rujukannya.

- 1403, 10 Kaisar Ming Cheng Zhu mengutus Menteri Dalam, Yin Qing ke Melaka untuk menghantarkan surat dan bingkisan, merayu supaya raja Melaka bersahabat dengan Dinasti Ming. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 24)

- 1405, 9 Raja Melaka Parameswara mengirim utusan mengikuti Menteri Dalam, Yin Qing datang menghadap. Kaisar mengeluarkan titah untuk mengiktiraf Raja Melaka dan menganugerahkan cap kempa, wang dan pakaian kebesaran. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 46)
- 1405, 10 Kaisar Ming menganugerahi Melaka dengan batu bersurat "Piagam Perasmian Gunung Sebagai Tiang Seri Negara" untuk ditegakkan di bukit baratnya, dalam piagam itu tertera puisi pujian kaisar ming terhadap raja melaka dan kerajaannya. (*tai zhong shi lu*, jilid 47)
- 1407, 4 Utusan Melaka datang mempersembahkan barang-barang ufti, dianugerahi wang kertas, wang logam pada kadarnya. Selain itu Kaisar Ming pun menitahkan Menteri Protokol menganugerahi Raja Melaka dengan sutera satin dewangga, pelana kuda dan lain-lain. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 71)
- 1407, 10 Utusan Melaka mendakwa Siam telah menyerang Melaka dan merampas cap kempa yang dianugerahkan oleh Kaisar Ming. Kaisar Ming menasihati Raja Siam supaya berbaik-baik dengan negeri jiran dan mengembalikan cap kempa Raja Melaka. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 72)
- 1408, 9 Kaisar Ming mengutus Zheng He ke Melaka . . . menganugerahkan sutera satin dewangga kepada rajanya. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 83)
- 1409, 2 Raja Melaka Parameswara mengutus Ya Ka La Jia Xin datang mempersembahkan barang-barang ufti. Utusan Melaka dianugerahi wang dan sutera kembang dan rajanya dianugerahi pelbagai jenis wang. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 88)
- 1411, 7 Raja Melaka Parameswara beserta isterinya dan para menterinya seramai 540 orang lebih datang menghadap, diterima dengan segala kebesaran dan kemuliaan. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 117)
- 1411, 9 Raja Melaka Parameswara memohon diri untuk pulang, dihidangkan santapan di Pintu Gerbang Feng Tian, dianugerahi pelbagai hadiah, begitu juga permaisuri raja dan para menteri menurut kadarnya.
- 1412, 6 Raja Melaka mengutus kerabatnya Xi Li Sha La Zhan datang mempersembahkan barang-barang ufti. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 129)
- 1412, 9 Kerabat Raja Melaka Xi Li Sha Ma La Zha memohon diri untuk pulang. Kaisar Ming mengirim Menteri Dalam Gan Quan ke Melaka untuk menganugerahkan sutera dewangga, satin kimkha dan pelbagai jenis wang kepada Raja Melaka. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 132)

- 1412, 11 Kaisar Ming mengutus Zheng He ke Melaka ... menyampai-
kan anugerah kaisar yang berupa pelbagai sutera dewangga.
(*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 134)
- 1413, 8 Raja Melaka mengutus kerabatnya Sai Di La Zhe dan
pengiring seramai 165 orang datang mempersembahkan
barang-barang ufti. Kaisar menganugerahinya wang, sutera
dewangga, pakaian kebesaran, satin dan lain-lain menurut
kadarnya. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 142)
- 1414, 8 Putera mahkota Melaka Megat Iskandar Syah datang
menghadap, mengkhabarkan kemangkatan ayahandanya Para-
meswara. Kaisar menyuruh Megat Iskandar Syah mewarisi
takhta ayahandanya menjadi raja Melaka dan menganuge-
rahinya emas dan perak, sutera dewangga, mahkota dan ikat
pinggang, pakaian kebesaran sulaman benang emas. (*Tai
Zhong Shi Lu*, jilid 155)
- 1415, 9 Raja Melaka mengirim utusan untuk mempersembahkan
barang-barang ufti. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 168)
- 1416, 11 Melaka ... mengirim utusan untuk mempersembahkan barang-
barang ufti. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 182)
- 1416, 12 Utusan Melaka ... memohon diri untuk pulang, dianugerahi
kain sutera kembang, persalinan dan lain-lain. Kaisar mengu-
tus Zheng He ke Melaka ... untuk menyampaikan surat kaisar
dan barang-barang anugerah. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 183)
- 1418, 8 Raja Melaka Megat Iskandar Syah mengutus abangnya Sha Li
Wang La Zha datang mempersembahkan barang-barang ufti.
Kaisar menganugerahinya perhiasan kepala dan ikat pinggang,
sutera dewangga kencana, persalinan, emas dan perak serta
pelbagai jenis wang dan kadarnya. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 203)
- 1419, 9 Raja Melaka Megat Iskandar Syah beserta isterinya datang
menghadap, selain menyampaikan pelbagai barang hasil
mahsul, juga mendakwa Siam menyerang negerinya. Bulan 10
kaisar mengirim utusan ke Siam untuk menasihati rajanya
supaya berbaik-baik dengan negeri jiran, jangan menyerang
Melaka. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 216, 217)
- 1402, 9 Raja Melaka Megat Iskandar Syah mengutus Duan Gu Ma La
Shi Di datang mempersembahkan barang-barang ufti, oleh
kaisar dianugerahi wang, sutera satin, kimkha dewangga,
persalinan dan lain-lain. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 229)
- 1421, 1 Melaka mengirim utusan untuk mempersembahkan barang-
barang ufti, dan kaisar menganugerahi wang, persalinan dan
lain-lain. Lalu kaisar mengutus Zheng He pergi menghantarkan
surat kaisar dan anugerah kaisar yang berupa pelbagai jenis
sutera dewangga kepada raja-raja yang mengirim utusan dan

- menyuruh utusan Melaka dan negeri lainnya balik dengan menumpang kapal Zheng He. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 223)
- 1423, 9 Menteri Protokol mempersembahkan bahawa Melaka dan 15 negeri lainnya mengirim utusan seramai 1,200 orang datang ke ibu negara untuk mempersembahkan barang-barang ufti. Maka kaisar pun menitahkan putera mahkota: "Hawa udara sudah mulai sejuk, suruhlah Kementerian Protokol menjamu makan dan mengatur utusan-utusan yang datang dari barat daya dan selatan sebagaimana lazimnya, beri anugerah lalu mengatur mereka pulang, walhal barang-barang hasil buminya yang akan diperdagangkan dibayarlah oleh kerajaan sesuai dengan harganya. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 263)
- 1424, 3 Raja Melaka Seri Maharaja beserta permaisurinya dan para menteri datang menghadap dan mempersembahkan barang-barang hasil mahsul berhubung dengan ayahandanya baru mangkat dan baginda baru naik takhta. (*Tai Zhong Shi Lu*, jilid 269)
- 1424, 11 Melaka mengutus Na La Di Pa Na datang mempersembahkan barang-barang ufti, oleh kaisar dianugerahi macam-macam wang, persalinan, kasut dan lain-lain. (*Ren Zhong Shi Lu*, jilid 4)
- 1426, 5 Raja Melaka Seri Maharaja mengutus Yi Si Ma datang mempersembahkan barang-barang ufti. Bulan 6 kaisar menganugerahi Yi Si Ma lima orang dengan wang, sutera, satin dan lain-lain pada kadarnya. Lalu ketua utusan dan timbalannya dianugerahi lagi dengan songkok dan ikat pinggang serta wang ... Kemudian disuruh bawa pulang sutera dewangga, kimkha satin dan lain-lain untuk dianugerahkan kepada Raja Melaka. (*Xuan Zhong Shi Lu*, jilid 18)
- 1430, 6 Kaisar mengutus Zheng He ke negeri-negeri asing untuk menyampaikan surat titah kaisar. Surat kaisar itu berbunyi: "Kita dengan khidmat telah menerima surat anugerah dari kayangan, mewarisi takhta kekaisaran, mempertuani segala negeri ... telah mengeluarkan pengampunan untuk seluruh dunia dan mulai dengan Tahun Xuan De serta mengadakan pembaharuan. Negeri-negeri asing yang berada di seberang laut, belum mendengar khabarnya, maka kita mengutus Zheng He, Wang Jing Hong dan lain-lain menghantarkan surat untuk dimaklumkan. Hendaklah semua negeri dengan khidmat mematuhi kudrat alam, melindungi rakyat, agar dapat sama-sama menikmati ketenteraman dan kesejahteraan dunia." Negeri-negeri yang dikunjunginya adalah Melaka dan negeri-negeri lain sebanyak 24 negeri, raja-raja dianugerahi dengan

pelbagai jenis wang pada kadarnya. (*Xuan Zhong Shi Lu*, jilid 67)

- 1431, 3 Menteri Melaka Wu Bao Chi Na tiba di ibu negara, berdatang sembah: "Adapun Raja hamba hendak datang sendiri untuk menghadap, namun terhalang oleh Raja Siam. Semenjak dahulu Siam hendak menyerang negeri hamba dan raja hamba hendak mendakwanya kepada Kaisar, tetapi tiada yang boleh menuliskannya. Maka hamba bertiga dititahkan oleh raja hamba, bersembunyi-sembunyi menumpang kapal ufti Sumatera datang ke ibu negara. Mohon kerajaan dinasti mengutus orang pergi menasihati Raja Siam supaya jangan mencero boh dengan tidak semena-mena. Maka negeri hamba pun teramat berterima kasih atas kebaikan budi Kaisar." Kaisar Ming menyuruh Kementerian Protokol memberi anugerah kepada Wu Bao Chi Na dan pendamping-pendampingnya, lalu mengatur mereka pulang dengan menumpang kapal Zheng He. Dalam pada itu kaisar pun menyuruh Zheng He menyampaikan titahnya kepada Raja Siam: "... Hendaklah Raja Siam mentaati titah kita, berbaik-baik dan hidup rukun dengan negeri jiran, memerintahkan supaya orang bawahan jangan mencero boh ..." Kementerian Protokol berdatang sembah: "Menurut peraturan yang berkuatkuasa, utusan negeri asing yang mempersembahkan ufti, merekalah yang akan diberi anugerah, sedangkan Wu Bao Chi Na tidak mempersembahkan ufti, maka tidak sesuai dengan peraturan apabila diberi anugerah juga." Kaisar pun bertitah: "Orang yang datang dari puluhan ribu li jauhnya untuk mendakwakan ketidakadilan, mana boleh tidak diberi anugerah." Maka kaisar pun menganugerahinya persalinan sutera, pelbagai jenis wang, kain cita dan lain-lain sebagaimana yang lazim dilakukan untuk utusan negeri lain. (*Xuan Zhong Shi Lu*, jilid 76)
- 1433, 10 Raja Melaka Seri Maharaja membawa keluarganya datang menghadap. Setelah tiba di Nanjing (Nanking), maka Temenggung Nanjing Li Long mempersembahkan kepada kaisar. Kerana hawa udaranya sudah sejuk, maka kaisar pun menitahkan Temenggung Li Long supaya Raja Melaka beserta keluarganya berehat dahulu di Nanjing dan dilayani dengan kehormatan yang berlipat ganda, hingga musim bunga dan hawa udaranya menjadi panas semula barulah datang menghadap. Sementara itu kaisar menyuruh orang menghantarkan warkah kaisar untuk menghibur hati Raja Melaka dan menganugerahkan persalinan yang indah-indah, kain cita, kasut dan kaus kaki, pakaian tebal dan lain-lain, serba

- lengkap, kepada Raja Melaka dan gundiknya, menteri hingga hamba pengiringnya yang paling bawah. (*Xuan Zhong Shi Lu*, jilid 106)
- 1434, 4 Raja Melaka Seri Maharaja, adik baginda Raden Pala, bendahara Wen Dan dan pengiring-pengiringnya datang menghadap, mempersembahkan kuda dan barang-barang hasil maahsul. 11 haribulan kaisar mengadakan majlis santapan untuk memuliakan Raja Melaka Seri Maharaja. Bulan 5 . . . 15 haribulan kaisar menganugerahi Raja Melaka, adik baginda Raden Pala dan bendahara Wen Dan dan pengiring-pengiringnya seramai 228 orang dengan emas dan perak, bermacam-macam wang, kain sutera dewangga, satin dan kimkha, pakaian kebesaran sulaman benang emas pada kadarnya, dan raja ditambah lagi dengan mahkota dan sabuk (ikat pinggang). Ketika hendak balik, kaisar pun mengeluarkan titah pujian dan menyuruh Kementerian Kerajinan membuatkan kapal laut, kerana mengingatkan ayahanda baginda pernah membawa rombongan besar datang menghadap pada masa Yong Le yang lalu. Dan sekarang baginda mengamalkan kewajibannya dengan baik, maka kaisar pun sangat memuji keikhlasannya, dan melipatgandakan penghormatannya. (*Xuan Zhong Shi Lu*, jilid 110)
- 1435, 3 Raja Melaka Seri Maharaja mengutus adik baginda Raden Pala . . . datang mempersembahkan kuda, barang-barang hasil maahsul, alatan dan perabot. Kaisar menganugerahinya pelbagai jenis wang dan barang-barang lainnya menurut kadarnya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 3)
- 1439, 3 Melaka mengutus Mo Jia Zhe La Zha Man Da Li . . . datang menghadap, mempersembahkan kuda dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi pelbagai jenis wang dan barang-barang lain menurut kadarnya. Ketika balik disuruh membawakan sutera dewangga, satin kimkha dan lain-lain untuk dianugerahkan kepada raja dan permaisurinya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 53)
- 1444, 11 Melaka mengutus Mo Zhe Na datang menghadap dan mempersembahkan kuda dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi pelbagai jenis wang, persalinan, sutera dan lain-lain menurut kadarnya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 123)
- 1445, 2 Melaka mengutus Mo Zhe Na datang menghadap dan mempersembahkan kuda dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi pelbagai jenis wang, persalinan dan lain-lain menurut kadarnya, lalu disuruh membawa pulang anugerah kaisar kepada raja dan permaisurinya yang berupa

pelbagai jenis wang dan persalinan. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 126)

- 1445, 3 Utusan Melaka Mo Zhe Na berdatang sembah: "Mohon supaya raja hamba Parameswara Dewa Syah dianugerahi surat titah Kaisar untuk melindungi negara dan pakaian naga serta payung iram-iram agar dengan kewibawaan Kaisar rakyat dalam negeri turut tunduk dan taat." Lalu berdatang sembah lagi: "Adapun raja hamba ingin datang sendiri untuk menghadap, tetapi orang dan barang yang hendak dibawanya terlalu banyak, maka mohon dianugerahi sebuah kapal besar untuk memudahkan pulang pergi." Kaisar pun menyuruh kementerian yang bersangkutan membinanya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 127)
- 1455, 5 Raja Melaka Sultan Muzaffar Syah mengutus menterinya Ne Hong dan pendamping-pendampingnya datang menghadap, mempersembahkan kuda dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi bermacam-macam wang, persalinan sutera dewangga dan lain-lain. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 253)
- 1455, 7 Melaka mengutus Duan Ma Gu Ling Ding dan pendamping-pendampingnya datang menghadap, mempersembahkan kuda dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi pelbagai jenis wang, sutera dewangga dan persalinan, lalu disuruh membawa pulang surat kaisar dan anugerah kaisar kepada raja dan gundiknya yang berupa pelbagai jenis wang dan persalinan. Maka Ling Ding pun berdatang sembah, mengatakan bahawa mahkota dan pakaian yang dahulu dianugerahkan Kaisar kepada Rajanya sudah binasa dalam kebakaran. Maka kaisar pun menyuruh menganugerahkan semula mahkota dan pakaian, baju satin merah dan songkok sutera, ikat pinggang badak dan lain-lain. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 256)
- 1456, 5 Utusan Melaka Li Ai dan timbalannya datang menghadap. Telah tiba di daerah Xin Hui Guangding, Li Ai membunuh diri kerana perbuatan jenayahnya. Lalu Tong Shi (pegawai jurubahasa) yang bernama Ma Gui mendakwa bahawa pada utusan Melaka Li Ai itu masih ada Mutiara Cahaya Malam dan Permata Mata Kucing yang belum dipersembahkan. Kerajaan dinasti percaya akan dakwaan Ma Gui itu, maka diadakan siasatan. Semua barang Li Ai diperiksa satu demi satu, tetapi tidak berjumpa apa-apa. Maka Ma Gui pun ditangkap dan dimajukan ke pengadilan. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 226)
- 1459, 6 Putera Mahkota Melaka Sultan Mansur Syah mengirim utusan untuk mempersembahkan barang-barang ufti. Utusan Melaka

- dijamu makan dan dianugerahi songkok, ikat pinggang, persalinan sutera dewangga, kain satin dan lain-lain pada kadarnya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 304)
- 1459, 8 Kaisar mengutus menteri Chen Jia You dan timbalannya Peng Sheng ke Melaka untuk menghantarkan surat titah kaisar tentang pengiktirafan Putera Mahkota Sultan Mansur Syah sebagai Raja Melaka dan menyampaikan ucapan takziah atas mangkatnya ayahanda baginda. Lalu kaisar pun menyuruh Cheng Jia You pergi menziarahi makam Sultan Muzaffar Syah dan memaklumkan ke seluruh negeri. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 306)
- 1461, 3 Menteri Protokol Shi Mao melaporkan bahawa Chen Jia You dan Peng Sheng yang diutus ke Melaka untuk pengiktirafan raja, kapalnya rosak dilanda angin taufan, dan barang-barang anugerah kaisar pun keairan, mohon diganti dengan yang baru. Kaisar mengkabulkannya. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 326)
- 1467, 10 Dikhabarkan bahawa Menteri Chen Jia You telah meninggal dunia. Beliau diutus ke Melaka untuk pengiktirafan raja, kapalnya rosak dilanda angin taufan tetapi beliau terselamat dari bahaya maut. Kaisar mengirim orang besar untuk mengadakan upacara penziarahan. Adapun Chen Jia You itu tampan rupanya, gagah perkasa, pandai membawakan lagu dan hikayat, suaranya nyaring, sangat disukai oleh Kaisar Ying Zhong. (*Ying Zhong Shi Lu*, jilid 47)
- 1468, 10 Melaka mengutus Menteri Ba La Si dan jurubahasa Wu Sha datang menghadap, mempersembahkan gajah, penyu dan lain-lain. Kaisar menganugerahi Ba La Si dan Wu Sha dengan perhiasan kepala dan ikat pinggang, pendamping-pendampingnya dengan pakaian, sutera dan lain-lain menurut kadarnya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 59)
- 1469, 3 Raja Melaka Sultan Mansur Syah mengutus Duan Ya Ma La Di Na Cha dan pendamping-pendampingnya seramai 12 orang datang menghadap dan mempersembahkan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi kain sutera, persalinan dan lain-lain menurut kadarnya lalu disuruh membawa pulang sutera dewangga dan barang-barang lainnya untuk dianugerahkan kepada raja dan gundiknya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 65)
- 1474, 12 Menteri Chen Jun yang diutus ke Campa tidak jadi masuk kerana negerinya sudah diduduki oleh Annam. Chen Jun membawa banyak barang dagangan dan saudagar yang mengikutinya pun sangat ramai, maka mereka membuat alasan ditimpa angin taufan, oleh itu pergilah mereka ke Melaka untuk berniaga. Setelah balik Chen Jun pun melapor-

kan bahawa Campa sudah diduduki Annam dan Raja Melaka telah membantu mereka dengan memberi bahan makanan serta memperlakukan mereka dengan penuh kehormatan. Maka Kementerian Protokol pun bersembah: "Bila utusan Melaka datang menghadap, maka eloklah baginda mengeluarkan titah untuk memuji rajanya." Kaisar membenarkannya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 136)

- 1475, 12 Melaka mengutus Duan Ma Mi dan pendamping-pendampingnya datang menghantar warkah daun emas dan mempersembahkan gajah, kuda, ayam belanda, burung nuri putih, harimau bintang dan lain-lain. Kaisar menjamu makan dan menganugerahinya dengan pakaian kebesaran, sutera dewangga dan lain-lain, lalu menyuruh membawa pulang sutera dewangga, satin kimkha dan lain-lain untuk dianugerahkan kepada raja, gundik raja dan putera raja menurut kadarnya. Dalam pada itu kaisar pun menyuruh membawakan surat titah kaisar kepada Sultan Mansur Syah yang berbunyi: "Adapun baru-baru ini menteri yang diutus kerajaan dinasti ke negeri Campa telah terdampar ke Melaka kerana angin ribut. Dan Raja Melaka telah menyuruh orang menghadihkan perbekalan dan lain-lain. Keikhlasan Raja telah kita terima dengan sepenuhnya. Kini bersempena dengan utusan Melaka yang hendak balik, maka kita dengan khas menyediakan bingkisan yang berupa pelbagai jenis sutera dewangga untuk menyatakan rasa pujian dan terima kasih, harap diterima dengan baik." (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 141)
- 1481, 7 Kaisar mengutus Lin Rong dan timbalannya Huang Qian Heng ke Melaka untuk mengiktiraf Mahmud Syah, putera almarhum Sultan Mansur Syah, sebagai Raja Melaka. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 217)
- 1481, 8 Melaka mengutus Duan Ya Ma La Di Na Cha dan pendamping-pendampingnya datang menghadap, mempersembahkan gajah dan barang-barang ufti. Dijamu makan dan dianugerahi persalinan dan sutera dewangga pada kadarnya, lalu disuruh membawa pulang sutera dewangga, satin kimkha dan lain-lain untuk dianugerahkan kepada raja dan permaisuri-nya. Hatta maka Duan Ya Ma La Di Na Cha pun mohon dianugerahi perhiasan kepala dan ikat pinggang, kaisar pun mengkabulkannya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 217)
- 1481, 9 Utusan Melaka Duan Ya Ma La Di Na Cha berdatang sembah: "Pada tahun lima Tahun Cheng Hua (1469 T.M.) ketika utusan negeri hamba Wei Zhe Ran Na balik dari mempersembahkan ufti, kapalnya ditiup angin sampai ke negeri

Annam. Wei Zhe Ran Na dan pembantu-pembantunya dibunuh oleh orang negeri itu dan yang selebihnya dijadikan budak hamba kerajaan, sedangkan yang masih kanak-kanak semuanya terbunuh." Lalu berdatang sembah lagi: "Adapun Annam itu telah menduduki negeri Campa, lalu hendak merampas tanah Melaka. Kerana sama-sama telah menjadi negeri bawahan kaisar, maka negeri hamba enggan memeringinya." Pada saat itu kebetulan utusan Annam pun datang menghadap, maka Duan Ya Ma La Di Na Cha pun berbantahan dengannya. Maka Menteri Pertahanan Chen Yue meleraikannya dengan mengatakan bahawa perkara itu sudah berlalu, usah diungkit-ungkitkan lagi, baik dijadikan iktibar pada hari kemudian. Ketika utusan Annam hendak balik, kaisar pun menyuruhnya menyampaikan titah kaisar kepada Raja Annam Li Hao, demikian bunyinya: "Negeri Annam dan Melaka sama-sama menjunjung Dinasti Utara, maka sepatutnya berbaik-baiklah dengan negeri jiran, berpagar satu sama lain. Tidak patut kerana dirinya kuat lantas melanggar negeri lain dan mendatangkan bencana besar. Apa yang didakwa oleh utusan Melaka, kerajaan dinasti pun tidak segera mudah percaya, namun Raja Annam sendiri sebaiknya menyemak kesalahan, mentaati hukum kudrat alam dengan takwa, agar negeri sendiri selamat." Kemudian kaisar pun bertitah kepada utusan Melaka: "Semenjak dahulu kala, dalam mengendalikan negeri-negeri di sekitar, kaisar tidak menuntut pertanggungjawaban terhadap perkara-perkara yang telah berlalu. Kalau Annam datang menyerang semula, seeloknya Negeri Melaka melatih tentera dan kudanya, supaya dapat melawannya." (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 219)

- 1483, 12 Menteri Lin Rong dan timbalannya Huang Qian Heng ketika diutus ke Melaka untuk mengiktiraf Raja Melaka (Sultan Mahmud Syah) telah terkorban dalam kemalangan laut, kapalnya karam ditimpa angin ribut. Semua yang terkorban itu dinaikkan pangkatnya dan keluarganya diberi penganugerahan yang sepatutnya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 247)
- 1484, 5 Kaisar mengutus Menteri Zheng Sheng dan timbalannya Zhuo Fu menghantarkan surat titah kaisar dan bingkisan kaisar untuk mengiktiraf putera Raja Mahmud Syah sebagai Raja Melaka. Mereka itu diutus untuk menggantikan Menteri Lin Rong dan pendamping-pendampingnya yang telah karam di laut. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 252)
- 1485, 8 Timbalan utusan Zhuo Fu berdatang sembah: "Utusan utama Zheng Sheng meninggal dunia di Jiangxi kerana sakit. Kini

Annam. Wei Zhe Ran Na dan pembantu-pembantunya dibunuh oleh orang negeri itu dan yang selebihnya dijadikan budak hamba kerajaan, sedangkan yang masih kanak-kanak semuanya terbunuh." Lalu berdatang sembah lagi: "Adapun Annam itu telah menduduki negeri Campa, lalu hendak merampas tanah Melaka. Kerana sama-sama telah menjadi negeri bawahan kaisar, maka negeri hamba enggan memaranginya." Pada saat itu kebetulan utusan Annam pun datang menghadap, maka Duan Ya Ma La Di Na Cha pun berbantahan dengannya. Maka Menteri Pertahanan Chen Yue meleraikannya dengan mengatakan bahawa perkara itu sudah berlalu, usah diungkit-ungkitkan lagi, baik dijadikan iktibar pada hari kemudian. Ketika utusan Annam hendak balik, kaisar pun menyuruhnya menyampaikan titah kaisar kepada Raja Annam Li Hao, demikian bunyinya: "Negeri Annam dan Melaka sama-sama menjunjung Dinasti Utara, maka sepatutnya berbaik-baiklah dengan negeri jiran, berpagar satu sama lain. Tidak patut kerana dirinya kuat lantas melanggar negeri lain dan mendatangkan bencana besar. Apa yang didakwa oleh utusan Melaka, kerajaan dinasti pun tidak segera mudah percaya, namun Raja Annam sendiri sebaiknya menyemak kesalahan, mentaati hukum kudrat alam dengan takwa, agar negeri sendiri selamat." Kemudian kaisar pun bertitah kepada utusan Melaka: "Semenjak dahulu kala, dalam mengendalikan negeri-negeri di sekitar, kaisar tidak menuntut pertanggungjawaban terhadap perkara-perkara yang telah berlalu. Kalau Annam datang menyerang semula, seeloknya Negeri Melaka melatih tentera dan kudanya, supaya dapat melawannya." (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 219)

- 1483, 12 Menteri Lin Rong dan timbalannya Huang Qian Heng ketika diutus ke Melaka untuk mengiktiraf Raja Melaka (Sultan Mahmud Syah) telah terkorban dalam kemalangan laut, kapalnya karam ditimpa angin ribut. Semua yang terkorban itu dinaikkan pangkatnya dan keluarganya diberi penganugerahan yang sepatutnya. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 247)
- 1484, 5 Kaisar mengutus Menteri Zheng Sheng dan timbalannya Zhuo Fu menghantarkan surat titah kaisar dan bingkisan kaisar untuk mengiktiraf putera Raja Mahmud Syah sebagai Raja Melaka. Mereka itu diutus untuk menggantikan Menteri Lin Rong dan pendamping-pendampingnya yang telah karam di laut. (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 252)
- 1485, 8 Timbalan utusan Zhuo Fu berdatang sembah: "Utusan utama Zheng Sheng meninggal dunia di Jiangxi kerana sakit. Kini

- kapalnya sudah siap, akan berlepas pada bulan 10. Maka kalau menunggu pengiriman utusan baru, musim anginnya pun akan lewat." Hatta maka tibalah titah kaisar: "Kerana perlu memanfaatkan angin musim, oleh itu tidak akan mengirimi utusan baru dari sini, suruh Zhuo Fu memilih di Guangdong seorang pembesar yang cekap yang berpangkat darjat tujuh ke atas untuk pergi bersama-sama." (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 269)
- 1487, 3 Ketika balik dari Melaka, utusan Zhuo Fu secara sambilan membawakan surat ucapan terima kasih daripada Raja Melaka dan menyerahkan barang-barang bermutu dan kain cita yang dihadiahkan oleh Raja Melaka. Menteri Protokol berdatang sembah: "Adapun Zhuo Fu itu secara sambilan membawakan surat negeri asing, itu sangat menyimpang dari sendi adat utama, maka harus dihukum, semua barang yang dihadiahkan harus disita." Maka kaisar pun bertitah: "Zhuo Fu itu telah mengharungi lautan dan menempuh banyak bahaya, baiklah dimaafkan sahaja dan jangan dihukum. Cukup menyita barang-barang yang bermutu, sedangkan kain cita semuanya dikembalikan kepada Zhuo Fu." (*Xian Zhong Shi Lu*, jilid 288)
- 1508, 12 Raja Melaka mengirimi timbalan utusan Duan Ya Zhi datang menghadap, mempersembahkan barang-barang ufti. Sebagai balasan kaisar menganugerahkan pakaian naga, sutera dewangga, satin kimkha dan lain-lain kepada Raja Melaka, dan menganugerahi utusan Melaka dengan persalinan sutera, kain satin, wang dan lain-lain pada kadarnya. (*Wu Zhong Shi Lu*, jilid 45)
- 1509, 1 Selepas upacara sembahyang besar, kaisar mengadakan majlis santapan di Balairung Feng Tian. Ketika itu utusan Melaka Duan Ya Zhi ada di balai tetamu, maka Kementerian Protokol dijemput ke majlis makan dan ditempatkan di kelompok tujuh di sebelah timur balairung. (*Wu Zhong Shi Lu*, jilid 46)
- 1510, 1 Dalam rombongan utusan Melaka ada seorang tong shi (jurubahasa) yang bernama A Liu telah memberi rasuah kepada tong shi besar Wang Yong dan pensyarah Zhang Zi bersubahat untuk mengaut keuntungan ke negeri Brunei. Pegawai Kementerian Protokol Hou Yong dan rakan-rakannya juga telah menerima rasuah, membuatkan cap dan sijil palsu. Kemudian timbul pertikaian dengan Duan Ya Zhi dan orang-orangnya seramai 21 orang. Maka A Liu itu pun berkomplot dengan Peng Wan Chun dan rakan-rakannya membunuh Duan Ya Zhi dan orang-orangnya serta merampas semua barangnya. Kes itu terdedah dan A Liu, Peng Wan Chun serta rakan-rakannya semua dihukum mati. Sedangkan

pembesar dan pegawai yang menerima rasuah semua dikenakan hukuman denda atau turun pangkat. (*Wu Zhong Shi Lu*, jilid 59)

- 1520, 12 Feringgi yang dahulunya tidak pernah berhubungan dengan Tiongkok, kini telah merampas Melaka dan mengusir rajanya. Sekarang mereka mengirim utusan hendak mempersembahkan ufti dan minta pengiktirafan. Melaka pernah datang mendakwa dan meminta bantuan kepada kerajaan dinasti, tetapi belum diambil tindakan. Temenggung Kejaksaan Qiu Dau Long berdatang sembah: "Melaka adalah negeri yang mengamalkan ufti dan telah mendapat pengiktirafan, sekarang sudah dirampas oleh Feringgi. Dan Feringgi hendak menyuap kita dengan memberi keuntungan supaya boleh mendapat pengiktirafan dan penganugerahan daripada kita, itu sekali-kali tidak boleh diterima demi keadilan. Maka sebaiknya ditolak persembahan uftinya dan difahamkan mana yang sah mana yang haram. Hanya apabila bumi Melaka sudah dikembalikan, barulah dibolehkan mempersembahkan ufti. Andai kata masih sahaja keras dan tidak serik menggunakan kekuatan tentera, maka kita akan merayu negeri-negeri lain untuk sama-sama menghukumnya demi membina keadilan." Menteri Besar He Ao berdatang sembah: "Adapun Feringgi itu paling ganas dan penipu, alat senjatanya pun lebih kuat daripada negeri-negeri asing lainnya ... Baru-baru ini terdengar khabar bahawa mereka menggunakan kapal sendiri datang berniaga, akhirnya tentu akan mengakibatkan pertikaian dan pembunuhan, maka malapetaka pun tidak akan putus-putus di selatan kita. Semenjak nenek-moyang kita, negeri-negeri asing yang datang mempersembahkan ufti dihadkan tahun-tahunnya dan diawasi secara ketat oleh tentera sempadan. Di antaranya ada pula kapal negeri asing yang pura-pura dengan mengatakan kapalnya terdampar oleh angin maka hendak berniaga, itupun mesti dilaporkan dahulu dan disiasat kebenarannya, lalu dipungut bayaran cukai sebagaimana lazimnya. Kerana keuntungannya tidak seberapa, maka orang asing yang datang pun tidak ramai. Kebelakangan ini syahbandar Wu Tinglah orang yang pertama mengemukakan alasan bahawa kekurangan barang bau-bauan untuk persembahan dan keperluan persediaan bagi pertubuhan tentera, maka tidak menghiraukan masa dan tahunnya lagi, kapal yang datang cuma dipungut bayaran cukai sahaja sehingga kapal-kapal asing sibuk datang ke laut pantai Makau dan orang-orang asing ramai bergaul di bandar. Kerana pengawasannya longgar dan jalan-jalannya

sudah diketahui benar, maka Feringgi mendapat peluang datang ke sini. Oleh yang demikian, maka peraturan yang lama hendaknya dikuatkuasakan semula, kapal dan orang asing yang me-nyeludup ke bandar Makau diusir keluar dan diharamkan berniaga sendiri, diperketat pengawasannya, supaya amanlah daerah itu." Maka Menteri Protokol pun bersetuju: "Adapun Qiu Dao Long pernah menjadi temenggung Shun De dan He Ao adalah orang Shun De, maka mereka tahu benar akan keadaannya. Baiklah nanti apabila utusan Melaka datang, bersama jurubahasa kita dakwa utusan Feringgi mengapa Feringgi mencero bohi negeri jiran dan mengacau daerahnya, lalu dipersembahkan kepada kaisar supaya diambil tindakan ..." Semuanya dibenarkan oleh kaisar. (*Wu Zhong Shi Lu*, jilid 194)

1521, 6 Melaka mengirim utusan untuk menghantarkan warkah daun emas dan barang-barang ufti. Kaisar pun memberi anugerah kepada utusan Melaka dan kepada Raja Melaka dan permaisurinya sesuai dengan kelazimannya. (*Shi Zhong Shi Lu*, jilid 3)

1521, 7 Feringgi telah mengusir Raja Melaka Sultan Mahmud Syah dan menduduki negerinya, lalu mengutus Jia Bi Dan Mu (Kapitan Mor?) datang mempersembahkan ufti dan minta pengiktirafan. Pada ketika itu utusan Melaka Wei Xi Ying pun datang untuk mempersembahkan ufti dan memohon supaya dirayukan kepada raja-raja di negeri sekitar agar mengirinkan bala tentera bantuan untuk memulihkan negerinya. Kementerian Protokol telah bermesyuarat untuk menolak Feringgi dan memulangkan utusan uftinya. Syahdan Guangdong pun datang melapor: "Ada kapal laut yang mengatakan bahawa ia datang untuk memberi perbekalan makanan dan pakaian kepada utusan Feringgi, maka memajukan permohonan supaya barang-barang yang dibawanya dipungut bayaran cukai seperti biasa." Kementerian Protokol memberi jawapan: "Feringgi bukanlah negeri yang mempunyai hubungan ufti dan lagi ia mencero boh negeri yang telah diiktirafkan, dengan sewenang-wenang melanggar undang-undang, membawa barang untuk dijual di pasaran dengan menggunakan alasan memberi perbekalan makanan dan pakaian kepada utusan negerinya. Feringgi itu sukar diagak, kalau dibiarkan berdiam lama-lama, mungkin ada diintainya, maka baiklah suruh pengawal sempadan mengusirnya, jangan dibenarkan masuk. Mulai saat ini negeri-negeri asing yang datang untuk mempersembahkan ufti pada masanya, maka barang-barang-

nya dipungut bayaran cukai seperti yang telah berlaku, sedangkan yang bukan atau yang datang bukan pada masanya, maka semuanya ditolak. Tentang perihal Melaka minta bantuan, baik dimesyuaratkan oleh Kementerian Pertahanan." Kementerian Pertahanan pun bersepakat: "Minta kaisar mengeluarkan titah untuk mencela Feringgi dan menyuruh mengembalikan bumi Melaka, merayu Siam dan negeri-negeri lainnya supaya memberi pertolongan kepada jiran yang ditimpa malapetaka. Dan pegawai-pegawai yang mengawal pantai laut kerana tidak melaporkan lebih awal tentang kejadian di negeri asing seharusnya diselidik." Semua itu dibenarkan oleh kaisar. (*Shi Zhong Shi Lu*, jilid 4)

Daripada maklumat yang dibentangkan dalam senarai di atas jelas bahawa semenjak tahun 1403 hingga tahun 1521 selama seabad lebih itu, hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka sangat erat dan akrab, tidak pernah berlaku perselisihan. Menurut statistik yang tidak lengkap, ada tiga orang raja Melaka yang telah melakukan lawatan diraja ke negeri China dan jumlah seluruhnya enam kali. Ada lima orang kerabat raja Melaka yang telah diutus ke negeri China untuk melakukan misi persahabatan. Sedangkan pengiriman utusannya ke negeri China selama itu tidak kurang dari 24 kali. Nama-nama raja Melaka dari raja yang pertama hingga raja yang kelapan, kecuali raja yang ketujuh, iaitu Sultan Alaudin Riayat Syah yang entah mengapa sama sekali tidak ada catatannya tentang raja ini; semuanya didapati dalam buku sejarah rasmi Dinasti Ming. Berikut adalah nama-nama raja Melaka itu dalam tulisan Cinanya:

拜里迷苏拉	(Bai Li Mi Su La) – Parameswara
母侯撒于(干?)的儿沙	(Mu Wo Sa Gan Di Er Sha) – Megat Iskandar Syah
亦思罕答儿沙	(Yi Si Han Da Er Sha) – Iskandar Shah
西里麻哈刺者	(Xi Li Ma Ha La Zhe) – Seri Maharaja
息力密息瓦儿丢八沙	(Xi Li Ba Mi Xi Wa Er Tiu Ba Sha) – Parameswara Dewa Syah
速鲁檀无答佛哪沙	(Su Lu Tan Wu Da Fu Na Sha) – Sultan Muzaffar Syah
苏丹茫速沙	(Su Dan Mang Su Sha) – Sultan Mansur Syah
马哈木沙	(Ma Ha Mu Sha) – Sultan Mahmud Syah

Dari pihak Dinasti Ming pembesar yang diutus ke Empayar Melaka pun tidak sedikit, terutama yang harus dicatat ialah Laksamana Zheng He yang memainkan peranan besar dalam hubungan ini. Zheng He telah memilih Melaka untuk dijadikan pangkalan logistik armadanya dalam ekspedisi ke Samudera Barat. Memang munasabah pilihan itu kerana Melaka bukan sahaja mempunyai lokasi yang sangat strategik, malah

Melaka adalah negeri yang bersahabat rapat dengan China. Armada Laksamana Zheng He umumnya mesti berlabuh di Melaka ketika pergi untuk melawat atau balik dari melawat dan anak buahnya berjumlah 27,000 - 28,000 orang, maka boleh dibayangkan betapa ramainya orang Cina yang singgah di Melaka pada masa itu. Mereka bergaul secara langsung dengan rakyat Melaka dan turut menyaksikan keadaan alam dan tamadun Melayu di Melaka pada masa itu. Antaranya ada beberapa cendekiawan Cina yang melakukan penelitian yang agak cermat seperti Ma Huan, Fei Xin, dan telah menulis buku yang sangat bernilai, terutama buku Ma Huan yang bertajuk *Ying Ya Shen Lan* (Pemandangan Indah di Laut Seberang) yang sering dijadikan sumber rujukan penting dalam pengkajian sejarah dan buku itu telah memperihalkan secara menyeluruh keadaan Melaka pada masa Megat Iskandar Syah bertakhta. Berikut perihalnya:

Adapun negeri itu di sebelah tenggaranya laut, di sebelah utaranya sepanjang pantai rangkaian bukit dan pasir gersang belaka. Hawa udaranya siang panas malam sejuk. Tanah sawahnya tandus kurang menghasilkan padi, maka orang yang bercucuk tanam sedikit. Ada sebatang sungai besar mengalir dari depan tempat kediaman raja menuju ke laut. Rajanya membangun sebuah jambatan kayu di atas sungai dan di atas jambatan dibina 20 buah lebih rumah gerai, di sanalah berlangsungnya perniagaan macam-macam barang. Raja dan rakyatnya semua memeluk agama Islam, menjalankan ibadat dan mengaji al-Quran. Rajanya berserban kain putih yang halus, berpakaian panjang dari kain hitam yang berbunga-bunga kecil, rupanya seperti jubah, berkasut kulit, keluar masuk berusung. Penduduk negerinya laki-laki berdestar, perempuan bersanggul di belakang kepala, kulitnya sedikit hitam, bahagian bawah tubuhnya berselubung angkin putih, bahagian atasnya berbaju lengan pendek yang berwarna. Adat istiadatnya sederhana dan murni. Rumahnya seperti rumah panggung, atasnya tidak diberi papan, tingginya kira-kira empat ela, bumbung beratap daun rumbia yang diikat dengan tali rotan, seperti kandang kambing rupanya, bersusun-susun, tempat tidur, dan tempat duduk bersila serta minum makan dan dapur semuanya di atas itu. Penduduknya kebanyakan nelayan, menggunakan perahu lading berdayung ke laut untuk menangkap ikan. Hasil buminya ada kemenyan, kayu buhi, damar, timah dan lain-lain. Adapun damar itu sejenis getah daripada pokok yang menitik ke bumi lalu digali keluar, rupanya seperti tar, dibakar lantas menyala, maka oleh penduduk digunakan untuk obor. Dan kapal yang baru dibina sela-selanya dibubuh cairan damar, maka tidak ada kemasukan air lagi, sungguh elok sekali. Penduduk negeri itu banyak yang memungut damar untuk dijual ke negeri lain. Di antaranya ada yang baik dan benign bersih seperti permata emas, dinamai sindarus, oleh penduduk tempatan dibuat menjadi mutiara perhiasan kepala lalu diperjualkan. Itulah yang sekarang disebut permata air. Ada dua bukit lombong timah dan dikelolakan oleh penghulu yang dilantik oleh raja, menyuruh orang melimbang bijih timah, lalu dimasak dan dituangkan menjadi jongsong-jongsong kecil untuk diserahkan kepada kerajaan. Tiap jongsong beratnya sekati lapan tahlil atau sekati empat

tahil. Tiap 10 jongsong diikat dengan tali rotan menjadi satu ikatan kecil dan tiap 40 ikatan kecil dijadikan satu ikatan besar, itulah yang diperdagangkan di pasaran. Bahasa, tulisan dan upacara perkahwinan yang digunakan oleh penduduk negeri itu agak mirip dengan yang di Jawa. Di dalam hutan ada sejenis pokok, namanya pokok sagu. Orang kampung merendamkan kulitnya ke dalam air seperti di Tiongkok orang merendamkan akar pohon "Ge" ke dalam air, kemudian ditapis dan diambil tepungnya untuk dijadikan butir-butir sebesar kacang hijau, dijemur hingga menjadi keras lalu dijual, namanya beras sagu, boleh dimasak menjadi nasi untuk dimakan. Di rawa-rawa pantai laut tumbuh sejenisalang, namanya daun kajang, panjangnya seperti pisau golok, mirip rebung pahit, kulitnya tebal tetapi lembut, buahnya seperti buah laici sebesar telur ayam. Bijinya diambil orang untuk membuat arak, namanya arak kajang, kalau diminum, juga boleh memabukkan orang. Orang kampung menggunakan daunnya untuk menganyam tikar halus, lebarnya dua ela dan panjangnya 10 ela lebih, tikar itu untuk dijual. Buah-buahnya tebu, pisang, nanas, rambutan dan lain-lain. Sayur-sayurannya ada bawang, halia, bawang putih, sayur hijau, labu air, tembikai dan lain-lain. Juga ada lembu, kambing, ayam, itik, tetapi tidak banyak dan harganya sangat mahal. Seekor lembu berharga sekati perak ke atas. Tidak ada kuda dan keldai. Di sungai dekat laut ada buaya sering mencederakan manusia, buaya itu tiga sampai empat ela, berkaki empat, kulitnya bersisik keras, di belakangnya ada sebaris ridip, mulutnya bergigi taring, orang banyak digigitnya. Di gunung ada sejenis harimau hitam, kecil sedikit daripada harimau kuning di Tiongkok, bulunya hitam, tetapi ada belangnya juga yang samar-samar. Kadang-kadang muncul juga harimau kuning. Di negeri itu konon ada harimau yang menjelma menjadi manusia, menyeludup ke pekan bercampur dengan orang ramai. Kalau diketahui orang yang mengenalinya, maka ditangkap dan dibunuh. Juga ada hantu mayat seperti yang di Campa. Kapal Tiongkok dari Armada Laksamana Zheng He singgah di negeri itu. Dibuatnya pagar sekat seperti tembok kota, dibuat lagi empat rumah panggung beduk, malamnya ada orang yang meronda dengan membawa canang. Di bahagian dalamnya dibuat lagi pagar sekat berlapis seperti kota kecil di mana dibina sebuah gudang untuk menyimpan wang, bahan makanan dan lain-lain. Dan kapal-kapal yang balik dari berlayar ke luar negeri datang ke situ untuk berkumpul semuanya, lalu mengemaskan barang-barang dari negeri asing untuk diangkut ke dalam kapal, kemudian menunggu datangnya angin selatan, dan berlepas balik pada pertengahan bulan Mei. Rajanya pun sendiri menyiapkan barang-barang hasil mahul, lalu membawa isterinya dan para menteri naik kapal dan mengikuti Armada Zheng He ke ibu negara China untuk mempersembahkan ufti.

Apa yang diperihalkan oleh Ma Huan tentang keadaan Melaka pada masa itu memang yang langsung dilihatnya atau disemaknya dengan mata telinganya sendiri, maka sudah tentu tidak terhindar dari tanggapannya yang subjektif kerana jangkauannya terhad. Misalnya, Ma Huan mengatakan bahawa negeri Melaka itu "pasir gersang belaka", "tanahnya tandus kurang menghasilkan padi", saya kira kesan itu adalah akibat daripada beliau hanya bergerak di sekitar daerah pesisir sahaja yang memang bukan kawasan pertanian. Tidaklah tepat kalau hanya

kesan itu yang dijadikan dasar untuk membuat kesimpulan. Catatan Ma Huan itu mempunyai makna penting bagi pengkajian sejarah terutama kerana ia sebagai hasil pengamatan langsung daripada seorang cendekiawan Cina abad ke-15 telah memaparkan suatu gambaran yang realistik dan konkrit tentang alam dan tamadun negeri Melaka, sehingga kita mendapat banyak rujukan tentang agamanya, adat istiadatnya, penghasilannya, perniagaannya dan lain-lain, juga tentang peranannya yang penting bagi Armada Zheng He.

Selain buku Ma Huan, buku-buku yang ditulis oleh Fei Xin, Zhang Xie dan lain-lain juga banyak dikutip orang akan catatan-catatannya tentang Melaka dan pada umumnya hampir sama. Mungkin dari buku Zhang Xie yang bertajuk *Dong Xi Yang Kao* (Pengkajian Lautan Timur dan Lautan Barat) masih ada yang boleh ditambah, misalnya Zhang Xie menyatakan bahawa Melaka "pada zaman purbakala disebut Ge Luo Fu Sha, pada zaman Dinasti Han sudah ada hubungan dengan Tiongkok... pada masa Yong Hui Dinasti Tang (650 - 655 T.M.) sudah datang mempersembahkan burung nuri pancawarna". Itu masih perlu dibuktikan kesahihannya. Lalu dikatakan pula bahawa penduduk negeri Melaka "di antaranya ada yang kulitnya putih, mereka itu adalah keturunan Tionghua". Itu menunjukkan bahawa di Melaka pada masa itu penduduk dari keturunan Cina sudah tidak sedikit dan hidup rukun dengan penduduk lainnya. Mungkinkah mereka itu keturunan dari 500 orang Cina yang dipilih untuk mendampingi Hang Li Po seperti yang dikisahkan dalam *Sejarah Melayu*?

Catatan-catatan sejarah dari sumber China yang dibentangkan di atas belum dapat dikatakan sudah lengkap, namun begitu sudah dapat memberi suatu gambaran yang agak menyeluruh tentang bagaimana berlangsungnya hubungan yang erat dan akrab antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka selama seabad lebih itu. Apa yang memungkinkan tercapainya kejayaan yang begitu gemilang, saya kira ada tiga asas yang paling utama.

Pertama, keinginan dan ketulusan yang sama untuk "bersahabat dan berkasih-kasihannya", oleh itu kedua pihak selalu dapat saling hormat-menghormati dan harga-menghargai. Sejarah hubungan yang berlangsung selama seabad lebih itu dapat dikatakan adalah sejarah persahabatan yang akrab dan mesra sekali, tidak pernah berlaku perselisihan dan pertikaian yang boleh menjejaskan persahabatan kedua bangsa.

Kedua, sikap dan pendirian yang sama dalam membela perdamaian dan keadilan. "Dari banyak berseteru, baik berbanyak sahabat" itulah yang menjadi pegangan masing-masing. Kaisar Ming selalu menekankan agar negeri-negeri yang berjiran hidup berdampingan secara rukun dan damai, tidak saling menyerang, segala perselisihan hendaknya diselesai-

kan secara damai tanpa menggunakan kekerasan. Tetapi Kaisar Ming pun mengancam segala perbuatan mencero bohi dan mencabul, terutama terhadap Feringgi yang mencero bohi Melaka sikapnya tegas sekali. Oleh itu Raja Melaka pun lebih suka mengadukan perkaranya kepada kerajaan Dinasti Ming dan minta keadilan dari Kaisar Ming. Malah selepas Melaka dirampas oleh Feringgi, Raja Melaka pun masih mengirimi utusan untuk minta bantuan, hanya sayang ketika itu Dinasti Ming pun sudah merosot kekuatannya dan kewibawaannya, tidak dapat berbuat lebih banyak selain memberi sokongan moral seperti memulaukan Feringgi, merayu negeri-negeri jiran memberi pertolongan dan sebagainya.

Ketiga, tujuan yang sama untuk saling menguntungkan dan melengkap dalam bidang ekonomi. Di samping mempunyai matlamat untuk mempererat hubungan persahabatan, tidak syak lagi lawatan-lawatan diraja atau pengiriman-pengiriman utusan ufti juga mempunyai tujuan untuk melancarkan perniagaan dua hala. Sebagaimana telah diuraikan, apa yang disebut "persembahan ufti" itu pada hakikatnya adalah sesuatu untuk mewujudkan perniagaan dua hala menerusi saluran rasmi. Baik kita lihat terlebih dahulu apa barang-barang yang dibawanya dalam "persembahan ufti". Menurut apa yang dicatat dalam buku sejarah yang bertajuk *Ming Hui Dian* (Kumpulan Dokumen Dinasti Ming), ada kira-kira 40 macam lebih, iaitu: sumbu badak atau cula badak, gading gajah, sisik lili atau penyu merah, ratna dan manikam, mutiara, enggang, enggang gading, akar bakar, burung nuri, beruang, kera hitam, kesturi, selendang, sakhlat, kain Betilles, kain Citra, kain Sarass, kain Mousseline, kain pita, air mawar, kaca piring, kaku, *storax*, kapur barus, gaharu, narwastu, kemenyan, akar beranga atau kayu laka, cendana, cengkik, pucuk, gandarusa, inggu, *gynocardia odorata*, kayu buhi, sepong, timah, garam dan lain-lain. Nyata barang-barang itu kebanyakan yang tidak dapat diperolehi di negeri China, maka menerusi "persembahan ufti" itu apa yang kurang pada pihak China dapat dilengkapi. Begitu juga barang-barang yang dianugerahkan oleh Kaisar Ming atau yang dibeli di negeri China kebanyakan yang tidak dapat diperolehi di negeri Melaka, maka dapat melengkap pula apa yang kurang dipihak Melaka. Dalam hubungan ini perlu ditunjukkan pula bahawa barang-barang dari Melaka itu tidak sedikit adalah hasil buatan Arab, Parsi atau India, bukan hasil mahsul Melaka. Itu pun menunjukkan bahawa Melaka sudah menjadi pusat perniagaan antarabangsa yang penting pada masa itu dan banyak barang dari Asia Selatan dan Asia Barat yang masuk ke negeri China melalui Melaka.

Perniagaan dua hala yang diwujudkan dalam bentuk "persembahan ufti" itu adalah suatu cara perniagaan antarabangsa yang khas berlaku pada zaman feodal dahulu. Secara praktiknya perniagaan antarabangsa

yang khas berlaku pada zaman feodal dahulu boleh dibahagi kepada tiga kategori. Kategori pertama yang berlaku di kalangan raja dan kaisar, iaitu pihak yang satu menyerahkan sejumlah barang persembahan ufti sedangkan pihak yang lain membalasnya dengan sejumlah barang penganugerahan. Jadi apa yang disebut "persembahan ufti" sebenarnya saling beri-memberi dari dua hala, bukan dari sehalu sahaja, dan pemberian dari Kaisar Ming sering melebihi yang diterimanya kerana baginda berpegang pada asas "lebih banyak memberi daripada menerima" untuk memperlihatkan kebesarannya dan kemurahan hatinya. Kategori kedua yang berlaku di kalangan kerajaan, iaitu barang-barang yang hanya boleh dijual kepada kerajaan Dinasti Ming. Itu pun akan dibayar dengan harga yang patut, tidak akan merugikan pihak Melaka. Kategori ketiga yang berlaku di kalangan awam. Kecuali barang-barang yang diperuntukkan untuk kategori pertama dan kedua, selebihnya boleh diperdagangkan di pasaran negeri China dengan pungutan bayaran cukai tertentu. Perniagaan dalam kategori inilah yang menggalakkan perniagaan dua hala antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming dan saudagar-saudagar Melaka pun sedaya-upaya mencari jalan supaya boleh ikut menumpang kapal utusan ufti ke negeri China kerana hanya dengan jalan itu mereka boleh mendapat peluang berniaga di negeri China. Jelaslah bahawa perniagaan dua hala menerusi "persembahan ufti" itu telah diletakkan atas dasar saling menguntungkan dan saling melengkapi, maka ia dapat berlangsung terus selama lebih satu abad.

BAB 3

Peranan Bahasa Melayu Zaman Empayar Melaka – Dinasti Ming

Penubuhan Maktab Bahasa Asing “Si Yi Guan”

Bahasa merupakan alat berkomunikasi yang penting dalam pergaulan manusia. Tanpa bahasa tidak mungkin berlaku komunikasi yang berkesan antara seseorang dengan seseorang, begitu juga antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Sesuatu bangsa itu perlu mempelajari dan memahami bahasa bangsa lain merupakan suatu petanda bahawa hubungan antara kedua-dua bangsa yang berlainan bahasa itu telah mencapai peringkat yang cukup tinggi sehingga dirasai perlu untuk saling memahami bahasanya. Boleh juga dikatakan bahawa hubungan antara dua bangsa itu mencapai peringkat yang tinggi kerana bahasa turut memainkan peranan.

Sebagaimana yang telah dihuraikan dalam bab yang lalu, bahasa Melayu kuno sudah mulai dipelajari oleh bangsa Cina pada zaman Dinasti Tang abad ketujuh. Itu sebenarnya tidak menghairankan kerana ketika itu hubungan antara Empayar Sriwijaya dengan Dinasti Tang sudah mencapai peringkat yang cukup tinggi, terutama dalam bidang kebudayaan dan keagamaan, maka bangsa Cina merasa perlu untuk mempelajari dan memahami bahasa Melayu demi kepentingan dirinya sendiri. Tetapi pada masa itu orang masih belum menyedari betapa pentingnya peranan bahasa itu dan dari pihak kerajaan Dinasti Tang pun masih belum ada niat untuk memanfaatkannya. Orang Cina yang belajar bahasa Melayu hanya terhad pada segolongan kecil daripada kaum pendeta Buddha yang berniat melakukan pengajian agama ke Sriwijaya. Oleh itu peranan bahasa Melayu tidak menonjol, jarang disentuh dalam buku sejarah Dinasti Tang.

Dalam sejarah China, yang betul-betul menyedari pentingnya peranan bahasa asing dalam memajukan luar negeri adalah Dinasti Ming, kerana Dinasti Minglah yang paling giat dalam usaha meluaskan dan mengeratkan hubungannya dengan negeri-negeri di sekitarnya, terutama pada masa Kaisar Cheng Zhu berkuasa (1403 - 1425 T.M.). Pada masa itu kegiatan dalam lapangan diplomatik luar biasanya sibuk. Raja-raja dan

utusan-utusan negeri asing berduyun-duyun datang melawat ke negeri China, ada yang datang dengan membawa rombongan yang besar sekali. Dalam pada itu utusan-utusan China yang dikirim ke luar negeri pun tidak kalah ramainya, terutama lawatan Laksamana Zheng He dengan armadanya yang termasyhur itu telah menggemparkan dunia. Dengan begitu ramai dan kerap tamu-tamu yang datang dari berbagai-bagai negeri asing dan utusan-utusan yang dikirim ke berbagai-bagai negeri asing, maka peranan bahasa asing menjadi sangat menonjol, kerana semua kegiatan diplomatik itu akan terjejas sekiranya tidak ada tenaga penterjemah yang dapat memungkinkan berkomunikasi antara dua pihak yang berlainan bahasa. Kerajaan Dinasti Ming cukup menyedari akan hal ini dan dari segi pentadbiran telah mengambil tindakan yang berkesan, dengan menubuhkan satu jawatankuasa khas yang mengatur semua pegawai jurubahasa yang disebut "Tong Shi" untuk melayani kepentingan dalam hubungan luar. Tentang tugas yang dibebankan kepada jawatankuasa itu dapatlah kita rujuk dari sebuah buku sejarah yang bertajuk *Deng Tan Bi Jiu* (Catatan Segala Hal Ehwal Kerajaan). Demikian catatannya:

Semenjak masa Hong Wu dan Yong Le (1368 - 1425 T.M.), sudah ditubuhkan satu jawatankuasa induk "Da Tong Shi" yang mengatur pegawai jurubahasa di hadapan Seri Baginda. Adapun pimpinannya terdiri daripada ketua pengarah, pengarah besar dan pengarah, yang di bawahnya 18 jawatankuasa kecil "Xiao Tong Shi", tugasnya ialah mengurus semua perkara yang berkenaan dengan persembahan ufti dari negeri-negeri asing dan orang-orang asing yang menjadi takluk, membanci orang asing yang datang dan pergi, melaporkan segala hal ehwal yang bersangkutan dengan negeri asing yang perlu diperiksa dan sebagainya.

Selanjutnya dicatat pula bahawa "Tong Shi" yang berkhidmat dalam 18 jawatankuasa kecil itu berjumlah 60 orang dan di antaranya untuk Melaka seorang, untuk Sumatera seorang. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu pada masa itu sudah mendapat tempat dan sekurang-kurangnya ada dua orang pegawai jurubahasa "Tong Shi" yang memahami bahasa Melayu dalam kerajaan Dinasti Ming.

Cara bagaimana membina tenaga penterjemah yang lebih banyak untuk memenuhi keperluan yang sangat mendesak terhadap pegawai jurubahasa seperti "Tong Shi" itu memang suatu masalah yang harus ditangani segera. Atas titah Kaisar Ming Cheng Zhu, pada bulan Mac (atau September?) 1405 T.M. di ibu negara Ying Tian Fu (sekarang Nanjing) ditubuhkan suatu badan yang dipanggil "Si Yi Guan" (Balai Bahasa Negeri-negeri Asing) yang bertugas sebagai lembaga pendidikan tenaga bahasa asing. Badan ini ditempatkan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan. Tentang perlunya penubuhan "Si Yi Guan" itu dapat kita lihat dari penjelasan yang termaktub dalam *Si Yi*

Guan Zhen Ding Guan Zhe (Tambahan Peraturan Si Yi Guan). Demikian bunyinya:

Negara telah mempersatukan seluruh jagat, berhambuslah segala kemaksiatan dari dalam dan luar empat samudera. Se jauh yang terjangkau oleh kewibawaan dan kemasyhuran kaisar tiadalah yang tidak ditakluk lagi. Akan peri negeri-negeri asing itu berbeza-beza dan bahasa serta tulisannya pun ganjil-ganjil. Maka kalau tiada orang yang mengenali dan memahaminya, mustahil kita dapat menghebahkan kebesaran kerajaan dan menyiasat keikhlasan negeri yang jauh. Oleh sebab itulah maka Si Yi Guan ditubuhkan.

Dalam *Deng Tan Bi Jiu* (Catatan Segala Hal Ehwal Kerajaan) juga ada catatan yang memuji-muji kebijaksanaan Dinasti Ming yang menubuhkan "Si Yi Guan" itu. Demikian catatannya:

Syahadan pekerjaan ini [yang dimaksudkan penubuhan Si Yi Guan - Pen.] nampaknya tidak mendesak, tetapi sebenarnya sangat perlu, nampaknya ringan, tetapi sebenarnya sangat berat. Tatkala datang surat dari negara asing yang melaporkan kejadian, sedangkan di antara kita tidak ada orang yang memahaminya atau tidak dapat memahaminya dengan sepenuhnya, lantas kita ambil tindakan, bukankah bertentangan jadinya. Itu tidak hanya akan membuat kita menjadi buta akan keadaan negeri asing itu, bahkan bolch mengakibatkan kerusuhan di sempadan. Sesungguhnya berfikiran jauh kerajaan kita yang menyediakan pegawai untuk mengurusinya.

Nampaknya penubuhan "Si Yi Guan" itu mendapat sambutan baik dan perhatian besar dari berbagai-bagai kalangan, dan kerajaan Dinasti Ming pun amat menyedari betapa pentingnya peranan bahasa itu. Ketika "Si Yi Guan" itu dibaharui semula, ditegakkan pula sebuah tugu batu yang bertulis: "*Ilmu Penyalinan Bahasa Asing Itu Boleh Bertahun Tidak Digunakan, Tetapi Tidak Boleh Sehari Tidak Disiapkan.*" Itulah cogan kata bagi pembinaan "Si Yi Guan".

"Si Yi Guan" itu adalah maktab bahasa asing yang pertama dalam sejarah negeri China. Matlamat pengajaran dan pembelajaran di "Si Yi Guan" itu tegas sekali, iaitu "belajar bahasa asing dan cara penyalinannya demi memperluaskan persembahan ufti". Jadi, bahasa asing yang diutamakan dan diajarkan di maktab itu adalah bahasa dari negeri asing yang ada hubungan "ufti" dengan Dinasti Ming atau yang sudah mendapat pengiktirafan daripadanya. Oleh yang demikian, bahasa Melayu semestinya sudah diutamakan dan diajarkan pada masa itu kerana hubungan rasmi antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming sudah dibuka semenjak 1405 T.M.. Ketika mula ditubuhkan, di "Si Yi Guan" itu terdapat lapan jabatan dan bahasa Melayu sudah dimasukkan ke dalam jabatan yang disebut "Hui Hui Guan" (Jabatan Islam yang merangkumi Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain). Jabatan-jabatan lainnya ialah: "Tatan Guan" (Jabatan Mongol), "Ni Zhen Guan"

(Jabatan Mancu), "Xi Fan Guan" (Jabatan Tibet), "Xi Tian Guan" (Jabatan Hindu), "Bai Yi Guan" (Jabatan bangsa-bangsa yang bermukim di kawasan Yunnan seperti bangsa Dai, bangsa Meng Yang, bangsa Mu Bang dan lain-lain), "Gao Chang Guan" (Jabatan Wigur) dan "Mian Dian Guan" (Jabatan Myanmar). Pada tahun 6 Tahun Zheng De (1511 T.M.) ditambah lagi dengan satu jabatan yang disebut "Ba Bai Guan" (Jabatan bangsa yang bermukim di daerah Chiang Mai, bahagian utara Thailand sekarang). Kemudian pada tahun 6 Tahun Wan Li (1578 T.M.) ditambah lagi dengan satu jabatan baru yang disebut "Sian Luo Guan" (Jabatan Siam). Jadi akhirnya di maktab itu terdapat 10 jabatan. Tetapi perlu dicatat bahawa bahasa asing yang diajarkan di situ sebahagiannya bukanlah bahasa asing, melainkan bahasa bangsa-bangsa minoriti yang bermukim di wilayah China sekarang. Dan bahasa-bahasa asing yang diajarkan semuanya termasuk bahasa Timur - Asia Timur, Asia Tenggara, Asia Selatan dan Asia Barat (Timur Tengah).

Dalam membina dan mengelolakan maktab bahasa asing "Si Yi Guan" itu, kerajaan Dinasti Ming memberi tumpuan yang cukup besar dan mengambil beberapa tindakan yang berkesan untuk menjamin mutu pengajaran dan pembelajarannya.

Pertama, kerajaan Dinasti Ming berikhtiar membina tenaga pengajarnya yang berkelayakan. Setiap pensyarah harus menerima ujian dahulu dalam menentukan naik pangkat. Pensyarah yang berkelayakan mula-mula diberi pangkat "Xu Ban" (pangkat darjat 9), kemudian dari "Xu Ban" dinaikkan menjadi "Zhu Po" (pangkat darjat 8) dan dari "Zhu Po" diangkat menjadi "Shi Cheng" (pangkat darjat 7), seluruhnya dibahagi kepada tiga peringkat dan tiga darjat. Pengetua yang menguruskan maktab "Si Yi Guan" pun diberi gelaran pangkat darjat 3 atau darjat 4 seperti "Tau Chang Shi Qing" (pangkat darjat 3), "Shao Qing" (pangkat darjat 4) dan sebagainya. Selain daripada itu, bagi pensyarah utama dan pensyarah yang sudah lama berkhidmat, anak mereka boleh dijadikan sebagai pewarisnya, diberi kemudahan untuk belajar di maktab itu sebagai "Si Ye Zhi Di" (Anak Didik Pewaris) agar pada kemudian hari akan mewarisi jawatan orang tuanya. Dengan adanya kemudahan-kemudahan itu, maka maktab itu dapat menarik tenaga pengajar yang berkelayakan dan mereka yang berkhidmat di maktab itu pun boleh menumpukan segenap tenaganya untuk usaha pengajarannya. Yang dilantik sebagai pensyarah di maktab itu selain orang Cina yang memahami bahasa asing, ada juga orang asing yang datang dari negerinya sendiri. Mereka itu kebanyakannya bekas utusan negeri asing yang datang ke negeri China untuk menjalankan tugas "persembahan ufi". Setelah tugasnya selesai mereka diminta tinggal lebih lama di negeri China untuk berkhidmat sebagai pensyarah di maktab tersebut. Misalnya di Jabatan Myanmar, menurut catatan, dari 1436 T.M. hingga 1449 T.M.

tidak kurang daripada enam orang bekas utusan Myanmar yang dijemput dan dilantik menjadi pensyarah, mereka semua diberi gelaran pangkat "Xu Ban". Keenam-enam orang Myanmar itu telah berkhidmat seumur hidupnya untuk membantu negeri China mendidik tenaga yang memahami bahasa Myanmar. Pada tahun 2 Tahun Jing Tai (1451 T.M.) Raja Myanmar pernah mengirim utusan dan meminta supaya keenam-enam orang Myanmar itu dipulangkan ke Myanmar, tetapi kerajaan Dinasti Ming tidak setuju kerana "tugas dari penuntut-penuntutnya belum selesai". Kemudian pada tahun 2 Tahun Tian Sun (1458 T.M.) Raja Myanmar sekali lagi mengirim utusan dan meminta supaya keenam-enam orang Myanmar itu dipulangkan ke Myanmar, tetapi kerajaan Dinasti Ming tetap tidak setuju. Maka keenam-enam orang Myanmar itu terus berkhidmat di maktab itu sebagai pensyarah hingga hari penghabisannya dan setelah meninggal dunia mereka dikebumikan di Nanjing. Demikianlah kerajaan Dinasti Ming memandang berat terhadap pengkhidmatan tenaga orang asing di maktab "Si Yi Guan" itu. Kemudian untuk melanjutkannya maka atas permintaan kerajaan Dinasti Ming, kerajaan Myanmar pun mengirim tiga orang guru untuk menguruskan pengajaran bahasa Myanmar di maktab itu dan masa pengkhidmatannya pun cukup panjang. Selain di Jabatan Myanmar, di jabatan-jabatan lain pun peranan tenaga pengajar dari orang asing sangat besar. Di Ba Bai Guan (Jabatan Bangsa yang bermukim di Chiang Mai) misalnya, pensyarahnya yang utama adalah seorang Chiang Mai, beliau juga datang ke negeri China bersama-sama utusan negeri Ba Bai Xi Fu, setelah selesai tugas "persembahan ufti" maka kerajaan Dinasti Ming menjemput beliau untuk berkhidmat di maktab "Si Yi Guan". Jabatan Siam akhirnya dapat ditubuhkan kerana mendapat sokongan langsung dari utusan negeri Siam. Pada tahun 5 Tahun Wan Li (1577 T.M.) Siam mengutus empat orang datang menghadap, kemudian keempat-empat orang Siam itu diminta oleh kerajaan Dinasti Ming supaya menetap terus di negeri China untuk membantu menubuhkan Jabatan Siam di maktab "Si Yi Guan" dan mereka berempat itulah yang menjadi pensyarahnya. Pernahkah utusan Melaka atau orang Melayu yang dijemput dan dilantik sebagai pensyarah di maktab "Si Yi Guan" itu? Saya kira itu bukan mustahil kalau mengingatkan hubungan antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming begitu erat dan akrab pada masa itu. Tetapi sayang setakat ini saya masih belum berjaya mendapat catatan yang boleh memberi rujukan kepada kita, kerana catatan-catatan tentang "Si Yi Guan" kebanyakannya ditulis agak terkemudian iaitu pada masa Empayar Melaka sudah jarang disebut-sebut lagi.

Kedua, kerajaan Dinasti Ming berikhtiar menjamin mutu pelajarannya. Pada permulaannya 38 orang yang dikirim ke maktab "Si Yi Guan" untuk belajar bahasa asing semuanya "Jian Sheng" (Pelajar Maktab

Kerajaan yang Tertinggi). Mereka terus dipilih oleh Kementerian Protokol atas titah Kaisar Ming Cheng Zhu pada 1407 T.M. Kemudian pada 1445 T.M. Kaisar Ming mengeluarkan titah lagi untuk menegaskan bahawa "kerajaan hendak berkasih-kasih dengan negeri-negeri di sekitarnya, tetapi kerana bahasa dan tulisannya tidak difahami maka perlu disediakan pegawai jurubahasa. Pertama-tama pilihlah "Jian Sheng" dan anak-anak muda dari keluarga yang berpangkat untuk belajar bahasa asing. Mereka yang hasil pelajarannya baik boleh diberikan jawatan". Walaupun peluang mereka itu sudah lebih luas, namun yang diterima sebagai pelajar di maktab "Si Yi Guan" itu tetap bukan sebarang orang, kecuali "Jian Sheng"; yang boleh diterima hanyalah anak-anak orang berpangkat yang cekap dan cerdas, dan mereka itu pun lebih dahulu harus lulus dalam ujian kemasukan yang sangat berat. Oleh itu jumlah pelajar di maktab "Si Yu Guan" itu tidak banyak. Pada 1459 T.M. yang berdaftar hanya 154 orang, jelaslah kualiti yang lebih dipentingkan.

Ketiga, kerajaan Dinasti Ming membuat peraturan yang lengkap dan ketat untuk menjamin keberkesanan dan ketertiban pengajaran dan pembelajaran di maktab "Si Yi Guan" itu. Dalam *Si Yu Guan Zhe* (Peraturan Si Yi Guan), pada Peraturan Tambahnya ada termaktub titah perintah Kaisar Ming yang disampaikan oleh Menteri Protokol. Demikian bunyinya:

25 haribulan Mei tahun 3 Tahun Hong Zhi (1490 T.M.) Menteri Protokol Geng dan pembesar lainnya telah menyampaikan titah kaisar, bahawa pelajar-pelajar di "Si Yi Guan" haruslah mempelajari vaknya masing-masing dengan tekun, mahir berbahasa asing dan faham akan tulisannya, agar dapat digunakan di kemudian hari. Mereka diharamkan menggunakan dalih belajar menulis dan berlatih diri tetapi sebenarnya yang dilakukannya bukanlah yang berkenaan dengan mata pelajaran bahasa asingnya. Selepas tiga tahun belajar, mereka akan diserahkan kepada Kementerian Protokol untuk diadakan peperiksaan rasmi beramai-ramai dan yang lulus akan diangkat menjadi pelajar catuan, setiap bulan diberi catuan beras sebanyak satu "dan" [kira-kira 60 kilogram - Pen.] lalu belajar tiga tahun lagi, selepas itu diadakan peperiksaan seperti yang dulu dan yang lulus akan dianugerahi songkok dan ikat pinggang serta diangkat menjadi "Yi Zhi Guan" (Pegawai Jurubahasa), setiap bulan tetap diberi catuan beras satu "dan". Kemudian belajar lagi tiga tahun, mereka yang lulus dengan hasil baik dalam peperiksaan rasmi akan dianugerahi pangkat "Xu Ban". Adapun mereka yang gagal dalam peperiksaan yang pertama masih diberi kesempatan untuk mengikuti peperiksaan lagi tiga tahun kemudian, kalau masih gagal, diberi kesempatan lagi hingga enam tahun. Yang gagal dalam tiga kali peperiksaan rasmi itu akan dipecat dan dijadikan orang awam, sedangkan yang lulus akan dianugerahi catuan beras, songkok dan ikat pinggang sebagaimana mestinya. Bagi "Jian Sheng" yang baru masuk "Si Yi Guan" tetap disediakan bahan makanannya seperti yang berlaku di Maktab Kerajaan. Selepas belajar tiga tahun, mereka yang lulus dalam peperiksaan rasmi akan dianugerahi catuan beras satu "dan" setiap

bulan di samping tetap menerima bahan makanan yang sudah diperuntukkan kepadanya. Kemudian selepas belajar tiga tahun lagi, mereka yang lulus dalam peperiksaan rasmi akan dianugerahi songkok dan ikat pinggang. Dan apabila berjaya lulus dengan hasil baik dalam peperiksaan rasmi di tahun kesembilan, maka mereka akan dianugerahi pangkat darjat 8 dalam jawatan jurubahasa dan dijadikan calon cadangan. Begitu juga halnya, mereka yang gagal dalam peperiksaan yang pertama akan diberi kesempatan untuk mengikuti peperiksaan lagi seperti yang berlaku untuk pelajar-pelajar biasa. Kalau tiga kali peperiksaan masih gagal, maka mereka akan dipulangkan ke Maktab Kerajaan untuk diatur ke bidang lain. Arakian mereka yang telah ikut belajar, tetapi tidak mahir akan bahasa asing yang merupakan mata pelajaran pokoknya, sekalipun lulus dalam peperiksaan rasmi, tetap tidak akan disahkan. Demikian titah kaisar.

Dari peraturan yang ditetapkan itu dapat kita lihat bahawa tuntutan terhadap pelajar di maktab "Si Yi Guan" itu sangat tinggi. Masa belajar di maktab itu sampai sembilan tahun lamanya, dibahagi pada tiga peringkat, tiap peringkat tiga tahun dan tiap tiga tahun diadakan sekali peperiksaan rasmi beramai-ramai. Mereka yang lulus dalam tiap-tiap peperiksaan rasmi akan mendapat anugerah dan pangkat yang setimpal. Ini tentu akan memberi galakan kepada para pelajar, dan itulah yang sangat menarik bagi cendekiawan muda sehingga banyak yang ingin masuk maktab itu. Tetapi di samping itu ketentuan disiplinnya pun sangat keras. Dalam Peraturan "Si Yi Guan" itu ada ketentuan-ketentuan seperti yang berikut:

Kalau dalam satu bulan terdapat tiga kali tidak hadir, maka ia akan dikenakan tindakan disiplin, yang lama ponteng belajar pertama-tama akan dipotong catuan berasnya, kemudian dicatat sebagai pelajar yang ponteng kuliah dalam peperiksaan di penghujung semester. Juga ditentukan bahawa pensyarahnya akan dianggap telah mencuaikan kewajibannya apabila pada tiap bulan terdapat pelajarannya yang tidak hadir, dan di penghujung tahun akan dimajukan ke cancelori untuk diambil keputusan, mereka yang hasil peperiksaannya selalu rendah atau yang selalu mencari dalih bahawa pelajarannya terlalu sukar, selain dikritik dan diambil tindakan, juga akan dicatat sebagai pelajar yang ponteng kuliah dan dipertimbangkan sama ada untuk dipecat atau dibenarkan pada hari peperiksaan saringan.

Demikianlah peraturan maktab bahasa asing "Si Yi Guan" itu, di samping banyak kemudahan dan keutamaan yang diberikan, juga banyak tuntutan dan ketentuan disiplin yang dikemukakan. Hal yang demikian lebih menjamin kelancaran dan ketertiban pengajaran dan pembelajarannya.

Keempat, kerajaan Dinasti Ming mengerahkan tenaga untuk menyusun bahan pelajaran bahasa asing dan kamus dwibahasanya. Sayang sekali bahan-bahan itu kebanyakannya sudah hilang, hanya sebahagian sahaja yang masih tersimpan di Paris dan Berlin, sedangkan di negeri China sendiri sudah sukar dijumpai lagi kecuali *Sian Luo Guan*

Yi Yu (Bahasa Asing Jabatan Siam) yang masih tersimpan di Perpustakaan Beijing. Kerana tidak ada bahan yang lengkap, maka sukarlah untuk memperihalkan secara utuh dan menyeluruh. Di sini kita hanya dapat mengagak-agak sahaja berdasarkan catatan-catatan dan beberapa bahan yang dapat diperolehi. Di maktab "Si Yi Guan" itu, untuk bahan asing pada mulanya hanya disediakan satu mata pelajaran, iaitu *Fan Yi Zha Zhi* (Aneka Perkataan Bahasa Asing). Mata pelajaran itu ditujukan untuk penguasaan bahasa asing secara umum. Tiap-tiap 10 hari diadakan sekali ujian. Untuk memudahkan para pelajar Cina melafazkan dan mengingatkan kata-kata asing, digunakan satu cara penyusunan yang sangat istimewa, iaitu kata-kata asing yang akan diajarkan disusun dalam bentuk sajak, dipanggil *Ji Zhi Shi* (Sajak Kumpulan Kata). Saya pernah melihat contohnya yang diambil dari bahan pelajaran bahasa Arab di Hui Hui Guan (Jabatan Islam). Beginilah caranya: pertama dibuat dahulu sebuah sajak klasik Cina, sajak terikat lima perkataan atau tujuh perkataan, lalu di bawah setiap perkataan Cina itu diberi perkataan Arabnya yang ditulis dalam huruf Arab, dan di bawah perkataan Arab itu diberi ejaannya yang ditulis dengan huruf Cina. Apakah cara ini baik dan berkesan, itu tidak perlu dipersoalkan di sini. Yang patut dihargai adalah kesungguhannya dan kreativiti cuba merintis jalan yang boleh memudahkan pelajar Cina menguasai bahasa asing. Kemudian pada tahun 2 Tahun Jia Qing (1542 T.M.) pengetua maktab "Si Yi Guan", Guo Jun, mendakwa bahawa "hanya mempelajari bahasa asing tanpa dikaitkan dengan penulisan surat titah kaisar dan penyalinan surat dari negeri asing, itu bukanlah yang paling diperlukan, maka untuk selanjutnya hendaklah ketiga-tiganya sama-sama dipelajari". Atas dakwaan Guo Jun itu, maka semenjak itu ditambah lagi dengan dua mata pelajaran baru, iaitu *Yi Xie Lai Wen* (Penterjemahan Surat-surat dari Negeri Asing) dan *Hui Da Chi Yu* (Penulisan Surat Balasan dan Titah Kaisar), agar lebih sesuai dengan matlamat pengajaran dan pembelajaran di maktab "Si Yi Guan", iaitu "Belajar bahasa asing dan cara penyalinannya demi memperlancar ufti".

"Si Yi Guan" adalah maktab bahasa asing yang pertama dalam sejarah China. Kerajaan Dinasti Ming memberi perhatian besar dan mencurahkan banyak tenaga untuk membinanya, dan semua tidak sia-sia. Kemudian terbukti bahawa "Si Yi Guan" pun memberikan sumbangan besar kepada kerajaan Dinasti Ming dalam menjayakan politik luar negerinya dan mengeratkan hubungan dengan negeri-negeri di sekitarnya. "Tong Shi" iaitu pegawai jurubahasa yang memainkan peranan penting dalam urusan luar negeri kebanyakannya lulusan dari maktab "Si Yi Guan" dan semua surat dokumen yang ditulis dalam bahasa asing juga diuruskan oleh maktab itu. Demikianlah penting dan

besarnya peranan yang dimainkan oleh maktab bahasa asing "Si Yi Guan" itu, maka ia dapat bertahan lama. Kemudian Dinasti Qing yang menggantikan Dinasti Ming itu pun masih menganggap perlu mempertahankannya "Si Yi Guan". Hanya pada 1748 T.M. namanya diubah menjadi "Hui Tong Si Yi Guan", tetapi masih meneruskan sistem yang sudah berkuatkuasa pada zaman Dinasti Ming. Walaupun maktab "Si Yi Guan" masih terus dipertahankan oleh kerajaan Dinasti Qing, namun masa kejayaannya telah berlalu. Kemudian kerajaan Dinasti Qing yang semakin lemah itu terpaksa menghadapi ancaman-ancaman dari negara-negara Barat, sedangkan hubungannya dengan negeri-negeri di sekitar banyak yang sudah putus atau semakin berkurang. Oleh itu maktab bahasa asing "Hui Tong Si Yi Guan" pun sudah tidak dapat memainkan peranan seperti dahulu lagi. Selepas Perang Candu (1840 T.M.) riwayatnya pun tamat.

Lahirnya Kamus Cina-Melayu Terawal

Lahirnya sebuah kamus dwibahasa, walaupun sederhana dan kecil, bukanlah secara kebetulan, tentunya ada kaitannya dengan konteks sejarah dan keperluan zaman. Apabila hubungan antara dua bangsa yang berlainan bahasanya telah berkembang sampai ke suatu peringkat, maka saling memahami bahasanya sudah menjadi suatu kemestian, kerana tanpa peranan bahasa hubungan antara dua bangsa itu sukar dilanjutkan secara lancar. Pada abad ke-15 hubungan antara Dinasti Ming dengan negeri-negeri di sekitarnya menjadi begitu erat dan akrab, maka peranan bahasa lebih-lebih lagi dirasai amat perlu. Oleh itu pada tahun 1405 ditubuhkan maktab bahasa asing yang pertama iaitu "Si Yi Guan" untuk membina tenaga yang memahami bahasa asing. Dan tidaklah hairan kalau pada masa itu juga sudah bermula usaha penyusunan berbagai-bagai kamus dwibahasa.

Kalau ditilik dari sejarahnya, sebenarnya pada abad ke-14 usaha penyusunan kamus dwibahasa sudah dimulakan oleh kaisar Dinasti Ming yang pertama, iaitu Ming Tai Zhu (1368 - 99 T.M.). Kita dapat merujuk pada *Si Yi Guan Zhen Ding Guan Zhe* (Peraturan Tambahan Si Yi Guan), yang merakamkan catatan seperti yang berikut:

Bulan 1 tahun 15 Tahun Hong Wu (1382 T.M.).

Pada Dinasti Yuan yang lalu, mereka tidak mempunyai huruf tulisan sendiri untuk mengumumkan undang-undang dan perintah, maka terpaksa meminjam huruf Wigur untuk melambangkan kata-kata Mongol lalu dikuatkuasakan ke seluruh negeri. Sekarang kita menitahkan ketua penjawat Huo Yuan Jie dari Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan bersama penyunting Mai Yi, Chi Hei dan pegawai-pegawai lain menggunakan kata-kata Cina dengan merujuk kepada

sejarah sulit Dinasti Yuan menyalinkan bahasanya dengan lengkap diklasifikasikan ke dalam pelbagai kategori seperti astronomi, geografi, barang-barang, pakaian, makanan, perabot alatan dan lain-lain. Dengan demikian terciptalah *Hua Yi Yi Yu*.

Jadi, yang disebut *Hua Yi Yi Yu* (Senarai Perkataan Cina – Perkataan Negeri Asing) itu sebenarnya adalah kamus Cina-Mongol. Mengapa bahasa Mongol yang dijadikan sasaran pertama untuk penyusunan kamus dwibahasa, itu tidak sukar untuk difahami, kerana bahasa itulah yang paling diperlukan oleh kerajaan Dinasti Ming pada masa itu. Dinasti Ming yang baru menggantikan Dinasti Yuan yang ditubuhkan oleh bangsa Mongol, masih banyak berurusan dengan bangsa dari utara itu. Dan kesukaran yang paling besar dalam berurusan dengan bangsa Mongol itu ialah tidak dapat memahami bahasanya, sehingga tidak dapat berkomunikasi dan berdialog secara lancar dengan mereka. Jelaslah bahawa lahirnya kamus Cina-Mongol yang merupakan kamus dwibahasa yang pertama itu bukan secara kebetulan, melainkan suatu keperluan zaman. Menurut catatan sejarah, semenjak adanya *Hua Yi Yi Yu* itu, "utusan-utusan yang pergi ke utara atau yang datang dari utara semuanya dapat berkomunikasi dengan lancar". Walaupun kamus itu memainkan peranan yang positif sekali, namun tidak ada kamus dwibahasa lain yang menyusul pada masa itu, kerana Kaisar Ming Tai Zhu yang baru menubuhkan dinastinya harus mengutamakan hubungan dengan bangsa di utara. Baginda tidak sempat meluaskan hubungan dengan negeri-negeri lain, apatah lagi dengan negeri-negeri di seberang laut. Oleh itu kecuali kamus Cina-Mongol, baginda tidak merasai perlu untuk menyusun kamus dwibahasa yang lain.

Kemudian pada masa Kaisar Ming Cheng Zhu bertakhta (1403 - 24 T.M.) hubungan Dinasti Ming dengan luar negeri bertambah luas, maka manfaat yang diperolehi dari *Hua Yi Yi Yu* itu pun perlu diperluaskan dengan menyusun senarai perkataan negeri-negeri asing yang lain yang berhubungan erat dengan Dinasti Ming. Dalam pada itu maktab bahasa asing "Si Yi Guan" yang baru ditubuhkan juga amat memerlukan sebuah kamus dwibahasa untuk pengajaran dan pembelajarannya. Di samping menyusun bahan pelajaran, maktab itu juga bertugas menyusun *Ge Gou Yi Yu* (Senarai Perkataan Pelbagai Negeri) dengan mengambil contoh dari *Hua Yi Yi Yu*, iaitu kamus Cina-Mongol yang pertama. Beginilah caranya: dipilih dahulu kata-kata Cinanya menurut klasifikasi tertentu, kemudian kata-kata Cina itu satu demi satu diberi kata asingnya yang dieja dan ditulis dalam huruf Cina. Jadi semuanya menggunakan huruf Cina dan ditulis secara vertikal, iaitu dari atas ke bawah. Kamus-kamus dwibahasa yang disusun di maktab "Si Yi Guan" itu selain sama dalam caranya dan bentuknya, juga sama dalam pemakaian nama tajuknya, semua mengikuti nama tajuk umum *Ge Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan

Pelbagai Negeri), hanya "Ge Guo" (Pelbagai Negeri) itu diganti dengan nama negeri yang konkrit seperti *Mian Dian Guan Yi Yu* (Senarai Perkataan Jabatan Myanmar), *Sian Luo Guan Yi Yu* (Senarai Perkataan Jabatan Siam) dan sebagainya. Apakah kamus Cina-Melayu juga termasuk dalam cadangan penyusunan *Ge Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Pelbagai Negeri), itulah yang hendak dikesan selanjutnya.

Tentang kehadiran kamus Cina-Melayu pada abad ke-15 telah disingkap oleh beberapa sarjana. Di luar negeri, yang mula-mula melakukan pengkajian yang agak mendalam tentang kamus itu mungkin sarjana Inggeris, E.D. Edwards dan C.O. Blagden. Pada tahun 1930-an kedua-dua sarjana Inggeris itu dalam tulisan mereka yang bertajuk "A Chinese Vocabulary of Malacca Words and Phrases collected between A.D. 1403 and 1511 (?)" telah memberikan huraian yang agak luas dan berharga. Pertama dikatakan:

This list of words and phrases contained in this article is one of ten manuscript vocabularies bound up in a volume lettered Ko Kwo Yi Yu which forms part of the collection of Chinese books made by the well-known missionary, Morrison (who lived from 1782 - 1843), and has been deposited on permanent loan by University College, London, in the Library of the School of Oriental Studies.

Apa yang disebut "the list of words and phrases" itu nama rasminya dalam bahasa Cina ialah *Man La Jia Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Melaka). Jadi *Man La Jia Guo Yi Yu* itu merupakan komponen dari *Ko Kwo Yi Yu* (ejaan sekarang *Ge Guo Yi Yu*) dan satu manuskripnya masih tersimpan di London.

Sebagai kamus Cina-Melayu yang terawal, *Man La Jia Guo Yi Yu* itu sudah tentu masih jauh dari sempurna, malah tidak sedikit masalahnya kerana cara penyusunannya yang khas sekali. Menurut catatan itu lagi:

All its contents are in Chinese characters, some of which are used in their proper senses to indicate the meanings, and others to serve as phonetic transcriptions, of the foreign words explained. Owing to the limitations of the Chinese phonetic system, these transcriptions are often imperfect and ambiguous, and that is one source of uncertainty in the identification of the Malay words in the list here published. Another is that the Chinese collector and his informants may sometimes have misunderstood each other, and the former may have misheard a word given to him even if it was the right one. Besides all this, there may also have been mistakes made by copyists.

Itu memang menjadi masalah, kerana sistem fonetik bahasa Cina sangat berbeza daripada bahasa Melayu, tambahan pula semuanya ditulis dengan tangan, maka lebih mudah berlaku kesilapan.

E. D. Edwards dan C. O. Blagden beranggapan bahawa penyusunan senarai kata-kata Melayu itu berlangsung antara bermulanya hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka pada 1403 T.M.

hingga Melaka jatuh di tangan Portugis pada 1511 T.M.. Manuskrip yang diperolehinya bertarikh 1550 T.M., telah mengalami semakan, bukanlah yang asli. Kata mereka lagi:

From internal evidence it seems probable that the words and phrases, or at any rate some of them, were collected half a century or more before the list was revised. The earliest historical date connected with Malacca is 1403, when a mission was sent from China to visit it and open up diplomatic relations. That mission returned to China in 1405, and the record of it contains the earliest certain mention of the existence of Malacca that is known to us; nor is there any clear indication as to how long the place may have been in existence before that time. In 1511 it was conquered by the Portuguese, and the Malay population, fled and abandoned it. But in Parts VIII, IX and XIV of our vocabulary there are words and phrases which seem to imply the existence of a Malay government. Moreover, in the whole vocabulary no European loanwords at all have been found; and there would almost inevitably have been some if any considerable part of it had been made after the time of the Portuguese conquest. It appears to be practically certain, therefore, that the vocabulary was compiled from lists of words collected within the period indicated above, and that is the oldest Malay vocabulary known to us, the next oldest being the one made by Pigafetta in 1521.

Kebelakangan ini tidak sedikit sarjana Malaysia turut membincangkan soal kamus Cina-Melayu yang terawal itu. Antaranya yang telah memberi ulasan yang lebih mendalam ialah Yang Quee Yee. Beliau dalam beberapa rencananya telah membahas latar sejarah kewujudan kamus itu, bersetuju dengan pendapat E. D. Edwards dan C. O. Blagden yang mengatakan bahawa kamus Cina-Melayu yang terawal itu dipercayai disusun oleh pihak rasmi Dinasti Ming untuk memenuhi keperluan pembelajaran bahasa Melayu oleh pegawai kerajaan yang berkepentingan. Menurut beliau, semenjak 1403 T.M. Kaisar Dinasti Ming telah mengirim utusan ke Melaka dan kemudian, terutama dengan lawatan muhibah yang dilakukan oleh Laksamana Zheng He (Sampo Kong) secara bertubi-tubi, hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka bertambah erat dari semasa ke semasa. Beliau percaya bahawa terbitnya kamus itu tentu bertaut erat dengan sejarah perkembangan hubungan China dengan luar negeri pada zaman Dinasti Ming abad ke-15, dan akhirnya sampai kepada kesimpulan bahawa *Man La Jia Guo Yi Yu* itu "bukan hasil usaha keturunan Tiongkok di Malaysia, melainkan sumbangan orang Tionghoa di Tiongkok". Beliau pun menunjukkan bahawa terbitnya kamus Cina-Melayu itu lebih awal seratus tahun lebih daripada kamus kecil Itali-Melayu yang disusun oleh Antonio Pigafetta pada 1521 T.M.. Kamus yang tersebut kemudian daripada itu sebenarnya bukanlah kamus Itali-Melayu asli, sebab yang diolahnya bukanlah bahasa Melayu asli, melainkan bahasa Mori yang terdapat di Kepulauan Maluku, dan lagi jumlah kata entrinya hanya 426 buah, kurang 54 daripada jumlah kata entri *Man La Jia Guo Yi Yu*.

Pendapat-pendapat para sarjana yang dikemukakan di atas itu ada persamaannya dalam tiga hal. Pertama, *Man La Jia Guo Yi Yu* itu adalah komponen daripada *Ge Guo Yi Yu*, merupakan kamus Cina-Melayu yang terawal, disusun antara 1403 T.M. hingga 1511 T.M., semasa hubungan antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming erat sekali dan sebelum kedatangan orang Portugis. Kedua, kamus itu disusun di negeri China dan oleh "orang Tionghoa di Tiongkok", bukan perantau Cina yang bermastautin di rantau Melayu. Ketiga, kamus itu disusun untuk keperluan kalangan rasmi Dinasti Ming demi memajukan hubungannya dengan Empayar Melaka. Pendapat-pendapat itu memang berasas dan munasabah. Di sini saya ingin membahasnya lebih lanjut dengan mengemukakan beberapa fakta yang ditimba daripada isi kandungan kamus itu sendiri dan data-data sejarah yang dirujuk dari catatan-catatan sejarah Dinasti Ming.

Sebagaimana yang telah dihuraikan di atas, kamus dwibahasa yang pertama kali disusun pada abad ke-14 adalah *Hua Yi Yi Yu*, iaitu kamus Cina-Mongol, yang dijadikan oleh kerajaan Dinasti Ming contoh bagi kamus dwibahasa lain yang menyusul kemudian pada abad ke-15. Kalau kita lihat kamus Cina-Melayu yang terawal, iaitu *Man La Jia Guo Yi Yu*, sama ada cara penyusunannya mahupun bentuk coraknya boleh dikatakan semuanya mencontohi *Hua Yi Yi Yu*, iaitu mula-mula dipilih dahulu kata-kata Cina yang diperlukan sebagai kata entrinya sejumlah 482 perkataan, lalu diklasifikasikan ke dalam 17 kategori: astronomi, geografi, musim dan masa, tumbuh-tumbuhan, unggas dan haiwan, rumah dan istana, peri kelakuan, tubuh badan, barang emas dan permata, kemasyarakatan dan sejarah, warna, hitungan, kata umum. Kemudian kata-kata Cina itu satu demi satu diberi kata Melayunya yang dieja dan ditulis dalam huruf Cina. Jadi semuanya ditulis dengan huruf Cina dan ditulis secara vertikal, iaitu dari atas ke bawah. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa *Man La Jia Guo Yi Yu* itu disusun dalam rangka penyusunan *Ge Guo Yi Yu* yang diusahakan oleh maktab bahasa asing "Si Yi Guan" semenjak 1405 T.M. untuk keperluan kerajaan dan pembelajarannya.

Bahasa Cina beraneka ragam loghatnya. Selain bahasa Mandarin, iaitu bahasa Beijing yang dijadikan bahasa rasmi nasional, terdapat pula bermacam-macam bahasa dialek yang berbeza-beza sistem fonetiknya tetapi sama dalam tulisannya, iaitu sama-sama menggunakan huruf Cina yang sudah diseragamkan semenjak Dinasti Qin (246 - 206 S.M.). Kalau dilihat secara keseluruhan, kita dapati bahawa bahasa Cina yang digunakan untuk mengeja kata-kata Melayu dalam *Man La Jia Guo Yi Yu* adalah bahasa Mandarin, iaitu bahasa Beijing atau bahasa rasmi China Utara, lain bunyi lafaznya dengan bahasa dialek Guandong (Kanton) atau Fujian (Hokkian) yang lazim digunakan oleh para

perantau Cina di Alam Melayu. Fakta ini jelas menunjukkan bahawa si penyusunnya bukan perantau Cina yang kebanyakan berasal dari provinsi Guandong dan Fujian, melainkan orang Cina yang berasal dari provinsi utara yang mungkin juga belum pernah memijakkan kakinya di bumi Melayu.

Kalau diselidiki isi kandungannya dan kata-kata yang dipilih sebagai kata entrinya, jelaslah kepada kita bahawa penyusunan *Man La Jia Guo Yi Yu* itu ditujukan untuk keperluan pihak kerajaan Dinasti Ming dalam usaha "memperlancar persembahan ufti" dan berutus-utusan dengan Empayar Melaka. Misalnya, dalam kategori astronomi dan geografi, banyak dimasukkan kata-kata yang berkenaan dengan angin seperti "angin bertiup", "angin taufan", "angin besar", "angin kecil", "angin sejuk", "angin baik", "angin berhenti", "angin labuh", "angin jahat" dan sebagainya sampai berbelas-belas banyaknya. Juga kata-kata yang berkenaan dengan laut, sungai, ombak, ada "laut besar", "laut kecil", "laut besar timur", "laut besar selatan", "laut besar utara" (perhatikan tidak ada "laut besar barat", rupanya pada masa itu belum ada hubungan rasmi dengan negeri-negeri Barat); ada "sungai besar", "sungai kecil", "sungai luas", "paya besar"; ada "ombak besar", "ombak kecil", "air masuk" (pasang surut), "air pasang" (pasang naik) dan lain-lain tidak kurang daripada 20 istilah. Ternyata kata-kata itu banyak berkaitan dengan keperluan pelayaran yang sering digunakan oleh para utusan yang melawat ke Alam Melayu. Begitu juga banyak dimasukkan kata-kata yang berkenaan dengan barang-barang persembahan ufti, misalnya dalam kategori tumbuh-tumbuhan terdapat banyak nama bau-bauan dan rempah-rempah seperti "gaharu", "tengkaras", "cendana", "damar", "loban", "setanggi", "kayu laka", "jintan", "lada", "cengkih", "kemukus" dan lain-lain yang biasanya dianggap sebagai hasil mahsul dari Alam Melayu. Selain daripada itu, banyak juga dimasukkan kata-kata yang biasa digunakan dalam lingkungan istana dan kalangan rasmi sahaja. Misalnya, dalam kategori orang terdapat kata-kata seperti "sultan", "anak raja", "raja perempuan", "raja perempuan kecil", "orang besar", "menteri" dan sebagainya, tetapi tidak ada kata-kata untuk menyebut rakyat jelata seperti petani, nelayan, pedagang dan sebagainya. Juga dalam kategori kemasyarakatan dan sejarah, kita lihat kata-kata yang dimasukkan semua yang berkaitan dengan istana kaisar seperti "surat raja", "permata tera raja" dan lain-lain lingkungannya sempit sekali. Fakta-fakta ini menunjukkan bahawa si penyusun *Man La Jia Guo Yi Yu* hanya memberi tumpuan kepada keperluan istana dan kerajaan, sedangkan keperluan awan sama sekali tidak diendakkannya.

Dalam *Man La Jia Guo Yi Yu* terdapat kesalahan dan kekusutan yang sangat jelas, yang ada kalanya sangat aneh dan lucu kerana tidak

seharusnya berlaku. Misalnya kata Cina “Tian” yang bermakna “langit” atau “udara”, diberi kata Melayunya “An La”, iaitu “Allah”. Mengapa boleh berlaku kesilapan seumpama itu? Kemungkinan besar si penyusunnya tidak faham akan bahasa Melayu, beliau mahu tak mahu harus minta bantuan daripada orang yang memahami bahasa Melayu. Dan orang yang membantunya itu rupanya seorang Melayu Muslim yang kebetulan tidak faham akan bahasa Cina; maka ketika si penyusun bertanya dengan menunjuk ke arah langit, maka orang Melayu Muslim itu menyangka yang ditanyakannya “Yang Maha Esa”, maka munasabahlah kalau dijawab: “Allah”. Dalam bahasa Cina kata “Tian” itu memang boleh juga bermakna “Kayangan” atau “Yang Maha Berkuasa di Langit”. Akibat kesilapan itu, maka dalam *Man La Jia Guo Yi Yu* muncullah perkataan Melayu yang aneh-aneh seperti “allah teduh”, “allah dingin” yang semestinya “udara teduh”, dan “udara dingin”. Sebenarnya kita tidak perlu hairan, perkataan seperti itu tidak mungkin muncul sekiranya si penyusunnya seorang perantau Cina atau orang yang memahami bahasa Melayu. Dari sini kita boleh membenarkan pendapat Yang Quee Yee bahawa *Man La Jia Guo Yi Yu* itu “bukan hasil usaha keturunan Tiongkok di Tanah Melayu, melainkan sumbangan orang Tionghoa di Tiongkok”.

Tetapi bilakah lahirnya naskhah pertama *Man La Jia Guo Yi Yu* itu, setakat ini masih belum ada jawapan yang jelas. Saya belum berjaya mendapatkan naskhahnya yang asli atau yang lebih awal di negeri China, maka belum dapat menunjukkan tarikh kelahirannya yang sah. Namun demikian saya tetap percaya bahawa kamus Cina-Melayu yang terawal itu sudah mula disusun semenjak maktab “Si Yi Guan” ditubuhkan pada 1405 T.M., kerana pada tahun itulah mulai bertolak bahtera persahabatan Dinasti Ming-Empayar Melaka. Mengapa disebut “Perkataan Negeri Melaka” bukan “Perkataan Melayu”? Istilah itu sendiri menyerlahkan bahawa penyusunan kamus itu dikaitkan terus dengan Empayar Melaka. Kita ketahui bahawa hubungan silaturahim antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka telah berlangsung seabad lebih lamanya dan antara yang paling erat dan paling akrab adalah pada masa raja Melaka yang pertama Parameswara, yang kedua Megat Iskandar Syah dan ketiga Seri Maharaja. Selama 30 tahun lebih ketiga-tiga raja Melaka itu telah enam kali mengadakan lawatan diraja ke negeri China dengan disertai beratus-ratus orang. Bagaimana lawatan diraja secara besar-besaran itu boleh berlangsung lancar dan mencapai kejayaan yang gemilang apabila pihak yang satu dengan pihak yang lain tidak boleh berkomunikasi kerana saling tidak memahami bahasanya? Pada masa itu kerajaan Dinasti Ming amat memerlukan kehadiran kamus Cina-Melayu itu dan wajarlah kalau pada masa itu pula kerajaan Dinasti Ming sudah mengusahakan penyusunannya. Mana yang paling diperlukan, itulah yang diutama-

kan. Pada masa Kaisar Ming yang pertama, iaitu Ming Tai Zhu, bahasa Mongollah yang paling diperlukan, maka kamus Cina-Mongol yang pertama-tama disuruh menyusunnya. Demikian juga yang berlaku seterusnya pada masa Kaisar Ming Cheng Zhu bertakhta. Yang diutamakan dalam rancangan penyusunan *Ge Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Pelbagai Negeri) tentulah bahasa negeri-negeri yang paling erat hubungannya dengan Dinasti Ming, sebab bahasa negeri-negeri itulah yang paling diperlukan oleh kerajaan Dinasti Ming dalam pergaulannya yang semakin kerap dengan mereka. Tidak syak lagi bahawa di Asia Tenggara Empayar Melaka pada awal abad ke-15 adalah salah satu negeri yang paling erat dan akrab hubungannya dengan Dinasti Ming di samping Myanmar, Siam dan Brunei. Kita lihat untuk Myanmar telah disusun *Miandian Guan Yi Yu* (Senarai Perkataan Jabatan Myanmar) dan untuk Siam telah disusun *Sian Luo Guan Yi Yu* (Senarai Perkataan Jabatan Siam), maka tidak ada alasan tidak menyusun kamus Cina-Melayu yang amat diperlukan dalam hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka mungkin lebih erat dan lebih akrab daripada negeri-negeri tersebut itu. Sayangnya kita masih belum mendapatkan buktinya yang dapat menyabitkannya. Manuskrip *Man La Jia Guo Yi Yu* yang tersimpan di London itu bertarikh tahun 1550, tetapi itu bukanlah manuskrip yang asli dan terawal. *Man La Jia Guo Yi Yu* tidak mungkin disusun selepas Melaka jatuh di tangan Portugis kerana hubungan rasmi antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka yang pernah begitu erat dan akrab kemudian terputus sama sekali dan tiada empayar Melayu lainnya yang menggantikan dan meneruskannya. Maka peranan bahasa Melayu pun dengan sendirinya tidak sepenting dahulu lagi dan bagi kerajaan Dinasti Ming pun tidak ada keperluan yang mendesak untuk menyusun kamus Cina-Melayu pada masa itu. *Man La Jia Guo Yi Yu* tidak mungkin disusun selepas Melaka jatuh di tangan Portugis, itu pun dapat dilihat dari isi kandungannya, di mana tidak terdapat satu pun kata pinjaman dari bahasa Barat dan tidak terbayang sedikit pun adanya pengaruh Barat. Dalam hal ini memang tepat apa yang telah dijelaskan oleh E.D. Edwards dan O.C. Blagden.

Kita beralasan untuk menganggap bahawa *Man La Jia Guo Yi Yu* sudah mulai disusun pada masa hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka sedang erat dan kamus itupun telah memainkan peranan penting dalam memajukan dan mengembangkan hubungan antara dua kerajaan itu, maka dapat beredar seabad lebih lamanya di negeri China. Dalam manuskrip yang tersimpan di London itu ada tercatat nama penyemaknya, iaitu seorang "Tong Shi" yang bernama Yang Lin, juga tarikhnya, iaitu bulan 1 tahun 28 Tahun Jia Qing (1550 T.M.). Ini bererti bahawa selepas Melaka jatuh di tangan Portugis, *Man La Jia Guo Yi Yu* itu masih terus beredar dan masih ada "Tong Shi"

(pegawai jurubahasa) yang memerlukannya. Lalu dalam sebuah buku sejarah yang bertajuk *Xian Bing Lu* (Rekod Negeri-negeri Tamu) yang diterbitkan pada tahun 1592 terdapat contoh-contoh perkataan Melayu yang ternyata semuanya diambil dari *Man La Jia Guo Yi Yu*. Ini bererti pula bahawa hingga akhir abad ke-16 kamus itu masih dikenal orang di negeri China dan Empayar Melaka masih segar dalam ingatan orang Cina. Tetapi selepas itu, tidak ada catatan atau maklumat yang menyentuh kamus itu lagi, seolah-olah sudah lenyap dihanyutkan oleh arus sejarah yang meluap-luap.

Lahirnya *Man La Jia Guo Yi Yu* berkaitan erat dengan hubungan Dinasti Ming-Empayar Melaka, begitu juga lenyapnya disebabkan terputusnya hubungan itu. Di sinilah kita lihat bahawa peranan bahasa Melayu dalam sejarah China berinteraksi dengan keadaan hubungan kedua bangsa itu, semakin erat dan akrab hubungan kedua bangsa, semakin diperlukan peranan bahasa Melayu dan semakin dikembangkan peranan bahasa Melayu, semakin erat dan akrab hubungan kedua bangsa itu. Sayangnya hubungan yang baik itu kemudian dijejaskan oleh kaum penjajah yang datang dari Barat, sehingga *Man La Jia Guo Yi Yu* itu pun tidak diperlukan lagi.

Selama ini saya masih belum berjaya mendapatkan manuskrip *Man La Jia Guo Yi Yu* yang asli atau yang lebih awal di negeri China. Transkripsi *Man La Jia Guo Yi Yu* yang dibentangkan di bawah ini adalah transkripsi yang dikemukakan oleh E.D. Edwards dan C.O. Blagden dalam tulisan mereka yang telah disebut di atas. Ternyata itu bukan versi yang awal, tetapi saya kira tidak banyak bezanya, kerana selepas Melaka jatuh di tangan Portugis peranan bahasa Melayu sudah tidak seperti dahulu pentingnya dan lagi sudah tidak ada tenaga untuk melakukan semakan besar-besaran. Maka transkripsi itu tetap boleh dikatakan sebagai dasar untuk mengkaji isi kandungan *Man La Jia Guo Yi Yu*. Sebagaimana yang telah dikatakan, dalam naskhah aslinya semuanya ditulis dengan huruf Cina secara vertikal, iaitu dari atas ke bawah, yang di atas kata Cinanya, yang di bawah kata Melayunya. Untuk lebih memudahkan maka di sini saya susun semula secara horizontal, iaitu dari kiri ke kanan, dan dibahagi dalam empat jalur: jalur pertama kata-kata Cina; jalur kedua kata-kata Melayu yang dieja dan ditulis dengan huruf Cina; jalur ketiga bunyi lafaz huruf Cina yang di jalur kedua menurut pedoman ejaan Rumi Cina yang berkuatkuasa sekarang di China; jalur keempat kata-kata Melayu dalam ejaan dan tulisan sekarang.

Perkataan Negeri Melaka

1. 天文门 - Kategori Astronomi

1	天	安刺	an la	Allah (langit, udara)
2	日	哈里	ha li	hari
3	月	补兰	bu lan	bulan
4	风	安因	an yin	angin
5	云	亚湾	ya wan	awan
6	雷	孤路	gu lu	guruh
7	雨	乌占	wu zhan	hujan
8	天晴	安刺得都	an la de du	allah (udara) teduh
9	露	安奔	an ben	embun
10	星	兵因当	bing yin dang	bintang
11	烟	哈撮	ha sa	asap
12	斗	兵当都竹	bing dang du zhu	bintang tujuh
13	雾	干比答	gan bi da	? (kabut)
14	霞	邦孤宁	bang gu ning	mambang kuning
15	天阴	安刺格兰	an la ge lan	allah (langit) kelam
16	天黑	安刺希丹	an la xi dan	allah (langit) hitam
17	天寒	安刺定因	an la ding yin	allah (udara) dingin
18	天热	巴纳恩(思?) 安刺	ba na en (si?) an la	panas allah (udara)
19	天旱	麻涝	ma lao	kemarau
20	刮风	立安因	li an yin	(bertiup?) angin
22	狂风	安因到叛	an yin dau fan	angin taufan
23	大风	安因补撒	an yin bu sa	angin besar
24	小风	安因格只	an yin ge zhi	angin kecil
25	凉风	色菊安因	se ju an yin	sejuk angin (angin sejuk)
26	停风	安因不论的	an yin bu lun di	angin berhenti
27	阻风	安因刺布	an yin la bu	angin labuh
28	恶风	安因者下	an yin zhe xia	angin jahat
29	无风	安因骨都	an yin gu du	angin ?
30	风响	安因布宜	an yin bu yi	angin bunyi
31	雷响	孤路布宜	gu lu bu yi	guruh bunyi
32	大雨	乌占布撒	wu zhan bu sa	hujan besar
33	小雨	乌占格只	wu zhan ge zhi	hujan kecil
34	细雨	乌占信你	wu zhan xin ni	hujan seni
35	下雨	乌占都论	wu zhan du lun	hujan turun
36	雨久	乌占刺麻	wu zhan la ma	hujan lama
37	云散	亚湾得郎(郎?)	ya wan de ji (lang?)	awan terang

38	云开	亚湾得即(郎?)	ya wan de ji (lang?)	awan terang
39	云飞	亚湾得力邦	ya wan de li bang	awan terbang
40	月上	补兰巴路奈	bu lan ba lu nai	bulan baru naik
41	月落	麻速补兰	ma su bu lan	masuk bulan
42	月明	得浪补兰	de lang bu lan	terang bulan
43	月光	得吟补兰	de yin bu lan	? bulan
44	月半	登加补兰	deng jia bu lan	tengah bulan
45	日出	哈利格禄	ha li ge lu	(mata) hari keluar
46	日落	哈利麻速	ha li ma su	(mata) hari masuk
47	日午	哈利登加	ha li deng jia	hari tengah
48	日晚	哈利麻速	ha li ma su	hari masuk
49	星出	兵因当格禄	bing yin dang ge lu	bintang keluar
50	白日里	哈利西洋	ha li xi yang	hari siang
51	电	肌兰	ji lan	kilat

II. 地 理 门 - Kategori Geografi

52	地	布迷	bu mi	bumi
53	石	巴都	ba du	batu
54	路	遮兰	zhe lan	jalan
55	土	答那	da na	tanah
56	砖	巴答	ba da	bata
57	城	谷达	gu da	kota
58	村	路孙	lu sun	dusun
59	园	鸽奔	ge ben	kebun
60	泥	答那	da na	tanah
61	河	松喝	song he	sungai
62	山	步吉	bu ji	bukit
63	水	亚亦儿	ya yi er	air
64	泉	妈答亚儿	ma da ya er	mata air
65	井	苏木儿	su mu er	sumur
66	瓦	亚答根丁	ya da gen ding	atap genting
67	大河	松喝补撒	song he bu sa	sungai besar
68	小河	松喝格只	song he ge zhi	sungai kecil
69	河宽	松喝夺思	song he duo si	sungai ? (luas?)
70	大海	涝补撒	lao bu sa	laut besar
71	小海	涝格只	lao ge zhi	laut kecil
72	大湖	巴也补撒	ba ye bu sa	paya besar
73	大港	松岩补撒	song yan bu sa	? (sungai?) besar
74	小港	松岩格只	song yan ge zhi	? (sungai?) kecil
75	大山	步吉补撒	bu ji bu sa	bukit besar
76	小山	步吉格只	bu ji ge zhi	bukit kecil
77	大浪	安巴补撒	an ba bu sa	ombak besar

78	小浪	安巴格只	an ba ge zhi	ombak kecil
79	水大	亚亦补撒	ya yi bu sa	air besar
80	水小	亚亦格只	ya yi ge zhi	air kecil
81	潮落	亚亦麻速	ya yi ma su	air masuk
82	潮起	亚亦巴桑	ya yi ba sang	air pasang
83	东海	涝不撒地网儿	lao bu sa di men er	laut besar timur
84	南海	涝不撒习刺丹	lao bu sa xi la dan	laut besar selatan
85	北海	涝不撒乌答刺	lao bu sa wu da la	laut besar utara
86	山岚	三巴	sa ba	?
87	岭下	巴哇步吉	ba wa bu ji	bawah bukit
88	息浪	安巴骨都	an ba gu du	ombak ? (teduh?)
89	大江	苏艾补撒	su ai bu sa	sungai besar
90	小江	苏艾格只	su ai ge zhi	sungai kecil

III. 时 令 门 - Kategori Musim dan Waktu

91	春	们冬	men dong	mendung
92	夏	巴都(那?)思	ba du (na?) si	panas (?)
93	秋	温八	wen ba	?
94	冬	的因	di yin	dingin
95	年	更纳打温	geng na da wen	genap tahun
96	时	站	zhan	jam
97	昼	哈利丁加	ha li ding jia	hari tengah
98	夜	骂兰	ma lan	malam
99	昏	格兰	ge lan	kelam
100	晴	哈利得都(郎?)	ha li de du (lang?)	hari teduh (terang?)
101	早	巴吉	ba ji	pagi
102	岁	达温	da wen	tahun
103	晚	麻兰	ma lan	malam
104	凉	色菊	se ju	sejuk
105	冷	定因	ding yin	dingin

IV. 花 木 类 - Kategori Tumbuh-tumbuhan

106	花	布亚	bu ya	bunga
107	草	弄布	nong bu	rumput
108	竹	布鲁	bu lu	buluh
109	枣	柯罗麻	ke luo ma	kurma
110	梅	亚三淡利亚	ya san dan li ya	asam ?
111	桑	苏及	su ji	?
112	蒜	坝旺布的	ba wang bu di	bawang putih
113	木	加右	jia you	kayu
114	西瓜	闷的格	men di ge	? (mentimun?)

115	甜瓜	不的	bu di	?
116	黄瓜	的闷	di men	timun
117	甘蔗	得步	de bu	tebu
118	木耳	真答温	zhen da wen	cendawan
119	龙眼	必答纳知南	bi da na zhi nan	bidara china
120	荔枝	刺漠丹	la mo dan	rambutan
121	柑子	利毛	li mao	limau
122	椰子	牛儿	niu er	nyiur
123	柿子	柯参麻	ke shen ma	kesemak
124	茄子	木茄	mu qie	? (terung)
125	稻子	巴的	ba di	padi
126	核桃	市(布?)哇格 刺思	shi (bu?) wa ge la si	buah keras
127	速香	刺布	la bu	labu
128	树香	答麻儿	da ma er	damar
129	沉香	加鲁丁加兰	jia lu ding jia lan	gaharu tengkaras
130	丁香	真皆	zhen jie	cengkih
131	木香	布竹	bu zhu	pucuk
132	檀香	真答那	zhen da na	cendana
133	乳香	更地鲁干	geng di lu gan	?
134	茴香	正丹	zheng dan	jintan
135	抹身香	巴巴湾	ba ba wan	bau-bauan
136	降真香	加右刺加	jia you la jia	kayu laka
137	安息香	鲁干	lu gan	?
138	苏合香	木刺	mu la	? (raksamala?)
139	阿魏	鸞孤	ying gu	inggu
140	苏木	习邦	xi bang	sepang
141	胡椒	那答	na da	lada
142	没药	磨心	mo er	mur
143	乌药	乌般衣丹	wu ban yi dan	ubat hitam
144	紫梗	巴涝	ba lao	balau
145	白藤	涝丹布的	lao dan bu di	rotan putih
146	槟榔	连安别	lian an bie	? (pinang)
147	排草	弄布亚叶而儿	nong bu ya ye er	rumpun air
148	血蝎	真儿那	zhen er na	jernang
149	藤黄	亚答	ya da	hartal
150	萎叶	西亦	xi yi	sirih
151	萝卜	罗巴	luo ba	lobak
152	片脑	加不儿	jia bu er	kapur (barus)
153	蔷薇露	亚亦儿麻亚	ya yi er ma ya	air mawar
154	苹澄茄	干漠骨思	gan mo gu si	kemukus
155	桫欏木	苏利机	su li ji	?

156	花梨木	加由不恶	jia you bu e	kayu ?
157	铁梨木	加由不息	jia you bu xi	kayu besi

V. 鸟兽类 - Kategori Unggas dan Haiwan

158	龙	那加	na jia	naga
159	虎	亚利毛	ya li mao	harimau
160	蛇	乌拉儿	wu la er	ular
161	象	加札	jia zha	gajah
162	驼	安答	an da	unta
163	牛	凌布	ling bu	lembu
164	羊	干兵	gan bing	kambing
165	马	谷达	gu da	kuda
166	鱼	利干	li gan	ikan
167	猫	孤贞	gu zhen	kucing
168	狗	安贞	an zhen	anjing
169	猪	巴闭	ba bi	babi
170	鹅	昂撒	ang sa	angsa
171	鸭	易的	yi di	itik
172	鸡	亚仄	ya yan	ayam
173	驴	革刺歹	ge la dai	keldai
174	鹿	撒鹿	sa lu (lu sa?)	rusa
175	獐	歹章	dai zhang	kijang
176	龟	奔牛	ben niu	penyu
177	虾	乌当	wu dang	udang
178	蟹	格当	ge dang	ketam
179	鳖	刺必	la bi	labi
180	兔	不兰楼	bu lan du	pelanduk
181	豹	亚加儿	ya jia er	(harimau) akar
182	虫	乌刺	wu la	ulat
183	蚊	习没	xi mo	semut
184	蜂	些郎	xie lang	sialang (lebah?)
185	凤	布通	bu tong	pucung
186	鸚鵡	加加都哇	jia jia du wa	kakaktua
187	麒麟	吉岭	ji ling	tenggilin (?)
188	狮子	西阿	xi a	singa
189	孔雀	布笼木刺	bu long mu la	burung merak
190	虾蟆	丁加答	ding jia da	katak
191	蜘蛛	刺巴	la ba	labah
192	麻鹊	布笼必闭	bu long bi bi	burung pipit
193	鸞哥	奴力	nu li	nuri
194	老鼠	的孤思	di gu si	tikus
195	水鸭	易的亚儿	yi di ya er	itik air

196	海马	谷达劳不撒	gu da lao bu sa	kuda laut besar
197	江猪	弄巴弄巴	long ba long ba	lumba-lumba
198	海獭	郎劳不撒	bu lang loao bu sa	berang laut besar
199	水牛	格刺豹	ge la bao	kerbau
200	锦鸡	亚仄亚纳	ya yan ya na	ayam ? (anak?)
201	班鸡	布笼孤儿	bu long gu er	burung (te)kukur
202	黄莺	布笼孤宁	bu long gu ning	burung kuning
203	鹁叫	布笼布宜	bu long bu yi	burung bunyi
204	鹭鸶	布笼坝放	bu long ba ao	burung bangau
205	老鸭(?)	布笼加甲	bu long jia jia	burung gagak (?)
206	百舌	布笼闭必	bu long bi bi	burung pipit
207	象牙	加定	jia ding	gading
208	鸳鸯	易得亚亦儿	yi de ya yi er	itik air
209	火鸡	亚仄亚闭	ya yan ya bi	ayam api (ayam belanda)
210	鹤顶	八都布笼	ba du bu long	batok burung
211	石燕	巴都布笼	ba du bu long	batu burung
212	玳瑁	细昔	xi xi	sisik
213	犀角	租刺	zu la	cula
214	狗吠	安真沙刺	an zhen sha la	anjing salak
215	猫叫	孤真布宜	gu zhen bu yi	kucing bunyi
216	龙鳞	夕夕那加	xi xi na jia	sisik naga
217	龙骨	都郎那加	du lang na jia	tulang naga
218	龙角	丹笃那加	dan du na jia	tanduk naga
219	龙爪	孤孤那加	gu gu na jia	kuku naga
220	虎皮	孤的亚利毛	gu di ya li mao	kulit harimau
221	虎须	章骨亚利毛	zhang gu ya li mao	janggut harimau
222	虎掌	者的亚利毛	zhe di ya li mao	? (jejak?) harimau
223	虎爪	孤孤亚利毛	gu gu ya li mao	kuku harimau
224	虎毛	必禄亚利毛	bi lu ya li mao	bulu harimau
225	骑马	奈谷达	nai gu da	naik kuda
226	走马	谷达刺利	gu da la li	kuda lari
227	杀牛	凌布卜奴	ling bu bu nu	lembu bunuh
228	蜜蜂	宜牙	yi ya	nyengat

VI. 宫室 门 - Kategori Rumah dan Istana

229	殿	路麻刺扎不弄半	lu ma la zha bu long ban	rumah raja perempuan
230	屋	路麻	lu ma	rumah
231	门	兵都	bing du	pintu
232	窗	遮兰扎安	zhe lan zha an	? (celah-celah?)
133	大房	器(路?)麻补撒	gi(lu?) ma bu sa	rumah besar

234 小房	路麻格只	lu ma ge zi	rumah kecil
235 瓦房	路麻亚答根丁	lu ma ya da gen ding	rumah atap genting

VII. 器用門 - Kategori Alat Perkakas

236 桌	多	duo	?
237 椅	孤路西	gu lu xi	kerusi
238 凳	孤答	gu da	?
239 碗	满孤	man gu	mangkuk
240 盞	扎湾	zha wan	cawan
241 碟	闭灵	bi ling	piring
242 锅	各哇利	ge wa li	kuali
243 弓	巴拿	ba na	panah
244 箭	亚纳巴拿	ya na ba na	anak panah
245 火	亚闭	ya bi	api
246 灰	亚补	ya bu	abu
247 柴	加右	jia you	kayu
248 笔	加兰	jia lan	kalam
249 墨	芒西	mang xi	mangsi
250 砚	巴都	ba du	batu
251 箸	孙必	sun bi	sumpit
252 纸	各路刺答思	ge lu la da si	kertas
253 伞	八雍	ba yong	payung
254 锁	昆知	kun zhi	kunci
255 船	雍	yong	jung
256 扇	企巴西	qi ba si	kipas
257 棋	竹吉	zhu ji	cuki
258 橈	哥令	ge ling	?
259 篙	加由班长	jia you ban chang	kayu panjang
260 桅	的阳	di yang	tiang
261 舱	苏都	su du	?
262 蓬	刺压儿	la ya er	layar
263 绳	达利麻	da li ma	tali (-temali?)
264 琴	得哇撒	de wa sa	?
265 斧	加八	jia ba	kapak
266 甲	吉刺尾	ji la wei	?
267 床	谷刺	gu la	?
268 斗	都今	du jin	?
269 升	谷刺	gu la	kulak
270 盆	打颜	da yan	tempayan
271 钟	扎湾	zha wan	cawan
272 鞭子	斟没的	zhen mo di	cemeti

273	灯台	加及颠	jia ji dian	kaki dian
274	刀子	必杀乌	bi sha wu	pisau
275	算盘	卜记那	bu ji na	? (buku cina?)
276	枕头	八安丹	ba an dan	bantal
277	篦子	西昔儿格刺	xi xi er ge la	sisir kerap
278	镜子	遮刺面	zhe la mian	cermin
279	席子	地加	di jia	tikar
280	铁灶	大卜儿	da bu er	dapur
281	盒子	只布	zhi bu	cepu
282	毡条	八弄骂达泥	ba long ma da ni	permaidani
283	匣子	加刺思	jia la si	?
284	头盔	吉刺	jia la	kulah/jala
285	鞍子	不刺那	bu la ma	pelana
286	罐子	布的	bu di	buli
287	盘	兵干	bing gan	pinggan
288	秤	大秤	da cheng	dacing

VIII. 人物门 - Kategori Orang

289	皇帝	苏端	su duan	sultan
290	太子	亚纳刺扎	ya na la zha	anak raja
291	皇后	刺扎不论般	la zha bu lun ban	raja perempuan
292	王妃	刺扎不论般格 只	la zha bu lun ban ge zhi	raja perempuan kecil
293	大人	乌郎补撒	wu lang bu sa	orang besar
294	老爷	乌郎加亚	wu lang jia ya	orang kaya
295	头目	们的力	men di li	menteri
296	男子	加吉	jia ji	laki
297	女人	不论般	bu lun ban	perempuan
298	父	巴巴	ba ba	bapa
299	母	闷的	men de	mande
300	姐	加加	jia jia	kakak
301	弟	亚的	ya di	adik
302	娘	八卜	ba bu	babu (?)
303	妻	必帝	bi di	bini
304	爷	巴巴	ba ba	bapa
305	子	亚纳	ya na	anak
306	孙	周竹	zhou zhu	cucu
307	公	你你刺吉	ni ni la ji	nenek laki
308	婆	你你不论般	ni ni bu lun ban	nenek perempuan
309	伯	巴巴都亚	ba ba du ya	bapa tua
310	叔	巴巴澳答	ba ba mo da	bapa muda
311	嫂	加加不论般	jia jia bu lan ban	kakak perempuan

IX. 人事门 - Kategori Peri Kelakuan

312	拜	吟八	yin ba	nyembah
313	跪	笃禄儿	du lu er	teluk (?)
314	你	端南八	duan nan ba	tuan hamba
315	我	必答	bi da	beta
316	出	格禄	ge lu	keluar
317	入	麻速	ma su	masuk
318	进	麻速	ma su	masuk
319	退	温冬	wen dong	undur
320	行	遮蓝	che lan	jalan
321	立	的的	di di	(ber)diri
322	坐	都	du	(du)duk
323	看	列	lie	lihat
324	见	苏答列	su da lie	sudah lihat
325	听	门能牙儿	men neng ya er	mendengar
326	排班	扎安谷店	zha an gu dian	? (jangan kudian?)
		扎安路路	zha an lu lu	? (jangan dulu?)
		撒麻立立	sa ma li li	?(sama berdiri?)
327	上御道	奈亚习答那	nai ya xi da na	naik istana
328	朝见	牙答	ya da	ngadap
329	再拜	刺及吟八	la ji yin ba	lagi nyembah
330	起来	坝温	ba wen	bangun
331	礼毕	苏答	su da	sudah
332	赏赐	中中奴克刺	zhong zhong nu ke la	junjung anugerah
333	鞠躬	丝蓝	si lan	salam
334	叩头	苏朱	su zhu	sujud
335	谢恩	亚亦苏端	ya yi su duan	ya sultan (?)
336	平身	巴温的的	ba wen di di	bangun berdiri (?)
337	引赏	麻利布鸡安	ma li bu ji an	mari pergi ambil
		兵奴克刺	bing nu ke la	anugerah
338	俯伏	顿多	dun duo	tunduk
339	万岁	大温习刺沙	da wen xi la sha	tahun selaksa
340	庆贺	习刺	xi la	?
341	方物	八郎	ba lang	barang
342	聪明	胡郎班答	hu lang ban da	orang pandai
343	商量	鸡刺	ji la	? (kira)
344	筵宴	刺者查漠	la zhe cha mo	raja jamu
345	答应	漠也物	mo ye wu	menyahut
346	子细	宜牙	yi ya	? (ingat?)
347	不许	的答格的	di da ge di	tidak ? (boleh?)

X. 身体门 - Kategori Tubuh Badan

348	头	巴刺	ba la	kepala
349	身	也哇儿	ye wa er	awak
350	面	木甲	mu jia	muka
351	胸	打打	da da	dada
352	眼	麻答	ma da	mata
353	肚	卜禄	bu lu	perut
354	口	暮禄	mu lu	mulut
355	腹	吐恶	tu e	?
356	脚	加鸡	jia ji	kaki
357	鼻	衣冬	yi dong	hidung
358	耳	的利牙	de li ya	telinga
359	肝	亚的	ya di	hati
360	眉	更宁	geng ning	kening
361	肾	啫啫	da da	?
362	心	亚帝	ya di	hati
363	发	蓝公	lan gong	rambut (?)
364	腰	兵扛	bing kang	pinggang
365	须	张谷	zhang gu	janggut
366	牙	吉吉	ji ji	gigi
367	肺	亚帝	ya di	hati (?)
368	手	当安	dang an	tangan
369	喉	利黑	li hei	leher
370	毛	布禄	bu lu	bulu
371	筋	悟刺	wu la	urat
372	额	带	dai	dahi
373	骨	多郎	duo lang	tulang
374	舌	卜吉答	bu ji da	? (lidah?)
375	腿	巴霞	ba xia	paha
376	唇	必必	bi bi	bibir
377	乳	蕨蕨	su su	susu
378	脐	布撒	bu sa	pusar
379	汗	不禄	bu lu	peluh
380	掌	着的	zhe di	?
381	皮	孤的	gu di	kulit
382	爪	孤孤	gu gu	kuku

XI. 衣服门 - Kategori Pakaian

383	员领	巴竹列儿奔	ba zhu lie er	baju leher
		答儿	ben da er	bundar
384	纱帽	孤刺	gu la	kulah

385	金带	干麻儿麻思	gan ma er ma si	kamar (ban) mas
386	小帽	孤非亚	gu gei ya	kopiah
387	段子	金加	jin jia	kimkha
388	布衫	巴竹	ba zhu	baju
389	裙子	裙	yin	?
390	裤子	苏鲁湾儿	su lu wan er	seluar
391	绢子	刺哇	la wa	(kain) rawa
392	竹布	巴加儿	ba jia er	bagor (?)
393	夹衣	巴竹的巴儿	ba zhu de ba er	baju tebal
394	撒鞋	绞思	jiao si	kaus
395	帐子	孤阑布	gu lan bu	kelambu
396	褥子	加速	jia su	kusur
397	靴子	磨着	mo zhao	mojah (?)
398	梭服	索	suo	?

XII. 饮食类 - Kategori Makanan dan Minuman

399	米	不刺思	bu la si	beras
400	酒	亚刺	ya la	arak
401	饭	那西	na xi	nasi
402	茶	亚亦茶	ya yi cha	air cah (teh)
403	肉	达经	da jing	daging
404	油	迷娘	mi niang	minyak
405	酱	将	jiang	?
406	面粉	昆冬	kun dong	gandum
407	饮酒	迷浓亚刺	mi nong ya la	minum arak
408	吃饭	麻根那西	ma gen na xi	makan nasi
409	羊羔	亚纳干兵	ya na gan bing	anak kambing
410	好酒	亚刺拜	ya la bai	arak baik
411	酥油	迷娘撒必	mi niang sa bi	minyak sapi
412	牛乳	赫赫凌布	su su ling bu	susu lembu
413	羊乳	赫赫干兵	su su gan bing	susu kambing
414	烧酒	亚刺亚必	ya la ya bi	arak api (keras?)
415	粽子	都巴	du ba	ketupat
416	沙糖	麻泥山得布	ma ni shan de bu	manisan tebu
417	下呈	那西	na xi	nasi (?)
418	盐	加蓝	jia lan	garam

XIII. 珍宝类 - Kategori Barang Emas dan Permata

419	金	麻思	ma si	mas
420	银	必刺	bi la	perak
421	铜	敦巴贾	dun ba jia	tembaga

422	铅	得骨希丹	de gu xi dan	? hitam
423	锡	地骂	di ma	timah
424	铁	卜锡	bu xi	besi
425	猫睛	骂答孤真	ma da gu zhen	mata kucing
426	珊瑚	八万蓝	ba wan lan	pualam (?)
427	水晶	巴都布的	ba du bu di	batu putih
428	珍珠	未(未?)的亚纳	wei (mo?) di ya na	mutiara
429	界指	真真	zhen zhen	cincin
430	玛瑙	亚极	ya ji	akik
431	玻璃	加扎	jia zha	kaca
432	宝石	卜论骂	bu lun ma	? (permata?)
433	玳瑁	细昔	xi xi	sisik (penyu)
434	龟同	习西八宁	xi xi ba ning	sisik baning
435	金刚钻	印丹	yin dan	intan
436	珠母带	干麻儿利背	gan ma er li bei	kamarban

XIV. 文 史 门 – Kategori Kemasyarakatan dan Sejarah

437	敕书	苏刺刺者	su la la zhe	surat raja
438	玉玺	卜论骂这刺 刺者	bu lun ma zhe la la zhe	permata tera raja
439	金印	麻思这刺刺	ma si zhe la la	mas tera raja
440	读书	押知	ya zhi	? (ngaji?)
441	写字	牛刺	niu la	nyurat

XV. 彩 色 门 – Kategori Warna

442	青	希丹	xi dan	hitam
443	红	迷刺	mi la	merah
444	黄	孤宁	gu ning	kuning
445	白	布的	bu di	putih
446	绿	希招	xi zhao	hijau

XVI. 数 目 门 – Kategori Hitungan

447	一	撒都	sa du	satu
448	二	都哇	du wa	dua
449	三	地加	di jia	tiga
450	四	恩八	en ba	empat
451	五	利骂	li ma	lima
452	六	恩南	en nan	enam
453	七	都竹	du zhu	tujuh
454	八	都刺板	du lan ban	delapan

455	九	心必藍	xin bi lan	sembilan
456	十	习补卢	xi bu lu	sepuluh
457	百	杀刺都思	sha la du si	seratus
458	千	习利补	xi li bu	seribu
459	万	习刺沙	xi la sha	selaksa

XVII. 通用门 - Kategori Kata Umum

460	大	补撒	bu sa	besar
461	小	格只	ge zhi	kecil
462	长	班章	ban zhang	panjang
463	短	班答	ban da	pandak
464	高	定机	ding ji	tinggi
465	低	恩答	en da	rendah
466	深	答蓝	da lan	dalam
467	浅	多贺	duo he	tohor
468	吹	必右	bi you	tiup
469	照	扎利峨	zha li mian	cermin
470	好	拜	bai	baik
471	远	招	zhao	jauh
472	近	安并	an bing	?(damping)
473	厚	得班儿	de ban er	tebal
474	分	习昆的利	xi kun de li	sekenderi (?)
475	两	习大因	xi da yin	setahil
476	多	巴娘	ba niang	banyak
477	少	孤浪	gu lang	kurang
478	不敢	安奔	an ben	ampun
479	不准	利大	li da	?
480	不依	帝答	di da	tidak
481	不好	帝答拜	di da bai	tidak baik
482	小的	谩答	mo da	muda

嘉靖二十八年一月 日通事杨林校正

(Disemak dan dipruf oleh Yang Lin, pejawat Tong Shi pada bulan satu tahun 28 Jia Jing)

Beberapa Masalah Bahasa dan Sejarah

Sebagaimana yang telah diuraikan, sistem fonetik bahasa Mandarin sangat berbeza dengan sistem fonetik bahasa Melayu. Banyak fonem yang ada dalam bahasa Melayu tetapi tidak ada dalam bahasa Mandarin, sehingga kata Melayu yang dieja dengan huruf Cina boleh menyimpang. Kita sering dibingungkan oleh gejala seperti itu dan selalu mengagak-agak apakah kata Melayunya yang dieja dengan huruf Cina itu. Selain daripada itu, bahasa Cina pun masih mempunyai banyak loghat dan dialek yang sistem fonetiknya berbeza tetapi huruf tulisannya sama. Ada kemungkinan bahawa kata Melayunya boleh menjadi jelas apabila huruf Cina yang menandai bunyi kata Melayu itu dilafazkan dengan salah satu loghat atau dialek, dialek Guangdong atau Fujian misalnya. Dilihat dari keseluruhannya jelas bahawa dalam *Man La Jia Guo Yi Yu* itu bahasa Cina yang digunakan untuk melafazkan huruf-huruf Cina yang menandai bunyi kata Melayunya adalah bahasa Mandarin, iaitu bahasa rasmi China Utara, akan tetapi ada juga yang lebih kena atau lebih dekat kalau dilafazkan dengan bahasa dialek Guangdong atau Fukian. Itu mungkin yang kemudian diambil dari sumber perantau Cina yang menetap di Alam Melayu, kebanyakan mereka itu berasal dari provinsi Guangdong dan Fujian. *Man La Jia Guo Yi Yu* itu terus-menerus mengalami semakan dan penambahan dan di antaranya ada juga yang datangnya dari perantau Cina mengingatkan kedudukan negeri Melaka sebagai pengkalan logistik yang utama daripada Armada Laksamana Zheng He. Pada masa itu pegawai dan cendekiawan Cina yang sempat melawat ke Melaka tentu ada yang membawa *Man La Jia Guo Yi Yu* untuk keperluan berkomunikasi dengan orang Melayu dan dalam amalan mereka itu mungkin ada yang tidak tepat dapat diperbaiki atau ditambah dengan bantuan perantau Cina yang ada di situ.

Dalam monograf mereka yang bertajuk "A Chinese Vocabulary of Malacca Words and Phrases collected between A.D. 1403 and 1511 (?)", E.D. Edwards dan C.O. Blagden telah memberi huraian dan penjelasan pada kata-kata yang meragukan dan pada umumnya boleh diterima tetapi ada juga yang belum memadai dan perlu dikaji semula. Berikut ini saya akan cuba mengemukakan tanggapan dan pandangan saya tentang masalah kebahasaannya yang dijumpai dalam tiap-tiap kategori. Untuk memudahkan saya membincangkannya menurut urutan nombor dalam senarai.

No. 1, kata Melayunya yang tepat mestinya "langit" atau "udara". Mengapa boleh berubah menjadi "an la" iaitu "Allah"? Itu sudah dijelaskan di atas dan sebagai akibat daripada kekeliruan itu muncullah perkataan-perkataan Melayu yang aneh dan ganjil seperti yang ada pada no. 8, 15, 16, 17 dan 18.

No. 2, yang dimaksudkan bukan hanya "hari", juga "mata hari".

No. 8, kata Melayunya yang tepat mestilah "langit terang". Bahawa "langit" boleh berubah menjadi "allah" itu sudah kita ketahui, tetapi mengapa kata "terang" juga boleh menuju ke kata "teduh"? Saya kira itu disebabkan kerana salah tulis ketika menyalinnya. Kata "terang" kalau dieja dengan huruf Cina mestilah "得郎", kerana lalai ketika menyalinnya, kata "郎" itu ditulis salah menjadi "都", sebab kedua-dua kata itu agak mirip. Oleh itu "得郎" berubah menjadi "得都", iaitu "terang" berubah menjadi "teduh". Kesilapan yang serupa juga boleh didapati pada no. 37 dan 38.

No. 13, kata Melayunya adalah "kabut" atau "kabus" atau juga "halimun", tetapi tidak ada satu pun yang dekat kepada huruf Cina yang berbunyi "kan pi ta". Memang bunyinya lebih dekat kepada kata "gempita", tetapi maknanya berbeza sekali.

No. 14, kata Melayunya adalah "teja", mungkin pada masa itu lebih dikenal dengan kata "mambang kuning". Kata Cina kebanyakan merupakan kata ekasuku. Oleh itu bagi orang Cina agak sukar mengucapkan kata Melayu yang multisuku, maka ada kecenderungan untuk mengurangi jumlah suku katanya. Saya kira huruf Cina yang berbunyi "bang gu ning" itu ialah "mambang kuning" yang dikurangi satu suku kata menjadi "bang kuning".

No. 18, kata Melayunya yang tepat mestilah "udara panas". Mengapa kata "panas" dieja dengan huruf Cina boleh menjadi 巴纳恩 (ba na en)? Saya kira sebabnya sama dengan yang dijelaskan dalam no. 8, iaitu salah tulis ketika menyalinnya, huruf Cina yang mestinya "思" (si) salah ditulis menjadi "恩" (en), kerana kedua-dua kata itu agak mirip. Di sini pun kata "udara" berubah menjadi "allah", tetapi tidak sama dengan no. 15, 16 dan 17, urutan katanya tersongsang, iaitu bukan "an la ba na si" (udara panas) tetapi "ba na si an la" (panas udara). Itu mungkin disebabkan perkataan itu dimasukkan kemudian oleh orang lain yang tidak sama sumbernya.

No. 19, sama halnya dengan no. 14, kata "kemarau" dikurangi satu suku kata menjadi "ma lao" iaitu "marau".

No. 20, kata Melayunya mestilah "angin bertiup". Mengapa berubah menjadi "li an yin"? Saya kira "li" itu ditunjukkan untuk menandai bunyi kata "tiup", dan huruf Cina "立" (li) itu kalau dilafazkan dengan dialek Guangdong boleh berbunyi "lip", lebih dekat kepada kata "tiup". Jadi "li an yin" itu ialah "(ber)tiup angin". Menurut nahu bahasa Cina kata kerjanya mesti diletakkan didepan, maka perkataan "angin bertiup" berubah menjadi "(ber)tiup angin".

No. 24, kata Melayunya "angin sejuk", tetapi di sini mengapa urutan katanya disongsangkan menjadi "sejuk angin", semestinya tidak timbul soal seumpama itu kerana dari no. 21 hingga no. 28 kecuali 24, urutan

katanya semua tepat. Satu kemungkinan ialah perkataan itu dimasukkan kemudian seperti yang telah dijelaskan dalam no. 18.

No. 29, kata Melayunya ialah "tiada angin", agaknya masih dekat kalau diberi kata Melayunya "angin teduh", maka huruf Cina yang berbunyi "gu du" itu mungkin menunjuk kata "teduh" tetapi kurang tepat lafaznya, entah kerana salah tulis atau salah dengar.

No 34, kata Melayunya ialah "hujan gerimis", "hujan rintik-rintik", "hujan rebas-rebas" atau "hujan renyai", tetapi di sini diberi kata Melayunya "hujan seni". Apakah memang itu istilahnya pada zaman Melayu Melaka? Atau mungkin juga terjemahan langsung dari kata Cina "细雨", "细" maknanya "halus" atau "seni", dalam bahasa Cina terdapat perkataan "细针" iaitu "jarum seni", maka "细" langsung diterjemahkan menjadi "seni".

No. 37, kalau diterjemahkan secara langsung perkataan Cinanya, yang satu ialah "awan bersurai", yang satu lagi ialah "awan terbuka", gejala yang hendak diperikannya sama, iaitu langit yang ditutupi awan tebal menjadi terang semula selepas awannya "bersurai" atau "terbuka", maka diberi kata Melayunya "awan terang". Tetapi kata "terang" itu mengapa tidak dieja dengan huruf Cina yang berbunyi "de lang" atau "te lang", melainkan dengan huruf Cina yang berbunyi "de ji" atau "te ci"? Saya kira sebabnya sama dengan yang dijelaskan dalam no. 8, kerana huruf Cina "郎" (lang) dan "即" (ji) mirip sekali sehingga mudah dicampuradukkan.

No. 40, 41, sepasang perkataan yang berlawanan, yang satu menyatakan "bulan naik atau keluar", yang satu lagi menyatakan "bulan turun dan masuk" tetapi ditulisnya menjadi "masuk bulan". Perkataan yang disebut kemudian mungkin dimasukkan oleh orang yang tidak sama seperti yang terlihat pada no. 18.

No. 43, kata Melayunya mestilah "sinar bulan" atau "cahaya bulan" atau boleh juga "terang bulan". Mungkin juga huruf Cina "吟" (yin) itu adalah kesilapan tulis daripada huruf "冷" (leng) yang sangat mirip rupanya. Jadi bukan "得冷" (de yin atau te yin) melainkan "得冷" (de leng atau te leng) yang lebih dekat bunyinya kepada kata "terang".

No, 45, 46 kata Cina "日" boleh bermakna "hari" atau "mata hari", di sini yang dimaksudkan adalah "mata hari". Pada no. 45 kata Melayu "keluar" menjadi "ke lu" sahaja, itu akibat pengurangan satu suku kata seperti yang telah dijelaskan dalam no. 14. Begitu juga kita lihat pada no. 49.

No, 47, perkataan Cina yang lazim adalah "午日", maknanya "tengah hari" mengapa menjadi "日午" dan diberi kata Melayunya "hari tengah"? Kalau dilihat dari konteksnya, yang dimaksudkan dengan kata Cina "日" itu adalah "mata hari", sama dengan yang di atasnya dan di bawahnya. Si penyusun hendak menunjukkan perjalanan mata

hari dalam sehari, dari mata hari keluar sampai mata hari masuk, maka muncul perkataan "(mata) hari tengah" iaitu mata hari sudah berada di tengah-tengah. Tetapi mungkin juga perkataan ini dan perkataan pada no. 48 ditambah kemudian oleh orang lain, kerana no. 48 dengan no. 46 sama maknanya. Dan perkataan Cina nnnnnn pada no. 48 juga tidak lazim dalam bahasa Cina, yang lazim adalah "日落" yang terdapat pada no. 46.

No. 51, huruf Cina "肌蓝" kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi "ki lam", lebih dekat kepada kata "kilat".

No. 63, huruf Cina "亚" kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi "a". Huruf Cina "儿" (baca: al) lazim digunakan untuk menandai bunyi "r" yang tiada dalam sistem fonetik bahasa Cina.

No. 66, kata Melayunya cukup "genting" sahaja, yang dimaksudkan bukan "atap"nya tetapi "genting"nya.

No. 69, kata Melayunya adalah "sungai luas", maka huruf Cina "夺思" (baca: tuo se) itu mestinya menandai bunyi kata "luas" tetapi tidak jitu ketika menangkap bunyinya. Huruf Cina "思" (se) sering digunakan untuk menandai bunyi suku akhir "-s" yang tidak terdapat dalam sistem fonetik bahasa Cina. Misalnya kata "keras" kalau dieja dengan huruf Cina boleh menjadi tiga suku kata, iaitu "格刺思" (baca: ke la se). Lihat pada no. 126.

No 70, 71, kata "laut" dieja dengan huruf Cina menjadi satu suku kata "lau", kerana dalam bahasa Cina tidak ada suku akhir "-t", dan lagi diikuti dengan kata lain seperti "besar", "kecil" sehingga menjadi banyak suku katanya.

No. 73, kata Cina "港" itu umumnya bermakna "pelabuhan", tetapi boleh juga bermakna "cabang sungai". Di sini diberi kata Melayunya "松岩" (song yan) yang bunyinya dekat kepada kata "sungai".

No. 79, 80, perkataan Cina "水大" ertinya "air sungai banyak atau meluap" seperti pada musim hujan, sedangkan "水小" ertinya "air sungai sedikit atau surut" seperti pada musim kemarau. Di sini diterjemahkan secara langsung menjadi "air besar" dan "air kecil".

No. 81, 82, kata Melayunya adalah "air surut" dan "air pasang". Tidak jelas mengapa "air surut" boleh menjadi "air masuk". Apakah memang istilahnya yang digunakan pada masa itu?

No. 86, kata Melayunya adalah "kabut gunung", "kabus gunung" atau "halimun", tetapi tiada satu pun yang dekat bunyinya dengan bunyi kata Cina "三巴" (baca: san ba). Kalau dari bunyinya, yang lebih dekat mungkin kata "sabak" yang bermakna "redup mendung".

No, 88, kata Melayunya memang "ombak teduh". Lihat no. 29, kata "teduh" juga dieja dengan huruf Cina yang sama, iaitu "骨都".

No. 89, 90, kata Cina “江” sama ertinya dengan “河”, iaitu “sungai”. Jadi no. 89, 90 sama dengan no. 67, 68, cuma kata Melayu “sungai” dieja dengan huruf Cina yang berbeza, satu pakai “苏艾” (baca: su ai), satu lagi pakai “松喝” (baca: sung he). Ini mungkin kerana bukan dikerjakan oleh seorang sahaja dan dalam satu masa sahaja.

No. 91, 92, 93 dan 94, adalah nama empat musim, iaitu “musim bunga”, “musim panas”, “musim luruh” dan “musim sejuk”. Tetapi di daerah tropik orang tidak mengenal adanya empat musim itu, maka pada masa itu mungkin masih belum ada istilah Melayunya. Jadi orang hanya boleh mengira dari ciri hawa udaranya sahaja. Begitulah untuk musim bunga maka diberi kata Melayunya “mendung” yang bererti teduh dan tidak panas. Untuk musim panas maka diberi kata Melayunya “panas” tetapi dieja dengan huruf Cina menjadi “巴都思” (baca: pa tu se); saya kira itu adalah akibat kesilapan ketika menyalinnya, iaitu huruf Cina “那” (na) salah ditulis menjadi “都” (du) kerana kedua huruf itu mirip juga. Untuk musim luruh maka diberi kata Melayunya “wen ba” menurut bunyi huruf Cina yang mengejanya; yang dimaksudkan dengan kata “wen ba” itu mungkin kata “lembap” yang mensifatkan hawa udara yang sedikit sejuk. Untuk musim sejuk diberi kata Melayunya “dingin”, itu memang sudah tepat.

No. 96, kata Cina “时” boleh bermakna “masa”, “waktu” dan “kala”, boleh juga bermakna “jam” dan “pukul”. Di sini diberi kata Melayunya “zhan” menurut bunyi huruf Cina “站” yang memang dekat kepada bunyi kata “jam”. Kalau benar huruf Cina “站” itu ditujukan untuk mengeja kata Melayu “jam”, maka ini bererti bahawa pada masa itu sudah ada alat pengukur seperti jam.

No. 97, kata Melayunya yang tepat adalah “hari siang”, maka yang dimaksudkan dengan “hari tengah” itupun bukan “tengah hari” seperti yang kita lihat pada no. 117.

No. 99, kata Melayunya yang tepat adalah “senja” atau “waktu maghrib”. Di sini diberi kata Melayunya “kelam”, memang pada waktu senja hari mulai kelam, mungkin dari situ datangnya.

No. 100, mestilah “hari terang” bukan “hari teduh”, huruf Cina “郎” salah ditulis menjadi “都”, kesilapan yang sama dengan no. 8.

No. 103, kata Cina “晚” sama dengan “夜” yang terdapat pada no. 98, bermakna “malam”, cuma kata Melayunya dieja dengan huruf Cina yang berbeza tetapi bunyinya sama. Huruf Cina “藍” (lan) kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi “lam”.

No. 109, “枣” adalah sejenis buah kecil yang rupanya seperti kurma tetapi bukan tumbuh di pokok palma. Jenis buah itu tidak ada di daerah tropika, maka sering disamakan sahaja dengan kurma.

No 110 “梅” adalah buah prem, sejenis buah kecil yang masam, tidak tumbuh di daerah tropika, maka tidak ada nama Melayunya. Buah itu

juga disebut “酸梅”, iaitu “buah prem asam”. Di sini diberi kata Melayunya “ya shan dan li ya”. Huruf Cina “亞三” (ya shan) kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi “asam”, tidak syak lagi kedua huruf Cina itu mungkin mengeja kata Melayu “asam”, tetapi tidak ada kata Melayu yang bunyinya mendekati “dan li ya” atau “tan li ya”.

No. 111, kata Melayunya adalah “kertau”, tumbuhan yang daunnya untuk makanan ulat sutera, tetapi di sini diberi kata Melayunya “su ji”. Kata Melayu yang bunyinya dekat kepada “su ji” adalah “sugi”, juga nama sejenis pokok renek, mungkin itu yang dikiranya pokok kertau.

No. 113, huruf Cina “加” (baca: cia) kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi “ka”, lebih dekat kepada bunyi kata Melayunya.

No. 114, kata Melayunya adalah “semangka” atau “tembakai” atau “mendikai”. Huruf Cina yang berbunyi “men ti ke” lebih dekat kepada bunyi kata “mendikai”.

No. 115, “甜瓜” adalah nama sejenis semangka manis yang dihasilkan di negeri China, mungkin pada masa itu belum dikenal di Alam Melayu, maka disamakan dengan papaya. Huruf Cina yang berbunyi “pu ti” agaknya mengarah ke kata “betik” yang juga bererti “papaya”.

No. 119, kata Melayunya mestilah “lengkeng” atau “kelengkeng”, mungkin pada masa itu masih belum muncul nama itu, tetapi sudah ada nama “bidara cina”.

No. 120, kata Melayunya mestilah “laici” atau “lici”, mungkin pada masa itu masih belum dikenal di Alam Melayu, maka disebut “rambutan” sahaja kerana rupanya agak sama.

No. 124, kata Melayunya mestilah “terung”, tidak jelas kata Melayu apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “mu qie” itu.

No. 126, “核桃” ialah “walnut” yang keras kulitnya, tidak tumbuh di Alam Melayu, maka disebut “buah keras” sahaja.

No. 133, “乳香” adalah getah yang menjadi damar daripada sejenis pokok, digunakan untuk ubat tradisional Cina. Huruf Cina yang berbunyi “lu kan” dekat kepada bunyi kata Melayu “loban” (lihat no. 137), sedangkan huruf Cina yang berbunyi “keng ti” itu mengarah ke kata Melayu yang sukar diagak.

No. 138, “苏合香” adalah sejenis setinggi. Huruf Cina yang berbunyi “mula” itu mungkin akibat daripada pengurangan suku kata dari kata “raksamula”.

No. 146, kata Melayunya adalah “pinang”. Kata Cina “槟榔” itu pun kata pinjaman dari kata Melayu atas dasar tiruan bunyinya. Tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “lian an pie” itu.

No. 150, “萎叶” maknanya “daun layu”. Saya kira di sini telah berlaku kesilapan ketika menyalinnya, iaitu kata “萎” salah ditulis menjadi “萎” “萎叶” ialah “daun sirih” dan huruf Cina yang berbunyi “si yi” itu memang ditujukan untuk mengeja kata Melayu “sirih”.

No. 152, kata Melayunya adalah “kapur barus” atau “camphor”. Saya kira huruf Cina yang berbunyi “cia pu al” atau “ka pu al” itu ditujukan untuk mengeja kata Melayu “kapur” yang maksudnya “kapur barus”, bukan kata “camphor” yang dipinjam dari kata bahasa Barat.

No. 155, “桫欏木” adalah pokok enau atau pokok aren atau pokok kabung. Tidak jelas kata Melayu mana yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “su li ci” itu.

No. 156, “花梨木” adalah sejenis pokok yang banyak tumbuh di daerah Guangdong, Fujian dan Zhejiang. Kayunya sangat bermutu untuk dijadikan perabot. Huruf Cina yang berbunyi “jia yu bu e” agak mendekati bunyi kata Melayu “kayu bongor”.

No. 174, kata Melayunya memang “rusa”, maka kalau dieja dengan huruf Cina mestinya “lu sa” bukan “sa lu”. Itu jelas akibat daripada kesilapan ketika menulisnya.

No. 176, “龟” mestinya “kura-kura”, di sini disamakan sahaja dengan “penyu”.

No. 180, “兔” mestinya “arnab”, “terwelu” atau “kelinci”, di sini jelas telah berlaku bercampur-aduk.

No. 181, “豹” adalah “harimau akar”, mungkin kerana sukar mengucapkan suku kata yang begitu banyak, maka kata “harimau”nya dibuang, tinggal “akar”nya sahaja.

No. 184, kata Melayunya mestinya “lebah”. Huruf Cina yang berbunyi “sie lang” lebih dekat kepada bunyi kata Melayu “sialang” yang bermakna “sarang lebah”. Mungkin juga ketika menanya, tangan si penanya menunjuk ke arah sebuah sarang lebah sehingga kejadian salah tanggap.

No. 185, “凤” adalah burung “phoneix” yang hanya terdapat dalam mitologi Cina, dipuja sebagai raja unggas, juga dijadikan sebagai lambang permaisuri, sudah tentu tidak ada kata Melayunya. Kalau dilihat dari gambarnya memang sedikit mirip dengan burung pucung, maka orang Melayu menyebutnya “pucung” dan dieja dengan huruf Cina menjadi “pu tung”.

No. 187, “麒麟” adalah nama binatang khayalan yang hanya terdapat dalam mitologi Cina, melambangkan keuntungan dan kebahagiaan, sudah tentu tidak ada kata Melayunya. “ji ling” itu adalah tiruan bunyi dari kata Cinanya, bukan kata Melayu.

No. 190, kata Melayunya adalah “katak”, memang dekat bunyinya dengan huruf Cina yang berbunyi “cia ta”, lebih-lebih kalau diucapkan dengan dialek selatan, bunyinya boleh berubah menjadi “ka ta”. Tetapi

mengapa di depannya ditambah lagi dengan "ting", mungkin itu hanya satu kesilapan sahaja.

No. 196, "海马" adalah kuda laut. Tidak jelas mengapa di belakang kata "laut" ditambah dengan kata "besar" lagi. Mungkin yang dimaksudkan dengan "laut besar" itu ialah "laut", lihat no. 70, 71, 83, 84, 85. Kata "laut" tidak dipakai secara berasingan.

No. 198, "海獭" adalah anjing laut atau berang-berang laut. Sama halnya dengan no. 196 di belakang kata "laut" ditambah dengan kata "besar" pula.

No. 200, "錦鸡" adalah sejenis ayam alas yang berjambul warna emas, tubuhnya lebih kecil daripada ayam biasa. Mungkin itulah sebabnya maka disebut "ayam anak" sahaja kerana belum ditemukan nama Melayunya. Huruf Cina yang berbunyi "ya yan ya na" itu kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi "a yam a na", lebih dekat lagi bunyinya kepada bunyi kata "ayam anak". Yang dimaksudkan dengan "ayam anak" itu ialah ayam yang tubuhnya kecil seperti anak ayam.

No. 201, kata Melayu yang dieja dengan huruf Cina yang berbunyi "bu long gu er" adalah "burung tekukur" dikurangi satu suku kata menjadi "kukur" sahaja.

No. 205, terdapat kesalahan tulis, iaitu kata Cina "鸚" yang bermakna "gagak" salah ditulis menjadi "鸚" yang bermakna "itik", kedua kata itu bunyinya sama. Dari pemberian kata Melayunya jelas kata Cinanya mestilah "老鸚".

No. 209, nama Melayunya yang dikenal sekarang adalah "ayam belanda". Rupanya nama itu belum muncul pada masa itu kerana orang Belanda belum datang. Kata "ayam api" itu adalah terjemahan langsung secara harfiah dari kata Cina "火" (api) dan "鸡" (ayam).

No 211, "石燕" ialah "burung martin awan", mungkin kerana belum ada nama Melayunya, maka diterjemahkan langsung secara harfiah dari kata Cina "石" (batu) dan "燕" (burung layang-layang, hanya diambil burungnya sahaja).

No. 212, kata Melayunya mestilah "penyu" (lihat no. 176), tetapi di sini menjadi "sisik". Memang di negeri China orang lebih mengenal kulit penyu yang seperti sisik itu daripada penyunya, kerana itu yang banyak digunakan orang untuk barang-barang perhiasan.

No. 221, kata Cina "须" maknanya "kumis" atau "misai" dan juga "janggut". Kata Cina "虎须" itu mestilah diertikan "misai harimau", tetapi kata "须" kalau tidak dipadukan dengan kata lain sering diertikan "janggut".

No. 222, kata Melayunya mestilah "cakar harimau" atau "telapak harimau", tetapi tidak ada yang dekat kepada bunyi "zhe di" atau "ce

ti". Kalau dicari kata Melayu yang dekat ertinya kepada "telapak" dan bunyinya kepada "zhe di" mungkin kata "jejak".

No. 227, kata Melayunya yang tepat adalah "(mem)bunuh lembu". Di sini mengapa menjadi "lembu bunuh"? Mungkin dipengaruhi oleh perkataan yang di atasnya, iaitu "kuda lari" (no. 226).

No. 228, kata Melayunya memang "penyengat", cuma dikurangi satu suku kata sehingga menjadi "nyengat" sahaja. Huruf Cina "宜牙" kalau diucapkan dengan dialek selatan boleh berbunyi "ngi nga", lebih dekat lagi kepada bunyi kata Melayunya.

No. 229, "殿" adalah "balairung" atau "balai untuk mengadap raja". Mengapa di sini diberi kata Melayunya "rumah raja perempuan"? Mungkin ketika menanya, si penanya menunjuk ke balai tempat peraduan permaisuri.

No. 232, kata Melayunya mestilah "tingkap" atau "jendela". Sukar diagak kata Melayu mana yang hendak dinyatakan dengan huruf Cina yang berbunyi "ce lan ca an", mungkin kata "celah-celahan", kerana bentuk tingkap di China memang menyerupai celah-celahan.

No. 233, kata Melayunya adalah "rumah besar". Nyata huruf Cina "器" itu salah ditulis, semestinya "路" seperti yang terlihat pada no. 230, 234 dan 235.

No. 236, kata Cinanya pun salah ditulis, bukan "卓" melainkan "桌" yang bermakna "meja", kedua kata itu mirip dan bunyinya sama. Sukar diagak kata Melayu mana yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "tuo" itu.

No. 238, kata Melayunya "bangku". Tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "ku ta" itu, mungkinkah dari kata "kekuda" yang dikurangi satu suku kata?

No. 247, "柴" adalah "kayu bakar" atau "kayu api", di sini hanya diberi kata "kayu"nya sahaja.

No. 248, "笔" memang alat untuk menulis, tetapi dilihat dari konteksnya yang dimaksudkannya adalah kalam Cina "mopit", mungkin kata itu pada masa itu belum muncul, maka disebut "kalam" sahaja.

No. 249, "墨" memang "mangsi", tetapi di sini yang dimaksudkannya adalah dakwat Cina, iaitu "bak", kata ini rupanya masih belum muncul pada masa itu.

No. 250, "砚" adalah tempat bak atau dakwat Cina yang terbuat daripada batu, pada masa itu rupanya masih belum ada nama Melayunya, maka disebut "batu" sahaja.

No. 252, kata "kertas" terdiri daripada dua suku kata, tetapi bagi orang Cina agak sukar untuk melafazkan suku akhir "-r" dan "-s", maka dipecah menjadi lima suku kata: "ke lu la ta se".

No. 257, "棋" adalah "catur", banyak jenisnya, tetapi bukan "ceki" alat permainan judi, mungkin itu lebih popular daripada catur Cina, maka disamakan sahaja.

No. 258, “槽” adalah sejenis dayung panjang yang biasanya diletakkan di buritan perahu. Di sini diberi kata Melayunya “ge ling” menurut bunyi dari huruf Cina yang mengejanya, mungkin yang dimaksudkannya adalah “dayung gebeng” yang kata “dayung”nya telah disingkat.

No. 259, “篙” adalah galah untuk menolak perahu, di sini diberi kata Melayunya “kayu panjang”.

No. 261, Kata Cina “鎗” ertinya “bedil”, di sini diberi kata Melayunya “su du” menurut bunyi huruf Cina yang mengejanya, mungkin yang diarahnya adalah kata “sundut” atau “sulut”, maksudnya “bedil sundut” atau “bedil sulut” yang kata “bedil”nya disingkat. Tetapi kalau dilihat dari konteksnya, di sini mungkin telah berlaku kesalahan menulis, iaitu kata “艙” yang bermakna “bilik perahu” salah ditulis menjadi “鎗” yang bermakna bedil, kedua kata itu agak mirip.

No. 263, kata Melayunya “tali”. Mengapa di sini berubah menjadi “ta li ma” menurut huruf Cina yang mengejanya? Saya kira itu datangnya dari kata Melayu “tali-temali” yang bererti macam-macam tali di kapal, tetapi kata “temali”nya hanya diambil satu suku kata iaitu “ma”nya sahaja.

No. 264, “琴” adalah sejenis alat muzik yang menggunakan dawai seperti kecapi. Huruf Cina yang berbunyi “da wa sa” agak dekat kepada bunyi kata “dawai”, maka alat muzik itu disebut “dawai” sahaja.

No. 266, Kata Cina “甲” bermakna jamak, salah satu maknanya ialah “baju ziarah”. Huruf Cina yang berbunyi “ci la wei” itu dekat kata “ziarah”, cuma kelebihan satu suku kata “wie”. Bunyi “wei” itu mungkin juga akibat pengurangan satu suku kata dari kata “waja”. Jadi “ci la wei” itu mungkin juga kata Melayunya “ziarah waja”.

No. 267, kata Melayunya “katil” atau “ranjang”. Di sini mengapa boleh menjadi “gu la” atau “ku la”? Kata ini mungkin datangnya dari kata “gulat” atau “golek”, maksudnya “tempat bergulat” atau “tempat bergolek”, iaitu tempat tidur.

No. 268, “斗” adalah sejenis sukatan yang mirip dengan gantang. Sukar diagak kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “tu cin” itu.

No. 269, “升” adalah sejenis sukatan yang lebih kecil, 1/10 “斗”, di sini disamakan dengan “kulak”.

No. 270, “盆” adalah “tempayan”, jadi huruf Cina yang berbunyi “ta yan” itu ditujukan untuk mengeja kata “tempayan” yang dikurangi satu suku kata.

No. 275, kata Melayunya “sampo”, “sepoah” atau “dekak-dekak”, di sini mengapa diberi kata Melayunya “bu ci na” menurut bunyi huruf Cina yang mengejanya? Ada yang menganggap “bu ci na” itu mengarah kepada kata “berkira”, tetapi boleh juga mengarah kepada kata “buku

Cina" kerana alat sempoa itu banyak digunakan oleh orang Cina dalam mengisi buku hariannya yang ditulis dalam bahasa Cina.

No. 283, "匣子" adalah sejenis kotak yang ada tutupnya. Tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "jia la se" atau "ka la se". Mungkin itu datangnya dari kata "keras", maksudnya "kotak keras" tetapi kata "kotak"nya disingkatkan.

No. 290, kata Melayunya "putera mahkota", di sini hanya disebut "anak raja" sahaja.

No. 292, "皇妃" adalah "isteri muda" kaisar yang kedudukannya di bawah permaisuri, maka di sini diberi kata Melayunya "raja perempuan kecil".

No. 302, kata Cina "娘" biasanya digunakan untuk menyebut atau memanggil ibunda, wanita tua atau perempuan yang sudah bernikah, tetapi boleh juga digunakan untuk menyebut atau memanggil inang atau babu.

No. 304, kata Cina "爷" boleh berlainan maknanya, di satu daerah boleh bermakna "bapak", di daerah lain boleh bermakna "nenek".

No. 309, 310, kata Cina "伯" adalah sebutan dan panggilan kepada bapak saudara yang tua menurut adat kebiasaan di China, sedangkan "叔" adalah sebutan dan panggilan kepada bapak saudara yang muda.

No. 311, kata Cina "嫂" adalah sebutan dan panggilan kepada isteri kakak laki-laki, memang dalam bahasa Melayu disebut "kakak" juga, tidak dibezakan lagi.

No. 313, kata Melayunya "bertelut" atau "berteluk", maka kata yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "te lu al" itu mungkin kata "(ber)teluk" atau "(ber)telut" yang awalan "ber"nya telah disingkatkan.

No. 316, kata Melayunya adalah "keluar", kalau dieja dengan huruf China menjadi empat suku kata, iaitu "ke lu wa al", agak sukar bagi orang Cina, maka disingkatkan menjadi "ke lu" sahaja.

No. 321, kata Melayunya mestilah "berdiri", mungkin kerana kurang tepat menangkap bunyinya, maka menyeleweng menjadi "di di" dua suku kata sahaja.

No. 322, kata Melayunya mestilah "duduk", suku kata yang kedua iaitu "duk" umumnya diucapkan dengan lebih keras, terutama dalam ayat perintah, maka kata "duduk" itu menjadi "duk" sahaja.

No. 323, kata Melayu "lihat" kalau dieja dengan huruf Cina menjadi tiga suku kata iaitu "li ha te", juga agak sukar. Huruf Cina yang berbunyi "lie" itu pun dekat pada bunyi kata Melayu "lihat" bila diucapkan secara cepat.

No. 324, kata Cina "见" itu juga bermakna "melihat", bersinonim dengan kata "看", tetapi ada kalanya boleh juga diertikan "sudah melihat".

No. 326, kata Cina " 排班 " ertinya "berbaris" atau "berjajar", di sini merupakan ungkapan kata yang khas digunakan di istana ketika menghadap kaisar, iaitu semua orang yang hendak menghadap kaisar harus berbaris dahulu secara teratur. Di sini diberi tiga ungkapan untuk menyatakannya, mungkin datangnya dari sumber yang berlainan. Ungkapan yang pertama agak membingungkan, kalau diagak dari bunyinya mungkin datangnya dari perkataan "jangan kudian", maksudnya semua orang harus berjalan bersama-sama, jangan ada yang datang "kudian" (kemudian). Ungkapan yang kedua menurut bunyinya mungkin datangnya dari perkataan "jangan duduk", maksudnya semua orang harus berdiri ketika berbaris, jangan ada yang masih duduk. Ungkapan yang ketiga menurut bunyinya mungkin datangnya dari perkataan "sama (ber)diri", maksudnya sama, iaitu semua orang harus sama-sama berdiri ketika berbaris.

No. 327, kata Cinanya bererti "melangkah ke atas jalan diraja yang menuju balairung", maksud yang sebenarnya ialah "sekarang berangkat ke balairung menghadap kaisar". Jadi ungkapan kata Melayunya "naik istana" tepat juga.

No. 328, kata Melayunya mestilah "menghadap", di sini disingkatkan menjadi "ngadap".

No. 329, Menurut peraturan di istana China, orang yang menghadap kaisar mesti menyembah tiga kali, tiap kali menyembah ada orang yang memberi perintah. Di sini kata Cina " 再拜 " ertinya ialah "menyembah yang kedua kali", maka diberi kata Melayunya "(sekali) lagi (me)nyembah".

No. 331, kata Cinanya bererti "upacara penyembahan sudah selesai", di sini disingkatkan menjadi "sudah" sahaja.

No. 332, kata Cinanya bererti "kaisar memberi anugerah", di sini diertikan "menerima anugerah kaisar", maka diberi kata Melayunya "junjung anugerah".

No. 335 menurut konvensi di istana China, sebaik sahaja upacara menghadap kaisar selesai, orang harus mengucapkan terima kasih atas titah atau penganugerahan kaisar. Mungkin sukar dicari ungkapan kata yang seimbang dalam bahasa Melayunya, maka dipakai "ya sultan" sahaja.

No. 336 kata Cinanya bererti "bangun berdiri", biasanya diucapkan oleh kaisar untuk menyuruh berdiri kepada orang yang menyembah dengan bertelut di hadapannya.

No. 337, kata Cinanya bererti "mempelawa orang pergi mengambil anugerah kaisar". Biasanya selepas menghadap kaisar, ada pegawai istana yang membimbing pergi mengambil anugerah kaisar.

No. 338, kata Melayunya mestinya "bertiarap dengan menundukkan kepala", di sini disingkatkan menjadi "tunduk" sahaja.

No. 339, kata Cina “万岁” adalah satu ungkapan kata yang khas yang hanya diucapkan untuk memuji kaisar panjang usia, mirip dengan “daulat dirgahayu” dalam bahasa Melayu, tetapi di sini diterjemahkan secara langsung dari perkataan Cina menjadi “tahun selaksa”.

No. 340, kata Cinanya bermakna “meraikan” atau “mengucapkan tahniah atas kejayaan”. Di sini tidak jelas mengapa diberi kata Melayunya “sila”.

No. 341, kata Cinanya bermakna “bermesyuarat” atau “berunding”, tetapi di sini diberi kata Melayunya “kira”, mungkin datangnya dari kata “berkira-kira”.

No. 334, makna kata Cinanya ialah “majlis makan”. Di sini yang dimaksudkan mungkin majlis makan yang diadakan oleh raja, maka diberi kata Melayunya “raja jamu”.

No. 346, kata Cinanya bermakna “berhati-hati” atau “beringat-ingat”. Huruf Cina “宜牙” kalau dilafazkan dengan dialek selatan boleh berbunyi “ngi nga”, memang lebih dekat kepada bunyi kata Melayu “ingat”. Jadi kemungkinan besar kata “ingat” itu adalah singkatan suku kata daripada kata “beringat-ingat”.

No. 347 kata Cinanya bermakna “tidak boleh” atau “tidak dibolehkan”. Agak sukar untuk mengagak kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “ke ti” mungkin kata “kasi”, Jadi huruf Cina yang berbunyi “ti ta ke ti” itu ialah “tidak kasi” atau “tidak dikasi” yang boleh bererti “tidak dibolehkan”.

No. 348, kata Melayunya mestinya “kepala”, jadi “pa la” itu adalah akibat pengurangan suku kata daripada kata “kepala”.

No. 349, kata Melayunya adalah “badan” atau “tubuh”, maka huruf Cina yang berbunyi “ye wa la” itu untuk mengeja kata “awak” yang juga boleh bererti “badan”.

No. 355, kata Cinanya bermakna “bahagian perut” atau “abdomen”. Sukar di agak kata apakah yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “tu e” itu.

No. 361, kata Melayunya mestinya “buah pinggang” atau “ginjal”, tidak jelas mengapa boleh lari ke kata “dada”.

No. 363, kata Cinanya bermakna “rambut”, maka huruf Cina yang berbunyi “lan kung” itu jelas salah, mungkin kerana salah tulis atau salah dengar, iaitu yang seharusnya ditulis “布” (bu) salah ditulis menjadi “公” (kung).

No 367, kata Cinanya bermakna “paru-paru”, jadi kata “hati” itu jelas salah.

No. 372, kata Melayunya mestinya “dahi”, jadi huruf Cina yang berbunyi “dai” itu ditujukan untuk mengeja kata “dahi” tetapi dihilangkan bunyi “h”nya.

No. 374, kata Melayunya adalah "lidah", maka huruf Cina yang berbunyi "bu ji da" itu mungkin ditujukan untuk mengeja kata Melayu "berlidah".

No. 380, kata Cinanya bermakna "tapak" atau "telapak". Sukar diagak kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "ce te" itu, lihat no. 222.

No. 389, yang disebut oleh kata Cina "裙子" itu adalah sejenis pakaian perempuan yang menyerupai skirt atau gaun. Tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "yin" itu. Huruf Cina "烟" itu juga ada maknanya, iaitu nama sejenis pakaian yang berlapis. Mungkin belum ada kata Melayunya, maka kata Cina itu diambil alih.

No. 392, kata Cinanya kalau diterjemahkan secara harfiah ialah "baju bambu" atau "baju buluh" atau "baju aur". Huruf Cina yang berbunyi "ba jia er" memang lebih dekat kepada bunyi kata "baju aur", tetapi saya sangsikan adakah baju aur atau baju bambu pada masa itu. Saya lebih cenderung untuk menganggap bahawa "ba jia er" itu ditujukan untuk mengeja kata Melayu "bagor". Mungkin baju bagorlah yang disangkanya baju aur.

No. 394, kata Melayunya adalah "kasut" atau "selipar". Huruf Cina yang berbunyi "jiao si" itu rupanya ditujukan untuk mengeja kata Melayu "kaus" yang juga bermakna "kasut" dan "sepatu".

No. 397, "靴子" adalah sejenis sepatu yang mirip dengan sepatu but, tetapi bukan dibuat daripada kulit tetapi daripada kain tebal. Istilah "but" adalah kata pinjaman dari kata Eropah, pada masa itu masih belum muncul, maka huruf Cina yang berbunyi "mo zhao" itu mungkin ditujukan untuk mengeja kata "mojah" yang ertinya "sarung kaki".

No. 398, kata Cinanya boleh diertikan "pakaian sempit", tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi "suo" itu.

No. 402, kata Melayunya mestilah "teh" atau "air teh". Kata "teh" adalah kata pinjaman dari kata Cina "茶" (cha) yang diucapkan dengan dialek Fujian menjadi "teh". Mungkin pada masa itu kata "teh" belum popular, maka disebut "cha" sahaja yang langsung diambil dari bunyi lafaz bahasa Mandarin.

No 405, makna kata Cinanya ialah "saus" atau "kicap" yang banyak dipakai dalam masakan Cina, mungkin pada masa itu masih belum ada kata Melayunya, maka diambil dari tiruan bunyinya iaitu "jiang".

No. 414, "烧酒" adalah sejenis minuman keras, tidak ada kata Melayunya, maka langsung diterjemahkan secara harfiah dari perkataan Cina. "烧" bererti "bakar dengan api" "酒" bererti "arak", dipadukan menjadi "arak api".

No. 415, “粽子” adalah sejenis makanan Cina, iaitu nasi berisi daging yang dimasak dalam kelongsong daun, oleh orang Fujian disebut “bakcang”. Kerana cara masaknya hampir sama dengan ketupat, maka diberi kata Melayunya “ketupat”, cuma dikurangi satu suku kata menjadi “tupat” sahaja.

No. 416, kata Melayunya mestilah “gula pasir” yang dibuat dari tebu, mungkin istilah itu belum muncul, maka disebut “manisan tebu” sahaja.

No. 417, kata Cinanya pun tidak begitu jelas. “呈” maknanya “mempersembahkan” atau “menyampaikan dengan hormat”. Apa hubungannya dengan “nasi”? Mungkin yang dimaksudkannya adalah “menyajikan nasi”.

No. 422, kata Melayunya adalah “tima hitam”. Tidak jelas kata apa yang hendak dinyatakan oleh huruf Cina yang berbunyi “te ku” itu.

No. 426, kata Melayunya mestinya “batu karang” atau “bunga karang”, di sini disamakan sahaja dengan “batu pualam”, mungkin kerana sama-sama dibuat daripada zat batu kapur.

No. 427, kata Melayunya yang tepat adalah “hablur” atau “kristal”, mungkin kedua kata itu belum digunakan pada masa itu, maka disebut “batu putih” sahaja.

No. 428, kata Melayunya memang “mutiara”, maka huruf Cina “未” (wei) itu salah, mestinya “末” (mo), kedua huruf itu mirip sekali, mudah terkeliru.

No. 432, kata Melayunya adalah “permata”. Saya kira huruf Cina yang berbunyi “pu lun ma” itu ditujukan untuk mengeja kata “permata”, cuma suku kata yang terakhir iaitu “ta” telah dihilangkan.

No. 433, kata Melayunya mestinya “penyu”, lihat no. 212.

No. 436, kata Cinanya bermakna “ikat pinggang berhiaskan zamrud”. Huruf Cina yang berbunyi “kan ma al li pei” rupanya ditujukan untuk mengeja kata “kamarban” yang bererti “ikat pinggang” pula, cuma “li pei” dengan “ban” agak jauh bunyinya.

No. 438, kata Cinanya bererti “tera raja yang dibuat daripada batu jade”, iaitu cap kempa raja atau mohor raja. Maka huruf Cina yang berbunyi “pu lun ma ce la la ce” itu mungkin mewakili tiga kata Melayu, iaitu “pu lun ma” untuk kata “permata” (lihat no. 432). “ce la” untuk kata “tera” dan “la ce” untuk kata “raja”.

No. 439, sama dengan no. 438, iaitu cap kempa raja, cuma dibuat daripada emas.

No. 440, kata Melayunya adalah “membaca (buku)”, jadi huruf Cina yang berbunyi “ya ce” itu mungkin ditujukan untuk mengeja kata “ngaji”.

No. 441, kata Cinanya bermakna “menulis (kata-kata)”, di sini disamakan dengan “(me)nyurat”.

No. 469, kata Cinanya boleh bermakna "menerangi" atau "menyinari", boleh juga bermakna "bercermin" atau "mencermi". Di sini yang diambil adalah makna kata kerjanya "bercermin", bukan kata namanya "cermin".

No. 472, kata Melayunya mestinya "dekat", huruf Cina yang berbunyi "an ping" mendekati bunyi kata "hampir", "samping" atau "damping" yang semuanya mengandung makna "berdekatan".

No. 474, kata Cina "分" itu adalah satu ukuran berat di bawah tahlil. Huruf Cina yang berbunyi "si kun te li" itu jelas ditujukan untuk mengeja kata Melayu "(se)kenderi" yang dipakai untuk mengukur berat emas.

No. 475, kata Melayunya adalah "tahlil", maka huruf Cina yang berbunyi "si ta yin" itu rupanya ditujukan untuk mengeja kata "(se)tahlil".

No. 478, kata Melayunya mestilah "tidak berani", di sini mengapa boleh menjadi "ampun"? Mungkin itu yang hanya dipakai dalam ucapan antara bawahan terhadap atasan atau hamba raja terhadap raja seperti "ampun tuanku" yang tidak bererti betul-betul minta ampun atas sesuatu kesalahan.

No. 479, kata Cinanya bermakna "tidak boleh" atau "tidak dibolehkan". Huruf Cina yang berbunyi "ti ta" itu kata Melayunya ialah "tidak", yang dalam konteks tertentu boleh bererti "tidak boleh".

No. 480, kata Cinanya bermakna "tidak dikabulkan". Halnya sama dengan no. 479.

No. 482, kata Cinanya bermakna "yang kecil", untuk orang boleh juga diertikan "yang muda".

Demikianlah kalau dilihat dari kaca mata sekarang atau menurut teori leksikografi sekarang, *Man La Jia Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Melaka) itu sebagai suatu kamus dwibahasa memang banyak masalahnya, sama ada dalam kebahasaannya mahupun dalam kaedah penyusunannya. Namun begitu, kalau kita ingat bahawa itu adalah kamus Cina-Melayu yang pertama kali disusun pada 500 tahun lebih yang lalu oleh orang Cina yang jauh dari Alam Melayu, maka kita tidak boleh hanya menilainya dari segi leksikografi semata-mata, kerana kehadirannya sahaja sudah merupakan suatu peristiwa sejarah yang mempunyai makna penting. Sebagaimana yang telah dikatakan, lahirnya *Man La Jia Guo Yi Yu* itu bukanlah secara kebetulan, melainkan suatu kemestian zaman di mana bahasa Melayu sudah dialu-alukan untuk tampil ke muka ikut memainkan peranan dalam memperlancarkan hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka yang semakin erat dan akrab dari semasa ke semasa. Memang begitulah lahirnya kamus itu, dan ia segera memainkan peranan penting dalam "memperlancar ufti" dan berutus-utusan dengan Empayar Melaka. Itu sedikit sebanyak telah dibahas di atas dengan mengemukakan beberapa contoh, di sini

elok juga kita kemukakan lagi suatu contoh yang sangat tipikal setelah memeriksa isi kandungannya.

Adapun menurut peraturan protokol istana Dinasti Ming, para utusan luar negeri yang hendak menghadap kaisar untuk mempersembahkan ufti haruslah mengikuti suatu proses yang sudah dikuatkuasakan, iaitu mereka berkumpul dahulu di luar pintu gerbang istana, apabila tiba saatnya maka semua orang berbaris secara teratur, lalu berduyun-duyun melangkah berderap-derap ke jalan diraja, iaitu jalan yang di tengah-tengah yang lurus menuju balairung. Apabila tiba di balairung, maka semua orang bersama-sama menyembah tiga kali ke arah kaisar dan baru boleh bangun apabila kaisar mengucapkan "bangun berdiri". Setelah selesai upacara persembahan, maka kaisar pun memberi anugerah kepada masing-masing dan semua orang mengucapkan terima kasih atas penganugerahan kaisar, lalu dibimbing oleh pegawai istana pergi mengambil anugerah kaisar. Kemudian semua orang bersama lagi menyembah kaisar dengan mengucapkan kata pujian "tahun selaksa". Selepas itu kaisar mengadakan majlis santapan untuk meraikannya. Kalau kita periksa kata-kata apa sahaja yang dimasukkan ke dalam kategori IX peri kelakuan dari no. 326 hingga no. 340, maka akan nampak bahawa hampir semuanya adalah perkataan-perkataan yang harus digunakan dalam seluruh proses upacara persembahan tersebut dari mula hingga akhir. Perkataan Cina "万岁" yang bermakna "panjang umur" itu penting sekali bagi orang yang menghadap kaisar, biasanya diucapkan untuk menyebut kaisar atau menjunjung titah kaisar, kerana dalam bahasa Melayu tiada perkataan yang seimbang, maka diterjemahkan secara harfiah menjadi "tahun selaksa". Fakta ini dengan jelas memperlihatkan betapa *Man La Jia Guo Yi Yu* itu secara langsung digunakan untuk amalan dan keperluan di kalangan pegawai kerajaan dan istana Dinasti Ming.

Kesimpulan

Kalau ditilik dari segi leksikografi, sebuah kamus dwibahasa tidak perlu dikaitkan dengan situasi politik atau keadaan hubungan rasmi antara dua bangsa yang berkepentingan. Tetapi kamus dwibahasa yang disusun dalam rangka *Ge Guo Yi Yu* (Senarai Perkataan Berbagai Negeri) agak istimewa. Kelahirannya memang untuk memenuhi keperluan politik luar Dinasti Ming dan mempergiatkan hubungan Dinasti Ming dengan negeri asing. Begitu juga *Man La Jia Guo Yi Yu*, dari isi kandungannya, selain daripada apa yang telah dihuraiakan di atas, secara tidak langsung kita dapat melihat bagaimana hakikatnya hubungan kedua kerajaan itu. Kalau pada masa itu hubungan antara Dinasti Ming dengan bangsa-

bangsa Mongol yang di utara masih sering tegang dan berlaku bentrokan atau peperangan sempadan, maka hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka selama seabad lebih itu boleh dikatakan selalu berlangsung dalam suasana persaudaraan yang akrab dan rukun damai, tidak pernah timbul perselisihan, apalagi bentrokan atau peperangan. Perbezaan hakikat itu sedikit sebanyak terbayang juga pada isi kandungan kamus dwibahasa yang bersangkutan. Misalnya dalam kamus dwibahasa *Bei Fu Yi Yu* (Senarai Perkataan Negeri Bei Fu) kita dapati banyak kata dan istilah yang berkenaan dengan alat-alat senjata dan peperangan. *Bei Fu* adalah salah satu puak daripada bangsa Mongol yang di utara, pasukan berkudanya sangat terkenal dan hebat, maka di dalam kamus itu nama-nama kuda sahaja tidak kurang dari dua puluh. Dilihat dari segi ini, isi kandungan daripada *Bei Fu Yi Yu* itu memang bersesuaian dengan keadaan hubungan antara Dinasti Ming dengan bangsa itu yang nampaknya masih sering tegang dan bentrokan. Lain sekali keadaannya kalau kita selidiki isi kandungan *Man La Jia Guo Yi Yu*. Bukanlah suatu kebetulan bahawa di dalamnya tidak didapati perkataan-perkataan yang biasa digunakan dalam berseteru, bertikai atau bermusuhan, juga perkataan-perkataan yang berkenaan dengan alat-alat senjata dan peperangan. Itu bukanlah kerana kelalaian si penyusun atau kerana kamus itu terlalu kecil sehingga tidak tertampung. Yang paling utama adalah kerana perkataan-perkataan itu tidak diperlukan dalam pergaulan antara sahabat yang karib, tulus ikhlas dan saling menghormati.

Man La Jia Guo Yi Yu walaupun sangat kecil dan sederhana, namun maknanya tidak boleh dipandang sangat kecil dan sederhana, masih banyak yang perlu diselami dan dibahas sama ada masalah kebahasaannya mahupun masalah pensejarahannya, agar kita boleh memberi penilaian yang lebih munasabah tentang makna kehadirannya dan peranan yang dimainkan pada abad kelima belas.

BAB 4

Falsafah Kemanusiaan di Sebalik Lembaran Sejarah Gemilang

Sejarah hubungan rasmi antara China dan Alam Melayu sudah berlangsung ribuan tahun lamanya. Dalam bahasa Melayu ada sebuah peribahasa yang berbunyi: "seperti pinggan dengan mangkuk, salah sedikit hendak berhantuk". Demikianlah seintim-intimnya suami dan isteri atau kaum kerabat semasa pun mungkin timbul perselisihan atau pertengkaran. Begitu juga halnya dalam hubungan antara dua bangsa atau negara yang bersahabat. Tetapi kalau kita selidiki sejarah hubungan China-Melayu, maka kita akan merasa kagum dan takjub sekali, kerana dalam masa sejarah yang begitu panjang hampir-hampir tidak terdapat perselisihan atau pertikaian, apalagi peperangan. Berlainan sekali kalau kita semak sejarah hubungan bangsa kita masing-masing dengan bangsa Barat misalnya. Halaman sejarahnya boleh dikatakan penuh dengan darah dan air mata. Sejarah tidak dapat dilupakan, sama ada yang indah, mesra dan gemilang atau yang buruk, bengis dan gelap. Kita bersyukur bahawa sejarah hubungan China-Melayu adalah indah, mesra dan gemilang, namun kita tidak cukup hanya membanggakannya sahaja. Kita harus mempelajarinya dan menyelam hingga ke dasarnya yang paling hakiki supaya kita ketahui apa yang menyokong gedung persahabatan yang kekal abadi itu, dan dapat menarik pelajaran dan iktibar daripadanya.

Dilihat dari sejarah memang banyak faktor penyebab baik atau buruknya hubungan antara dua bangsa atau negara, terutama yang paling menonjol adalah faktor politik dan ekonominya. Apabila terdapat kepentingan bersama dalam politik dan ekonomi, maka kelmarin masih musuh hari ini boleh menjadi sahabat, atau sebaliknya. Oleh itu sejarah hubungannya pun tidak menentu, sering melonjak-lonjak, semasa baik, semasa buruk dan sering berlaku pertikaian atau peperangan. "Tidak ada sahabat yang selamanya sahabat, juga tidak ada musuh yang selamanya musuh" itulah menurut pandangan pragmatisme. Tidak perlu dinafikan lagi bahawa faktor politik dan ekonomi adalah faktor yang penting sekali dan juga yang paling pragmatik, tetapi di samping itu apakah tidak ada faktor lain yang tidak kurang pentingnya dalam mengarahkan perjalanan sejarah? Apakah hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar

Melaka boleh berlangsung dengan akrab dan mesra sepanjang abad itu juga dilandaskan atas asas pragmatik? Itulah yang perlu dikaji secara mendalam agar dengan kemampuan akliah, kita dapat menghayati hakikat sejarah sehingga kita boleh mengambil iktibar yang berfaedah daripadanya untuk diteruskan dan dikembangkan dalam usaha pembinaan hubungan persahabatan China-Malaysia pada masa kini dan seterusnya. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa pandangan yang diilhami oleh sejarah hubungan persahabatan yang gemilang antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka.

Tentang Dasar dan Matlamat Politik Luar

Sejarah manusia memang penuh dengan bentrokan dan pertumpahan darah, bangsa dengan bangsa atau negara dengan negara jarang dapat hidup berdampingan dengan rukun dan damai dalam masa yang panjang, sekali-sekali terheret juga ke dalam kancah permusuhan dan peperangan yang membawa malapetaka besar kepada rakyatnya. Terutama pada masa Barat membentangkan sayap pengaruhnya ke Timur, kita lihat hubungan antara negeri-negeri Timur dengan negeri-negeri Barat selalu dalam keadaan tegang, penuh dengan konflik dan kemelut. Sama sekali lain keadaannya dengan hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka misalnya yang tidak pernah tegang dan tidak mengenal konflik dan kemelut. Apa sebabnya maka timbul perbezaan fakta sejarah itu, kiranya tidak cukup kalau hanya merujuk kepada faktor politik dan ekonomi yang pragmatik sahaja. Kita perlu menyelam sampai ke dasarnya, iaitu falsafah budayanya yang menjadi tapak peluncuran politik luarnya. Di sini baru kita dapati pangkal sebabnya yang hakiki.

Pada 2500 tahun yang lalu, pengasas falsafah budaya Cina yang agung Confucius telah meletakkan dasar falsafah yang menggariskan asas-asas yang harus dipatuhi dalam hubungan antara manusia dengan manusia. Dasar falsafah Confucius itu diungkapkan dalam satu kata Cina iaitu “仁” (Ren). Kata ini mengandungi makna yang luas dan dalam sekali. Dilihat dari pembentukan katanya ia terdiri daripada paduan dua kata, yang di sebelah kirinya kata “人” bermakna “orang”, yang di sebelah kanan kata “二” bermakna “dua”. Jadi yang hendak diungkapkan dengan kata “仁” itu ialah suatu gagasan yang menyangkut masalah hubungan antara seseorang dengan seseorang. Apa yang menjadi inti hakikat daripada kata “仁” itu, Confucius pernah memberi penjelasan, bahawa “仁” ialah “menyayangi manusia”, lalu ditegaskan bahawa “apa yang anda tidak suka, janganlah anda lakukan kepada orang lain” dan “kalau anda ingin tumbuh tumbuhkanlah orang lain, kalau anda ingin makmur makmurkanlah orang lain”. Maka kata

“仁” itu boleh merangkumi makna “berperikemanusiaan”, “rahman”, “pengasih”, “penyayang”, “peramah”, “penyabar”, “pemaaf”, “pemurah hati” dan sebagainya. Dengan dasar falsafah “仁” itu Confucius menentang egoisme yang hanya mementingkan diri sendiri, menentang segala perbuatan zalim dan ganas dalam hubungan manusia dengan manusia. Dengan dasar falsafah “仁” itu Confucius ingin mewujudkan rukun damai antara manusia dengan manusia. Maka dikatakannya, bahawa “rukun damai adalah pangkal kemuliaan” dan “insan di dalam empat samudera adalah bersaudara”. Dasar falsafah Confucius itu telah meresap ke dalam jiwa bangsa Cina turun-temurun. Oleh itu cinta damai dan menginginkan hidup rukun damai semua bangsa telah menjadi tradisi bangsa Cina sejak purbakala. Begitu juga halnya kita lihat, bahawa bangsa Melayu selalu berpegang pada pepatahnya, iaitu “musuh jangan diadang, selisih jangan dicari”, “dari banyak berseteru, baik banyak bersahabat”. Oleh itu, cinta damai dan menginginkan hidup rukun damai semua bangsa juga telah menjadi tradisi bangsa Melayu. Sebagaimana dikatakan peribahasa, “bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi”, demikianlah hubungan Dinasti Ming-Empayar Melaka boleh berlangsung berterusan dengan damai, rukun dan penuh rasa persaudaraan justeru kerana kedua pihak mempunyai hasrat yang sama, iaitu “hendak bersahabat dan berkasih-kasih”. Hasrat yang tercetus dari dasar falsafah yang bersamaan, maka dalam hubungannya yang selalu diutamakan adalah persahabatan dan perdamaian.

China pada zaman Dinasti Ming pernah menjadi kuasa besar di dunia. Kaisar Dinasti Ming pernah tujuh kali mengirimkan Laksamana Zheng He dengan armadanya yang terbesar di dunia untuk melakukan lawatan muhibbah ke Alam Melayu dan Lautan India. Ketika itu armada Laksamana Zheng He terdiri daripada ratusan kapal terbesar (kapal Zheng He yang disebut “Bao Chuan” panjangnya 400 kaki, sedangkan kapal Columbus yang bernama “Santa Maria” panjangnya baru 85 kaki) dan puluhan ribu askar (tiap kali melawat jumlah askarnya mencapai 27,000 - 28,000 orang, ada yang mengatakan pernah mencapai 37,000 orang). Namun kekuatan yang dahsyat itu tidak pernah digunakan untuk merampas kekayaan bangsa lain dan mencerooboh negeri lain, melainkan digunakan untuk membersihkan jalan laut dari lanun, memelihara keadilan dan ketenteraman demi menjamin kelancaran hubungan persahabatan dan perniagaan antarabangsa. Kemudian datanglah armada Barat. Apa yang dilakukannya sama sekali berlainan. Itu telah sama-sama kita alami dan rasakan. Semenjak Melaka dirampas oleh Portugis, Alam Melayu pun setapak demi setapak dilulur dan dijadikan tanah jajahan Barat. Dan China pun semenjak Perang Candu (1840) beransur-ansur dirosakkan oleh Barat sehingga menjadi “pesakit di Asia Timur”. Kita dipaksa menerima perjanjian pincang yang menjejaskan

kedaulatan negara kita, dipaksakan untuk mengikat hubungan yang bukan berlandaskan persamaan hak dan keadilan tetapi yang hanya menguntungkan satu pihak dengan merugikan pihak yang lain. Hubungan seumpama itu sudah tentu bukan hubungan persahabatan yang rukun, damai dan mesra, suatu hari pasti akan dibatalkan sebab pihak yang tertindas dan yang dirugikan pasti akan bangkit melawan untuk mengubah nasib buruknya. Itulah sebabnya maka hubungan antara bangsa-bangsa Timur yang tertindas dan terjajah dengan bangsa-bangsa Barat yang menindas dan menjajah selalu tegang, risau dan sering berlumuran darah.

Zaman beralih, musim bertukar, sekarang kedua-dua bangsa yang sudah lama tertindas dan terjajah itu telah berjaya memulihkan kedaulatannya masing-masing dan sedang giat membangun negara untuk memulihkan kegemilangan sejarahnya dan mara menuju keawasannya yang cemerlang pada abad kedua puluh satu. Pada tahun 1974 antara Republik Rakyat China dengan negara Malaysia secara rasmi telah dibuka semula hubungan diplomatik. Apakah mungkin sejarah hubungan persahabatan yang telah mencapai kegemilangannya pada zaman Dinasti Ming dan Empayar Melaka itu boleh diteruskan lagi dan dikembangkan lebih lanjut dalam keadaan dan percaturan politik pada zaman moden ini? Di sini yang menentukan adalah apa yang dijadikan asas dan matlamat daripada politik luar masing-masing. Dilihat dari kenyataan dan perkembangannya, maka kita yakin bahawa jawapannya adalah positif, sebab kedua-dua negara telah mengambil iktibar dari sejarahnya dan mengisytiharkan bahawa persahabatan dan perdamaian adalah asas dan matlamat politik luar masing-masing. Ini bermakna bahawa kedua-dua negara meneruskan lagi dan mengembangkan lebih lanjut tradisi persahabatan yang bertapak pada falsafah budaya masing-masing.

Persamaan Hak dan Saling Menghormati

Sejarah telah mengajar bahawa hubungan persahabatan tidak mungkin dibina atas dasar perjanjian pincang yang hanya menguntungkan satu pihak dengan merugikan pihak lainnya. Pada zaman feudal hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka, walaupun secara nominal dan lahiriah merupakan "hubungan ufti", namun pada hakikatnya dan dalam praktiknya hubungan itu tetap diletakkan atas dasar persamaan hak dan saling menghormati. Itu telah dibuktikan oleh sejarah, kerana kalau bukan begitu, hubungan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka tidak mungkin menjadi begitu erat, akrab dan mesra sepanjang abad. Persahabatan yang jati mesti lahir dari ketulus-ikhlasan kedua-dua

belah pihak yang berkedudukan sama. Antara yang menindas dengan yang tertindas tidak mungkin lahir persahabatan sebab kedudukannya tidak sama. Persamaan hak tidak terpisahkan dari saling menghormati, pertama saling menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah masing-masing, lalu saling tidak menyerang dan saling tidak mencampuri urusan dalam negeri. Itulah yang kita saksikan apa yang telah berlaku dalam sejarah hubungan persahabatan yang mesra antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka. Sekarang pemimpin dari kedua-dua negara lebih menekankan lagi pentingnya prinsip persamaan hak dan saling menghormati itu dalam membina hubungan antarabangsa. Malaysia berharap bahawa “abad ke-21 adalah abad kekayaan global yang berlandaskan kerjasama, tanpa penekanan mana-mana pihak, lebih asli, saling menyayangi dan menghormati”. China pun menegaskan sikapnya bahawa “segala perbuatan yang mencabuli prinsip persamaan hak dan saling menghormati, dengan sewenang-wenang mencampuri urusan dalam negeri orang lain, melakukan perluasan wilayah dan menuntut hegemoni, akhirnya pasti tidak terhindarkan dari kegagalan”. Pendirian dan sikap yang sama ini tentu akan mempererat hubungan persahabatan antara kedua negara dan akan sama-sama memberi sumbangan besar kepada usaha menubuhkan orde baru dalam hubungan antarabangsa.

Saling Menguntungkan dan Saling Melengkapi

Persahabatan yang sejati harus diletakkan atas dasar persamaan hak dan saling menghormati, itu sebagai landasannya bagi hubungan yang sihat antara dua bangsa atau negara. Akan tetapi setiap bangsa atau negara mesti berupaya membangun ekonominya dan meningkatkan taraf kehidupan rakyatnya. Maka hubungan persahabatan harus diikuti dengan kerjasama ekonomi dan pertukaran hasil produksi yang boleh memajukan ekonomi masing-masing. Sejarah membuktikan bahawa hanya persahabatan yang berlandaskan persamaan hak dan saling hormat-menghormati barulah dapat mewujudkan kerjasama ekonomi dan perniagaan yang saling menguntungkan dan melengkapi, dan kerjasama ekonomi dan perniagaan yang saling menguntungkan dan melengkapi itu akan mempererat dan memperakrab persahabatan itu. Itulah yang kita lihat apa yang telah berlaku pada zaman Empayar Melaka dan Dinasti Ming. Sungguhpun dalam bentuk rasminya semua itu berlangsung menerusi “hubungan ufti”, tetapi hasil yang dibuahkan tetap dinikmati bersama oleh kedua-dua pihak kerana tidak terbabas dari prinsip saling menguntungkan dan melengkapi. Itu sebenarnya wajar kalau disemak dari dasar falsafah budaya masing-masing. Di negeri China ajaran Confucius yang menentang egoisme dan

menekankan kemakmuran bersama sudah menjadi budaya. Kalau orang memberi, kita harus membalas, itu sudah menjadi adat tradisi bangsa Cina. Di Alam Melayu pun ada pepatah yang mengatakan, "orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa". Nyata itu menjadi adat kesopanan bangsa-bangsa Timur dalam pergaulan antara manusia dengan manusia, juga antara bangsa dengan bangsa. Dalam bab yang lalu telah diuraikan bagaimana berlangsungnya pertukaran ekonomi dan perniagaan antara Empayar Melaka dengan Dinasti Ming menerusi "persembahan ufti" itu. "Ada persembahan, ada kurnia", demikian kita lihat dalam sejarahnya. Tiap persembahan ufti mesti dibalas dengan penganugerahan kurnia, malah penganugerahan kurnianya kadangkala melebihi persembahan uftinya demi mempererat hubungan dan memperdalam rasa persaudaraan antara kedua-dua bangsa dan kerajaan. Di sini nampak bahawa prinsip persahabatan yang saling menguntungkan adalah bersesuaian dengan prinsip persahabatan yang saling menghormati, dan selalu berinteraksi antara satu sama lain. Hubungan yang pincang tentu tidak mungkin mewujudkan prinsip saling menguntungkan, kerana pihak yang kuat selalu ingin memakmurkan dirinya sahaja dengan merugikan pihak yang lemah. Itu telah sama-sama kita rasakan kepahitannya dalam sejarah lama di mana negara-negara Barat yang egoistis menggunakan segala kekuatannya untuk menekan dan memeras bangsa-bangsa Timur. Sekarang kita telah keluar dari bayangan gelap yang lama dan sedang menghadapi abad kekayaan global yang baru. Tetapi kita lihat di dunia sekarang masih amat sedikit persamaan hak dan terlalu banyak hegemoni di antara negara, terutama di antara negara yang maju dan kaya dengan negara yang sedang membangun dan miskin. Oleh itu, kita perlu mengambil iktibar dari sejarah kita, sama-sama menegakkan semula prinsip kerjasama antara-bangsa yang saling menguntungkan dan saling melengkapi, agar semua bangsa boleh mendapat keuntungan dan kemakmuran daripada globalisasi ekonomi yang sedang ditujui itu.

Keadilan dan Penyelesaian Persengketaan Secara Damai

Satu prinsip lagi yang dipertahankan oleh kerajaan Dinasti Ming ialah prinsip keadilan dan penyelesaian persengketaan secara damai. Hal itu terutamanya dapat disaksikan dari sikap, pendirian dan cara yang diambil kerajaan Dinasti Ming dalam menyelesaikan masalah yang timbul di antara negara-negara Asia Tenggara. Sikap dan pendiriannya selalu tegas, iaitu bersimpati dan berdiri pada pihak yang dijejaskan, tetapi dalam penyelesaiannya selalu mencari jalan damai tanpa menggunakan sebarang kekerasan. "Keadilan harus diletakkan di atas segala-galanya" demikian diajarkan oleh Confucius, dan "rukun damai

adalah pangkal kemuliaan". Keadilan selalu dikaitkan dengan perdamaian, kerana tanpa keadilan tidak mungkin ada perdamaian, dan keadilan tidak dapat ditegakkan dengan kekerasan. Begitu juga yang dinyatakan oleh peribahasa Melayu, iaitu "raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah", dapat diertikan bahawa hanya keadilan boleh mendatangkan perdamaian sebab didukung oleh semua orang, sedangkan kezaliman hanya akan mendatangkan kerusuhan sebab ditentang oleh semua orang. Jelaslah bahawa hubungan persahabatan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka, juga dengan negeri-negeri lainnya di Asia Tenggara dapat dipelihara terus dalam masa yang cukup panjang justeru disebabkan kerana prinsip ini diamalkan dengan baik. Oleh itu, prinsip ini pun perlu kita teruskan dan kembangkan dalam membina hubungan antarabangsa yang bersesuaian dengan kemajuan zaman moden ini. Kita harus bersikap adil terhadap semua bangsa dan negara, sama ada yang besar mahupun yang kecil tanpa mengira warna kulit dan kaya miskin. Kita menentang hegemoni dan penggunaan kekerasan dalam hubungan antarabangsa dan menganjurkan supaya segala persengketaan antarabangsa diselesaikan menerusi perundingan secara damai. Sejarah telah membuktikan dan akan terus membuktikan bahawa hanya dengan pendirian dan cara penyelesaian yang demikian barulah perdamaian dunia dan kerjasama antarabangsa dapat diwujudkan dan dipelihara terus.

Peranan Bahasa dan Budaya

Bahasa adalah alat untuk berkomunikasi dan alat untuk berfikir dan melahirkan buah fikiran. Tanpa bahasa tak mungkin berlaku komunikasi yang berkesan antara seseorang dengan seseorang, begitu juga antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Bahasa juga adalah alat pengantar budaya, tanpa bahasa juga sukar memahami budaya yang membina keperibadian sesuatu bangsa. Dilihat dari segi sejarah, sesuatu bangsa itu perlu mempelajari dan memahami bahasa dan budaya bangsa yang lain dan perlu menyusun kamus dwibahasanya, betapapun sederhananya, adalah suatu pertanda bahawa hubungan dan pergaulan antara dua bangsa yang berlainan bahasa dan budayanya itu telah mencapai suatu peringkat yang cukup tinggi di mana bahasa turut memainkan peranan kalau hendak membina hubungan yang lebih erat. "Kerana tak kenal maka tak cinta", demikian peribahasa Melayu. Sesungguhnya bahasa antara dua orang, juga antara dua bangsa, kalau hendak bersahabat dan berkasih-kasihan, mestilah saling berkenalan dan saling faham-memahami lebih dahulu, barulah mungkin wujud persahabatan yang sejati. Bagaimana dapat saling berkenalan dan saling faham-memahami kalau

tidak ada alat komunikasinya yang berkesan iaitu bahasa? Itulah agaknya yang sudah mulai disedari oleh kerajaan Dinasti Ming, maka pada awal abad kelima belas di negeri China untuk pertama kali ditubuhkan sebuah maktab bahasa asing yang dinamai "Si Yi Guan" sebagai lembaga pendidikan yang khas untuk memupuk tenaga-tenaga yang memahami bahasa asing termasuk bahasa Melayu. Bersamaan dengan itu, juga untuk pertama kali di negeri China diusahakan penyusunan kamus dwibahasa Cina-Melayu yang dinamai *Man La Jia Guo Yi Yu* untuk keperluan pembelajaran bahasa Melayu. Maka tidaklah keterlaluan kalau dikatakan bahawa hubungan persahabatan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka boleh mencapai kejayaan yang begitu gemilang dalam sejarah kedua-dua bangsa adalah kerana bahasa turut memainkan peranannya yang penting.

Tetapi sayang sekali bahawa hubungan persahabatan antara Dinasti Ming dengan Empayar Melaka yang erat, akrab dan mesra itu kemudian terkandas kerana Empayar Melaka dimusnahkan oleh Portugis dan negeri China pun kemudian terus menerus dicerobohi oleh negara-negara Barat, sehingga dalam suatu masa yang cukup panjang antara bangsa Cina dengan bangsa Melayu tidak ada hubungan rasmi lagi. Sebagai akibatnya bahasa Melayu pun hilang fungsi dan peranannya, seolah-olah tidak diperlukan lagi di negeri China, dan kamus dwibahasa Cina-Melayu yang pertama, iaitu *Man La Jia Guo Yi Yu* yang pernah beredar selama seabad lebih itu seolah-olah sudah lenyap dari ingatan orang Cina, jarang ada yang memperhatikannya lagi.

Habis gelap terbitlah terang. Sekarang hubungan persahabatan yang rasmi antara bangsa Cina dengan Melayu sudah dipulihkan dan sedang berkembang dengan pesatnyanya. Maka nampaklah bahawa bahasa Melayu telah balik memainkan peranannya yang aktif dan penting dalam memajukan hubungan itu. Oleh itu, tidaklah menghairankan kalau sekarang di negeri China perhatian masyarakat terhadap bahasa Melayu semakin besar dan orang yang berminat untuk belajar bahasa Melayu semakin bertambah ramai dari tahun ke tahun, kerana tenaga yang memahami bahasa Melayu semakin mendesak diperlukan. Begitu juga kita lihat di Malaysia, bahasa Cina semakin mendapat perhatian masyarakat dan orang yang berminat belajar bahasa Cina jumlahnya pun terus meningkat. Ini sekali lagi membuktikan bahawa semakin maju hubungan antara dua bangsa, semakin diperlukan peningkatan peranan bahasa kedua bangsa; dan semakin dikembangkan peranan bahasa dua bangsa, semakin dapat memajukan hubungan persahabatan kedua-dua bangsa itu.

Kalau pada masa dahulu kerana kenal dan saling faham memahami maka boleh saling sayang-menyayangi, maka pada masa sekarang ini dengan kesedaran yang lebih tinggi akan fungsi dan peranan bahasa dan

budaya, kita tentu dapat lebih memperdalam saling berkenalan dan saling faham-memahami itu sehingga saling sayang-menyayangi antara dua bangsa lebih berakar-umbi lagi di sanubari masing-masing. Dalam hubungan ini, selain bidang politik dan ekonomi, sudah sayugianya kita perlu memberi tumpuan dan galakan yang lebih banyak kepada bidang kebudayaan. Tepat seperti yang telah ditunjukkan bahawa antara China dan Malaysia masih banyak lagi perihal tentang budaya, tradisi dan sosial yang belum diketahui atau diterokai, maka kita perlu lebih giat lagi mempelajari dimensi ketiga ini. Lebih dalam saling mengetahui budaya, tradisi dan sosial masing-masing, lebih mudah tercapai saling faham-memahami antara satu sama lain, dan akan lebih menghunjam akar pohon persahabatan di lubuk hati masing-masing. Peribahasa Cina mengatakan, "tanam labu dapat labu, tanam kacang dapat kacang". Baiklah kita tanam lebih banyak benih persahabatan dengan rajin menyiangi rumput semak yang menghalangi pertumbuhannya, agar kita boleh memperolehi hasilnya yang lebih melimpah ruah.

Akhir kata, kalau nenek moyang kita telah berjaya mencatat rekod yang gemilang dalam sejarah hubungan persahabatan antara kedua bangsa, maka kita yang sanggup meneruskan dan mengembangkan tradisi yang baik itu tentu mampu mencatat rekod yang lebih gemilang lagi dalam sejarah kita. Kita akan berpegang dengan lebih teguh pada prinsip saling hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah masing-masing, saling tidak menyerang, saling tidak mencampuri urusan dalam negeri, saling menguntungkan atas persamaan hak dan hidup berdampingan secara damai, sama-sama mara dengan langkah yang lebih mantap menuju ke hari depan kehidupan yang lebih cemerlang.

Rujukan

Buku Sejarah dan buku bahasa Cina

- 汉，班固：〈汉书·地理志〉 (HAN SHU - DI LI ZHI)
晋，陈寿：〈三国志·吴志〉 (SHAN GUO ZHI - WU ZHI)
晋，法显：〈佛国记〉 (FU GUO JI)
北魏，酈道元：〈水经注〉 (SHUI JING ZHU)
刘宋，范晔：〈后汉书〉 (HOU HAN SHU)
唐，姚思廉：〈梁书〉 (LIANG SHU)
唐，李延寿：〈南史〉 (NAN SHI)
唐，魏徵：〈隋书〉 (SHUI SHU)
唐，杜佑：〈通典〉 (TONG DIAN)
唐，义净：〈大唐西域求法高僧传〉 (DA TANG XI YU QIU FA GAO
SENG ZHUAN)
唐，义净：〈南海寄归内法传〉 (NAN HAI JI GUI NEI FA ZHUAN)
唐，玄奘：〈大唐西域记〉 (DA TANG XI YU JI)
唐，欧阳询：〈艺文类聚〉 (YU WEN LEI JU)
后晋，刘昫：〈唐书〉 (TANG SHU)
宋，欧阳修：〈新唐书〉 (XIN TANG SHU)
宋，李昉：〈太平御览〉 (TAI PING YU LAN)
宋，李昉：〈太平广记〉 (TAI PING GUANG JI)
宋，赵彦且：〈云麓漫钞〉 (YUN LU MAN CHAO)
宋，陈元靓：〈岛夷杂志〉 (DAO YU ZHA ZHI)
宋，周去非：〈岭外代答〉 (LING WAI DAI DA)
宋，赵汝适：〈诸蕃志〉 (ZHU FAN ZHI)
宋，王钦若：〈册府元龟〉 (CHE FU YUAN GUI)
宋，马端临：〈文献通考〉 (WEN XIAN TONG KAO)
宋，郑樵：〈通志〉 (TONG ZHI)
宋，顾炎武：〈天下郡国利病书〉 (TIAN XIA JUN GUO LI BING SHU)
元，脱脱：〈宋史〉 (SONG SHI)
元，汪大渊：〈岛夷志略〉 (DAO YU ZHI LUE)
元，汪大渊：〈宋会要〉 (SONG HUI YAO)
明，宋，濂：〈元史〉 (YUAN SHI)
明，何乔远：〈名山藏王享记〉 (MING SHAN CHANG WANG
XIANG JI)

- 明，茅元仪：〈武备志〉
 明，茅瑞徵：〈皇明象胥录〉
 明，马欢：〈瀛涯胜览〉
 明，费信：〈星槎胜览〉
 明，张燮：〈东西洋考〉
 明，张燮：〈海图见闻录〉
 〈明史〉
 〈明实录〉
 〈明会典〉
 〈大明一统志〉
 〈殊域周咨录〉
 〈西洋朝贡典录〉
 明，王鸣鹤：〈登坛必究〉
 〈大明会编〉
 〈玄览堂丛书〉
 吕继祺：〈四译馆增订馆则〉

 王重载：〈四译馆考〉
 〈海语〉
 〈海录〉
 〈广东通志〉
 明，罗日裘：〈咸宾录〉
- (WU BEI ZHI)
 (HUANG MING XIANG XU LU)
 (YING YA SHENG LAN)
 (XING CHA SHENG LAN)
 (DONG XI YANG KAO)
 (HAI TU JIAN WEN LU)
 (MING SHI)
 (MING SHI LU)
 (MING HUI DIAN)
 (DA MING YI TONG ZHI)
 (SHU ZHOU CHI LU)
 (XI YANG CHAO GONG LU)
 (DENG TAN BI JIU)
 (DA MING HUI BIAN)
 (XUAN LAN TANG CHONG SHU)
 (SI YI GUAN ZHEN DING GUAN
 ZHE)
 (SI YI GUAN KAO)
 (HAI YU)
 (HAI LU)
 (GUANGDONG TONG ZHI)
 (XIAN BING LU)

- 冯承钧：〈诸蕃志校注〉，长沙商务印书馆，1940
 冯承钧：〈崑崙及南海古代航行考〉，上海商务印书馆，1930
 冯承钧：〈中国南海交通史〉，上海商务印书馆，1937
 何健民：〈中国南海古代交通丛考〉，上海商务印书馆，1936
 许云樵：〈南洋史年代表〉，新加坡世界书局，1960
 许云樵：〈马来亚史〉，新加坡青年书局，1961
 朱杰勤：〈中国古代海航杂考〉 〈小中外关系论文集〉，

Buku dan Rencana

- A. Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Edwards E.D. and C.O. Blagden. 1930-32. A Chinese Vocabulary of Malacca Malay Words and Phrases Collected between A. D. 1403 and 1511 (?). *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. London.
- Ismail Ambia dan Ismail Hussein. 1965. *Bendahara-Bendahara Melaka dan Hulubalang-Hulubalang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1957. Tun Seri Lanang dan Sejarah Melayu. *Mestika*, November.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T. Iskandar. 1965. Tun Seri Lanang Pengarang Sejarah Melayu. *Dewan Bahasa* jilid 8. Kuala Lumpur.
- Umar Junus. 1984. *Sejarah Melayu Menemukan Diri Kembali*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Wheatley, Paul. 1964. *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Yang Quee Yee. 1987. *Formal Form of the Chinese-Malay Dictionary*.
- _____. 1989. *Leksikografi Melayu dalam Masyarakat Tionghoa*. Papan Luncur.
- Zahrah Ibrahim. 1986. *Sastera Sejarah Interpretasi dan Penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Shariff dan Jamilah Haji Ahmad. 1992. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Indeks

- A Liu 73-74
Alam Melayu 15
Antonio Pigafetta 93
astronomi 95
- Ba Bai Guan 85-86
Ba Bai Xi Fu 86
bahasa peranan 136
bahasa Cina 94-95
bahasa Melayu 82, 92
Bai Yi Guan 85
Ba La Si 70
Bao Chuan 132
Bei Fu Yi Yu 129
Bei Lu 21
Binhsan 14
Blagden, C.O 92-93
Bo Fan 21
Bo Luo Sha Guo 23
Bo Yan 18
Brunei 73
budaya peranan 136
Buddha Hinayana 21
- Cau Pandan 59-60
Chang Jun 23-24
Cheng Zhu 82
Chen Jia You 70
Chen Jun 71
Chen Li 14
Chen Yue 72
China 132 *lih. juga* Dinasti Ming
China-Melayu
kamus 90
Chi Tu 23
Chi Tu Guo *lih.* Negeri Tanah Merah
Columbus 132
Confucius 132, 134-35
- Dan Dan 17-19
Da Tong Shi 83
- Deng Tan Bi Jiu 83-84
Devavarman 15
Di Po 57
Diao Bian 15
Dinasti Liang 18, 20, 22
Dinasti Liu Song 20, 22
Dinasti Ming
hubungan dengan Melaka 45, 63-76, 96
kaisar pertama 42
penubuhan 42
prinsip 135
Dinasti Qing 90
Dinasti Shui 22-25
Dinasti Tang 18, 20, 60, 82
Dinasti Yuan 42
Dong Xi Yang Kao 59, 79
Du Kun 14
Du Yuan 14, 17, 22
Duan Gu Ma La Shi Di 65
Duan Ma Mi 71
Duan Ma Gu Ling Ding 69
Duan Ya Ma La Di Na 70-72
Duan Ya Zhi 73-74
Dun Sun 17, 19-20
- Edwards, E.D 92-93
Empayar Melaka 82, 93, 96
lih. juga Melaka
Empayar Sriwijaya 82
- Fa Xian 21-22
Fan Yi Zha Zhi 89
Fe Xin 77, 79
Fu Gan Du Li 14
Fu Guo Ji 22
Fu Nan 21, 23
Fu Nan Yi Wu Zhi 116
- Gan Quan 65
Gao Chanag Guan 85
Ge Gou Yi Yu 91-98, 128
Geographica Syntaxis Ptolemy 17

- Guangdong Tong Zhi 56
 Guangzhou 22
 Guo Jun 89
- Han Shu - Di Li Zhi* 13, 15
 Hang Li Po 57
 Haratan 22
 He Ao 74-75
 He Luo Dan Guo 23
 Heine Geldern 15
 He Pu 14
 Hou Yong 73
 Hsu Yun-tsiao 16-20
 Huang Qian Heng 71-72
 Huang Zi 14
 Hua Yi Yi Yu 91, 94
 hubungan ufti 133-34
 Hui Da Chi Yu 89
 Hui Tong Si Yi Guan 90
 Huo Qi Bing 15
- Iskandar Syah *lih.* Parameswara
 Islam 77
- Javadvipa 15, 21-22
 Jia Gu wen 13
 Jia Bi Dan Mu 75
 Jiang Yi 47
 Jian Sheng 87
Jiu Tang Shu 20
 Ji Zhi Shi 89
 Ju Li 17
 Ju Yan 21
- Kamus dwibahasa
 Cina-Melayu 90-98
 Cina-Mongol 91, 97
 Itali-Melayu 93-94
 kamus pertama 94
 Kancipura 14
 Kang Tai 16, 18, 21
 kapal Kun-lun 22
 Kedah 23
 Kelantan 18
 Kerajaan Melayu pertama 52
 Ko Kwo Yi Yu 92
- Laksamana Zheng He 44
 Lang Ya Xiu 17-19
 Laut Pasang 17
 Li Ai 69
Liang Shu 17-19
- Li Fu Duo Sai 23
 Li Hao 72
 Li Long 67
 Lin Rong 71, 73
- Ma Huan 44, 77-79
 Ma Gui 69-70
 Maktab Bahasa Asing 82
 Ma Lai Mo 13
 Mahmud Syah 71
 Malaysia 133-34
Man La Jia Guo Yi Yu 92-98, 137
 Megat Iskandar Syah 55, 58, 67
 Melaka
 dalam Sejarah Melayu 79
 dirampas Feringgi 80, 93
 disebut Ge Luo Fu Sha 79
lih. juga Empayar Melaka
 Mian Dian Guan 85
 Mian Dian Guan Yi Yu 92, 97
 Ming Cheng Zhu 43-45, 91
 Ming Hui Dian 63, 80
Ming Shi 46, 54, 63
 Ming Shi Lu 54, 58-63
 Ming Tai Zhu
 Kaisar Pertama 42
 kamus dwibahasa 90-91
 Mo Jia Zhe La Zha Man Da Li 68
 Mongol 91
 Mo Zhe Na 68-69
 Myanmar 86
- Na La Di Pa Na 66
 Nayaka 25
 Negeri Tanah Merah 23-25
 Ne Hong 69
 Ni Zhen Guan 84
- Orsey de Flines 15
- Pan Pan 17, 20-21
 Parameswara
 hubungan dengan Ming 46-49
 kepala negeri 47
 mangkat 54-55, 65
 melawat China 58
 Parameswara Dewa Syah 55, 62-63, 68
 Peng Sheng 70
 Peng Wan Chun 74
 Perang Candu 90, 132
 persembahan ufti 48, 79-80, 85, 135
 Pi Zhong 14

- Po 16
 Portugis 93
 Prampuri 21
 Prome 14
 Pulau Beliton 22
 Pulau Pisang 14
- Qiu Dau Long 74-75
 Qu Du Kun 14, 17-18
 Qu Du quan 14
- Raden Pala 68
 Raja Besar Muda *lih.* Megat Iskandar Syah
 Raja Kasim 62
 Raja Kecil Besar *lih.* Seri Maharaja
 Raja Iskandar Zulkarnain 50
 Raja Mahmud Syah 73
 Raja Melaka
 lawatan ke China 54-55
 Raja Rokan 62
 Raja Suran 50
 Ratburi 14
 Re Nan 22
 Re Nan Zhangsai 14
 Republik Rakyat China 133
- Sai Di La Zhe 65
 Sampo Kong *lih.* laksamana Zheng He
 Sang Sapurba 51
 Santa Maria 132
Sejarah Dinasti Ming 47-48, 55-56
Sejarah Melayu 49-54, 56-57, 79
 Semenanjung Tanah Melayu 20-21, 25
 Seri Maharaja
 melawat China 55, 61-62, 67-68
 naik takhta 66
 Seri Nara Diraja 62
 Sha Li Wang La Zha 65
 Shi Mao 70
 Shi Po Si 43
 Shi Zhong Shi Lu 75-76
Shui Jing Zhu 17
Shui Shu 23, 25
 Shui Yang Di 22-23, 25
 Shu Yu Zhou Zu Lu 47
 Shun De 74
 Sian Luo Guan 85
 Sian Luo Guan Yi Yu 89, 92, 97
 Singora 23
 Si Ye Zhi Di 85
 Si Yi Guan 82-90, 137
 Si Yi Guan Zhen Ding Guan Zhe 84, 90
- Si Yi Guan Zhe* 87-88
 Sri Lanka 14
 Sultan Abu Syahid *lih.* Parameswara
 Dewa Syah
 Sultan Mahmud Syah 75
 Sultan Mansur Syah 52, 57, 70-71
 Sultan Muhammad Syah *lih.* Seri Maharaja
 Sultan Muzaffar Syah 63, 69
 Sun Quan 16
- Tahun Cheng Hua 72
 Tahun Hong Wu 42, 60
 Tahun Yong Le 43, 46
 Tahun Xuan De 61, 66
Tai Ping Yu Lan 17-19, 21
Tai Zhong Shi Lu 64
 Tanau Seri 14
 Tanasserim 14, 19
 Tatan Guan 84
 Tong Dian 18, 23
 Tong Shi 82, 88
 Tourane 14
 Tun Perpatih Putih 57
- Wang Jing Hong 66
 Wang Jun Zheng 23
 Wang Yong 73
 Wei Zhe Ran Na 72
 Wen Dan 68
 Wen Di 15, 22
 Wu Bao Chi Na 67
 Wu Sha 70
Wu Shi Wai Guo Zhuan 16
 Wu Ting 75
 Wu Zhong Shi Lu 73-75
- Xian Zhong Shi Lu 70, 72
 Xiao Tong Shi 83
 Xi Fan Guan 85
 Xi Li Sha La Zhan 64
 Xi Li Sha Ma La Zha 65
 Xi Tian Guan 85
Xin Tang Shu 20
 Xuan Zhong Shi Lu 67, 71
 Xu Ban 86
 Xu Wen 14
- Ya Ka La Jia Xin 64
 Yang Quee Yee 93, 96
 Ye Diao 15
 Yi Chen Bu 14
 Yi Lu She 14

Yi Si Ma 66

Yin Qing 45-46, 64

Ying Yu Shen Lan 44, 77-78

Ying Zhong, Kaisar 70

Ying Zhong Shi Lu 68-69

Yi Xie Lai Wen 89

Yu Tan 23

Zaman Dinasti-dinasti Selatan dan
Utara 22

Zaman Jin Timur 22

Zaman Yin 13

Zeng He, Laksamana 65-67, 77-79, 83, 93

Zhang Xie 79

Zheng Sheng 72

Zhang Zi 73

Zhu Bo 21

Zhuo Fu 72-73

Zhu Ying 16, 18